05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMBANGUNAN MODEL EMPAT DIMENSI PENGURUSAN BILIK DARJAH PRASEKOLAH BERASASKAN PENDIDIKAN ABAD KE-21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

NOOR AZMAN BIN HANIF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMBANGUNAN MODEL EMPAT DIMENSI PENGURUSAN BILIK DARJAH PRASEKOLAH BERASASKAN PENDIDIKAN ABAD KE-21

NOOR AZMAN BIN HANIF

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)

Kertas Projek	
Sarjana Penyelidikan	
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus	
Doktor Falsafah	√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 6 April 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, **NOOR AZMAN BIN HANIF, P20141000012, PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **PEMBANGUNAN MODEL EMPAT DIMENSI PENGURUSAN BILIK DARJAH PRASEKOLAH BERASASKAN PENDIDIKAN ABAD KE 21** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

_____
Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR MADYA DR. MAZLINA BT CHE MUSTAFA** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMBANGUNAN MODEL EMPAT DIMENSI PENGURUSAN BILIK DARJAH PRASEKOLAH BERASASKAN PENDIDIKAN ABAD KE 21** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)**.

_____ _____
Tarikh Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: PEMBANGUNAN MODEL EMPAT DIMENSI PENGURUSAN BILIK DARJAH PRASEKOLAH BERASASKAN PENDIDIKAN ABAD KE 21

No. Matrik /*Matric's No.*: P20141000012

Saya / *I* : NOOR AZMAN BIN HANIF

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*
☑	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah kerana dengan keizinan dan rahmatnya dapat saya menyiapkan tesis ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Awal Kanak-Kanak). Rasa penghargaan tidak terhingga dititipkan khas buat Profesor Madya Dr. Mazlina Che Mustafa selaku penyelia utama yang tidak pernah jemu membimbing dan menyokong saya sepanjang tempoh saya di bawah seliaan beliau. Tanpa tunjuk ajar dan sokongan beliau, penulisan ini pastinya tidak akan dapat saya hasilkan dengan sempurna. Sekalung penghargaan juga turut ditujukan buat Dr. Mahani Razali (mantan penyelia utama), segala bimbingan dan buah fikiran dalam membantu saya menyiapkan tesis ini diperingkat awal. Sesungguhnya segala budi baik kalian semua hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalasnya.

Saya turut merakamkan rasa penghargaan kepada semua panel-penel pakar dari Universiti Awam, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Jemaah Nazir Sekolah, Pewagai Prasekolah Bahagian Perkembangan Kurikulum, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Ketua Unit Prasekolah Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pegawai-pegawai Prasekolah Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah di negeri Perak, Guru Besar prasekolah di daerah Kinta Utara, Larut Matang dan Selama dan Kuala Kangsar, guru-guru prasekolah yang sudi menjadi reponden kajian serta semua pihak yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini.

Teristimewa buat orang yang disayangi ayahanda Hanif bin Jantan dan bonda Esah binti Talib yang telah bersusah payah membesarkan dan mendoakan kejayaan saya, terima kasih atas segalanya. Semoga emak dan abah sentiasa dilimpahi rahmat berkekalan dari Allah s.w.t di dunia dan di akhirat. Rahmat Allah s.w.t juga didoakan buat ibu bapa mertua, ayahanda Sulaiman bin Sohud serta bonda Hawa binti Ali di Mersing, Johor. Terima kasih atas segala sokongan moral abah dan emak dalam usaha murni meneruskan perjuangan saya ini. Khas buat isteri tercinta Emilia binti Sulaiman, sesungguhnya segala doa restu, kasih sayang, pengorbanan serta penat lelahmu hanya Allah s.w.t jua yang mampu membalasnya. Istimewa juga buat anak-anak tersayang Muhammad Afiq Naqiuddin dan Muhammad Haziq Hafizuddin, kejayaan ini adalah untuk kalian. Papa panjatkan doa berpanjangan agar kalian sentiasa menjadi insan yang soleh dan menjadi kebanggaan ummah di dunia dan di akhirat. Sekian, terima kasih

NOOR AZMAN BIN HANIF
IPOH, PERAK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Model Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Pendidikan Abad ke 21. Empat dimensi pengurusan tersebut adalah persekitaran fizikal bilik darjah, perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti, interaksi dan tingkah laku kanak-kanak. Pengetahuan dan kemahiran mengurus persekitaran pembelajaran abad ke 21 menjadi keperluan kepada guru prasekolah dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan. Oleh itu, satu model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 yang lebih spesifik dan berfokus perlu dibangunkan. Sehubungan itu, pendekatan penyelidikan rekabentuk dan pembangunan dipilih untuk membangunkan model yang melibatkan tiga fasa dan setiap fasa menggunakan kaedah yang berbeza. Fasa analisis keperluan menggunakan kaedah temu bual berstruktur melibatkan enam responden dalam kalangan guru prasekolah. Seterusnya fasa rekabentuk dan pembangunan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi melibatkan kesepakatan 12 pakar untuk membangunkan model prototaip. Manakala fasa penilaian kebolehgunaan menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan 30 responden dalam kalangan pengguna model menilai kebolehgunaan model prototaip yang telah dibangunkan. Dapatan temu bual yang dianalisis mengikut tema menunjukkan kesemua responden memerlukan satu panduan atau model mengurus bilik darjah prasekolah. Hasil kesepakatan pakar kaedah Fuzzy Delphi, kesemua item model diterima kerana memperolehi peratus kesepakatan pakar melebihi 75 peratus dan memperolehi skor fuzzy melebihi α-cut = 0.5. Hasil kesepakatan pakar telah menghasilkan satu model prototaip pengurusan bilik darjah prasekolah. Seterusnya, dapatan tinjauan penilaian kebolehgunaan model prototaip mendapati peratus penilaian kesemua elemen melebihi 70 peratus dan model yang dibangunkan adalah sesuai digunakan. Kesimpulannya, pendekatan dan kaedah yang digunakan telah dapat menghasilkan Model Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Pendidikan Abad Ke 21. Model ini sesuai digunakan oleh guru prasekolah sebagai model panduan untuk menguruskan bilik darjah prasekolah dengan lebih berkesan. Implikasi kajian ini dapat meningkatkan tahap profesionalisme guru terhadap pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DEVELOPMENT OF FOUR DIMENSION MODEL OF PRESCHOOL CLASSROOM MANAGEMENT BASE ON THE 21ST CENTURY EDUCATION

ABSTRACT

The study aimed to develop the Four Dimensional Model of 21st Century Education-Based Preschool Classroom Management. The four dimensions of management are the physical environment of the classroom, planning and implementation of programmes/activities, interaction and behavior of children. The knowledge and skills of managing a 21st century learning environment is a necessity for preschool teachers in providing a more effective learning environment. Thus, a more specific and focused preschool classroom management model should be developed. Accordingly, the design and development research approach was chosen to develop models involving three phases and each phase utilised different methods. The needs analysis phase using structured interview methods involved six respondents among preschool teachers. Subsequently, the design and development phase using the Fuzzy Delphi method involved a team of 12 experts to develop the prototype model. Meanwhile, the usability assessment phase utilised the survey method involving 30 respondents among model users to assess the usability of the prototype model which had been developed. The interview findings analyzed by themes showed that all respondents required a guide or model to manage preschool classrooms. As a result of the experts' involvement for the Fuzzy Delphi method, all model items were accepted for acquiring a percentage of expert involvement exceeding 75 percent and earning a Fuzzy score above α-cut = 0.5. The result of the expert involvement produced a prototype model of preschool classroom management. Subsequently, the findings of the prototype model usability assessment found that the percentage of assessment of all elements exceeded 70 percent and the model developed was suitable for use. In conclusion, the approaches and methods used were able to produce the 21st Century Education-Based Preschool Classroom Management Model. This model was suitable for use by preschool teachers as a guide for managing preschool classrooms more effectively. The implications of this study would increase the level of teachers' professionalism towards the management of preschool classrooms based on 21st Century Education.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN KEASLIAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI SINGKATAN	xxi
SENARAI LAMPIRAN	xxiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	11
1.4	Rasional Kajian	16
1.5	Tujuan Kajian	19
1.6	Objektif Kajian	20

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7	Persoalan Kajian	20
1.8	Kerangka Konseptual kajian	22
1.9	Kepentingan Kajian	25
1.10	Batasan Kajian	26
1.11	Definasi Operasional	26
	1.11.1 Pendidikan Prasekolah	27
	1.11.2 Pengurusan Bilik Darjah	28
	1.11.3 Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik darjah	29
	1.11.4 Pengurusan perancangan Program dan Aktiviti	30
	1.11.5 Pengurusan Hubungan dan Interaksi	30
	1.11.6 Pengurusan Tingkah Laku Kanak-kanak	31
	1.11.7 Model	31
	1.11.8 Aspirasi Murid	33
1.12	Rumusan	36

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	37
2.2	Sejarah Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di Malaysia	38
	2.2.1 Sebelum Merdeka	38
	2.2.2 Selepas Merdeka	39
2.3	Pendidikan Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia	42
2.4	Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah	44
2.5	Dimensi Pengurusan Bilik Darjah	47
2.6	Model Pengurusan Bilik Darjah	48

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.1 Model *Assertive Discipline* 50

2.6.2 Model *Logical Consequences* / Model *Drekurs* 54

2.6.3 Model *Teacher Effectiveness Training* 57

2.6.4 Model *Engagement Classroom* 60

2.6.5 Perbandingan Model Pengurusan Bilik Darjah 61

2.7 Teori Kajian 66

2.7.1 Teori Pembelajaran 67

2.7.1.1 Teori Konstruktivisme 67

2.7.1.2 Teori Pembelajaran Dewey 69

2.7.1.3 Teori Howard Gardner 70

2.7.1.4 Teori Bandura 73

2.7.2 Teori Perkembangan 74

2.7.2.1 Teori Perkembangan Piaget 74

2.7.2.2 Teori Perkembangan Sosial Erik Erikson 75

2.7.2.3 Teori Lev Vygotsky 78

2.7.2.4 Teori Ekologi Bronfenbrenner 80

2.8 Model Kajian 82

2.8.1 Model Interaktif Analisis Data 83

2.8.2 Model ADDIE 85

2.8.3 Model CIPP 87

2.9 Amalan Bersesuaian Dengan Perkembangan Kanak-Kanak 91

2.10 Pendidikan Abad Ke 21 94

2.10.1 Pengajaran Berpusatkan Murid 95

2.10.2 Kolaboratif 95

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10.3 Pengurusan Bilik Darjah 96

2.10.4 Bilik Darjah Berpusatkan Murid 99

2.10.5 Persekitaran yang Kondusif 99

2.10.6 Peraturan Dan Prosedur Bilik Darjah 100

2.11 Kajian-kajian Lepas 104

2.12 Rumusan 122

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan 123

3.2 Metodologi Kajian 124

3.3 Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan 126

3.4 Fasa 1 : Fasa Analisis Keperluan 127

3.4.1 Kaedah Pengumpulan Data Analisis Keperluan 128

3.4.2 Temu Bual 128

3.4.3 Sampel Temu Bual 130

3.4.4 Proses Temu Bual 132

3.4.5 Persediaan Temu Bual 132

3.4.6 Limitasi Temu Bual 133

3.4.7 Kebolehpercayaan dan Keesahan data Temu Bual 134

3.4.8 Kajian Rintis 135

3.4.9 Mendokumentasikan Maklumat Temu Bual 137

3.4.10 Analisis Temu Bual 138

3.5 Fasa II : Fasa Rekabentuk dan Pembangunan Model 139

3.5.1 Kaedah Fuzzy Delphi 145

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2 Sampel Kajian Pakar Fuzzy Delphi 148

3.5.3 Instrumen Kajian Kaedah Fuzzy Delphi 150

3.5.4 Prosedur Kajian Kaedah Fuzzy Delphi 150

3.5.5 Analisis Data Kaedah Fuzzy Delphi 164

3.6 Fasa III : Penilaian Kebolehgunaan Model 166

3.6.1 Sampel Kajian 168

3.6.2 Instrumen Kajian 170

3.6.3 Prosedur Kajian 170

3.6.4 Analisis Data 171

3.7 Rumusan 172

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 176

4.2 Demografi Subjek Kajian 177

4.3 Dapatan Kajian Analisis Keperluan 179

4.3.1 Keperluan Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah 180

4.3.2 Keperluan Pengurusan Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti/Program 188

4.3.3 Keperluan Pengurusan Hubungan dan Interaksi 194

4.3.4 Keperluan Pengurusan Tingkah laku Kanak-kanak 200

4.3.5 Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian Analisis Keperluan 206

4.4 Dapatan Kajian Rekabentuk dan Pembangunan Model 211

4.4.1 Kesepakatan Pakar Terhadap Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah 217

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2 Kesepakatan Pakar Terhadap Pengurusan Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti/Program 221

4.4.3 Kesepakatan Pakar Terhadap Pengurusan Hubungan dan Interaksi 224

4.4.4 Kesepakatan Pakar Terhadap Pengurusan Tingkah laku Kanak-kanak 227

4.4.5 Rumusan Keseluruhan Kesepakatan Pakar Dapatan Kajian Rekabentuk dan Pembangunan Model 231

4.4.6 Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah 235

4.5 Dapatan Kajian Penilaian Kebolehgunaan Model 237

4.5.1 Profil Responden 239

4.5.2 Kesesuaian Komponen Utama Dalam Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah 242

4.5.3 Kesesuaian Elemen Bagi Setiap Komponen utama Dalam Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah 243

4.5.3.1 Elemen Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Prasekolah 243

4.5.3.2 Elemen Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti/Program 245

4.5.3.3 Elemen Perhubungan dan Interaksi 247

4.5.3.4 Elemen Pengurusan Tingkah Laku 249

4.5.4 Kebolehgunaan Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah 252

4.5.5 Rumusan Dapatan Kajian Penilaian Kebolehgunaan Model 254

4.6 Rumusan 255

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan 256

5.2 Ringkasan Kajian 258

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 261

5.3.1 Perbincangan Dapatan Analisis Keperluan 262

5.3.1.1 Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Prasekolah 267

5.3.1.2 Pengurusan Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti/Program 269

5.3.1.3 Pengurusan Hubungan dan Interaksi 271

5.3.1.4 Pengurusan Tingkah Laku 272

5.3.2 Perbincangan Dapatan Rekabentuk dan Pembangunan Model 275

5.3.2.1 Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Prasekolah 278

5.3.2.2 Pengurusan Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti/Program 280

5.3.2.3 Pengurusan Hubungan dan Interaksi 283

5.3.2.4 Pengurusan Tingkah Laku 286

5.3.3 Perbincangan Dapatan Penilaian Kebolehgunaan Model 288

5.3.3.1 Kesesuaian Komponen Utama Model 290

5.3.3.2 Kesesuaian Elemen Bagi Setiap Komponen Utama Model 290

5.3.3.3 Kebolehgunaan Model 292

5.4 Implikasi Kajian 294

5.4.1 Implikasi Kajian Terhadap Model 294

5.4.2 Implikasi Kajian Terhadap Teori 295

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.3 Implikasi Kajian Terhadap Metodologi 298

5.4.4 Implikasi Kajian Terhadap Praktikal 300

5.4.5 Implikasi Kajian Terhadap Cadangan Selanjutnya 302

5.5 Perbezaan dan Kekuatan Model 303

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan 305

5.7 Kesimpulan 306

RUJUKAN 308

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Empat matlamat pelajar yang tersilap	56
2.2	Perbandingan Model Pengurusan Bilik darjah	62
2.3	Rumusan pengurusan bilik darjah Pendidikan Abad ke 21	102
3.1	Pakar Fuzzy Delphi	149
3.2	Skala pemboleh ubah linguistik 7 mata (adaptasi dari Mohd Ridhuan, 2016)	159
3.3	Skala pemboleh ubah linguistik untuk melihat kesuaian item	160
3.4	Contoh nilai threshold (d) bagi 3 item dan 12 pakar (adaptasi dari Mohd Ridhuan, 2016)	161
3.5	Contoh peratusan kesepakatan pakar	161
3.6	Contoh nilai skor fuzzy (A)	162
3.7	Ringkasan fasa, objektif, persoalan kajian, kaedah, responden kajian dan hasil	173
4.1	Profil Guru Prasekolah	178
4.2	Analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam menguruskan ruang dan persekitaran yang selamat di bilik darjah prasekolah	180
4.3	Analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam menguruskan perabot di bilik darjah Prasekolah	183
4.4	Analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam penyediaan dan pengurusan pusat pembelajaran	185

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5	Analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam menguruskan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program	189
4.6	Analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam menyediakan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program yang menggalakkan kanak-kanak	191
4.7	Analisis temu bual keperluan pengurusan hubungan dan interaksi kanak-kanak dengan kanak-kanak	194
4.8	Analisis temu bual keperluan pengurusan hubungan dan interaksi kanak-kanak dengan guru	198
4.9	Analisis temu bual keperluan pengurusan tingkah laku kanak-kanak dengan mewujudkan peraturan	200
4.10	Analisis temu bual keperluan pengurusan tingkah laku dalam menguruskan disiplin kanak-kanak	203
4.11	Rumusan kod (pentafsiran) analisis keperluan pengurusan bilik darjah prasekolah	209
4.12	Item Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Prasekolah	212
4.13	Item Dimensi Pengurusan Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti/Program	214
4.14	Item Dimensi Pengurusan Hubungan Dan Interaksi	215
4.15	Item Dimensi Pengurusan Tingkah Laku Kanak-Kanak	216
4.16	Item-item untuk dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah	218
4.17	Nilai Threshold (d), Peratusan Konsensus Pakar, Defuzzification dan Ranking Item untuk dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah	219
4.18	Ranking Item untuk dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah mengikut keutamaan	221
4.19	Item-item untuk dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program	222
4.20	Nilai Threshold (d), Peratusan Konsensus Pakar, Defuzzification dan Ranking Item untuk dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program	223

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.21	Ranking Item untuk dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/ program mengikut keutamaan	224
4.22	Item-item untuk dimensi pengurusan hubungan dan interaksi	225
4.23	Nilai Threshold (d), Peratusan Konsensus Pakar, Defuzzification dan Ranking Item untuk dimensi pengurusan hubungan dan interaksi	226
4.24	Ranking Item untuk dimensi pengurusan hubungan dan interaksi mengikut keutamaan	227
4.25	Item-item untuk dimensi pengurusan tingkah laku	228
4.26	Nilai Threshold (d), Peratusan Konsensus Pakar, Defuzzification dan Ranking Item untuk dimensi pengurusan tingkah laku	229
4.27	Ranking Item untuk dimensi pengurusan tingkah laku mengikut keutamaan	230
4.28	Kesepakatan pakar terhadap dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah	232
4.29	Kesepakatan pakar terhadap dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program	233
4.30	Kesepakatan pakar terhadap dimensi pengurusan hubungan dan interaksi	234
4.31	Kesepakatan pakar terhadap dimensi pengurusan tingkah laku	235
4.32	Profil Responden	240
4.33	Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Komponen Utama dalam Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah	242
4.34	Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan elemen Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Prasekolah	244
4.35	Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Elemen Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti/Program	246
4.36	Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Elemen Hubungan Dan Interaksi	248

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.37	Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Elemen Pengurusan Tingkah Laku	250
4.38	Dapatan Data Penilaian Pandangan terhadap keseluruhan model	253

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teori Kajian	23
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	24
2.1	Teori Ekologi Bronfenbrenner	80
2.2	Model Interaktif Kompenan Analisis data yang menunjukkan aliran analisis data yang digunakan untuk menganalisis data dapatan kajian.	83
2.3	Model ADDIE (*Analysis-Design-Development-Implementation-Evaluation*)	86
2.4	Model Penilaian CIPP	88
2.5	Kerangka Konsep Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	94
3.1	Pembentukan model pengurusan bilik darjah prasekolah di peringkat pertama pengkaji merujuk kepada teori perkembangan	141
3.2	Pembentukan model pengurusan bilik darjah prasekolah di peringkat kedua pengkaji merujuk kepada teori pembelajaran	142
3.3	Pembentukan model pengurusan bilik darjah prasekolah di peringkat ketiga pengkaji merujuk kepada model pengurusan bilik darjah	143
3.4	Pembentukan model pengurusan bilik darjah prasekolah di peringkat keempat pengkaji merujuk kepada pengurusan bilik darjah Abad ke 21.	144
3.5	Carta alir prosedur pendekatan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) (adaptasi dari Mohd Ridhuan, 2016)	157

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6	Graf segi tiga min melawan nilai triangular	164
4.1	Model Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Pendidikan Abad Ke 21	237
5.1	Model Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Pendidikan Abad Ke 21	261

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
ABP	Amalan Bersesuaian Perkembangan
DAP	*Developmentally Appropriate Practices*
DDR	*Design and Development Research*
DEB	Dasar Ekonomi Baru
ECM	*Engagement Classroom Model*
FDM	*Fuzzy Delphi Method*
ICT	*Information and Communication Technology*
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
NAEYC	*The National Association for the Education of Young Children*
NGT	*Nominal Group Technique*
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
PdPc	pembelajaran dan pemudahcaraan
PERMATA	Program Pengasuhan Dan Pendidikan Awal Kanak-kanak
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPM	Pembantu Pengurusan Murid
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
R1	Responden 1
R2	Responden 2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R3	Responden 3
R4	Responden 4
R5	Responden 5
R6	Responden 6
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-Kanak
TADIKA	Taman Didikan Kanak-Kanak
TASKA	Taman Asuhan Kanak-Kanak
UNESCO	*UN Educational, Scientific and Cultural Organization*
UNICEF	*United Nations Children's Fund*
ZPD	Zon Perkembangan Proksimal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Protokol Temu Bual
B	Instrumen Kesesuaian Item
C	Instrumen Penilaian Kebolehgunaan
D	Pelantikan Pakar Penilai Kesesuaian Item
E	Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Pendidikan Abad ke 21 seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah merupakan proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan lima elemen iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti serta mengaplikasikan nilai murni dan etika (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Elemen komunikasi memberi maksud, interaksi berlaku antara guru dengan murid, murid dengan murid dan murid dengan bahan bagi menyampaikan ilmu yang difahami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan berkongsi pengetahuan. Melalui elemen kolaboratif pula, pembelajaran abad ke 21 dari aspek kerjasama dan muafakat berlaku antara guru dengan murid dan murid dengan murid secara aktif dan menyeluruh yang membolehkan berlakunya pertukaran idea dan pandangan. Selain itu, elemen pemikiran kritis pula ialah murid membuat pertimbangan yang wajar dengan alasan dan bukti yang munasabah melalui penerokaan pemikiran dalam menilai sesuatu idea secara logik dan rasional. Elemen kreativiti bermaksud berlaku proses penjanaan idea dalam menghasilkan inovasi bahan, aktiviti dan projek yang baharu, unik, berguna dan berkualiti. Dalam masa yang sama berlaku penerapan dan pemupukan nilai murni dan etika dalam pembentukan jati diri nasional mengikut acuan Malaysia.

Kesemua elemen tersebut terkandung dalam Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke 21 yang disediakan oleh Institut Aminuddin Baki pada tahun 2017. Ianya sebagai panduan kepada semua guru bermula dari prasekolah hingga menengah untuk memahami seterusnya dan melaksanakan kesemua elemen tersebut. Namun, panduan yang disediakan tidak spesifik dan khusus merujuk kepada prasekolah untuk dilaksanakan kepada kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Oleh yang demikian, perlu diwujudkan satu panduan yang berasaskan Pendidikan Abad ke 21 khusus untuk guru-guru prasekolah.

Persekitaran pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam memastikan proses pembelajaran abad ke 21 yang berpusatkan murid dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Kajian yang telah dijalankan oleh Che Nidzam et.al (2016) menunjukkan, persekitaran bilik darjah mempengaruhi sesi pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran akan berlaku dalam persekitaran bilik darjah yang diurus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan baik supaya dapat membantu guru melaksanakan elemen pembelajaran abad ke 21 melalui pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Persekitaran pembelajaran di bilik darjah yang baik memerlukan kemahiran pengurusan bilik darjah antaranya susun atur persekitaran fizikal, pergerakan dan pengurusan disiplin murid (James Ang, 2014).

Berikutan perubahan pembelajaran dalam Pendidikan Abad ke 21, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dikaji semula pada tahun 2016. Matlamat KSPK tersebut ialah bertujuan memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu selaras dengan Falsafah Pendidikan Malaysia dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matlamat, objektif dan kemahiran yang terkandung dalam KSPK dilihat selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk memastikan kanak-kanak lepasan prasekolah KPM menguasai kemahiran abad ke 21. KSPK juga ada menyentuh tentang persekitaran pembelajaran yang merujuk kepada suasana fizikal tempat dimana murid belajar dan guru mengajar. Oleh itu, bagi memastikan kemahiran yang terkandung dalam KSPK dapat dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah maka persekitaran pembelajaran di bilik darjah prasekolah perlu diberi perhatian oleh guru prasekolah supaya pelaksanaan aktiviti pembelajaran berlaku dalam bilik darjah prasekolah yang diurus mengikut keperluan pembelajaran abad ke 21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, berdasarkan hasrat Pendidikan Abad ke 21 melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, aspek persekitaran pembelajaran prasekolah perlu diberi perhatian yang khusus agar proses pembelajaran yang berpusatkan murid dapat dilaksanakan dalam bilik darjah prasekolah mengikut keperluan lima elemen pembelajaran abad ke-21. Oleh yang demikian, satu model sebagai panduan mengurus bilik darjah prasekolah yang berasaskan pendidikan abad ke-21 perlu diwujudkan. Panduan tersebut dilihat dapat membantu guru menguruskan bilik darjah prasekolah dan dapat melaksanakan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti serta nilai murni dan etika semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah dilancarkan pada 6 September 2013 oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pendidikan Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang bersifat holistik merupakan satu panduan kepada sistem pendidikan di Malaysia. Ia merupakan rancangan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan mutu dan kualiti sistem pendidikan di Malaysia.

Enam aspirasi murid dalam PPPM yang perlu dicapai dalam tempoh 13 tahun (2013-2025) iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. PPPM merupakan manifestasi transformasi kerajaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang paling besar dan menyeluruh bagi murid bermula dari prasekolah hingga ke pusat pengajian tinggi. Meningkatkan bimbingan dan sokongan kepada guru menjadi tumpuan dalam gelombang ke-2 PPPM (2016 – 2020) iaitu dengan melaksanakan penambahbaikan penyampaian pengetahuan, kemahiran, dan nilai merentasi semua aspek kurikulum dan kokurikulum.

Sebagai pengurus dan pendidik, guru prasekolah harus memahami peranan dan bersedia dalam menghadapi perubahan dalam tiga Gelombang Pendidikan PPPM 2013-2025. Ini kerana, perubahan yang akan memberi implikasi dalam setiap aspek program pendidikan yang dilaksanakan terutamanya program pendidikan prasekolah. Perubahan ini akan dapat meningkatkan kualiti modal insan guru prasekolah yang dihasilkan. Sehubungan itu, Pendidikan Abad ke 21 merupakan strategi Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mentrasformasikan proses pembelajaran yang berpusatkan murid. Pembelajaran ini berteraskan kepada lima elemen yang murid perlu kuasai dalam pembelajaran abad ke 21 iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti serta mengaplikasikan nilai murni dan etika. Sebagai pengurus dan pendidik, menjadi peranan dan tanggungjawab guru prasekolah memastikan hasrat yang terkandung dalam pendidikan abad ke-21 iaitu lima elemen tersebut dikuasai oleh murid prasekolah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah prasekolah. Bagi memastikan hasrat tersebut dipenuhi, guru prasekolah perlu merancang dan melaksanakan aktiviti atau program di prasekolah supaya kemahiran bagi elemen tersebut dikuasai oleh murid prasekolah dalam tempoh dua tahun murid berada di prasekolah.

Melalui perancangan dan pelaksanaan aktiviti, kemahiran interaksi dapat membantu murid menguasai elemen komunikasi iaitu interaksi yang berlaku antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru dengan murid, murid dengan murid dan murid dengan bahan. Dalam usaha mengukuhkan perpaduan, adalah penting bagi setiap murid berinteraksi dan belajar bersama-sama rakan sebaya dan guru daripada pelbagai etnik, agama, budaya dan latar belakang sosioekonomi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Selain itu, murid bekerjasama dan muafakat antara guru dengan murid dan murid dengan murid secara aktif dan menyeluruh dan murid membuat pertimbangan yang wajar dengan alasan dan bukti yang munasabah, menghasilkan inovasi bahan, aktiviti dan projek yang baharu, unik, berguna dan berkualiti serta penerapan dan pemupukan nilai murni dan etika dalam pembentukan jati diri nasional mengikut acuan Malaysia.

Menyedari akan hasrat PPPM (2013-2025), Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah disemak semula supaya kemahiran yang perlu dikuasai selaras dengan Pendidikan Abad ke 21. Peranan guru sebagai pengurus dan pendidik dalam Pendidikan Abad ke 21 berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan adalah untuk memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Peranan guru prasekolah sebagai pengurus dan pendidik adalah memastikan objektik KSPK tercapai dengan menyediakan peluang kepada murid berkomunikasi dengan berkesan, mengembangkan daya kreatif dan etetika, memperkembangkan konsep kendiri yang positif dan keyakinan serta mengaplikasikan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Sehubungan itu, objektif tersebut boleh dicapai dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyediakan peluang pembelajaran dalam persekitaran bilik darjah prasekolah yang diurus dengan baik.

Hasrat KSPK juga bertujuan melahirkan murid prasekolah yang mempunyai kemahiran abad ke 21. Kemahiran tersebut dinyatakan dalam profil murid antaranya kemahiran murid sebagai pemikir, murid mahir berkomunikasi, kerja sepasukan, bermaklumat, dan bersifat ingin tahu. Kemahiran abad ke 21 ini diterapkan melalui penguasaan standard kandungan dan standard pembelajaran dalam KSPK. Bagi memastikan kemahiran abad ke 21 dapat dikuasai melalui penguasaan standard kandungan dan standard pembelajaran, aspek persekitaran pembelajaran menjadi fokus KSPK. Persekitaran pembelajaran merujuk kepada suasana dan keadaan fizikal tempat dimana murid belajar dan guru mengajar atau kebiasaannya lebih dikenali sebagai bilik darjah prasekolah (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

KSPK mengharapkan guru prasekolah dapat memainkan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pengurus dan pendidik dengan memastikan persekitaran pembelajaran yang baik dapat disediakan serta persekitaran yang dapat menyumbang kepada pembelajaran yang berkesan, kawalan kelas yang terjamin, perhubungan guru-murid yang aktif dan keseronokan untuk murid belajar. Persekitaran pembelajaran yang baik adalah persekitaran yang mengambil kira keselamatan murid, susun atur kelas untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, menyediakan ruang pembelajaran, menyediakan perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan keperluan kurikulum, pembelajaran berpusatkan murid, belajar melalui bermain dan dalam masa yang sama nilai-nilai murni diberikan penekanan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun demikian, cabaran sebagai seorang guru prasekolah abad ke 21 dalam menghadapi suasana perkembangan pendidikan terkini masih perlu dilaksanakan penambahbaikan dan belum mencapai sepenuhnya hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, panduan pelaksanaan Pendidikan Abad ke 21 dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Persoalan yang timbul adalah, adakah guru-guru prasekolah yang terdiri daripada guru yang kelulusan sijil perguruan lepasan maktab perguruan (kumpulan terawal dalam prasekolah), kelulusan diploma perguruan yang juga lepasan maktab perguruan telah dilengkapkan dengan panduan dan kemahiran terbaharu khususnya dalam menyediakan persekitaran pembelajaran abad ke 21. Ini kerana, pendidikan masa kini bukan hanya untuk menghasilkan murid yang baik tetapi murid yang mempunyai kemahiran, pengetahuan, saling hormat-menghormati dan berfikiran terbuka dalam menghadapi sebarang perbezaan pendapat dan idea semasa melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran pembelajaran bilik darjah prasekolah.

Kemahiran dan pengetahuan mengenai pengurusan bilik darjah adalah penting kepada guru prasekolah untuk menyediakan persekitaran pembelajaran bilik darjah prasekolah terutamanya persekitaran pembelajaran abad ke 21. Dapatan kajian Hill, Rowan dan Ball (2015) mendapati, aspek kemahiran dan pengetahuan guru merupakan aspek yang lebih penting berbanding guru membuat persiapan mengajar. Selain itu, kurangnya ilmu pengetahuan tentang pengurusan kelas dan kurangnya kemahiran berkenaan pengurusan kelas menyebabkan guru gagal mengenal pasti masalah murid (Schonertreichl, 2017). Dapatan kajian yang dijalankan oleh Chong et al. (2017) berkaitan kemahiran dan pengetahuan guru menunjukkan, guru perlu melakukan pengurusan bilik darjah yang teratur kerana dapat memberi suasana ceria yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terkawal, bentuk susunan tempat duduk yang bersesuaian dan pembentukan kumpulan kecil dalam kalangan pelajar di dalam bilik darjah. Kajian yang dijalankan oleh Manning dan Bucher, (2013) juga telah membuktikan guru akan berhadapan dengan masalah kesukaran mengawal murid di dalam bilik darjah sekiranya guru tiada kemahiran pengurusan bilik darjah. Selain itu, terdapat juga guru prasekolah masih menghadapi masalah dalam melaksanakan aktiviti pengajaran yang bersesuaian dengan murid walaupun guru tersebut mempunyai pengetahuan dari segi penyediaan keperluan mengajar (Abdul Halim 2014).

Perbincangan di atas menunjukkan, guru prasekolah perlu dibantu dengan menyediakan panduan pengurusan persekitaran pembelajaran berasaskan perkembangan pendidikan terkini dalam menghadapi cabaran sebagai seorang guru prasekolah abad ke 21. Oleh itu, bagi membantu guru prasekolah dengan pengetahuan dan kemahiran pengurusan persekitaran pembelajaran Pendidikan Abad ke 21 adalah dengan mewujudkan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21. Empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah tersebut merangkumi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah, pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti, pengurusan interaksi dan pengurusan tingkah laku kanak-kanak.

Walaupun telah terdapat beberapa model pendidikan awal kanak-kanak yang sedia ada seperti Model Montessori, Model Head Start, dan Model Reggio Emilia namun model-model tersebut belum memberi tumpuan secara khusus terhadap pengurusan bilik darjah prasekolah. Model-model tersebut lebih memberi tumpuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap individu (kanak-kanak) dengan memberi penekanan dalam aspek potensi kanak-kanak, intelektual, sosial, emosi, kognitif, dan fizikal kanak-kanak.

Selain model, satu garis panduan pengurusan prasekolah telah diperkenalkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM sebagai panduan kepada guru prasekolah menguruskan prasekolah. Garis panduan tersebut meminta guru prasekolah menjadikannya sebagai panduan untuk urusan berkaitan pengurusan dan pentadbiran, pengurusan fail dan rekod, pengurusan kewangan, pengurusan aset alih, pengurusan kurikulum, Hal Ehwal murid, keselamatan, kebersihan dan keceriaan (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2018). Namun, garis panduan pengurusan prasekolah yang disediakan itu masih belum dapat membantu guru prasekolah secara khusus dan spesifik berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan tinjauan literatur, masih belum terdapat kajian pembangunan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah yang berasaskan Pendidikan Abad ke 21. Oleh yang demikian, kajian pembangunan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 adalah penting untuk dijalankan supaya satu model yang lebih spesifik dan berfokus terhadap dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah dapat disediakan. Adalah diharapkan, dengan adanya model tersebut akan dapat dijadikan panduan bagi menyokong dan meningkatkan pengetahuan guru prasekolah untuk menguruskan bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Pengurusan bilik darjah adalah penting bagi seseorang guru selain melaksanakan pengajaran dan menjalankan tanggungjawabnya mendidik murid. Bilik darjah yang diurus dengan baik dan sempurna boleh memberi kesan positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya guru gagal mengurus bilik darjah dengan berkesan, maka boleh menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya akan menjejaskan pencapaian objektif atau hasil pembelajaran yang ingin dicapai. Berikutan pelaksanaan Pendidikan Abad ke 21, dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dinyatakan dengan jelas, persekitaran pembelajaran yang baik dapat menyumbang kepada pembelajaran yang berkesan. Peranan guru prasekolah ialah menyedia dan mengurus tempat berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira ruang, perabot, peralatan dan bahan. Mewujudkan ruang pembelajaran dan melaksanakan susun atur bilik darjah. Persekitaran pembelajaran yang merupakan tempat berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran adalah penting dalam pendidikan prasekolah dan perlu dirancang oleh guru prasekolah supaya persekitaran pembelajaran yang kondusif dapat diwujudkan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Namun, persekitaran pembelajaran atau persekitaran bilik darjah yang disediakan oleh guru prasekolah hanya sekadar memenuhi kehendak KSPK tanpa merancang dan mengurusnya dengan baik supaya dapat menyumbang kepada pembelajaran yang berkesan. Implikasinya, walaupun KSPK memberi penekanan terhadap persekitaran pembelajaran di bilik darjah prasekolah masih terdapat guru prasekolah belum dapat menguruskan bilik darjah dengan baik. Kenyataan ini disokong

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh dapatan pemeriksaan Jemaah Nazir Sekolah (2010) yang menunjukkan, pusat pembelajaran yang diwujudkan sekadar menghiasi persekitaran bilik darjah prasekolah dan kurang membantu pengajaran dan pembelajaran (Jemaah Nazir Sekolah, 2010). Dapatan pemeriksaan Jemaah Nazir Sekolah juga mendapati, pengurusan dan penggunaan pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah tidak menyeluruh.

Kenyataan di atas disokong dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Che Nidzam et al. (2016) juga menunjukkan, persekitaran fizikal bilik darjah mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Pengaliran udara, pencahayaan, ruang pembelajaran, dan susunan perabot mempengaruhi nilai, tingkah laku, suasana pembelajaran serta penjanaan idea kanak-kanak. Dapatan pemeriksaan Jemaah Nazir Sekolah (2010) juga mendapati, penggunaan ruang di bilik darjah prasekolah terhad kerana guru tidak merancang untuk menggunakan pusat pembelajaran yang disediakan.

Guru prasekolah berperanan dan bertanggungjawab dalam merancang dan mewujudkan ruang atau pusat pembelajaran dan menggunakan pusat pembelajaran yang disediakan secara optimum oleh murid semasa melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Pusat pembelajaran yang disediakan dengan baik oleh guru berupaya memberikan keseronokan kepada murid belajar dan boleh menyumbang kepada pembelajaran yang berkesan. Namun, terdapat pengajaran guru dan pembelajaran murid kurang menggunakan pusat pembelajaran yang telah diwujudkan dalam bilik darjah prasekolah. Ini telah mengakibatkan penggunaan ruang atau pusat pembelajaran tidak digunakan secara optimum semasa pengajaran dan pembelajaran. Hal ini juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpunca daripada perancangan aktiviti yang tidak menyeluruh sebelum aktiviti dilaksanakan.

Dapatan pemeriksaan Jemaah Nazir Sekolah menyokong kenyataan tersebut iaitu perancangan dan penggunaan pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah belum menyeluruh dan hanya melibatkan ruang pembelajaran tertentu sahaja. Guru lebih kerap menggunakan pusat pembelajaran Bahasa dan Komunikasi manakala pusat pembelajaran lain merupakan pusat pembelajaran yang terendah dari segi penggunaannya (Jemaah Nazir Sekolah, 2009). Dapatan pemeriksaan Jemaah Nazir Sekolah (2010) juga mendapati, penggunaan ruang di bilik darjah prasekolah terhad kerana guru tidak merancang untuk menggunakan pusat pembelajaran yang disediakan. Penggunaan pusat pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran didapati lemah manakala penggunaan alat permainan luar bagi meningkatkan perkembangan motor kasar dan motor halus murid juga belum diberi penekanan (Jemaah Nazir Sekolah, 2010). Sehingga kini, masih belum menampakkan banyak penambahbaikan yang dilakukan. Implikasinya, kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia yang dinyatakan dalam KSPK belum dapat dipenuhi sepenuhnya oleh guru prasekolah. Mengikut KSPK, guru prasekolah bukan sahaja merancang tetapi memastikan penggunaan ruang pembelajaran dalam bilik darjah prasekolah dapat digunakan secara optimum.

Pengetahuan, kemahiran dan amalan merupakan aspek penting dalam memastikan guru prasekolah dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya untuk meningkatkan pencapaian murid prasekolah. Berdasarkan perkembangan terkini, pengetahuan dan kemahiran pembelajaran abad ke 21 juga perlu untuk guru prasekolah menyediakan persekitaran pembelajaran untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini kerana, kurangnya pengetahuan, kemahiran dan amalan guru yang mengajar kanak-kanak prasekolah dalam aspek menyedia dan juga menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah telah menyebabkan pengurusan dan penggunaan pusat pembelajaran adalah terhad (Putri Zabariah et al. 2006). Dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Manning dan Bucher, (2013) membuktikan jika guru yang kurang mempunyai kemahiran mengurus bilik darjah akan mengalami masalah serta kesukaran kepada guru untuk mengawal murid di dalam bilik darjah. Dapatan Kajian Antarabangsa Pengajaran Dan Pembelajaran pada 2013 membuktikan masalah kawalan murid merupakan masalah yang dihadapi oleh 25 peratus guru di Malaysia (Bahagian Pendidikan Guru, 2016).

Kurangnya pengetahuan dan kemahiran terutama dalam pengurusan persekitaran pembelajaran abad ke 21 telah memberikan implikasi kepada guru prasekolah dari segi kesukaran melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, mengawal tingkah laku murid dan interaksi dalam kalangan guru dan murid. Hal tersebut berlaku kerana, belum ada satu model secara khusus dan spesifik melibatkan pengurusan persekitaran pembelajaran bilik darjah prasekolah, pengurusan tingkah laku, interaksi serta perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang boleh dimanfaatkan oleh guru prasekolah sebagai panduan atau indikator bagi guru menyedia dan menguruskan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 supaya guru dapat mendidik kanak-kanak prasekolah dengan lebih berkesan. Kesan daripada itu, guru prasekolah belum dapat menyedia dan menguruskan persekitaran pembelajaran bilik darjah prasekolah secara menyeluruh yang benar-benar menepati perkembangan sebenar kanak-kanak dan membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, dengan membangunkan model yang memberi fokus empat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimensi pengurusan bilik darjah iaitu pengurusan persekitaran, pengurusan perancangan aktiviti, pengurusan interaksi dan pengurusan tingkah laku yang berasaskan Pendidikan Abad ke 21 akan dapat memberi pengetahuan dan kemahiran serta panduan mengurus bilik darjah kepada guru prasekolah dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka di bilik darjah prasekolah.

Walaupun terdapat kajian yang telah dijalankan, namun kajian yang telah dijalankan lebih memberi fokus kepada pengurusan disiplin dan pengurusan tingkah laku kanak-kanak (Erden, 2004; Hoffman, Hutchinson & Reiss, 2009; Dobbs-Oates, Kaderavek, Guo & Justice, 2011; Tillery, Varjas, Meyers & Collins, 2010; Jolivette & Steed, 2010; Martin & Sass, 2010). Terdapat beberapa kajian yang dijalankan di Malaysia memberi fokus kepada masalah tingkah laku kanak-kanak dan strategi bagi menguruskan tingkah laku kanak-kanak. Dapatan kajian yang dijalankan oleh (Ahmad & Abu Hanifah 2015) menunjukkan bahawa suasana pembelajaran yang kondusif dapat diwujudkan melalui pengurusan tingkah laku. Suasana pembelajaran akan dapat memaksimumkan penglibatan murid dalam proses pembelajaran serta meminimumkan tingkah laku murid yang bermasalah. Tiga aspek utama semasa murid berada dalam bilik darjah yang mempengaruhi masalah disiplin murid iaitu persekitaran bilik darjah, pengaruh luar, dan pengaruh guru (Sahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir, 2007).

Aspek pengurusan bilik darjah adalah satu topik yang "*multidimensional*" dan termasuklah topik-topik yang berkaitan kajian terhadap tingkah laku kanak-kanak, interaksi dan pembelajaran, dan guru-guru berkeupayaan untuk mencipta dan mengekalkan dimensi ini (Evertson & Weinstein, 2006). Masih terlalu kurang kajian yang dijalankan di Malaysia untuk melihat perhubungan keempat-empat dimensi yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikaji dengan pengurusan bilik darjah di prasekolah KPM. Selain itu, kajian yang dijalankan ini amat perlu bagi memenuhi jurang yang ada. Oleh yang demikian, melalui kajian yang dijalankan ini juga akan dapat melihat keselarasan antara kepercayaan dan amalan sebenar guru prasekolah berbanding pengetahuan sedia ada dalam menguruskan bilik darjah prasekolah yang berasaskan Pendidikan Abad ke 21.

Bagi memastikan bilik darjah prasekolah dapat disedia dan diuruskan secara lebih berkesan, satu model berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan perlu dibentuk. Pembentukan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 akan menambahkan pengetahuan kepada guru prasekolah supaya dapat menyedia dan menguruskan sendiri persekitaran pembelajaran bilik darjah prasekolah supaya lebih bermakna dan mampu memperkembangkan potensi kanak-kanak. Adalah menjadi harapan pengkaji supaya model yang dibentuk mampu memenuhi kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 - 2025) serta Pendidikan Abad ke 21 dan juga mengharapkan setiap murid mempunyai identiti nasional, beretika dan kerohanian, berkemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, berpengetahuan dan mempunyai kemahiran berfikir.

1.4 Rasional Kajian

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan satu Garis Panduan Pengurusan Prasekolah sebagai panduan kepada guru prasekolah menguruskan prasekolah. Namun, pengkaji berpendapat satu model yang lebih khusus dan spesifik berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah amat perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibangunkan kerana garis panduan pengurusan prasekolah tersebut tidak memberi fokus secara khusus terhadap pengurusan bilik darjah bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Jesteru, rasional kajian pembangunan model bilik darjah prasekolah ini dijalankan adalah untuk meninjau keperluan dan membangunkan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 yang lebih khusus kepada pengurusan bilik darjah prasekolah.

Rasional empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah dipilih dalam kajian pembangunan model pengurusan bilik darjah prasekolah ini adalah kerana masih belum terdapat model yang menggabungkan empat elemen pengurusan iaitu pengurusan persekitaran fizikal, aktiviti, interaksi dan tingkah laku kanak-kanak dalam menguruskan bilik darjah prasekolah yang lebih menekankan aspek pengajaran dan pembelajaran. Model-model yang sedia ada seperti Model Montessori, Head Start, dan Reggio Emilia tidak memberi tumpuan secara khusus terhadap pengurusan bilik darjah prasekolah. Model-model tersebut lebih memberi tumpuan terhadap individu yang menekankan aspek potensi kanak-kanak, intelektual, sosial, emosi, kognitif, dan fizikal kanak-kanak. Oleh yang demikian, dengan adanya model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibangunkan ini, guru prasekolah boleh menjadikannya sebagai panduan untuk menguruskan bilik darjah prasekolah bagi tujuan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Pembangunan model tersebut juga akan menyumbang kepada pengetahuan guru prasekolah supaya dapat menyedia dan menguruskan bilik darjah prasekolah dengan lebih bermakna dan mampu memperkembangkan potensi kanak-kanak prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian pembangunan model pengurusan bilik darjah prasekolah ini, model yang dibangunkan adalah berasaskan Pendidikan Abad ke 21. Rasional model yang dibangunkan berasaskan Pendidikan Abad ke 21 adalah kerana Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberikan penekanan terhadap Pendidikan Abad ke 21 melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang bermula dari prasekolah hingga menengah. Fokus Pendidikan Abad ke 21 adalah penguasaan murid terhadap empat kemahiran yang perlu dikuasai dalam pembelajaran abad ke 21 iaitu pemikiran kritis, komunikasi, kreativiti dan kolaboratif.

Aspek persekitaran pembelajaran dalam Pendidikan Abad ke 21 (PAK21) merupakan suatu sistem yang menyokong suasana pembelajaran dimana seseorang murid itu boleh belajar sebaik mungkin. Dengan kata lain, persekitaran pembelajaran adalah merupakan suatu struktur komunikasi yang memberi inspirasi kepada murid dan guru untuk memperolehi ilmu dan kemahiran yang harus dituntut dalam abad ke 21. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan model pengurusan bilik darjah prasekolah relevan dan selaras dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 maka pengkaji berpendapat model pengurusan bilik darjah prasekolah yang ingin dibangunkan seharusnya berasaskan ciri-ciri Pendidikan Abad ke 21.

Selain itu, kebanyakan kajian yang dijalankan lebih memberi fokus kepada kajian pengurusan bilik darjah di sekolah rendah dan menengah yang mana kajian tersebut memberi tumpuan kepada pengurusan disiplin dan pengurusan tingkah laku kanak-kanak (Erden, 2004; Hoffman, Hutchinson & Reiss, 2009; Dobbs-Oates, Kaderavek, Guo & Justice, 2011; Tillery, Varjas, Meyers & Collins, 2010; Jolivette & Steed, 2010; Martin & Sass, 2010). Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beberapa kajian yang dijalankan di Malaysia dan hanya memberi fokus kepada masalah tingkah laku kanak-kanak dan strategi bagi menguruskan tingkah laku kanak-kanak. Namun, masih belum ada kajian yang memberi fokus terhadap pengurusan bilik darjah prasekolah yang mengambilkira persekitaran, aktiviti, interaksi dan tingkahlaku kanak-kanak di prasekolah KPM bagi membantu guru prasekolah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, rasional kajian pembangunan model pengurusan bilik darjah prasekolah ini dijalankan adalah sangat penting bagi pengkaji agar dapat membangunkan satu model sebagai panduan khusus kepada guru prasekolah mengurus bilik darjah prasekolah selaras dengan kehendak Pendidikan Abad ke 21 iaitu terhadap persekitaran pembelajaran.

1.5 Tujuan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meninjau keperluan guru prasekolah berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah. Hasil daripada tinjauan keperluan, pengkaji akan merekabentuk dan membangunkan model yang dapat membantu guru mengurus bilik darjah prasekolah yang berasaskan kepada pengurusan persekitaran, perancangan aktiviti, hubungan interaksi dan tingkah laku. Empat dimensi utama tersebut yang menjadi fokus dalam model pengurusan bilik darjah yang akan dibangunkan oleh pengkaji iaitu :

1. Pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah,
2. Pengurusan perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti,
3. Pengurusan perhubungan dan interaksi,
4. Pengurusan tingkah laku kanak-kanak dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti keperluan model yang diperlukan oleh guru dalam menguruskan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21.
2. Membangunkan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21.
3. Menilai kebolehgunaan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21.

1.7 Persoalan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan tiga objektif kajian tersebut, pengkaji telah mengenal pasti sepuluh persoalan kajian yang perlu dijawab mengikut fasa dalam penyelidikan rekabentuk dan pembangunan selaras dengan objektif kajian. Persoalan kajian yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

Fasa I: Analisis Keperluan Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah

1.7.1 Mengenal pasti keperluan model yang diperlukan oleh guru dalam menguruskan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21.

1.7.1.1 Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah ?.

1.7.1.2 Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program ?.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.1.3 Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan hubungan dan interaksi ?.

1.7.1.4 Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan tingkah laku kanak-kanak ?.

Fasa II: Rekabentuk Dan Pembangunan Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Pendidikan Abad Ke-21

1.7.2 Membangunkan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21.

1.7.2.1 Apakah komponen utama model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 berdasarkan konsensus pakar ?.

1.7.2.2 Apakah elemen bagi komponen utama model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 berdasarkan konsensus pakar ?.

1.7.2.3 Apakah keutamaan elemen model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 berdasarkan konsensus pakar ?.

Fasa III: Penilaian Kebolehgunaan Model Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21.

1.7.3 Menilai kebolehgunaan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21.

1.7.3.1 Sejauh manakah pandangan guru prasekolah terhadap kesesuaian komponen utama dalam model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 yang dibangunkan ?.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3.2 Sejauh manakah pandangan guru prasekolah terhadap kesesuaian elemen bagi setiap komponen utama dalam model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 yang dibangunkan ?.

1.7.3.3 Sejauh manakah pandangan guru prasekolah terhadap keseluruhan kebolehgunaan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 yang dibangunkan ?.


1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Sesuatu penyelidikan yang ingin dijalankan menurut Mohd. Majid Konting (2000), hendaklah berdasarkan kepada sesuatu teori yang akan mendasari kerangka konseptual kajian. Selain itu, dengan adanya pemahaman terhadap teori akan memudahkan penyelidik melaksanakan penilaian dengan lebih objektif terhadap penyelidikannya. Oleh itu, dengan adanya teori tersebut akan dapat digunakan oleh penyelidik dalam usaha untuk melaksanakan penilaian dengan lebih bermakna, teratur, sesuai dengan bidang dan pengetahuan penyelidik (Mohd. Majid Konting, 2000). Sehubungan dengan itu, bagi tujuan kajian ini pengkaji telah mengenalpasti dua teori yang akan mendasari pembinaan model iaitu teori pembelajaran kanak-kanak dan teori perkembangan kanak-kanak. Selain itu, oleh kerana kajian yang dilaksanakan ini merupakan kajian pembangunan model maka model pengurusan bilik darjah juga akan mendasari kajian yang akan dijalankan ini seperti yang ditunjukkan pada kerangka teori kajian rajah 1.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Rajah 1.2 yang ditunjukkan, bagi memastikan model pengurusan bilik darjah prasekolah dapat dibangunkan, pengkaji akan merekabentuk dan membangunkan model tersebut menggunakan pendekatan Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan yang telah diperkenalkan oleh Richey dan Klein, (2007). Melalui pendekatan ini, model yang akan dibangunkan itu akan melalui tiga fasa kajian. Setelah melalui tiga fasa maka terbina komponen utama model yang mengandungi empat komponen dinamakan dimensi pengurusan. Empat dimensi tersebut dibina dengan mengambil kira elemen-elemen yang terkandung dalam Pendidikan Abad ke 21. Oleh itu, model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibangunkan akan mengandungi empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21.



Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan, model yang akan dibangunkan itu berupaya menyumbang kepada bidang ilmu berhubung dengan pengurusan bilik darjah prasekolah. Semoga model yang dibangunkan dapat dijadikan panduan atau indikator oleh pihak berkenaan dalam melaksanakan memantau terhadap pengurusan prasekolah. Pembentukan model ini menjadi pilihan pengkaji adalah hasil daripada permasalahan kajian dan pengalaman pengkaji sebagai pemeriksa prasekolah KPM. Masih belum terdapat model berkenaan pengurusan bilik darjah prasekolah KPM yang boleh dijadikan panduan kepada guru prasekolah, pihak pentadbir sekolah dan pengkaji sendiri dalam kerjayanya sebagai pemeriksa prasekolah KPM berkaitan penyediaan dan pengurusan bilik darjah yang hampir keseluruhannya mempengaruhi persekitaran bilik darjah prasekolah. Sekiranya kajian ini tidak dilaksanakan, guru prasekolah kebiasaannya akan menyedia dan menguruskan bilik darjah prasekolah mengikut kefahaman dan citarasa mereka sendiri tanpa berpandukan kesesuaian yang sepatutnya dilakukan.

Adalah diharapkan juga, keberkesanan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibangunkan ini akan dapat menarik minat pengkaji lain untuk menjadikan model yang dibangunkan sebagai sumber rujukan dalam melaksanakan kajian lanjutan yang memberi berfokus kepada keberkesanan model mengenai pengurusan bilik darjah prasekolah di bawah kelolaan KEMAS, Jabatan Perpaduan dan pihak swasta. Selain itu, adalah diharapkan juga dengan adanya model yang dibangunkan itu nanti boleh membantu mengenal pasti status prasekolah dari aspek kekuatan dan kelemahan supaya dapat menjadikan prasekolah KPM yang berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Batasan Kajian

Pelaksanaan kajian ini hanya terbatas kepada pengurusan prasekolah KPM di sekolah kebangsaan dalam negeri Perak dengan melibatkan guru prasekolah KPM yang sedang mengajar dalam daerah Hilir Perak, Kinta Utara, Kuala Kangsar dan Larut Matang dan Selama. Ini kerana, pengkaji mengambil kira dari segi masalah masa untuk melaksanakan kajian. Walau bagaimanapun, ia juga boleh diguna pakai di tempat lain berdasarkan persamaan yang ada pada guru dan prasekolah di bawah seliaan KPM.

Kajian ini dijalankan mengikut fasa iaitu fasa analisis keperluan, rekabentuk dan pembangunan serta fasa penilaian kebolehgunaan yang akan dilaksanakan dalam fasa akhir kajian ini. Analisis keperluan merupakan fasa pertama dengan menggunakan kaedah temu bual untuk melihat keperluan guru terhadap pengurusan bilik darjah prasekolah. Kajian ini akan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi dalam Fasa pembangunan model. Manakala fasa penilaian kebolehgunaan model diperolehi daripada sekumpulan pengguna model iaitu responden dalam kalangan guru-guru yang berpengalaman mengajar di prasekolah KPM.

1.11 Definasi Operasional

Dalam definisi operasional ini pengkaji akan membincangkan dan menerangkan konsep utama dalam kontek kajian yang akan dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.1 Pendidikan Prasekolah

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2003), pendidikan awal kanak-kanak yang juga merupakan pendidikan awal yang dilaksanakan di peringkat prasekolah di sekolah rendah menawarkan kepada kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun. Kanak-kanak dalam lingkungan umur tersebut di beri pendidikan awal di prasekolah adalah bagi menyuburkan potensi mereka dalam semua aspek perkembangan, memupuk sikap positif dan menguasai kemahiran asas sebagai persediaan bagi kanak-kanak tersebut memasuki ke alam persekolahan rendah arus perdana apabila berumur tujuh tahun. Pendidikan prasekolah juga di definisikan sebagai pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam persekolahan di peringkat sekolah rendah. Pengalaman yang diperolehi di prasekolah melalui aktiviti pembelajaran yang berkesan, menyeronokkan dan bermakna akan dapat menyediakan kanak-kanak dengan kemahiran keyakinan diri dan mempunyai sikap positif sebagai persediaan awal sebelum memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Pendidikan prasekolah yang memberi tumpuan kepada kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun seperti yang dihasratkan dan terkandung dalam KSPK adalah bertujuan memperkembangkan potensi setiap individu kanak-kanak tersebut secara bersepadu dan menyeluruh dalam aspek jasmani, intelek, emosi, rohani, dan sosial. Potensi kanak-kanak diperkembangkan dalam suasana persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan, melalui aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk membentuk konsep kendiri yang positif agar mereka bertanggungjawab dan bersedia untuk menghadapi cabaran, menanamkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keyakinan dan meningkatkan kemahiran diri kanak-kanak dalam persekitaran sedia ada seterusnya semasa kanak-kanak berada dalam aliran arus perdana di sekolah rendah kelak (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010).

Bagi tujuan kajian ini, prasekolah adalah pendidikan awal yang disediakan kepada kanak-kanak untuk mengikuti program pendidikan prasekolah menggunakan KSPK. Kanak-kanak yang berumur lima dan enam tahun di enam prasekolah KPM menjadi sasaran dan tempat pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat kajian.

1.11.2 Pengurusan Bilik Darjah

Istilah pengurusan bilik darjah merupakan satu bentuk pengurusan yang merangkumi aktiviti pembelajaran yang diawasi oleh guru semasa melaksanakan aktiviti pengajaran (Good & Brophy, 1991; Evertson & Weinstein, 2006). Aspek pengurusan ini merangkumi persekitaran fizikal, aktiviti atau program yang dirancang dan dilaksanakan, hubungan dan interaksi serta tingkah laku kanak-kanak (Carter & Doyle, 2006; Martin & Sass, 2010).

Bagi tujuan kajian ini, pengurusan bilik darjah prasekolah merujuk kepada pengurusan berkaitan pengurusan perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti, pengurusan tingkah laku yang berlaku dalam dan di luar bilik darjah, pengurusan perhubungan dan interaksi, serta persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah KPM. Pengkaji akan melihat dan mengenalpasti bagaimana guru prasekolah menyedia dan mengurus bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.3 Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah

Semua aspek yang dilaksanakan oleh guru mempunyai kaitan rapat dengan pengurusan bilik darjah seperti menyediakan pelajar dengan bahan-bahan yang sesuai dengan pembelajaran (Wong & Wong, 2005). Menurut Wong dan Wong (2005) lagi, penyediaan ruang, masa dan bahan-bahan yang sesuai supaya proses pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dalam suasana yang selesa. Selain itu, menurut Gestwicki (2011), penyediaan persekitaran yang responsive merangkumi penyediaan persekitaran fizikal bilik darjah. Selain itu, ianya juga merangkumi penyediaan ruang bilik darjah yang sesuai bagi menyokong perkembangan sosial dan interaksi kanak-kanak. Terdapatnya pusat pembelajaran yang bermakna dan dapat memberikan gambaran tentang minat sebenar kanak-kanak, mengalakkan kanak-kanak membuat penerokaan, penyediaan bahan pembelajaran yang sesuai, pelbagai pengalaman pembelajaran semasa mengikuti aktiviti bermain.

Bagi tujuan kajian yang akan dijalankan ini, persekitaran fizikal adalah merujuk kepada pengurusan bilik darjah dalam penyediaan pengurusan ruang dan persekitaran yang selamat, kebersihan persekitaran, pengurusan dan susun atur perabot, persekitaran pembelajaran yang kondusif, penyediaan dan pengurusan pusat pembelajaran, ruangan pameran hasil kerja kanak-kanak, kemudahan peralatan dan bahan, dan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.4 Pengurusan Perancangan Program Dan Aktiviti

Memberi fokus kepada matlamat pengajaran termasuk menyelia aktiviti, menyelia kaedah dan penggunaan pendekatan langsung untuk pengajaran guru-guru, dan menyusun aktiviti rutin (Martin & Sass, 2010).

Bagi tujuan kajian ini, pengurusan perancangan program/aktiviti adalah merujuk kepada pengurusan perancangan, pelaksanaan pengajaran guru prasekolah terhadap program dan aktiviti di prasekolah KPM. Program yang dimaksudkan adalah program dan aktiviti yang meliputi aktiviti pembelajaran di bilik darjah seperti aktiviti rutin, aktiviti berpusatkan kanak-kanak, penilaian selapas aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penggunaan pusat pembelajaran, penilaian dan pentaksiran tentang perkembangan dan kemajuan kanak-kanak prasekolah KPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.5 Pengurusan Perhubungan Dan Interaksi

Pengurusan perhubungan dan interaksi merangkumi perhubungan dan interaksi yang diwujudkan dalam kalangan kanak-kanak dan guru, termasuklah sokongan terhadap tingkah laku prososial kanak-kanak, empati, *self-regulation* dan kompetensi kendiri kanak-kanak (Tomlinson, 2009). Bagi tujuan kajian ini, pengurusan perhubungan dan interaksi adalah merujuk kepada interaksi sehala (guru dengan kanak-kanak), dan interaksi dua hala.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.6 Pengurusan Tingkah Laku Kanak-Kanak

Menurut Martin & Sass (2010), dimensi ini berfokus kepada pelaksanaan tindak balas intervensi terhadap salah laku kanak-kanak dan perancangan intervensi bagi mengatasi masalah tingkah laku kanak-kanak di dalam kelas. *Developmentally Appropriate Practices* (DAP): Istilah ini ditakrifkan sebagai menggunakan pengetahuan perkembangan kanak-kanak dalam membuat keputusan yang bernas dan sesuai mengenai amalan program awal kanak-kanak (Gestwicki, 2011) dan amalan terbaik berdasarkan maklumat bukan andaian serta bagaimana kanak-kanak belajar dan membangun (Copple and Bredekamp, 2009).

Dalam kajian pembangunan model ini, yang dimaksudkan dengan pengurusan tingkah laku kanak-kanak ialah kajian yang memberi fokus terhadap peraturan dan disiplin kanak-kanak. Peraturan dan disiplin adalah merujuk kepada pembentukan dan pengurusan tingkah laku kanak-kanak, penerapan nilai-nilai murni, strategi pembentukan tingkah laku kanak-kanak dan peneguhan atau ganjaran.

1.11.7 Model

Model membawa maksud gambaran sesuatu objek, benda, atau idea-idea dalam bentuk yang disederhanakan daripada keadaan atau fenomena alam. Model mengandungi informasi tentang suatu fenomena yang dibina bertujuan untuk mempelajari fenomena sistem yang sebenarnya. Model merupakan tiruan daripada suatu benda, sistem atau kejadian yang sesungguhnya mengandungi informasi yang dianggap penting untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipelajari secara mendalam (Mahmud Achmad,2008). Menurut Razali, (1992), model adalah merupakan suatu gambaran konseptual yang mana model tersebut boleh menjelaskan hubungan elemen dengan aktiviti yang berkaitan.

Terdapat pelbagai model penilaian yang boleh dijadikan panduan dan selalu digunakan untuk membuat penilaian sesuatu kurikulum atau program (Ghazali, 2010; Abdul Rahim, 2007; Worthen dan Sanders, 1987; Ornstein dan Hunkins, 2009). Pemilihan model penilaian yang sesuai adalah penting supaya setiap elemen dalam model yang dibangunkan dapat dibuat penilaian. Kajian akan menjadi lebih mantap sekiranya terdapat model yang berfungsi sebagai asas penilaian (Saedah Siraj et.al, 2020) dan penting juga kepada pengkaji dalam kajian penilaian kebolehgunaan.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Di dalam kajian ini, model boleh didefinisikan sebagai suatu alat yang akan digunakan sebagai panduan oleh guru prasekolah untuk mengurus bilik darjah prasekolah berpandukan empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah meliputi pengurusan persekitaran, aktiviti, interaksi dan tingkah laku. Empat dimensi yang menjadi panduan guru prasekolah itu berasaskan Pendidikan Abad ke 21. Pembangunan model ini juga mampu digunakan oleh guru prasekolah sebagai panduan dan dapat dilaksanakan oleh murid prasekolah di mana ia menepati dua kategori model iaitu model proses dan model produk (O'niell, 2010). Menurut O'neill (2010), model proses adalah suatu model yang memberi penekanan terhadap sesuatu aktiviti dan kesan yang dihadapi terhadap individu dalam proses pembelajaran yang berpusatkan murid. Oleh itu, pembentukan model ini boleh dirujuk dan digunakan oleh guru prasekolah sebagai panduan mengurus bilik darjah prasekolah. Manakala, bagi model produk pula memberi penekanan kepada proses perancangan yang disediakan oleh guru prasekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di mana model pengurusan bilik darjah prasekolah ini boleh digunakan oleh guru prasekolah sebagai panduan merancang dan menguruskan bilik darjah prasekolah.

1.11.8 Aspirasi Murid

Secara umumnya, aspirasi merujuk kepada tahap tertinggi yang perlu dicapai oleh pelajar dalam pendidikan (Byun, Meece, Irvin, dan Hutchins, 2012; Garg, Melanson dan Levin, 2007). Quaglia dan Cobb (1996) pula memberi takrif aspirasi sebagai kemampuan para pelajar untuk meletakkan atau menentukan matlamat untuk masa depan dan pada masa yang sama menjadi inspirasi untuk berusaha ke arah mencapai matlamat tersebut. Selain itu, berdasarkan definisi aspirasi murid mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) membawa maksud sesuatu yang ingin dicapai oleh seseorang murid yang sedang belajar.

Terdapat enam aspirasi murid yang ingin dicapai seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Kementerian Pendidikan Malaysia (2013–2025) dan perlu diberi perhatian oleh guru di sekolah iaitu dengan memastikan murid mempunyai pengetahuan, kemahiran memimpin, kemahiran berfikir, kemahiran dwi bahasa, kerohanian dan etika serta mempunyai identiti nasional.

i. Pengetahuan

Setiap kanak-kanak perlu menguasai sepenuhnya peringkat paling asas iaitu kemahiran asas literasi dan numerasi. Selain itu, penting bagi setiap murid menguasai mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajaran teras seperti Sains dan Matematik. Murid juga digalakkan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang lain seperti seni, muzik, dan sukan. Selain itu, mendedahkan mereka kepada pengetahuan am dari aspek sejarah, manusia, dan geografi yang menyeluruh tentang negara Malaysia, Asia dan dunia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

ii. Kemahiran Dwi Bahasa

Setiap kanak-kanak sekurang-kurangnya pada tahap minima perlu menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa perpaduan serta bahasa komunikasi antarabangsa. Selepas menamatkan persekolahan, dengan penguasaan kedua-dua bahasa tersebut murid sepatutnya boleh menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam persekitaran pekerjaan. Di samping itu, kementerian akan menggalakkan semua murid mempelajari bahasa lain sebagai bahasa tambahan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

iii. Kemahiran Berfikir

Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif, serta inovatif. Bidang ini kurang diberi perhatian, menyebabkan murid kurang berupaya untuk mengaplikasi ilmu pengetahuan dan berfikir secara kritis di luar konteks akademik. Setiap murid akan belajar cara memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan mereka (menerapkan perasaan ingin tahu dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat) untuk membolehkan mereka menghubungkan pelbagai disiplin ilmu dan mencipta ilmu yang baharu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Etika Dan Kerohanian

Sistem pendidikan akan memupuk etika dan kerohanian dalam diri setiap murid bagi mendepani cabaran yang akan ditempuhi dalam kehidupan dewasa. Hal ini bertujuan, agar mereka bijak membuat pertimbangan, boleh menyelesaikan konflik secara harmoni, berani melakukan sesuatu yang betul serta berpegang kepada prinsip ketika berada dalam situasi yang kritikal. Sistem pendidikan juga berhasrat untuk membentuk individu penyayang yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

v. Kemahiran Memimpin

Sistem pendidikan negara akan membantu setiap murid mencapai potensi sepenuhnya dengan mewujudkan peluang yang formal dan tidak formal untuk bekerja dalam pasukan dan mengamalkan ciri kepimpinan. Dalam dunia yang semakin saling berhubung kait, kebolehan untuk memimpin dan bekerja dengan orang lain secara berkesan adalah amat penting. Manakala dalam konteks sistem pendidikan, kepimpinan merangkumi empat dimensi, iaitu kecerdasan emosi, keusahawanan, berdaya tahan dan kemahiran berkomunikasi dengan berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

vi. Identiti Nasional

Identiti nasional yang kukuh melalui penghayatan prinsip Rukun Negara, diperlukan untuk kejayaan dan masa depan Malaysia. Setiap murid akan berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi. Semangat patriotik perlu dipupuk dalam diri setiap murid dengan cara memahami sejarah negara, dan berkongsi aspirasi yang sama untuk masa depan negara. Demi mewujudkan identiti nasional yang sebenar, semangat keterangkuman yang teguh amat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperlukan. Identiti nasional akan dapat dicapai bukan hanya belajar memahami dan menerima kepelbagaian, tetapi juga menghayati kepelbagaian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Walau bagaimanapun, fokus kajian ini adalah sesuatu yang ingin dicapai oleh kanak-kanak atau murid berumur enam tahun yang sedang mengikuti pembelajaran prasekolah. Peranan guru prasekolah penting terhadap pelaksanaan pengajaran dan juga terhadap pelaksanaan pembelajaran kanak-kanak di bilik darjah prasekolah dengan mengambilkira enam aspirasi murid dalam menyedia dan menguruskan pusat pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Selaras dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025), pembangunan model akan mengambilkira enam aspirasi murid seperti yang terkandung dalam pelan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12 Rumusan

Secara keseluruhannya, berdasarkan penjelasan pernyataan masalah dalam bab ini, objektif kajian telah dapat dikenal pasti dan diikuti dengan mengenal pasti persoalan kajian. Hal ini dapat memudahkan pengkaji untuk melaksanakan tinjauan literatur dalam bab seterusnya. Adalah diharapkan agar model pengurusan bilik darjah prasekolah yang ingin dibentuk dapat digunakan sebagai satu panduan atau indikator oleh guru prasekolah. Selain itu, dengan terhasilnya model ini nanti akan memudahkan guru prasekolah dari aspek pengurusan bilik darjah prasekolah mengikut keseuaian pengajaran guru dan aktiviti pembelajaran selaras dengan perkembangan kanak-kanak dan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Dalam bahagian tinjauan literatur ini, pengkaji akan membincangkan tinjauan berhubung dengan teori pengurusan pembelajaran, model dan dimensi pengurusan bilik darjah serta KSPK yang memberi fokus kepada enam tunjang dan Prinsip Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan. Tinjauan bacaan ini juga akan menyentuh tentang peranan guru sebagai pengurus bilik darjah yang melibatkan empat komponen utama pengurusan bilik darjah prasekolah KPM. Akhir sekali tinjauan bacaan juga membincangkan dan berfokus kepada kajian dalam dan luar negara berhubung dengan aspek yang mempengaruhi penyediaan pengurusan bilik darjah prasekolah serta kualiti guru prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Sejarah Pendidikan Awal Kanak–Kanak Di Malaysia

Sejarah perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak di Malaysia telah bermula sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. Kemudian sejarah Pendidikan Awal Kanak-kanak terus berkembang selepas negara Malaysia mencapai kemerdekaan. Dalam bahagian tinjauan literatur ini pengkaji akan membincangkan sejarah Pendidikan Awal Kanak-kanak di Malaysia sebelum dan selepas merdeka.

2.2.1 Sebelum Merdeka

Pada era 1950 iaitu selepas perang dunia ke-2, maka bermulalah perkembangan sejarah mengenai pendidikan awal kanak-kanak. Pendidikan awal kanak-kanak dilihat mula ditubuhkan di tiga buah negara sahaja iaitu di Filipina, Singapura dan Thailand pada tahun 1900. Kemudian, pendidikan awal kanak-kanak terus berkembang di Malaysia bermula pada tahun 1940.

Pendidikan awal kanak-kanak diteruskan pembukaannya dengan pendidikan berpengaruhkan British (sistem pendidikan British) oleh Missionari Kristian pada tahun 1940-an. Tadika sistem pendidikan pengaruh British ini telah mengenakan yuran yang sangat mahal dan ini menyebabkan anak-anak dikalangan orang berada sahaja belajar di tadika itu. Manakala guru-guru pendidikan awal kanak-kanak pula terdiri daripada bekas guru sekolah rendah yang tidak ada latihan dan tidak mempunyai pengalaman mengajar di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tadika di Malaysia telah dibuka oleh sosialis kristian sebagai sebahagian daripada aktiviti gereja bermula pada tahun 1950 hingga 1960. Hampir ke semua tadika yang bertapak di kawasan bandar dimiliki oleh individu atau agensi persendirian yang menyediakan pendidikan awal kanak-kanak hanya untuk ibubapa yang berkemampuan membayar yuran. Kesannya, ramai kanak-kanak yang berasal daripada keluarga yang miskin dan luar bandar tidak dapat menerima pendidikan awal di tadika. Hanya sebahagian kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun sahaja berpeluang mengikuti kelas tadika.

2.2.2 Selepas Merdeka

Pendidikan awal kanak-kanak mula berkembang sekitar tahun 1960-an. Secara umum pendidikan awal kanak-kanak mula meningkat berikutan kesedaran untuk mendapatkan pendidikan dalam kalangan golongan kurang berkemampuan selepas merdeka. Satu revolusi telah berlaku pada tahun 1969 iaitu Yayasan Asia telah menyumbangkan wang kepada Pertubuhan Pekerja-Pekerja Malaysia (*Worker Society of Malaysia)* bagi mendirikan tadika yang mirip kepada projek "*Head Start*" di Amerika Syarikat. Tadika ini telah ditubuhkan di Negeri Selangor iaitu di Kampung Muniady, Kg. Manggis dan Kg. Sentosa. KEMAS telah mengambil inisiatif untuk membantu rakyat yang miskin di luar bandar dengan membuka 10 buah prasekolah di kawasan luar bandar yang dikenali Tabika pada tahun 1970. Pembukaan prasekolah diikuti dengan penubuhan prasekolah oleh FELDA, Risda (1980) dan Majlis Perhubungan Masyarakat (1976). Pusat Perkembangan Kurikulum pula telah menerbitkan Buku Panduan Pendidikan Prasekolah pada tahun 1972 dan seterurnya telah membuka 12 buah prasekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

percubaan di seluruh Malaysia. Kemudian diikuti pada tahun 1972, Maktab Perguruan Ilmu Khas, Ceras telah melatih seramai 137 orang guru-guru KEMAS dan guru-guru sekolah rendah dalam pendidikan prasekolah untuk mengajar di prasekolah.

Selaras dengan Falsafah Baru Pembangunan Luar Bandar, KEMAS meneruskan peranannya dengan membuka Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA). Program ini telah memberi perkhidmatan kepada masyarakat bandar, luar bandar dan pinggir bandar yang memberi tumpuan kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin. Melalui pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berfokuskan kepada program "Pembasmian Buta Huruf", Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Kerajaan Tempatan serta Perumahan Sabah, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara, Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah mengambil keputusan untuk menubuhkan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) atau Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) untuk penjagaan dan pendidikan bagi kanak-kanak di antara umur empat hingga enam tahun.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membina akta pada tahun 1972 yang khusus bagi Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang dinamakan Akta Pelajaran 1961 P.U (A), Kaedah-kaedah Pelajaran (Kindergarten/SekolahAsuhan) (Pendaftaran). Kewujudan Yayasan Bernard Van Leer telah memberi perubahan terhadap pendidikan awal kanak-kanak yang semakin berkembang dengan pesat. Yayasan ini juga telah banyak membiayai aktiviti prasekolah terutamanya dalam menerbitkan buku panduan pendidikan yang khas untuk pendidikan awal kanak-kanak, menganjurkan seminar-seminar, dan menggubal program prasekolah secara pukal. Hal ini telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi kesan terhadap pendidikan awal kanak-kanak sehingga menyebabkan bertambahnya bilangan tenaga pengajar dalam pendidikan awal kanak-kanak. Pada sekitar tahun 1972 sehingga 1976 pula kursus untuk melatih para guru mula ditawarkan. Kursus tersebut telah bermula di Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK). Kemudiannya diikuti dengan empat maktab perguruan lain iaitu Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Maktab Perguruan Mohd Khalid (MPMK), Maktab Perguruan Perempuan Melayu (MPPM) yang dibiayai oleh UNICEF dan Maktab Perguruan Sri Pinang (MPSP) telah meneruskan usaha MPIK melalui projek-projek rintis prasekolah.

Yayasan Sabah pula telah menubuhkan Institut Guru-Guru Tadika di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak pada tahun 1981 dan institut yang ditubuhkan itu telah mendapat khidmat nasihat daripada Universiti Malaya. Pada 18 Disember 1991, Jemaah Menteri telah bermesyuarat bagi membincangkan mengenai program prasekolah di Malaysia. Hasrat tersebut diteruskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu pada 27 Januari 1992 telah memulakan mesyuarat untuk membincangkan mengenai peluasan prasekolah. Kesan daripada mesyuarat tersebut, Akta Pendidikan 1996 telah mengemukakan perkara mengenai pendidikan prasekolah dalam sistem Pendidikan Kebangsaan. Sehubungan itu, kesan daripada penubuhan akta pendidikan prasekolah Jemaah Menteri telah bermesyuarat khusus membincangkan program peluasan prasekolah pada 6 Jun 2001.

Bermula pada tahun 1984, Pendidikan awal kanak-kanak telah mendapat perhatian yang lebih serius. Beberapa pihak telah mula menuntut dan juga mencadangkan bahawa pendidikan awal kanak-kanak mestilah bermula lebih awal iaitu seawal umur di bawah empat tahun. Perkara ini telah menyebabkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tertubuhnya Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) atau *Children Centre Act* bagi memenuhi tuntutan tersebut. Pada tahun 1986 pula, Buku Panduan Guru Prasekolah mula diterbitkan bagi tujuan meningkatkan kemahiran dan kreativiti guru prasekolah. Buku panduan tersebut bukan sahaja membantu guru mengurus pengajaran dan pembelajaran malah membantu guru mengelola prasekolah dengan lebih sistematik. Selain itu, buku panduan itu juga telah menjadi rujukan oleh para pelajar pendidikan di pusat-pusat pengajian.

Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah Malaysia mula diperkenalkan pada tahun 1993 dan mula digunapakai untuk prasekolah rintis di bawah kelolaan KPM. Garis Panduan Pendidikan Prasekolah Malaysia kemudiannya digantikan dengan Kurikulum PERMATA (0-4 tahun) yang memberi fokus kepada asuhan kanak-kanak dan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (4-6 tahun) yang memberi fokus kepada pendidikan awal kanak-kanak. Ini telah menjadi rujukan utama bagi Pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Dengan adanya kurukulum tersebut, berlaku pertambahan bilangan prasekolah dari tahun ke tahun dan berdasarkan keperluan maka bilangan peluasan prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia mengikut negeri juga bertambah dari setahun ke setahun.

2.3 Pendidikan Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Di Malaysia

Program Pendidikan awal kanak-kanak merupakan satu program yang menyediakan pengalaman pendidikan kepada kanak-kanak seawal usia empat hingga enam tahun dan program tersebut dilaksanakan secara tidak formal. Penyediaan pengalaman seawal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

usia itu adalah bertujuan untuk menyediakan kanak-kanak selama setahuan sebelum dimasukkan ke sistem persekolahan formal iaitu di tahun satu.

Di Malaysia, seseorang yang berusia di bawah umur 18 tahun dikategorikan sebagai kanak-kanak. Dari segi undang-undang kanak-kanak telah dikategorikan di bawah umur seperti yang terkandung dalam Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). Oleh itu secara umumnya, kanak-kanak boleh lah didefinasikan sebagai seorang yang masih belum mencapai tahap usia dewasa dan mempunyai ciri-ciri yang boleh membezakan diri mereka daripada orang dewasa. Kementerian Pelajaran Malaysia menyedari betapa pentingnya pendidikan prasekolah dengan cara menyeragamkan kurikulum pendidikan prasekolah. Panduan Kurikulum untuk Prasekolah telah digubal bermula pada peringkat awal. Seterusnya, program rintis di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang dikenali sebagai "Prasekolah Annex" telah dilaksanakan di beberapa buah sekolah rendah supaya program prasekolah tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Di Malaysia melalui Akta Pendidikan 1996, pendidikan prasekolah secara rasminya sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan. Berikutan daripada itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah meneruskan usaha agar semua sekolah rendah yang menerima bantuan daripada kerajaan supaya mewujudkan kelas prasekolah. Selain itu, program transisi juga telah diwujudkan pada tahun 2000. Program ini dibuat oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum untuk kanak-kanak yang memasuki darjah satu. Program ini diwujudkan kerana tidak semua kanak-kanak menghadiri kelas prasekolah, maka mereka memerlukan satu tempoh peralihan sebagai persediaan untuk memasuki tahun satu. Pada tahun 2002, sebanyak 100 buah kelas prasekolah Kementerian Pelajaran telah pun diwujudkan. Jumlah kelas prasekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kementerian Pelajaran semakin meningkat iaitu sebanyak 1500 buah sehingga tahun 2003. Seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa semua tadika kerajaan atau pun bukan kerajaan wajib menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Kemudian berlaku perluasan baru bermula tahun 2004, iaitu berlaku pertambahan kelas prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia sebanyak 400 buah kelas. Pertambahan kelas prasekolah berlaku melalui peluasan tahun 2005 di mana pertambahan sebanyak 700 buah prasekolah. Diikuti pertambahan sebanyak 493 buah prasekolah iaitu perluasan tahun 2006 di seluruh Malaysia. Ini menjadikan jumlah keseluruhan prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia sehingga Januari 2006 sebanyak 4424 buah. Mengikut perancangan, selaras dengan Rancangan Malaysia Kesembilan (2010) semua sekolah rendah bantuan kerajaan perlu mempunyai kelas prasekolah Kementerian Pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah

Kajian yang dijalankan oleh Wang, Haertel & Walberg, (1993) menunjukkan bahawa, pengurusan bilik darjah mempengaruhi kanak-kanak dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran kerana keberkesanan pengurusan bilik darjah boleh merangsang kanak-kanak untuk belajar, mengurangkan masalah tingkah laku dan membolehkan guru dan kanak-kanak mengunakan masa pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Gabungan dapatan kajian yang dijalankan oleh Wang, Haertel and Walberg (1993) juga mendapati pengurusan kelas (64.8%), proses meta-kognitif (63.0%) dan proses kognitif (61.3%) adalah faktor utama yang mempengaruhi kanak-kanak belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Doyle (1980) proses pengajaran dalam bilik darjah telah jauh berubah daripada keadaan lama iaitu mengikut peraturan yang ketat atau terdapat satu set syarat untuk berlakunya proses pembelajaran. Sebaliknya pengajaran merupakan satu profession yang kompleks yang memerlukan guru mampu atau berupaya untuk menawarkan bimbingan yang berkesan di samping mengekalkan peraturan dalam bilik darjah (Rosas & West, 2009). Doyle (1980) menegaskan bahawa pengurusan bilik darjah adalah konstruk yang terdiri dari semua elemen seperti yang dinyatakan oleh Rosas dan West (2009). Sehubungan dengan itu konstruk yang kompleks ini merupakan cabaran kepada guru yang baru dan juga kepada guru yang sudah berpengalaman (Rosas & West, 2009).

Brophy (1999) mendefinisikan pengurusan bilik darjah sebagai tindakan bagi menjamin kejayaan pengajaran yang termasuk di dalamnya susunan persekitaran fizikal, membangunkan prosedur dan undang-undang serta mengekalkan penglibatan kanak-kanak dalam proses pembelajaran. Menurut Weinstein and Novodvorsky (2011), pengurusan kelas adalah konstruk yang mempunyai tujuan membangunkan dan mengekalkan persekitaran yang penyayang dan teratur supaya kanak-kanak melibatkan diri mereka dalam aktiviti pembelajaran yang bermakna, mengembangkan sosial dan emosi kanak-kanak. Sementara itu, Lemlech (1999) menghuraikan pengurusan bilik darjah sebagai mengarang kehidupan di bilik darjah dan beliau menekankan bahawa pengurusan bilik darjah adalah satu konsep yang pelbagai rupa dan kompleks.

Selain itu, menurut Bosch (2006), pengurusan bilik darjah bermaksud bagaimana pelajar dan guru bekerja, bagaimana pengajaran dan pembelajaran berlaku dan bagaimana mereka saling bekerjasama antara satu sama lain. Kecekapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengurusan bilik darjah seseorang guru berkait rapat dengan keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Abdullah Sani, 2005). Selain itu, menurut Haliza dan Joy Nesamalar (2009), pengurusan bilik darjah merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan untuk membina serta memupuk tingkah laku pelajar dalam bilik darjah agar proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan lancar, manakala aktiviti penyampaian ilmu bertujuan pelajar dapat mencapai objektif spesifik sesuatu pembelajaran (Haliza & Joy Nesamalar, 2009).

Menurut Mohd Hasani Dali dan Mohd Johdi (2009), semasa menguruskan bilik darjah guru seharusnya mampu mengawal tingkah laku pelajar agar proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan lancar dan berkesan tanpa banyak gangguan. Pengurusan bilik darjah berkesan mampu meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Selain itu, menurut Levin dan Nolan (2000) pengurusan kelas yang baik mampu memotivasikan tingkah laku serta penglibatan pelajar, mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Levin dan Nolan (2000) juga menyatakan, apabila pelajar berada dalam bilik darjah yang telah diurus dengan baik, mereka akan sentiasa bekerjasama dan mengambil berat antara satu sama lain. Bilik darjah yang diuruskan dengan baik juga berupaya menjadi tempat untuk pelajar membuat pilihan yang bijak, dan penting bagi mereka serta sering berusaha untuk menghasilkan kerja yang menarik dan berkualiti (Levin & Nolan, 2000).

Dari aspek kajian psikologi, menurut Ahmad Zabidi (2006) persekitaran boleh memberi kesan dan mempengaruhi perlakuan seseorang itu. Suasana pembelajaran yang bermotivasi yang diwujudkan dalam iklim sekolah mampu memberi pencapaian yang lebih baik kepada pelajar dan juga memberi kepuasan kepada guru-guru untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bekerja dalam suasana tersebut (Ahmad Zabidi, 2006). Selain itu juga, masalah disiplin yang sering dihadapi oleh sekolah melibatkan ramai pelajar adalah masalah ponteng sekolah. Hal ini berlaku disebabkan, persekitaran di sekolah dengan suasana pembelajaran terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku pada hari ini didapati kurang menarik perhatian dan minat pelajar untuk melibatkan diri. Masalah disiplin boleh berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah sekiranya pengajaran guru kurang menyeronokkan dan aktiviti pengajaran berada dalam iklim bilik darjah yang membosankan (Noriati, Boon, Sharifah Fakhriah & Zuraidah, 2010).

2.5 Dimensi Pengurusan Bilik Darjah

Seterusnya perkara yang akan dibincangkan oleh pengkaji dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan pengurusan bilik darjah yang melibatkan beberapa dimensi. Terdapat beberapa istilah yang berbeza seperti istilah dimensi (Freiberg & Lamb, 2009; Sahin,Tantekin Erden & Akar, 2011), domain (Burden, 2003) dan tanggungjawab (Burden & Byrd, 1994) yang digunakan oleh para pengkaji dalam kajian mereka;. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji menggunakan istilah dimensi. Burden dan Byrd (1994) telah membahagikan kelas kepada enam dimensi pengurusan iaitu: (1) pengurusan bahan pembelajaran dan mengorganisasikan bilik darjah, (2) menyediakan peraturan dan prosedur, (3) penekanan kepada tingkahlaku yang diingini, (4) kanak-kanak dilibatkan dalam aktiviti, (5) iklim bilik darjah yang positif diwujudkan dalam bilik darjah, dan (6) system maklumat yang digunapakai. Burden (2003) pula menegaskan bahawa, terdapat tujuh dimensi utama pengurusan bilik darjah termasuklah: (1) model pengurusan disiplin pelajar, (2) pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(3) pengurusan tingkahlaku pelajar, (4) suasana yang menyokong proses pembelajaran diwujudkan, (5) pengurusan *instructional,* (6) penyediaan bilik darjah yang selamat dan selesa, dan (7) komunikasi dengan rakan kerja dan ibubapa. Menurut Gahin (2011) terdapat lapan dimensi pengurusan bilik darjah iaitu: (1) memilih falsafah bagi model pengurusan kelas dan disiplin, (2) penyediaan kelas yang selesa dan selamat, (3) pengurusan persekitaran fizikal, (4) pengurusan tingkahlaku kanak-kanak, (5) pengurusan perhubungan dan komunikasi, (6) pengurusan perancangan dan aktiviti, (7) pengurusan masa, dan (8) interaksi dengan rakan sekerja serta ibu bapa bagi mencapai matlamat pengurusan bilik darjah. Menurut Weinstein dan Novodvorsky (2011), pengurusan bilik darjah merangkumi: (1) mewujudkan persekitaran fizikal dan sosial untuk belajar, (2) merancang dan menguruskan arahan (*instruction*), dan (3) melindungi dan memulihkan ketenteraman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi memenuhi tujuan kajian yang dijalankan ini, dimensi pengurusan bilik darjah yang dicadangkan oleh Burden and Byrd (1994), Burden (2003), Gahin (2011) dan Weinstein and Novodvorsky (2011) telah dipilih dan digabungkan kepada empat dimensi utama. Empat dimensi yang dipilih dan digabungkan tersebut ialah tingkah laku kanak-kanak, perancangan program dan aktiviti, perhubungan dan interaksi, dan persekitaran fizikal.

2.6 Model Pengurusan Bilik Darjah

Beberapa model yang diperlukan dalam pengurusan bilik darjah dan yang releven untuk tujuan kajian akan dibincangkan dalam bahagian ini. Elemen utama dalam satu proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penjanaan manusia ke arah yang lebih cemerlang adalah proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan efektif. Menurut Shahabuddin, Rohizani dan Mohd. Zohir (2003) secara umumnya, bilik darjah yang terdapat di sekolah adalah merujuk kepada sebuah tempat dimana berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Apabila melihat kepada perkaitan di antara proses pengajaran dan pembelajaran serta tempat dimana ianya berlansung, dapat difahamkan bahawa kelas adalah tempat dimana murid menerima segala jenis pelajaran yang disampaikan oleh guru selain mempelajari sesuatu daripada pelajaran yang diterima. Ini bermaksud di dalam kelas terdapat dua pihak utama iaitu guru sebagai sumber manakala murid bertindak sebagai penerima (Shahabuddin, Rohizani & Mohd. Zohir, 2003).

Menurut Ahmad Kilani Mohamed (2003), pengurusan dalam pendidikan adalah beberapa usaha yang dilaksanakan dengan terancang, melibatkan kerjasama sekelompok manusia yang berusaha secara berterusan menyediakan persekitaran yang kondusif, psikologi dan material yang sesuai dengan menghimpunkan sumber fizikal dan sumber tenaga manusia yang diarah kepada mencapai objektif pendidikan secara berkesan. Oleh itu, pengurusan yang dilakukan untuk setiap bilik darjah boleh membuatkan aktiviti pengajaran guru dan juga aktiviti pembelajaran murid dapat dilaksanakan dalam suasana kondusif. Objektif pengajaran dan pembelajaran akan dapat dicapai melalui aktiviti yang dilaksanakan dalam pengajaran guru dan penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran dan seterusnya memberi hasil positif yang paling maksima selain menerima penglibatan yang penuh daripada semua individu yang berada di dalam bilik darjah tersebut (Ahmad Kilani Mohamed, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah beberapa model pengurusan bilik darjah yang telah menjadi pilihan pengkaji bagi tujuan kajian ini.

2.6.1 Model *Assertive Discipline*

Menurut K.W Malmgren, B.J Trezek dan P.V Paul (2005), model ini diperkenalkan dan dipelopori oleh Lee Canter pada sekitar tahun 1970 seterusnya dikembangkan berdasarkan pengalaman mereka bekerja dan berhubung dengan kanak-kanak dengan masalah tingkah laku *Marlene Canter*. Model ini lebih menjurus kepada kawalan yang perlu dilakukan oleh guru terhadap tingkah laku di dalam kelas serta bagaimana untuk menanganinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model *Assertive Discipline* atau model mendisiplinkan individu dengan cara yang tegas ini lebih memfokuskan kepada pemberian atau perlaksanaan ganjaran dan hukuman namun ianya lebih menjurus kepada mendidik seseorang individu ke arah yang lebih baik dan sempurna. Ini selaras dengan pendapat yang ditulis oleh Zainuddin Abu Bakar (2014) yang menyatakan bahawa, kita kerap terlepas pandang bahawa usaha atau tingkah laku kita yang cuba mendisiplinkan pelajar kita kadang-kadang sebaliknya semakin memperkukuhkan tingkah laku dan bukan mengurangkannya. M.E Gootman (2008) juga menulis dalam buku beliau dan berpendapat bahawa ramai guru yang menganggap disiplin membawa maksud menghukum tetapi sebenarnya disiplin bukanlah hukuman kerana hukuman akan dilakukan terhadap tingkah laku yang salah sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model *Assertive Discipline* dibina untuk melatih guru yang berfungsi sebagai individu yang bertanggungjawab memastikan pelajar berkelakuan baik dan terpuji kerana guru mempunyai peranan utama dan mempunyai kuasa mutlak untuk mengawal dan memperbetulkan tingkah laku pelajar di dalam kelas manakala pelajar pula mempunyai hak untuk melalui satu proses pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran yang berkualiti dan menggalakkan mereka untuk belajar dengan betul.

Sehubungan dengan itu, guru mempunyai kuasa untuk mendisiplinkan para pelajar di dalam kelas seterusnya membuatkan pelajar dapat belajar dengan betul. Cara dan proses bagaimana untuk mendisiplinkan pelajar itu juga terletak pada guru tersebut. Menurut M.E Gootman (2008), mendisplinkan pelajar dengan berkesan adalah dengan cara pelajar tersebut belajar kesan yang akan terjadi dengan setiap perbuatan yang mereka lakukan. Guru tidak seharusnya terus memberi hukuman apabila hendak mendisiplinkan pelajar tetapi bertindak sebagai guru yang prihatin dan membolehkan pelajar berubah daripada tingkah laku yang negatif kepada positif (M.E Gootman, 2008).

Berbalik kepada penggunaan atau perlaksanaan Model *Assertive Discipline* di mana guru seharusnya melihat dan menggunakan model ini berpandukan empat komponen atau elemen utama dalam mengaplikasikan model ini. Elemen pertama, berdasarkan penulisan oleh K.W Malmgren, B.J Trezek dan P.V Paul (2005), iaitu guru harus menetapkan peraturan di dalam kelas yang konsisten, tegas dan adil. Ianya sejajar dengan pendapat yang dikeluarkan oleh Martha Casas (2011) tentang pengurusan bilik darjah yang efektif memerlukan guru yang tegas tetapi bersikap adil dan sama rata dengan setiap pelajar di dalam kelas. Apabila setiap pelajar menerima layanan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sama maka tidak timbul masalah lain seperti iri hati, hasad dengki, berdendam dan sebagainya dimana masalah-masalah akan memberi kesan buruk kepada pengurusan dan penglibatan di dalam bilik darjah (Martha Casas, 2011).

Elemen kedua, berdasarkan penulisan oleh K.W Malmgren et al. (2005), guru memberitahu terlebih dahulu tentang kesan positif yang akan berlaku sekiranya pelajar berkelakuan baik dan mematuhi peraturan. Para pelajar seharusnya sentiasa dimaklumkan kesan yang akan berlaku sekiranya mereka bertingkah laku seperti yang dikehendaki. Apabila diberitahu terlebih dahulu kemungkinan besar pelajar akan berfikir dengan lebih mendalam dan teliti apabila hendak melakukan sesuatu perkara.

Elemen ketiga, menurut K.W Malmgren et al. (2005) elemen ketiga mempunyai kaitan dengan elemen kedua tetapi ianya berfokus kepada kelakuan negatif. Guru mestilah memberi penerangan dengan jelas tentang hukuman yang bakal diterima oleh para pelajar sekiranya mereka melakukan sesuatu yang tidak seharusnya berlaku. Sebagai contoh, semua pelajar harus diam dan memberi perhatian sepenuhnya ketika mengikuti pengajaran guru. Namun, sekiranya terdapat pelajar yang bising, mereka harus tahu kesan yang akan diterima sekiranya mereka membuat bising. Guru harus menetapkan hukuman terlebih dahulu seperti sekiranya pelajar bising, mereka akan didenda. Jadi apabila pelajar tahu tentang hukuman yang bakal terjadi, mereka akan lebih berhati-hati untuk melakukan sesuatu yang negatif dan tidak digemari oleh individu lain (K.W Malmgren, B.J Trezek & P.V Paul, 2005).

Elemen keempat dalam mengaplikasikan model ini adalah perancangan untuk melaksanakan Model *Assertive Discipline* ini bersama-sama dengan pelajar di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bilik darjah. Namun, sebelum perlaksanaan ini dilakukan, penerangan berkenaan dengan model ini amat diperlukan kerana pelajar semestinya benar-benar memahami tentang isi kandungan dan maklumat berkenaan dengan model ini supaya mereka boleh sama-sama memastikan pemilihan dan perlaksanaan dilakukan dengan lebih terperinci dan berkesan kepada semua individu (K.W Malmgren et al., 2005).

Kesimpulannya, berdasarkan Model *Assertive Discipline*, dalam mengurus tingkah laku pelajar atau mendisiplinkan pelajar adalah penting bagi memastikan tingkah laku buruk dihapus atau dikurangkan dan tingkah laku baik dikekalkan seterusnya mempunyai peningkatan dari masa ke semasa. Hukuman yang akan diberikan oleh guru terhadap pelajar dalam mendisiplinkan para pelajar juga amat penting untuk dinilai sebelum melaksanakannya. Bagi perlaksanaan hukuman, hukuman yang dianggap terbaik adalah hukuman yang mempunyai kaitan dengan persekitaran pelajar selain sesuai dengan tahap umur pelajar yang terlibat untuk melakukannya. Impak daripada itu, pelajar belajar sesuatu seterusnya meningkatkan tahap disiplin mereka ke arah yang lebih memuaskan pada masa akan dating (K.W Malmgren et al., 2005).

Bagi tujuan kajian, model ini dipilih kerana mempunyai kaitan dengan objektif kajian. Model *Assertive Discipline* ini mempunyai kaitan dengan pengurusan tingkahlaku kanak-kanak yang memberi penekanan terhadap kawalan di dalam bilik darjah dan peranan guru dalam melaksanakan pengawalan terhadap tingkah laku kanak-kanak serta bagaimana cara untuk menangani dan mengurus tingkah laku tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2 Model *Logical Consequences* / Model *Drekurs*

Menurut Malmgren, Trezek, dan Paul (2005), Model *Logical Consequences* merupakan model kedua popular dalam pengurusan bilik darjah yang diperkenalkan oleh Rudolf Dreikurs pada tahun 1968. Model ini adalah berdasarkan hasil kerja awal oleh Alfred Adler seorang pakar psikiatri di Jerman. Di mana, model ini bergantung kepada tanggapan bahawa salah laku pelajar merupakan hasil daripada keperluan mereka yang tidak dipenuhi dan ini merupakan salah satu andaian yang mendasari model. Ini adalah kerana, semua pelajar inginkan dan perlukan pengiktirafan sosial dan apabila keperluan ini tidak dipenuhi, pelajar mempamerkan suatu hierarki seperti kelakuan buruk di mana Dreikurs merujuk ini sebagai "matlamat yang tersilap". Seterusnya, apabila keperluan pelajar untuk mendapat pengiktirafan tidak dipenuhi, pelajar yang pertama akan memaparkan tingkah laku yang mencari perhatian. Sekiranya, tingkah laku mereka tidak menghasilkan pengiktirafan yang diingini, pelajar akan cuba untuk melibatkan guru dalam pergelutan kuasa dan apabila pelajar ditinggalkan tanpa pengiktirafan yang dikehendaki, pelajar memberi tumpuan kepada isu-isu kesaksamaan dan cuba untuk membalas dendam seperti mana yang berlaku pada dirinya.

Seterusnya, Dreikurs et.al (1998) menyatakan pelajar tersebut akan mengambil jalan keluar dengan "memaparkan kekurangan" apabila tingkah laku ini tidak berjaya. Malmgren et al. (2005) menjelaskan bahawa, model ini menekankan kepentingan membantu pelajar dalam memenuhi keperluan internal mereka untuk mendapatkan pengiktirafan dan penerimaan. Walaupun guru berusaha untuk mewujudkan sebuah bilik darjah di mana semua pelajar merasakan diri mereka diiktiraf dan diterima, tetapi mungkin beberapa kelakuan buruk masih akan berlaku. Contohnya akibat logik bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seorang pelajar yang mengganggu orang lain semasa kelas mungkin bahawa pelajar itu akan diasingkan daripada kumpulan tersebut dan berjaya menyertai semula apabila dia bersetuju untuk tidak mengganggu kumpulan tersebut. Akibat logik adalah berbeza dari akibat semulajadi yang dalam akibat semula jadi berlaku tanpa perancangan guru atau perbincangan dengan pelajar. Walaupun akibat logik perlu jelas berkaitan dengan salah laku mereka juga memerlukan perancangan aktif dan aplikasi yang peka dan penggunaan akibat logik adalah untuk bertindak balas terhadap salah laku. Namun, elemen penting dan kekuatan sebenar model adalah terletak pada penekanannya terhadap mencegah salah laku dan penekanan pada pencegahan ini adalah urutan yang sama antara semua model yang diterangkan di sini, antara prinsip-prinsip yang dipegang boleh digunakan dalam pelbagai situasi bilik darjah dan guru perlu sentiasa mengelakkan perebutan kuasa dengan pelajar (Dreikurs, 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Malmgren et. al. (2005), jika matlamat tersilap dan pelajar adalah untuk mendapatkan rasa kuasa, maka guru perlu mencari cara yang produktif untuk membolehkan pelajar merasai kuasa dan dihargai serta diiktiraf. Berdasarkan Jadual 2.1, menunjukkan empat matlamat pelajar yang tersilap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1.

Empat matlamat pelajar yang tersilap

Matlamat tersilap	Kepercayaan Pelajar	Contoh tingkah laku pelajar	Tindak balas Guru terhadap tingkah laku	Tindak balas pelajar terhadap intervensi
1) Mencari perhatian *(Attention Seeking)*	Pelajar hanya dapat merasakan dirinya sebahagian daripada kelas tersebut apabila berjaya mendapat perhatian daripada guru atau rakan dalam kelas.	Sentiasa meminta perhatian Ingin menjadi kesayangan guru Menunjuk-nunjuk Menjadi badut dalam kelas	Keresahan/ kegusaran	Berhenti seketika dan kemudian kembali dengan tingkah laku tersebut
2) Mencari kuasa *Power Seeking*	Pelajar hanya dapat merasakan diri mereka sebahagian daripada kelas apabila dia dapat mengawal guru atau rakan lain dalam kelas.	Bertentangan Menipu Emosi tidak stabil Mempersoalkan hak atau pengetahuan guru	Keprofesional dicabar	Terus menentang guru secara lisan atau fizikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1. (sambungan)

Matlamat tersilap	Kepercayaan Pelajar	Contoh tingkah laku pelajar	Tindak balas Guru terhadap tingkah laku	Tindak balas pelajar terhadap intervensi
3) Mencari dendam *(Revenge Seeking)*	Pelajar merasakan dirinya ditinggalkan oleh struktur sosial oleh itu bertindak menentang rakan atau guru	Bersikap agresif terhadap guru atau rakan Menjadi kaki buli Mengugut guru atau rakan sekelas.	Luka	Tingkah laku semakin giat dijalankan
4) Mengelak kegagalan (*Failure Avoiding*)	Pelajar merasakan tidak mampu untuk mencapai sosial dan akademik dan berputus asa untuk mencuba	Tidur atau berkhayal sepanjang kelas Cuba untuk menjadi tidak kelihatan	Tidak berupaya membantu pelajar	Pelajar tersebut semakin menjauhi diri daripada guru dan rakan sekelas

Nota: Empat matlamat pelajar yang tersilap. Adapted from *Logical consequences* (p. 88), by R. Dreikurs dan L. Grey, 1990. Dutton Books.

2.6.3 Model *Teacher Effectiveness Training*

Menurut Gordon (1977), model ini merupakan model pengurusan bilik darjah yang mantap sama seperti Model *Logical Consequences*, dan Model *Teacher Effectiveness Training* ini berkembang daripada bidang psikologi. Malmgren et al. (2005) menyatakan model ini dihasilkan oleh Thomas Gordon, dalam model ini beliau cuba

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengkonseptualisasikan bahawa pengurusan dalam bilik darjah yang berkesan sebagai memudahkan peralihan tanggungjawab pengurusan dari guru kepada pelajar.

Malmgren et. al., (2005) mengatakan bahawa, Gordon menekankan kepentingan mengajar pelajar untuk mengawal dan mengurus tingkah laku mereka sendiri. Selaras dengan ini, Gordon memaparkan nilai motivasi intrinsik dan menggalakkan guru-guru untuk menggunakan "*I-mesej*" (Edwards, 2004) ketika bercakap kepada pelajar-pelajar tentang tingkah laku bilik darjah yang bermasalah. Malmgren et al. (2005) juga setuju bahawa "*I-mesej*" memberi tumpuan kepada perasaan dan perspektif orang yang bercakap itu (dalam kes ini, guru), berbanding dengan memberi tumpuan kepada apa yang pelajar telah melakukan salah atau apa yang pelajar lakukan yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Malmgren et al. (2005), model ini adalah berbeza dengan Model *Canter* (Model *Assertive Discipline*) di mana Model *Canter* mengkonseptualisasikan bahawa kelas yang diuruskan dengan baik sebagai gambaran artikulasi jelas dan konsisten guru dalam menggunakan ganjaran dan sebab akibat. Model ini tidak menekankan peranan guru dalam pengurusan tingkah laku bilik darjah sebaliknya menggalakkan guru memberi kuasa kepada pelajar dalam mengambil tanggungjawab dalam mengawal tingkah laku diri mereka melalui kaedah pemodelan, dan mengajar pelajar bagaimana untuk konseptualisasi dan menyelesaikan masalah diri mereka dengan sendiri (Malmgren et al., 2005).

Di samping itu, Malmgren et al. (2005) menyatakan Model *Teacher Effectiveness Training* sering dianggap paling sesuai untuk digunakan dengan pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

usia menengah kerana penekanannya pada pengawalan seliaan sendiri. Contohnya, seorang guru matematik sekolah menengah berhadapan dengan pelajar yang kerap hantar tugasan lewat boleh menggunakan I-mesej untuk menggalakkan pemilikan pelajar masalah yang diharapkan akan menghasilkan perubahan dalam tingkah laku. Seterusnya, daripada memohon hukuman bagi pelanggaran itu, guru boleh berbincang dengan pelajar secara peribadi mengenai bagaimana ianya sukar untuk menilai dengan tepat kemajuan pelajar dan pemberian gred adil apabila tugasan tidak berpaling pada masanya. Sekiranya pelajar bertindak balas dengan bercakap tentang semua kerja yang perlu dilakukan dan tuntutan yang bersaing, guru yang kemudian beralih perbincangan untuk satu tentang strategi pengurusan masa dan mencari sumber-sumber untuk menyokong pelajar. Menurut pernyataan dalam model ini, pendekatan ini mempunyai kemungkinan yang lebih tinggi kejayaan daripada hanya menyampaikan kesan kerana ini merupakan satu percubaan untuk membantu pelajar mengubah tingkah laku mereka sendiri (Malmgren et al., 2005).

Oleh itu, ternyata dalam usaha menjalankan model ini komunikasi yang berkesan perlu diwujudkan. Menurut Gordon (2003), terdapat 12 kategori sekatan dalam komunikasi yang dapat memperlahan atau menghentikan komunikasi sepenuhnya. Komunikasi yang sukar diterima ialah jenis komunikasi yang memberi arahan, memberi amaran atau ugutan, memberi dakwaan perlu dan patut, memberi nasihat, cadangan dan penyelesaian, dan mengajar, ceramah atau memberi olahan logik. Komunikasi yang memberi tindak balas yang cenderung kepada kekurangan kerosakan komunikasi ialah jenis yang menilai, mengkritik, tidak setuju dan menyalahkan, memanggil nama yang berunsur stereotaip dan label, menginterpritasi, analisis dan dianogsis. Komunikasi yang cuba memberikan pelajar rasa lebih baik ialah komunikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang memberi pujian, persetujuan dan memberi penilaian yang positif, dan menenangkan, turut merasakan, menghibur dan menyokong. Selain itu, komunikasi yang memberi maklum balas ialah komunikasi yang lebih kepada penyoalan, menyelesaikan sesuatu, menyoal siasat dan memeriksa maklum balas. Komunikasi yang bertujuan untuk mengalih atau mengelak pelajar tersebut ialah komunikasi yang tidak melibatkan diri, mengganggu, lawak yang berbentuk sindiran dan melencong kepada perbualan lain.

2.6.4 Model *Engagement Classroom*

Menurut McWilliam et.al. (2008), *Engagement Classroom Model (ECM)* berpusatkan kanak-kanak dan keluarga dalam membangunkan pendekatan untuk pembelajaran awal kanak-kanak yang sesuai. Perkembangan kanak-kanak amat penting terutamanya pada umur 0 - 6 tahun. *ECM* dilihat dapat memenuhi keperluan dalam perkembangan kanak-kanak. Model *ECM* menghasilkan tiga ciri utama yang diperlukan oleh kanak-kanak iaitu penglibatan, berdikari dan hubungan sosial. Tiga ciri ini tersebut menghasilkan kesan positif terhadap tingkah laku penyelesaian masalah dan interaksi dengan orang lain. Ketiga-tiga ciri ini membantu dalam menyediakan kanak-kanak untuk memasuki alam prasekolah dan seterusnya (McWilliam et.al., 2008).

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan oleh McWilliam et.al. (2008) membuktikan, model *ECM* berkesan dan boleh digunakan. Antara bukti-bukti daripada kajian yang dilakukan ialah cara pengurusan perkembangan kanak-kanak di dalam bilik darjah yang mempengaruhi penglibatan kanak-kanak. Semakin banyak penglibatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak antara guru dan kanak-kanak, semakin banyaklah interaksi yang baik berlaku di dalam bilik darjah. *Integrating therapies* di dalam aktiviti rutin dalam bilik darjah memberi kesan yang lebih baik terhadap keseluruhan perkembangan dan pencapaian matlamat.

Di dalam pendekatan model *ECM* beberapa strategi digunakan untuk menggalakkan kemahiran pembelajaran. Strategi tersebut ialah *incidental teaching, zone defense scheduling, integrated therapy services, functional family-centered need assessment, functional goals* dan *data collection* (McWilliam et.al., 2008).

2.6.5 Perbandingan Model Pengurusan Bilik Darjah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Empat model pengurusan bilik darjah yang relevan dengan kajian seperti yang telah dibincangkan dalam kajian ini bertujuan untuk pembangunan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21. Secara keseluruhannya, keempat-empat model tersebut memberikan penekanan yang berbeza dan terdapat juga persamaan elemen dalam menguruskan bilik darjah supaya dapat membantu proses pengajaran guru dan pembelajaran murid dengan lebih berkesan dalam persekitaran pembelajaran bilik darjah yang diurus dengan baik. Perbandingan keempat-empat model tersebut dapat dilihat dalam jadual 2.2 yang ditunjukkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2

Perbandingan Model Pengurusan Bilik darjah

Model *Assertive Discipline*	**Model *Logical Consequences***	**Model *Teacher Effectiveness Training***	**Model *Engagement Classroom***
• Kawalan dilakukan oleh guru terhadap tingkah laku pelajar. • Mendisiplinkan individu dengan cara yang tegas • Ganjaran dan hukuman menjurus kepada mendidik • Guru memastikan pelajar berkelakuan baik dan terpuji. • Kuasa guru mendisiplinkan • Model berpandukan empat komponen atau elemen : 1. Menetapkan peraturan dengan konsisten, tegas dan adil. 2. Memberitahu kesan positif sekiranya pelajar berkelakuan baik dan mematuhi peraturan. 3. Memberitahu kesan negatif sekiranya pelajar tidak mematuhi peraturan. 4. Bersama-sama dengan pelajar melaksanakan model dalam bilik darjah.	• Salah laku pelajar merupakan hasil daripada keperluan mereka yang tidak dipenuhi. • Semua pelajar memerlukan pengiktirafan sosial. • Apabila keperluan tidak dipenuhi, pelajar mempamerkan kelakuan buruk untuk mencari perhatian. • Model ini menekankan kepentingan membantu pelajar dalam memenuhi keperluan internal mereka untuk mendapatkan pengiktirafan dan penerimaan. • Guru berusaha untuk mewujudkan sebuah bilik darjah di mana semua pelajar merasakan diri mereka diiktiraf dan diterima • Elemen penting dan kekuatan sebenar model terletak pada penekanan terhadap : 1. Mencegah salah laku 2. Pencegahan	• Menekankan kepentingan mengajar pelajar untuk mengawal dan mengurus tingkah laku mereka sendiri • Nilai motivasi intrinsik dan menggalakkan guru-guru untuk menggunakan "I-mesej" ketika bercakap kepada pelajar-pelajar tentang tingkah laku bilik darjah yang bermasalah • Tidak menekankan peranan guru dalam pengurusan tingkah laku bilik darjah • Pelajar mengambil tanggungjawab dalam mengawal tingkah laku diri mereka melalui kaedah pemodelan • Sesuai untuk digunakan dengan pelajar usia menengah • Komunikasi yang berkesan perlu diwujudkan	• Berpusatkan kanak-kanak dan keluarga • Perkembangan kanak-kanak amat penting terutamanya pada usia 0 - 6 tahun • Menghasilkan tiga ciri utama yang diperlukan oleh kanak-kanak iaitu penglibatan, berdikari dan hubungan sosial. • Strategi yg digunakan untuk menggalakkan kemahiran pembelajaran ialah: 1. *Incidental teaching,* 2. *Zone defense scheduling,* 3. *Integrated therapy services,* 4. *Functional family-centered need assessment,* 5. *Functional goals,* 6. *Data collection.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi memastikan pengurusan bilik darjah dapat diuruskan dengan baik, model *Assertive Discipline* atau model mendisiplinkan individu merupakan model yang lebih menekankan kepada peranan guru atau berpusatkan guru. Model ini mementingkan kawalan yang perlu dilakukan oleh guru terhadap tingkah laku murid di dalam bilik darjah serta bagaimana untuk menanganinya. Mengikut model ini, ganjaran dan hukuman digunakan bagi tujuan mendidik. Kelebihan model ini ialah, model ini bukan sahaja mengenakan ganjaran dan hukuman malah model ini mementingkan perlunya peraturan untuk mengawal dan mendidik dalam usaha memastikan murid berkelakuan baik.

Terdapat sedikit persamaan model *Assertive Discipline* dengan Model *Teacher Effectiveness Training* dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat berlaku dalam persekitaran bilik darjah dengan baik. Model *Teacher Effectiveness Training* menekankan pentingnya guru mengajar murid mengawal dan mengurus tingkah laku mereka sendiri semasa berada di dalam bilik darjah. Model ini tidak menekankan peranan guru dalam pengurusan tingkah laku dalam bilik darjah sebaliknya menggalakkan guru memberi kuasa kepada murid dalam mengambil tanggungjawab mengawal tingkah laku diri mereka melalui kaedah pemodelan, dan mengajar murid bagaimana untuk konseptualisasi dan menyelesaikan masalah diri mereka dengan sendiri. Model ini juga cuba membina konsep bahawa pengurusan dalam bilik darjah yang berkesan akan memudahkan peralihan tanggungjawab pengurusan dari guru kepada pelajar. Pengajaran guru akan lebih mudah sekiranya murid dapat mengawal dan menguruskan tingkah laku mereka sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pandangan model *Assertive Discipline* dan Model *Teacher Effectiveness Training* dilihat sebaliknya oleh Model *Engagement Classroom*. Dalam menguruskan bilik darjah, model *Engagement Classroom* lebih memberi tumpuan berpusatkan kanak-kanak dan juga keluarga dalam membangunkan pendekatan untuk pembelajaran awal kanak-kanak yang sesuai. Model ini percaya bahawa keluarga memainkan peranan penting dalam membantu guru membentuk tingkah laku murid di bilik darjah. Bagi memastikan tumpuan berpusatkan kanak-kanak dan keluarga akan lebih mudah, model ini memperkenalkan tiga ciri utama yang diperlukan oleh kanak-kanak iaitu penglibatan, berdikari dan hubungan sosial. Tiga ciri-ciri tersebut dapat membantu dalam menyediakan kanak-kanak untuk memasuki alam prasekolah dan seterusnya.

Seterusnya, dalam menguruskan bilik darjah model *Logical Consequences* menekankan kepentingan membantu murid dalam memenuhi keperluan internal mereka untuk mendapatkan pengiktirafan dan penerimaan. Model ini percaya, tugas guru lebih mudah jika dapat memenuhi keperluan internal murid. Walaupun guru berusaha untuk mewujudkan sebuah bilik darjah di mana semua pelajar merasakan diri mereka diiktiraf dan diterima, tetapi kemungkinan kelakuan buruk masih berlaku.

Pendekatan yang diambil oleh model *Logical Consequences* dilihat mengambilkira perkembangan dan keperluan kanak-kanak. Pendekatan ini dilihat baik kerana keperluan kanak-kanak sememangnya perlu diberi perhatian oleh guru semasa berada di dalam bilik darjah. Namun, guru masih sukar untuk memberi fokus sepenuhnya jika murid datangnya daripada pelbagai latar belakang. Hal ini dipersetujui sendiri oleh model *Logical Consequences* dimana dalam usaha guru memenuhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keperluan murid untuk mengurus tingkah laku murid dengan cara memberi pengikitarafan akan masih berlaku kelakuan buruk dalam kalangan murid.

Selain itu, walaupun dengan hanya memberikan hukuman, pengiktirafan dan motivasi seperti yang terdapat dalam model yang dibincangkan mesih belum mencukupi dalam usaha menguruskan tingkah laku bilik darjah dengan baik. Hal ini akan menimbulkan suasana yang tidak adil dalam kalangan murid kerana setiap tindakan yang dilakukan oleh guru terhadap murid hendaklah disusuri dengan sebab yang jelas. Bagi memastikan tingkah laku dapat di kawal dan diurus dengan baik peraturan perlu ada supaya murid tahu dan faham tindakan yang dilakukan semasa berada di dalam bilik darjah. Memahami akan perkara tersebut, pelaksanaan Pendidikan Abad ke 21 juga ada menetapkan bahawa peraturan bilik darjah perlu menjadi perhatian guru. Kajian yang dijalankan oleh Brown (1975) juga menyatakan bahawa, peraturan bilik darjah adalah penting bagi kanak-kanak dan guru kerana mereka sedar dan mengharapkan mereka merasakan selamat. Kajian yang dijalankan oleh Hannikainen (2005) mendapati sejak guru prasekolah tahu peraturan sebelum kanak-kanak mula ke sekolah, mereka mencipta keadaan yang sesuai dan merangka peraturan-peraturan ini dengan kanak-kanak pada awal tahun.

Walaupun empat model yang dibincangkan ini memberi fokus terhadap pengurusan bilik darjah, namun aspek yang diberi keutamaan dilihat lebih kepada aspek tingkah laku. Aspek lain ada juga dinyatakan seperti kaedah pemodelan, interaksi, hubungan sosial dan motivasi namun masih kurang diberi perhatian dengan lebih mendalam. Terdapat juga model yang mencadangkan elemen tersebut lebih sesuai untuk murid di sekolah menengah dan ini menunjukkan kelemahan model ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sedangkan pengurusan bilik darjah tidak terhad kepada sekolah menengah tetapi sekolah rendah dan prasekolah.

Oleh itu, dengan menggabungkan aspek-aspek yang penting dalam setiap model yang dibincangkan tersebut seperti persekitaran bilik darjah, mewujudkan peraturan, hukuman, pengiktirafan, interaksi, pemodelan dan motivasi akan dapat memantapkan lagi model pengurusan bilik darjah prasekolah. Ini kerana, dalam setiap model yang dibincangkan terdapat elemen-elemen yang dilihat sesuai jika digabung untuk membentuk satu model baru dengan mengambilkira kandungan daripada setiap model tersebut.

2.7 Teori Kajian

Bagi tujuan kajian ini, dua teori mendasari kajian model yang akan dibangunkan. Dua teori tersebut akan dibincangkan dalam ruangan ini iaitu teori pembelajaran dan teori perkembangan.

2.7.1 Teori Pembelajaran

Empat teori pembelajaran telah dipilih bagi tujuan kajian ini, teori tersebut ialah Teori Konstruktivisime, Teori Pembelajaran Dewey, Teori Howard Gardner dan Teori Bandura.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.1.1 Teori Konstruktivisme

Menurut Borich dan Tombari (1997), konstruktivisime adalah pendekatan pembelajaran yang menyediakan peluang kepada pelajar untuk membina kefahaman terhadap perkara yang dipelajari dengan mewujudkan jaringan dan hubungan (dalam otak) antara idea dan fakta yang sedang diajar atau dipelajari. Selain itu, Konstruktivisme menurut McBrien dan Brandt (1997) adalah satu pendekatan pengajaran tentang bagaimana manusia belajar berdasarkan kepada penyelidikan. Kebanyakan penyelidik berpendapat setiap individu bukan hanya menerima pengetahuan daripada orang lain malah individu juga membina pengetahuannya sendiri.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Konstruktivisime menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda manusia yang juga merupakan proses pembelajaran. Pengetahuan dibina sendiri oleh murid secara aktif berdasarkan kepada pengetahuan sedia ada (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Berdasarkan pengalaman dan pengetahuan sedia ada, murid membina pengetahuan mereka dengan menguji idea, pendekatan dan mengaplikasikannya kepada situasi baru dan mengintegrasikan pengetahuan baru yang diperoleh dengan binaan intelektual yang sedia wujud (Briner M,1999).

Berdasarkan teori konstruktivisme, teori ini memberi penekanan yang lebih kepada murid berbanding guru. Ini kerana, semasa proses pembelajaran murid merupakan individu yang berinteraksi dengan bahan dan peristiwa dalam masa yang sama murid jugalah individu yang memahami tentang bahan dan peristiwa tersebut. Oleh itu, murid sendiri yang membina konsep dan murid jugalah yang akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyelesaikan masalah. Sehubungan dengan itu, autonomi dan inisiatif murid seharusnya diterima dan hendaklah sentiasa diberikan galakan (Sushkin N, 1999). Menurut Subadrah Nair dan Malar Muthiah (2005), menjelaskan bahawa seseorang dapat membina konsep dalam struktur kognitifnya dengan pengetahuan yang sedia ada padanya dan proses ini dikenali sebagai "*accretion".* Pendekatan konstruktivisme sangat penting dalam proses pembelajaran kerana murid digalakkan membina konsep sendiri dan menghubungkaitkan perkara yang dipelajari dengan pengetahuan yang sedia ada pada mereka. Dalam hal ini, sekali gus murid dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang sesuatu perkara.

Jean Piaget (1976), menjelaskan dalam bukunya '*To Understand is to Invent: The Future of Education'* bahawa pengetahuan seseorang individu itu dibina dan seterusnya berkembang adalah hasil pemahaman daripada individu itu sendiri. Piaget juga menekankan, pengetahuan semasa adalah bersifat sementara dan ianya boleh bertukar mengikut keadaan masa. Ini merupakan satu proses yang berterusan dan sentiasa disusun semula. Oleh itu, konsep konstruktivisme adalah merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menerangkan berkaitan proses pembelajaran manusia itu melalui penyusunan pengetahuan dalam minda mereka.

Pendekatan Konstruktivisme menurut kajian yang dilakukan oleh Peter, Abiadun dan Jonathan (2010) menunjukkan, pencapaian akademik murid boleh memberi hasil yang positif kesan daripada kemampuan pendekatan ini. Menurut Abdul Jalil dan Bahtiar (2005) mengenai teori konstruktivisme pula, bahawa murid boleh membina makna mengenai dunia dengan melaksanakan sintesis terhadap pengalaman baru yang mereka lalui dengan apa yang telah mereka fahami sebelumnya. Selain itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menurut Abdul Jalil dan Bahtiar (2005) lagi, ilmu pengetahuan yang dibina berasaskan pengalaman yang dilalui oleh setiap individu secara aktif adalah merupakan prinsip konstruktivisme. Penglibatan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sekiranya guru menggunakan pendekatan teori konstruktivisme akan dapat mengaktifkan penglibatan murid (Vighnarajah, Wong Su Luan & Kamariah, 2008).

Nik Aziz Nik Pa (1999) pula berpandangan bahawa, konstruktivisme adalah satu komitmen terhadap pandangan bahawa manusia membina pengetahuan sendiri dan tidak lebih daripada. Ini bermakna, pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang individu itu adalah hasil daripada individu tersebut kesan aktiviti yang dilakukan. Konstruktivisme bukanlah pengajaran atau sesuatu maklumat yang diterima secara pasif daripada luar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori konstruktivisme dipilih bagi tujuan kajian ini kerana mempunyai kaitan dengan objektif kajian ini iaitu mengenai amalan guru prasekolah menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah. Bilik darjah yang mempunyai persekitaran fizikal jika diurus dengan baik dan berkesan, akan dapat menyediakan peluang untuk kanak-kanak berinteraksi dengan bahan dan dapat membina kefahaman kanak-kanak tehadap bahan yang disediakan.

2.7.1.2 Teori Pembelajaran Dewey

John Dewey (1859–1952) berpendapat bahawa pembelajaran adalah berdasarkan pada pengalaman dan minat seseorang itu sendiri, topik dalam kurikulum seharusnya saling

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diintegrasi bukan terpisah atau tidak mempunyai kaitan antara satu sama lain. Pembelajaran adalah bersifat aktif, terlibat secara terus, berpusatkan murid dalam konteks pengalaman sosial. Kesedaran sosial menjadi tujuan dari aspek pendidikan, keterlibatan dan kerjasama dalam mengerjakan tugas. Guru bertindak sebagai fasilitator dalam perbincangan dan *review*. Dewey juga menyarankan penggunaan media teknologi sebagai sarana pembelajaran.

2.7.1.3 Teori Howard Gardner

Dalam konteks Teori Kecerdasan Pelbagai, kecerdasan yang didefinisikan oleh Howard Gardner ialah keupayaan untuk menyelesaikan masalah dalam tempoh satu atau lebih persekitaran budaya atau keupayaan mencipta produk yang dinilai. Menurut Howard Gardner lagi, kecerdasan tidak boleh diwarisi semata-mata dan kecerdasan boleh dipengaruhi oleh budaya, persekitaran, peluang pendidikan, makanan, suasana pembelajaran dan lain-lain. Teori Kecerdasan Pelbagai yang diperkenalkan oleh Howard Gardner lebih kepada aspek kognitif dan perkembangan psikologi, antrapologi dan sosiologi dalam menjelaskan kecerdasan manusia.

Pendapat yang dikemukakan oleh Howard Gardner menunjukkan bahawa kecerdasan seseorang dapat ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan. Beliau telah menyenaraikan lapan kecerdasan yang terdapat pada seseorang iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Kecerdasan Verbal-Linguistik

Kebolehan menggunakan kata-kata secara berkesan dalam penulisan dan lisan, termasuk kebolehan bercakap tentang bahasa itu sendiri, meyakini orang lain, serta mengingat maklumat.

ii. Kecerdasan Logik-Matematik

Kebolehan menggunakan nombor secara bijak berhujah dan berkesan, termasuklah memahami prinsip sebab dan akibat, kelompok nombor asas serta kebolehan menjangka.

iii. Kecerdasan Visual-Ruang

Kebolehan menggambarkan dan mengesan warna, ruang, bentuk dan garisan, termasuklah kebolehan mempersembahkan idea ruang dan visual secara grafik.

iv. Kecerdasan Kinestetik

Kebolehan menggunakan badan untuk menyatakan idea, menyelesaikan masalah, dan perasaan termasuklah kemahiran fizikal seperti koordinasi, kepantasan, keanjalan dan keseimbangan.

v. Kecerdasan Muzik

Kebolehan mengesan lagu dan irama, termasuk kebolehan mengenal lagu mudah serta mengubah atau membezakan rentak dan tempo dalam melodi yang mudah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Kecerdasan Interpersonal

Kebolehan memahami tabiat, motivasi, perasaan serta hasrat orang lain. Kecerdasan ini juga merupakan kemahiran bertindak secara berkesan terhadap orang lain secara praktikal seperti menggalakkan murid menyertai sesuatu projek.

vii. Kecerdasan Intrapersonal

Kebolehan memahami diri sendiri dari segi kekuatan, kelemahan, hasrat dan kehendak, termasuklah kemahiran bagaimana seseorang itu sama atau berbeza dengan orang lain. Kecerdasan ini juga dapat membantu individu menangani perasaan, beradap sopan serta mengawal kemarahan atau kesedihan diri.

viii. Kecerdasan Naturalis

Kebolehan mengklasifikasi dan mengenali tumbuh-tumbuhan, binatang, dan galian, termasuk rumput atau batu-batuan, serta pelbagai fauna dan flora. Ia juga merupakan kebolehan untuk mengenali artifak budaya dari segi pakaian dan makanan.

Berkaitan dengan kecerdasan tersebut, tidak semestinya kecerdasan seseorang itu melibatkan kesemua kecerdasan yang dinyatakan oleh Howard Gardner. Walau bagaimanapun, tidak mustahil ada dalam kalangan seseorang itu memiliki kesemua lapan tahap kecerdasan yang telah disenaraikan itu. Kecerdasan yang dinyatakan dalam teori kepelbagaian kecerdasan mempunyai perkaitan antara kecerdasan tersebut. Guru memainkan peranan penting dalam membuat perancangan aktiviti untuk pengajaran dan pembelajaran. Jika dilihat dalam konteks pendidikan, peranan guru adalah penting supaya dapat memenuhi keperluan lapan kecerdasan sepertimana kecerdasan yang diperkenalkan oleh Gardner.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.1.4 Teori Bandura

Menurut pendapat Jones (1995) dalam Teori Bandura, beliau menyatakan bahawa perkembangan emosi kanak-kanak dipelajari dengan cara peniruan. Manakala, cara kanak-kanak menyatakan emosinya pula adalah bergantung kepada apa yang telah diperhatikan oleh kanak-kanak tersebut. Beliau juga berpendapat, melalui tingkah laku emosi yang diperhatikannya kanak-kanak akan meniru tingkah laku tersebut dan akan melakukan gerak balas yang tidak pernah dibuatnya sebelum ini. Dalam teori kognitif sosial, manusia belajar melalui pemerhatian kemudian melakukan interaksi antara satu sama lain. Hal ini merupakan perkara asas dalam teori kognitif sosial. Proses tersebut merupakan proses yang dinamakan sebagai *modeling* yang merujuk kepada perubahan yang berlaku dalam diri seseorang yang diperolehi melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bandura (1986) menyatakan *modeling* merupakan satu bentuk peniruan yang dilakukan oleh individu. Peniruan secara langsung (*direct modeling)* merupakan pembelajaran melalui peniruan terhadap tingkah laku yang dipamerkan oleh model, contohnya, guru atau rakan sebaya. Bagi kanak-kanak, pemerhatian terhadap apa yang dilakukan oleh orang lain dihadapannya ianya adalah merupakan satu proses pembelajaran bagi kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak akan melakukan pemerhatian dan seterusnya berdasarkan apa yang telah diperhatikan oleh kanak-kanak tersebut mereka akan cuba mengubahsuai mengikut kesesuaian diri mereka. Contohnya, kanak-kanak akan melihat guru memuji tingkah laku kanak-kanak lain yang suka membantu rakannya membuat kerja. Pujian dan kata-kata semangat yang diberikan oleh guru juga merupakan pengukuhan dalaman kepada kanak-kanak. Apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang kanak-kanak melakukan tingkah laku yang mendapat pujian daripada guru, kanak-kanak lain akan meniru tingkah laku tersebut kerana pujian terhadap tingkah laku yang mendapat pujian daripada guru itu telah memotivasikan kanak-kanak yang lain. Selain itu, dalam situasi lain pula, sekiranya kanak-kanak ditegur oleh guru kerana keluar dari bilik darjah tanpa meminta kebenaran, kanak-kanak lain turut merasai teguran guru tersebut. Hal ini menunjukkan, kanak-kanak akan mempelajari secara kendiri dimana mereka akan menerima kesan iaitu akan ditegur oleh guru sekiranya keluar dari bilik darjah tanpa mendapat kebenaran daripada guru terlebih dahulu.

Untuk tujuan kajian ini, mekanisme peniruan adalah melibatkan perlakuan guru atau pun perlakuan kanak-kanak yang berlaku dalam bilik darjah. Perlakuan tersebut boleh dilihat dan akan menjadi contoh kepada kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.2 Teori Perkembangan

Bagi tujuan kajian ini, empat teori perkembangan dipilih iaitu teori perkembangan Piaget, Teori Sosial Erik Erikson, Teori Lev Vygotsky dan Teori Ekologi Bronfenbrenner.

2.7.2.1 Teori Perkembangan Piaget

Perkembangan kognitif kanak-kanak menurut Teori perkembangan Kognitif Piaget (1896-1980), kognitif kanak-kanak akan berkembang dan berubah mengikut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkembangan usia kanak-kanak. Dalam teori perkembangan Piaget ini perkembangan tahap Deria Motor (0 hingga 2 tahun), tahap Pra Operasi (2 hingga 7 tahun) dan tahap Operasi Konkrit (7 hingga 12 tahun) serta tahap Operasi Formal (selepas 12 tahun).

Bagi tujuan kajian ini, fokus kajian adalah kanak-kanak prasekolah yang berada pada tahap pra operasi iaitu kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan empat hingga enam tahun. Kanak-kanak pada tahap ini berkebolehan untuk menggambarkan sesuatu konsep menggunakan simbol atau bahasa. Apabila kanak-kanak mencapai usia empat tahun, perkembangan kognitif kanak-kanak semakin pesat dan boleh bertutur dengan fasih. Menurut Piaget (1926), kanak-kanak pada peringkat ini tidak berupaya berfikir mengikut pandangan orang lain dan mempunyai sifat egosentrik iaitu berfikir mengikut pandangan diri sendiri. Pada peringkat akhir, kanak-kanak berupaya memahami konsep pengabadian bilangan dengan mengelaskan objek mengikut ciri-ciri tertentu dan kanak-kanak berupaya memberi alasan dan sebab untuk menyokong kepercayaan mereka. Sehubungan dengan itu, pengurusan bilik darjah haruslah mengambilkira tahap kanak-kanak mengiktu tahap umur supaya bilik darjah yang disediakan akan lebih bermakna untuk kanak-kanak.

2.7.2.2 Teori Perkembangan Sosial Erik Erikson

Erikson (1902-1994) berpendapat dari aspek keperluan, manusia memerlukan bentuk keperluan yang sama dari segi keperluan asas dan tindak balas bergantung terhadap keperluan tersebut. Menurut Erikson lagi, mengenai perkembangan kanak-kanak setiap perkembangan yang berlaku akan mengikut perkembangan pada tahap-tahap tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekiranya konflik berlaku, Erikson percaya bahawa konflik tersebut perlu diatasi supaya tahap perkembangan kanak-kanak tidak terjejas.

Selain itu, Teori Erik Erikson juga dikenali sebagai Teori Perkembangan Psikososial Erikson. Teori Erik Erikson ini mengabungkan tiga faktor yang mempengaruhi perkembangan individu iaitu faktor kendiri, emosi, dan sosial. Teori ini juga memberi fokus terhadap pentingnya hubungan sosial dalam persekitaran kanak-kanak kerana personaliti kanak-kanak boleh dibentuk melalui perkembangan psikososial kanak-kanak. Imej kendiri individu kanak-kanak akan terkesan sekiranya matlamat yang ingin dicapai atau krisis yang ingin diselasaikan mencapai kejayaan atau kegagalan. Menurut Erikson, konsep kendiri yang positif mempunyai kaitan dengan perasaan berinisiatif semasa di prasekolah. Kanak-kanak yang berusaha secara kreatif dalam aktiviti kerja atau bermain, atau banyak melibatkan rakan sebaya akan berasa berjaya.

Mengikut Erikson lagi, proses yang penting dalam memastikan tahap perkembangan kanak-kanak ialah pelaksanaan suatu aktiviti dan bukannya hasil yang diperoleh dari aktiviti tersebut. Kanak-kanak cenderung menganggap diri mereka berjaya berdasarkan sama ada mereka telah berusaha, mempunyai kawan-kawan, dan dianggap sebagai kanak-kanak yang “baik” (Stipek et al., 1992). Inisiatif sosial menyumbang secara unik kepada konsep kendiri yang positif. Kanak-kanak yang mengambil inisiatif dalam interaksi dengan rakan sebaya dan kurang bergantung kepada orang dewasa didapati lebih berketrampilan dan yakin diri (Hartup, 1983).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat lapan peringkat atau tahap dalam teori ini, namun untuk tujuan kajian ini, peringkat yang terlibat ialah tahap 3 iaitu inisiatif lawan bersalah yang melibatkan kanak-kanak berumur antara 3 – 6 tahun. Antara mekanisme yang ada ialah kanak-kanak ingin meneroka dan mencuba sesuatu yang baru dan mencabar (inisiatif), dapat belajar dan bergerak dengan cepat, lebih peka kepada perkara betul dan salah, berasa malu apabila diketawakan dan seterusnya membina sikap positif. Galakan juga akan menyedarkan kanak-kanak tentang potensi diri kanak-kanak perlu dibiarkan bebas bermain dan mencuba kerana jika sering dikawal dari mencuba menyebabkan kanak-kanak takut dan kreativiti mereka tidak berkembang.

Pada tahap ini kanak-kanak mula berinteraksi dengan persekitaran. Banyak inisiatif dilaksanakan bagi memenuhi naluri ingin tahu yang tinggi. Mereka akan cuba melakukan kerja-kerja yang dibuat oleh orang dewasa. Perkembangan ketika ini tidak boleh disalah asuh kerana akan menyebabkan kanak-kanak hilang inisiatif, suka menyendiri dan akan menimbulkan masalah apabila memasuki alam persekolahan. Guru perlu bersikap penyayang, bertolak ansur dan brsabar supaya dapat memahami emosi kanak-kanak. Bagi menarik minat murid-murid, guru boleh mempelbagaikan kaedah mengajar ketika melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah kumpulan, perbincangan, inkuiri, dan mengadakan koperatif adalah antara kaedah pengajaran yang boleh dilaksanakan oleh guru.

Untuk tujuan kajian ini, mekanisme di atas akan dirujuk bagi melihat perkembangan yang berlaku pada diri kanak-kanak tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.2.3 Teori Lev Vygotsky

Vygotsky (1896-1934), seorang psikologi berbangsa Rusia telah memperkenalkan Teori Lev Vygotsky. Menurut Vygotsky, lebih dari setengah abad yang lalu beliau telah mengenal pasti aspek penting tentang fikiran kanak-kanak ini. Teori Lev Vygotsky merupakan teori yang merujuk atau melihat kepada perkara yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak iaitu interaksi sosial. Vygotsky berpendapat, perkembangan kognitif dan bahasa kanak-kanak tidak dapat berkembang jika kanak-kanak tersebut berada dalam situasi sosial yang lemah.

Menurut Teori Vygotsky berdasarkan konsep sosiobudaya, menawarkan suatu gambaran perkembangan manusia dalam kegiatan-kegiatan sosial dan budaya sesuatu yang tidak boleh dipisahkan, dan juga menekankan bagaimana orang-orang yang sudah mahir di dalam bidang-bidang tertentu boleh membantu dan membimbing kanak-kanak untuk perkembangan mereka (Mariani et. al. 2006).

Menurut Vygotsky (1978), berpendapat fungsi mental berkembang melalui interaksi sosial secara langsung. Maklumat tentang ketrampilan, dan hubungan interpersonal kognitif dapat dilihat melalui interaksi langsung dengan manusia. Mengenai suatu norma tingkah laku dan sosial yang luas, interaksi berperingkat boleh memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk membimbing hidupnya.

Vygotsky lebih banyak memberi menekankan terhadap aspek bahasa dalam perkembangan kognitif daripada Piaget. Pengalaman berbahasa anak bergantung pada tahap perkembangan kognitif ketika itu. Bagi Piaget, bahasa baru tampil ketika anak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sudah mencapai tahap perkembangan yang cukup maju. Namun, bagi ahli-ahli dalam psikososial mereka berpendapat bahawa bahasa hanya merupakan urutan tindak balas melihat perkembangan bahasa sama seperti tingkah laku sosial yang lain, misalnya duduk, berjalan, atau berlari. (Skinner, 1957) atau sebuah limitasi (Bandura, 1977), bagi Vygotsky, bahasa berkembang dari interaksi sosial dengan orang lain.

Vygotsky percaya bahawa sekiranya kanak-kanak berinteraksi dengan orang lain kanak-kanak akan jauh lebih berkembang dan dalam kajian ini, pengkaji akan memberi fokus terhadap kanak-kanak berinteraksi sesama mereka dan guru. Melalui zon perkembangan proksimal (ZPD), meskipun pada akhirnya kanak-kanak akan mempelajari sendiri beberapa konsep melalui pengalaman seharian, Vygotsky membezakan antara *actual development* dan *potencial development* pada anak. *Actual development* ditentukan melalui apakah seorang anak dapat melakukan sesuatu tanpa bantuan orang dewasa atau guru. Sedangkan *potencial development* membezakan apakah seorang anak dapat melakukan sesuatu, menyelesaikan masalah di bawah pengaruh orang dewasa atau kerjasama dengan rakan sebaya.


Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) menurut teori Vygotsky, merupakan ruang antara *actual development* dan *potencial development.* Perkembangan kanak-kanak berkemungkinan agak perlahan dimana kanak-kanak melakukan tugasannya di sekolah. Oleh itu, kanak-kanak perlu diberi peluang bekerja dengan rakan yang lebih berketerampilan, yang dapat memimpin mereka secara sistematik dalam menyelesaikan masalah yang lebih kompleks untuk memaksimumkan perkembangan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.2.4 Teori Ekologi Bronfenbrenner

Menurut Bronfenbrenner (1979) menyatakan lima sistem iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem yang berkaitan dengan persekitaran perkembangan individu. Tiga peringkat sistem perkembangan kanak-kanak pada usia awal menjadi fokus kajian ini iaitu mikrosistem, mesosistem dan ekosistem. Mikrosistem merupakan persekitaran yang terdekat dengan kanak-kanak yang melibatkan secara langsung interaksi kanak-kanak dan paling banyak peluang dihabiskan bersama mereka. Tahap Mikrosistem inilah kanak-kanak akan terlibat secara langsung seperti yang berlaku dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Situasi ini juga boleh dilihat dalam rajah 2.1.



Rajah 2.1. Teori Ekologi Bronfenbrenner

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam rajah 2.1 di atas menerangkan bahawa kanak-kanak yang berada dalam lingkungan mikrosistem tersebut adalah kanak-kanak yang dikelilingi ahli keluarganya dan juga dikelilingi oleh komuniti setempat yang berada di sekeliling kanak-kanak tersebut. Sistem ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang dikelilingi oleh keluarga dan komuniti, saling memerlukan antara satu sama lain. Selain itu, interaksi kanak-kanak yang berlaku di dalam keluarga mereka seperti interaksi kanak-kanak dengan ahli keluarga seperti ibu bapa dan interaksi kanak-kanak bersama adik beradik. Manakala interaksi yang berlaku melibatkan antara kanak-kanak dengan rakan, dengan jiran serta dengan guru ianya merupakan satu proses yang berlaku dalam perkembangan kanak-kanak. Keluarga terutamanya ibu dan bapa adalah agen sosialisasi paling penting dalam kehidupan seorang kanak-kanak dimana keluarga sebagai individu yang terdekat atau paling hampir dengan kehidupan seorang kanak-kanak. Keluarga mempunyai pengaruh yang sangat besar ke atas tingkah laku kanak-kanak. Kajian di dalam dan di luar negara menunjukkan bahawa faktor persekitaran yang melibatkan kanak-kanak dengan ibu bapa secara aktif memberi kesan langsung ke atas semua aspek perkembangan kanak-kanak (MacNaughton, 2005).

Selain itu, mesosistem pula merupakan perhubungan antara mikrosistem dengan mikrosistem yang lain (Bronfenbrenner,1979). Berdasarkan mikrosistem, perkara yang berlaku akan dapat mempengaruhi interaksi dengan mikrosistem yang lain. Sebagai contoh, keadaan atau perkara yang berlaku di rumah boleh mempengaruhi tingkah laku dan personaliti seseorang individu atau pelajar itu ketika mereka berada di sekolah. Situasi ini dapat dilihat apabila sesuatu masalah berlaku sesuatu kepada kanak-kanak semasa berada di rumah kanak-kanak tersebut kemudian akan membawa tingkah laku yang bermasalah itu di sekolah dan akan mempengaruhi interaksinya di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini menunjukkan, sekiranya kanak-kanak mempunyai masalah ketika mereka berada di rumah akan memberi kesan kepada kanak-kanak tersebut dimana masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak semasa di rumah akan membawa masalah tersebut ke sekolah. Hal ini akan menyumbang kepada terganggunya emosi kanak-kanak dan implikasinya ialah masalah tersebut akan menjejaskan pelajaran mereka. Ibu bapa akan menjadikan kanak-kanak merasa takut dan memberontak apabila kanak-kanak berada di sekolah dan ini mempengaruhi tingkah laku sosial mereka sepertimana seorang kanak-kanak yang sering dimarahi oleh ibu bapanya (Bronfenbrenner, 1979).

Eksosistem pula merupakan melibatkan sesuatu pengalaman dengan persekitaran. Ekosistem yang melibatkan pengalaman dan persekitaran tersebut ialah kanak-kanak tidak dilibatkan kanak-kanak secara langsung dalam membuat keputusan tetapi keputusan yang diambil dalam persekitaran tersebut telah memberi kesan kepada kanak-kanak atau orang dewasa yang terlibat dengan kanak-kanak tersebut. Ini menunjukkan, sesuatu pengalaman individu itu akan turut mempengaruhi orang lain. Dari aspek pengurusan, perkembangan sosial setiap kanak-kanak secara tidak langsung akan dipengaruhi oleh kemudahan yang terdapat di sekolah serta peraturan yang berkuatkuasa (Bronfenbrenner, 1979).

2.8 Model Kajian

Dalam model kajian ini, pengkaji akan menerangkan model yang digunakan sebagai dasar kajian. Model yang digunakan untuk fasa I adalah Model Interaktif Analisis Data, fasa II adalah Model ADDIE (*Analysis-Design-Development-Implementation-*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Evaluation) dan model penilaian CIPP (*Context*, *Input*, *Process*, *Product*) digunakan untuk fasa III. Kesemua model ini akan diterangkan dalam subtopik yang selanjutnya.

2.8.1 Model Interaktif Analisis Data

Dalam kajian ini, Model Interaktif Analisis Data yang digunakan oleh Miles & Huberman (1994) seperti gambar rajah 2.2 akan digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi daripada sesi temu bual secara deskriptif. Data yang berasaskan rakaman temu bual dan teks seperti transkrip temu bual, nota lapangan dan nota pengkaji diurus dengan sistematik mengikut kompenan tertentu seperti komponen pengumpulan (*collection*), reduksi (*reduction*), penyajian (display), dan kesimpulan (*conclusion*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



(sumber: Miles & Huberman, 1994)

Rajah 2.2. Model Interaktif Kompenan Analisis data yang menunjukkan aliran analisis data yang digunakan untuk menganalisis data dapatan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum menganalisis data kajian, pengkaji akan membuat pengumpulan data terlebih dahulu. Di peringkat pengumpulan, semua data daripada sumber yang diperolehi dikumpulkan, transkrip temu bual, dan nota catatan temu bual pengkaji yang diperolehi melalui sesi temu bual. Data yang diperolehi tersebut akan disusun mengikut kategori dan dianalisis terlebih dahulu. Data temu bual yang disimpan dalam bentuk rakaman audio akan dibuat transkrip. Data yang diperolehi melalui enam sesi temu bual, pengkaji akan terjemahkan catatan temu bual dalam bentuk nombor, abjad dan warna untuk memudahkan analisis data dan rujukan.

Peringkat reduksi data merupakan peringkat pembersihan data dengan membuat analisis data dengan memperincikan, menggolongkan, pemotongan, membuang yang tidak perlu dan mengorganisasikan data tersebut. Pada peringkat reduksi data ini, pengkaji akan membuat pembersihan data dengan membaca berulang kali dan akan cuba memahami maklumat yang diperolehi sambil mengenal pasti jenis-jenis pengekodan yang akan dibuat, sama ada maklumat yang ada boleh dikategorikan dengan tema-tema tertentu yang mempunyai kaitan dengan fokus kajian.

Pada peringkat penyajian data iaitu selepas pembersihan data dibuat, pengkaji akan mengolah dan mengorganisasikan semula maklumat dan data untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditentukan. Seterusnya, di akhir analisis data pengkaji akan merumuskan hasil kajian. Pada peringkat ini, proses verifikasi dari aspek kesesuaian, kebenaran dan kesahihan data yang diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2.8.2 Model ADDIE

Asas pembinaan model dalam kajian ini adalah dengan menggunapakai model ADDIE (*Analysis-Design-Development-Implementation-Evaluation*) oleh Michael Molenda (2003) untuk membina Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah. Model ADDIE yang diperkenalkan pada pertengahan tahun 1960an ini dijadikan panduan untuk merekabentuk program latihan bagi anggota tentera Amerika Syarikat. Sehingga kini terdapat lebih daripada seratus model yang dibina (McDonald & Zeiter, 2005) termasuk model ADDIE oleh Molenda (2003). Model ADDIE yang direkabentuk oleh Molenda (2003) telah digunakan untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul mengenai pendidikan. Misalnya, model tersebut telah dimanfaatkan untuk mencipta produk pendidikan seperti merekabentuk program latihan, instrumen kajian, bahan pengajaran dan pendekatan atau idea misalnya teori dan model pendidikan serta panduan asas untuk membangunkan sesebuah organisasi seperti institusi pendidikan (Paas, Renkl & Sweller, 2004; Strickland, 2006).

Oleh itu, model ADDIE akan digunapakai dalam kajian ini kerana proses kawalan yang berlaku di setiap peringkat secara berterusan. Kruse (2006), Molenda (2003) dan Strickland (2006) turut menjelaskan manfaat menggunakan model ADDIE iaitu terdapatnya himpunan prosedur yang sistematik, dinamik dan fleksibel serta saling memerlukan di setiap peringkat. Dengan kata lain, pengkaji berupaya untuk menilai kekuatan dan kekurangan produknya pada setiap peringkat sebelum, semasa dan selepas pembentukan produk tersebut (Kruse, 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sumber: McDonald & Zeiter (2005). *ADDIE Goes To Russia.* (http://jasonmancillas.tripod.com/UNIHerzenfeminarHandbook.pdf)

Rajah 2.3. Model ADDIE (*Analysis-Design-Development-Implementation-Evaluation*)

Rajah 2.3 menunjukkan, lima peringkat yang perlu dilaksanakan ketika merekabentuk sesuatu produk seperti model, instrumen, pendekatan atau teori (McDonald & Zeiter, 2005; Phillips & Phillips, 2002). Andaian bagi model ini adalah, proses yang dilaksanakan mengikut langkah demi langkah dan ada kalanya proses tersebut menjangkaui peringkat yang lain (McGriff, 2000).

Terdapat lima peringkat dalam model ADDIE iaitu peringkat analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan, dan penilaian. Pada peringkat analisis, pengkaji akan mengenal pasti permasalahan yang wujud dalam penyediaan dan pengurusan bilik darjah prasekolah KPM, membentuk matlamat dan objektif dalam pengurusan, mengenal pasti keperluan pihak berkepentingan dalam pendidikan, persekitaran pembelajaran, tahap kemahiran dan pengetahuan sedia ada guru prasekolah. Pada peringkat reka bentuk, adalah peringkat yang melibatkan objektif pendidikan, instrumen penilaian, latihan, kandungan, perancangan dan media penyampaian pilihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat ini adalah bersifat sistematik dan spesifik. Sistematik bermaksud suatu proses yang logik, kaedah yang sesuai dan proses penilaian terhadap objektif yang ditetapkan. Manakala, spesifik adalah setiap elemen dalam merekabentuk sesuatu produk hendaklah terperinci penerangannya.

Seterusnya adalah pada peringkat pembangunan. Pada peringkat ini, pengkaji akan memberi penekanan terhadap keupayaan untuk memantapkan kandungan model yang mengandungi empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah agar bersesuaian dengan kehendak dan perubahan teknologi serta pembelajaran abad ke 21 serta kehendak prasekolah KPM. Selain itu, keupayaan model yang akan dibangunkan adalah berdasarkan maklum balas penilaian pakar yang diperolehi. Pada peringkat pelaksanaan, model yang akan direkabentuk digunakan dalam situasi sebenar dan seterusnya diikuti dengan peringkat penilaian. Pada peringkat penilaian, proses penilaian kebolehgunaan model akan dilaksanakan oleh guru prasekolah KPM bagi memperbaiki sekiranya terdapat kelemahan atau kekurangan yang wujud pada peringkat tertentu.


2.8.3 Model CIPP

Model CIPP (*Context, Input, Process, Product*) adalah model penilaian yang telah dibangunkan oleh Stufflebeam (2003). Menurut Stufflebeam (2003), model penilaian CIPP ini merupakan rangka kerja yang menyeluruh bagi membantu dalam melaksanakan penilaian secara formatif atau sumatif. Menurut Stufflebeam (2003), model penilaian CIPP ini juga merupakan model penilaian kesesuaian yang berkait

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rapat dengan penilaian kebolehgunaan. Penilaian kesesuaian boleh digunakan untuk menilai sejauh mana sesuatu program itu boleh disesuaikan dan dapat digunakan di tempat lain (Stufflebeam, 2003). Manakala, hasil kesesuaian akan dapat dikenalpasti melalui penilaian produk iaitu jangkauan kesesuaian program yang diperolehi daripada kumpulan sasaran Stufflebeam (2003).



(Sumber : ubahsuai daripada Stufflebeam (2003))

Rajah 2.4. Model Penilaian CIPP

Rajah 2.4 menunjukkan pusat utama yang membawa nilai utama dan asas bagi sesuatu kurikulum atau program yang dinilai. Nilai merujuk kepada idea utama yang telah dikenalpasti oleh individu, kumpulan atau komuniti (Stufflubeam et. al, 2003)

Model penilaian ini mengandungi empat dimensi penilaian dalam membuat keputusan iaitu penilaian *context, input, process, product* (CIPP). Penilaian konteks adalah penilaian yang berkaitan dengan matlamat sesuatu kurikulum. Penilaian konteks menilai keperluan, masalah, dan peluang untuk membantu mengenal pasti matlamat dan hasil sesuatu program (Stufflubeam et. al, 2003). Bagi tujuan kajian ini,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilaian yang dibuat adalah mengenai elemen yang terdapat dalam model yang dibangunkan selaras dengan keperluan dan masalah agar memenuhi matlamat pengurusan bilik darjah prasekolah.

Penilaian input pula tertumpu kepada perancangan, strategi, prosedur dan sumber yang terlibat dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program (Stufflubeam et. al, 2003; Ornstein & Hunkins, 2009). Bagi tujuan kajian ini, penilaian input memberi tumpuan terhadap perancangan, strategi, prosedur dan sumber yang akan dibuat oleh guru prasekolah dalam menggunakan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang telah dibangunkan. Tumpuan ini penting supaya model yang dibangunkan dapat membantu guru prasekolah dan mampu mencapai matlamat dan objektif model yang dibangunkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian proses pula tertumpu kepada pelaksanaan program (Stufflubeam et. al, 2003; Ornstein & Hunkins, 2009). Penilaian proses penting untuk melihat adakah apa yang dilaksanakan kongruen dengan apa dirancang. Maklumat ini perlu diketahui dari masa ke masa untuk mengawal pelaksanaan program (Azizi, 2001). Perkara pertama yang dilihat dalam penilaian proses ialah dalam aspek pelaksanaan objektif dan tujuan model yang dibangunkan.

Penilaian produk tertumpu kepada hasil program setelah ia selesai dilaksanakan. Penilaian produk melihat adakah matlamat, objektif serta hasil pembelajaran dicapai. Penilaian produk juga melihat aspek pencapaian termasuklah bilangan dan peratusan samada secara teori atau kompetensi klinikal. Selain itu penilaian produk juga boleh melihat dalam aspek pengetahuan dan kemahiran. Bagi tujuan kajian ini, untuk menilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

produk iaitu menilai kebolehgunaan model, pengkaji menyediakan instrumen penilaian kebolehgunaan untuk membantu pakar melaksanakan penilaian kesesuaian komponen dan elemen model prototaip yang dibangunkan.

Ramai dalam kalangan pengkaji dan penilai di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara membuat penilaian program atau kurikulum menggunakan Model CIPP ini. Ini kerana, rekabentuk model ini bertujuan untuk penambahbaikan serta membuat keputusan berkaitan dengan sesuatu program atau pun kurikulum (Ghazali, 2010; Stufflebeam & Shinkfield, 1985). Beberapa orang pengkaji dalam negara telah menggunakan model CIPP ini untuk menilai program atau kurikulum. Kajian yang dijalankan Tan (1998), telah menggunakan model CIPP ini untuk menilai keberkesanan subjek Sains dalam Program Latihan Guru (KPLI) dengan kombinasi kaedah kualitatif dan kuantitatif. Muhammad (1997), dalam kajiannya menggunakan model ini melalui kajian kualitatif untuk menilai keberkesanan program Diploma Pendidikan di fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Selain itu, Rosnani dan Shaari (1998) dalam kajian tindakannya menggunakan model CIPP ini menilai keberkesanan program halaqah ta'aruf iaitu Program Orientasi untuk pelajar baru di Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Manakala Aziz (2001) pula telah menggunakan model CIPP ini untuk menilai kurikulum Kemahiran Hidup di sekolah-sekolah menengah di Malaysia dan hasil penggunaan model tersebut beliau telah dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan sesuatu pembolehubah dalam setiap dimensi. Impak kajian tersebut telah dapat membantu untuk membuat keputusan terhadap pelaksanaan dan beberapa cadangan untuk tujuan penambahbaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9 Amalan Bersesuaian Dengan Perkembangan Kanak-Kanak

Gestwicki (2011) menyatakan pendapat bahawa, Amalan Perkembangan yang bersesuai didefinisikan sebagai *"applying child development knowledge in making thoughtful and appropriate decisions about early childhood program practices"* dan menurut Copple and Bredekamp (2009) Amalan Perkembangan yang bersesuai didefinisikan sebagai "*that best practice is based on knowledge – not on assumptions – of how children learn and develop"*. Selain itu, menurut Copple dan Bredekamp (2009) DAP adalah satu kerangka yang berasaskan kepada perkembangan pembelajaran kanak-kanak dan seterusnya merupakan satu rumusan yang dibuat bagi menyokong perkembangan pembelajaran secara optima. Dengan kata lain, pendekatan ABP memberi penekanan terhadap penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan ini dilihat bersesuaian dengan tahap perkembangan diri, umur, bakat, kebolehan serta minat murid. Menurut Copple dan Bredekamp (2009) DAP juga adalah berasaskan kepada bagaimana seseorang kanak-kanak belajar dan berkembang, serta muncul sebagai tindakan bertentangan dengan gerakan.

The National Association for the Education of Young Children (NAEYC) adalah merupakan sebuah organisasi terbesar di dunia yang banyak menjalankan kajian dan kerja-kerja yang berkait dengan pendidikan kanak-kanak dan salah satu matlamat NAEYC adalah memberi penekanan kepada praktis atau amalan yang professional dalam kalangan pengamal pendidikan awal kanak-kanak.

Mengikut NAEYC, pendidikan awal kanak-kanak merupakan program yang memberi layanan, asuhan dan juga bimbingan kepada kanak-kanak bermula umur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak dilahirkan sehingga kanak-kanak berumur lapan tahun. Menurut NAEYC lagi, kanak-kanak perlu bermain dalam aktiviti yang perlu dilaksanakan dalam pembelajaran kanak-kanak juga menekankan perlunya pembelajaran dalam pendidikan awal kanak-kanak melalui aktviti bermain. NAEYC juga menegaskan bahawa bermain adalah wahana utama untuk perkembangan kanak-kanak. NAECY percaya pembelajaran kanak-kanak seharusnya berdasarkan *Developmentally Appropriate Practices* (DAP) ataupun amalan bersesuaian dengan perkembangan. Amalan bersesuaian dengan perkembangan yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan aktiviti yang berpusatkan murid bagi membantu kanak-kanak untuk terus belajar dengan mengutamakan keupayaan kanak-kanak secara individu.

Teori perkembangan kanak-kanak Erikson (1950) dan Piaget (1980) menekankan keupayaan yang berbeza serta boleh dilakukan kanak-kanak pada tahap yang berlainan. Tahap ini adalah mengikut perkembangan kanak-kanak dan perkembangan ini dapat diasah dan di tingkatkan mengikut keperluan kanak-kanak., *National Association for the Education of Young Children* (NAEYC) iaitu sebuah badan penyelidikan pendidikan awal kanak-kanak percaya bahawa kanak-kanak belajar mengikut keperluan dan perkembangan mereka. NAEYC sering menekankan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan awal kanak-kanak iaitu seharusnya bersesuaian dengan perkembangan kanak kanak dan amalan-amalan terbaik. Menurut NAEYC, apabila pengamal dalam bidang penidikan awal kanak-kanak membuat keputusan setiap hari yang berkaitan dengan kanak-kanak sama ada untuk jangka pendek atau untuk jangka panjang, mereka seharusnya meletakkan dalam pemikiran bahawa matlamat utama terhadap perkembangan pembelajaran adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan membangunkan strategi yang bertujuan bagi *intentional strategies* bagi menyokong pencapaian matlamat ini (Copple & Bredekamp, 2009).


Fokus Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan adalah terhadap amalan bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak. Amalan bersesuaian tersebut melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kanak-kanak, belajar melalui bermain, pembelajaran kontekstual dan pembelajaran berasaskan projek menekankan kepada inkuiri penemuan, dan menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bersepadu, dan bertema. Pendekatan dan kandungan pembelajaran yang sesuai dengan mengambil kira perbezaan antara individu dan peringkat perkembangan kanak-kanak adalah merupakan prinsip utama yang digunakan (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan keperluan kanak-kanak dan keperluan kurikulum, perkara yang ditetapkan oleh Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) ialah guru prasekolah perlu menyediakan perancangan pengajaran dan pembelajaran sebelum guru prasekolah melaksanakan pengajaran. Perancangan dan pelaksanaan tersebut perlu menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak (*developmentally appropriate*). Guru prasekolah juga hendaklah menyediakan perancangan aktiviti pengajaran bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak supaya pelaksanaan aktiviti pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan memberi makna kepada kanak-kanak. Berdasar Jadual 2.5, menunjukkan kerangka konsep KSPK terhadap kedudukan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak dalam KSPK yang dapat dilihat seperti yang dipamerkan pada rajah 2.5 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.5. Kerangka Konsep Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10 Pendidikan Abad Ke 21

Pelbagai pendekatan dan definisi pembelajaran telah pun digunakan dan diperkenalkan supaya dapat membezakan Pendidikan Abad ke 21 dengan pendidikan sebelum abad ke 21. Pelbagai soalan yang kerap ditimbulkan oleh warga pendidik mengenai maksud Pendidikan Abad ke 21 dan apakah perbezaannya dengan pendidikan sebelumnya (Institut Aminuddin Baki, 2017). Pendidikan Abad ke 21 merupakan pendidikan yang berupaya melahirkan warga negara berpengetahuan untuk menangani pelbagai isu-isu kemanusiaan, warga negara yang bermotivasi, berkemahiran, dan persekitaran yang mampan, terbuka dan mampu saling hormat-menghormati (Witt & Orvis, 2010). Palmer (2015), mencadangkan pengajaran Pendidikan Abad ke 21 antaranya ialah pengajaran berpusatkan murid dan kolaboratif. Pengajaran berpusatkan murid dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kolaboratif merupakan perkara yang menjadi fokus dalam kajian pembangunan model ini.

2.10.1 Pengajaran berpusatkan murid

Dalam usaha mendapatkan ilmu dan maklumat, murid tidak perlu lagi bergantung kepada guru berkaitan apa yang dipelajari apabila guru sebagai pemudahcara menyediakan peluang kepada murid untuk mengakses maklumat secara kendiri. Kaedah pengajaran guru secara pukal tidak lagi sesuai untuk semua murid dalam pengajaran dan pembelajaran kerana guru tidak lagi memonopoli ilmu pengetahuan. Selaras dengan tahap kemampuan, stail, perbezaan personaliti, dan motivasi, murid harus diberi bimbingan yang berbeza dalam proses pembelajaran. Kuantiti dan kualiti pembelajaran murid akan dapat ditingkatkan dengan memberi motivasi intrinsik berbanding dengan cara pengajaran berpusatkan guru (Institut Aminuddin Baki, 2017).

2.10.2 Kolaboratif

Teknologi berupaya memudahkan kerjasama diadakan antara guru dengan murid, dan antara murid dengan murid. Melalui teknologi, pelbagai bahan dapat dibangunkan bersama dalam kumpulan secara maya melewati batasan tempat dan masa dengan kos yang minimum seperti bahan berbentuk digital, persembahan, dan projek. Bahan-bahan yang dapat dibangunkan dengan individu lain yang mempunyai minat yang sama dan pembelajaran menjadi lebih realistik dan menarik (Institut Aminuddin Baki, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Institut Aminuddin Baki (2017) juga menyenaraikan perkara yang berkaitan dengan Pendidikan Abad ke 21. Perkara yang disenaikan itu juga mempunyai perkaitan dengan pembangunan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang akan dibangunkan dalam kajian pengkaji iaitu pengurusan berkaitan bilik darjah, perancangan pengajaran, pedagogi, pencerapan, alat bantu mengajar dan pentaksiran murid.

2.10.3 Pengurusan Bilik Darjah

Dalam aspek pengurusan bilik darjah, guru perlu memberi fokus terhadap kemahiran pengurusan bilik darjah kerana kemahiran tersebut merupakan satu aspek yang berkaitan dengan pengajaran bagi memaksimakan masa pembelajaran. Menurut Marzano, Marzano, dan Pickering (2003) salah satu daripada tiga elemen utama dalam pengajaran yang berkesan adalah kemahiran pengurusan bilik darjah. Manakala menurut James Ang (2014), beliau telah mengkategori kemahiran pengurusan bilik darjah kepada tujuh dimensi seperti berikut:

1. Personaliti, sikap dan ekspektasi guru
2. Susun atur persekitaran fizikal
3. Pergerakan dan pengumpulan murid
4. Pengurusan disiplin murid
5. Pendaftaran murid dan kutipan yuran
6. Penyimpanan rekod-rekod kehadiran
7. Laporan dan penyimpanan rekod.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuh dimensi yang dinyatakan tersebut adalah mengikut kategori kemahiran pengurusan bilik darjah dari aspek susun atur persekitaran fizikal, pengumpulan dan pergerakan murid, dan pengurusan disiplin murid merupakan perkara yang mempunyai perkaitan dengan pembangunan model pengurusan mengenai bilik darjah prasekolah yang akan dibangunkan dalam kajian ini.

Pembelajaran murid boleh dipengaruhi kesan daripada susun atur persekitaran fizikal bilik darjah kerana persekitaran fizikal merupakan ‘musuh’ atau ‘kawan’ (Marling dan Paugh, 2004). Persekitaran yang kondusif boleh menghalang atau mengalakkan pembelajaran murid. Menurut Nair dan Fielding (2009), Model T yang dipelopori oleh Henry Ford adalah rekabentuk awal sekolah pada kurun ke-20. Apabila ruang tambahan digunakan dan koridor bilik darjah diperluaskan untuk tujuan kegiatan kolaboratif maka bermulalah satu evolusi rekabentuk bilik darjah. Bilik darjah abad ke 21 mengandaikan, satu suasana dan kedudukan di mana sebilangan murid akan memperolehi ilmu yang sama dari orang yang sama, dengan cara yang sama, pada waktu yang sama, di tempat yang sama dalam beberapa jam sehari. Terdapat beberapa ciri bilik darjah abad ke 21 di mana ciri-ciri tersebut berkisarkan kepada tiga faktor iaitu faktor pertama bilik darjah adalah ruang untuk menjajarkan pembelajaran fizikal dengan pembelajaran mental. Faktor kedua bilik darjah adalah dengan menyediakan tempat dan ruang untuk murid melibatkan diri secara aktif melalui cara pembelajaran secara kendiri. Manakala faktor yang ketiga ciri bilik darjah abad ke 21 ialah dengan menyediakan situasi bilik darjah yang dapat meningkatkan autonomi pembelajaran murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat perbezaan antara ciri-ciri bilik darjah yang konvensional dengan ciri-ciri bilik darjah abad ke 21. Fokus Ciri-ciri bilik darjah abad ke 21 adalah untuk melahirkan murid yang berinovasi, tinggi produktivitinya, boleh menguasai teknologi, dan mempunyai kemahiran komunikasi yang efektif. Guru perlu ada inisiatif dan dituntut untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi dalam menerapkan kaedah pembelajaran kerana ianya berkait rapat dan sesuai dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat untuk zaman mereka (Chin, 2011). Berdasarkan laporan UNESCO (*Report of the International Commission on Education for the Twenty First Century*) menyenaraikan empat tunggak pendidikan yang berterusan sepanjang hayat yang berasaskan kepada empat tunggak berikut:

1. Belajar untuk tahu (*Learning to know*)
2. Belajar untuk buat (*Learning to do*)
3. Belajar untuk hidup bersama (*Learning to live together*)
4. Belajar untuk menjadi (*Learning to be*)

Sehubungan dengan itu, persekitaran positif bilik darjah perlu diwujudkan agar mampu memberi motivasi kepada murid supaya memudahkan untuk mereka bertindak ke arah mencapai objektif pengajaran guru dan juga pembelajaran murid.

Antara ciri-ciri lain yang melibatkan pengurusan bilik darjah Pendidikan Abad ke 21 ialah dengan menyediakan pesekitaran bilik darjah yang kondusif, mempunyai peraturan dan prosedur pengurusan bilik darjah dan berpusatkan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10.4 Bilik Darjah Berpusatkan Murid

Suasana bilik darjah yang berkesan adalah suasana bilik darjah yang mampu mengutamakan minat murid. Suasana bilik darjah hendaklah sentiasa memenuhi cara pembelajaran, keupayaan, dan keperluan setiap murid kerana setiap murid itu adalah berbeza iaitu memiliki otak yang berbeza dan mempunyai keperluan yang berbeza. Berdasarkan teori kecerdasan pelbagai yang diperkenalkan oleh Howard Gardner (1983) dalam bukunya *Frames of Mind*, suasana bilik darjah yang dibincangkan ini dilihat selaras dengan teori kecerdasan tersebut. Susun atur bilik darjah perlulah memberi ruang kepada murid agar dapat mengoptimumkan perbezaan mereka dari segi kebolehan dan minat dan dapat mengambil kira aspek yang dapat mengalakkan murid berinteraksi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10.5 Persekitaran yang Kondusif

Susun atur fizikal bilik darjah dan perubahan dalam organisasi menurut Darch dan Kamer'eriul (2004), adalah susun atur dan perubahan yang dapat memberi kesan yang dramatik terhadap perlakuan murid. Perkara ini termasuklah susun atur perabut dalam bilik darjah yang memainkan peranan yang penting agar kedudukan perabut tidak menghalang penglihatan murid daripada guru yang sedang mengajar. Perabut yang ada dalam bilik mestilah menjadi tempat pengumpulan bahan dan sumber yang boleh dirujuk oleh murid. Doman (2002) juga menghuraikan bahawa lebih daripada 30 dapatan kajian menunjukkan persekitaran bilik darjah yang berkualiti mempunyai signifikan dengan pembelajaran murid. Persekitaran bilik darjah yang kondusif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai kaitan dengan peranan guru dalam mengurus bilik darjah. Guru perlu peka dengan susun atur bilik darjah dalam menjayakan sebarang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang. Peranan guru dalam mengurus bilik darjah ini termasuklah pengurusan perancangan pengajaran.

Di samping itu, faktor pencahayaan dan bunyi juga mempengaruhi suasana pembelajaran dalam bilik darjah. Cahaya dalam bilik darjah juga mempengaruhi suasana bilik darjah yang memberikan kesan yang berbeza pada individu dan terdapat murid yang sangat sensitif terhadap cahaya (Institut Aminuddin Baki, 2017). Kajian Dunn dan Dunn (1978) mendapati terdapat individu memerlukan cahaya yang terang dalam persekitaran bilik darjah semasa belajar. Menurut Siti Hawa Munji (1989), sinaran cahaya yang terlalu terang boleh menyebabkan pelajar tidak suka dengan suasana tersebut. Ini kerana, mata mereka akan cepat letih atau mengantuk kerana terdedah dengan cahaya yang terlalu terang. Bagi Ibrahim Abu Samah (1995) pula, pencahayaan bukan faktor yang boleh mengurangkan minat pelajar terhadap pembelajaran. Faktor yang boleh mengurangkan minat pelajar terhadap pembelajaran mereka ialah persekitaran yang bising serta tidak menyenangkan. Faktor yang dinyatakan tersebut jelas menunjukkan bahawa suasana persekitaran yang berbeza akan mempengaruhi dan melahirkan gaya pembelajaran yang berbeza (Garger, 1984).

2.10.6 Peraturan dan Prosedur Bilik Darjah

Peraturan bilik darjah bermaksud kenyataan peraturan mengenai tingkah laku yang boleh diterima di dalam bilik darjah yang diwujudkan untuk memaklumkan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid. Pelajar dapat belajar dengan baik tanpa melakukan tindakan yang kurang menyenangkan apabila belajar dalam bilik darjah yang mempunyai peraturan bilik darjah. Ini kerana, pelajar mengetahui, memahami dan mengikuti peraturan serta prosedur yang telah ditetapkan dalam bilik darjah (Institut Aminuddin Baki, 2017). Sikap saling hormat menghormati adalah satu sikap yang boleh dipupuk dan disokong oleh persekitaran sosial semasa proses pembelajaran. Bagi menyemai sikap saling menghormati antara satu sama lain, prasrana bilik darjah memainkan peranan terhadap proses sosialisasi tersebut. (Institut Aminuddin Baki, 2017).

Pendidikan Abad ke 21 tidak menyatakan secara khusus berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah. Namun melalui kajian ini pengkaji akan menyesuaikannya dan akan mendapatkan pandangan pakar dan juga pandangan pengguna dari segi kebolehgunaan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang mengandungi ciri-ciri bilik darjah prasekolah abad ke 21. Bagi tujuan kajian ini, rumusan keseluruhan pengurusan bilik darjah Pendidikan Abad ke 21 dapat dilihat pada jadual 2.2 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.3

Rumusan pengurusan bilik darjah pendidikan abad ke-21

PERSEKITARAN FIZIKAL	AKTIVITI	KOMUNIKASI	NILAI MURNI DAN ETIKA
• berpusatkan murid • Mewujudkan persekitaran PdP yang menarik minat murid • Merangsang perasaan ingin tahu • Mewujudkan suasana yang "inviting" untuk murid datang ke sekolah dengan gambar dan grafik yang menarik. • Suasana dan prasarana kondusif • Kesediaan emosi murid • Meraikan pembelajaran	• Murid bekerja secara kolaboratif, berkomunikasi dan menjana pemikiran kritis dan kreatif dalam situasi yang sebenar. • Galakkan murid kerjasama	• Berlaku interaksi bagi menyampaikan ilmu yang mereka faham dan berkongsi pengetahuan antara guru dengan murid, murid dengan murid dan murid dengan bahan • Murid memerhati, mendengar dan memberi maklum balas • Murid dari pelbagai kebolehan bekerjasama untuk mencapai matlamat yang sama. • Murid bertanggungjawab terhadap tugasan dan menghargai sumbangan dan idea rakan-rakan lain.	• Murid dijelaskan dan diterapkan nilai yang bersesuaian semasa sesi PdP. • Guru memberi penghargaan kepada murid dan memberi penghargaan sesama rakan • Peraturan bilik darjah dipapar dengan jelas dan menarik • Peraturan dalam bentuk simbol/gambar yang mudah murid faham di pamerkan dengan jelas dan menarik • Nama dan gambar murid diletakkan dihadapan kelas untuk menunjukkan kehadiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2 (sambungan)

PERSEKITARAN FIZIKAL	AKTIVITI	KOMUNIKASI	NILAI MURNI DAN ETIKA
• Penyediaan Pusat pembelajaran yang memberi Pengetahuan, menggalakkan Kemahiran Memimpin, menggalakan Kemahiran Berfikir, menggalakkan Kemahiran Dwibahasa, Identiti Nasional, Etika dan Kerohanian		• Murid dilibatkan secara seimbang dalam kumpulan melalui pembahagian tugasan berdasarkan keupayaan murid. • Murid dapat menerima dan menghormati pandangan orang lain. Bersikap fleksibel dan dapat bertolak ansur untuk mencapai matlamat yang sama	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11 Kajian-Kajian Lepas

Dalam tajuk kajian lepas ini akan dibincangkan mengiktut empat fokus utama yang juga mempunyai kaitan dengan kajian ini. Empat fokus pengurusan tersebut adalah mengenai peranan guru prasekolah menguruskan persekitaran fizikal berkaitan susun atur perabot dan peralatan yang terdapat dalam bilik darjah, perancangan guru berkaitan aktiviti dan pelaksanaan aktiviti kanak-kanak prasekolah, pengurusan tingkah laku kanak-kanak semasa berada dalam bilik darjah serta mewujudkan hubungan dan interaksi dalam kalangan kalangan.

Tidak banyak kajian yang dilaksanakan di negara ini mengenai pengurusan bilik darjah prasekolah yang memberi fokus terhadap aspek merancang serta melaksanakan aktiviti atau program prasekolah, persekitaran fizikal dalam bilik darjah prasekolah, interaksi dan hubungan dalam kalangan kanak-kanak dan pengurusan tingkah laku kanak-kanak. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang memberi fokus terhadap perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program prasekolah yang menyentuh amalan dan sikap guru semasa menguruskan aktiviti pembelajaran dan pengajaran guru di bilik darjah. Contohnya, menurut Putri Zabariah Bustam Kamri dan Raja Hamizah.(2006) dalam kajiannya mendapati, profesionalisme guru sebenarnya terletak pada ciri-ciri keperibadian yang baik, pengetahuan yang jelas mengenai peranan dan kemahiran yang sentiasa perlu dipertingkatkan. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Lihanna (2005) mendapati amalan pedagogi guru prasekolah berada pada tahap membimbangkan. Beliau mendapati konsep Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP) walaupun sudah termaktub dengan jelasnya dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, namun masih belum dihayati dan diamalkan dengan baik oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru. Beliau merumuskan bahawa salah konsepsi dan prakonsepsi guru menghalang keberkesanan amalan pendekatan pedagogi yang sesuai untuk peringkat awal kanak-kanak. Selain itu, hasil kajian lepas juga menunjukkan bahawa kebanyakan proses pengajaran guru di dalam bilik darjah masih berpusatkan guru (Hamidah, 2004; Khairuddin, 2008; Seman, 2004) sedangkan aspek kreativiti ini perlu diberi perhatian secara menyeluruh dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang menjadi asas pendidikan formal.

Kemahiran mengurus bilik darjah prasekolah oleh guru prasekolah adalah sangat penting supaya bilik darjah dapat diurus dengan baik. Kajian yang dijalankan oleh Manning & Bucher, (2013) membuktikan guru tanpa kemahiran pengurusan bilik darjah menghadapi masalah kesukaran mengawal murid di dalam bilik darjah. Kajian turut mencatatkan bahawa guru tanpa kemahiran pengurusan bilik darjah akan berhadapan masalah kesukaran mengarahkan murid (Hicks, 2012; Manning & Bucher, 2013). Dapatan kajian kajian antarabangsa pengajaran dan pembelajaran (2013) membuktikan 25 peratus guru Malaysia berhadapan masalah kawalan murid (Bahagian Pendidikan Guru, 2016).

Selain itu, kreativiti berpotensi merangsang perubahan positif dalam amalan pedagogi, seterusnya mengubah bilik darjah menjadi komuniti pembelajaran aktif dan menyegarkan (Erin Justyna, 2016). Justeru, kreativiti guru dituntut tidak hanya terbatas dalam penyampaian kandungan kurikulum semata-mata. Sebaliknya, fokus juga perlu ditumpukan kepada soal bagaimana kandungan disampaikan kepada murid (Soh, 2015). Hasil kajian Pandit dan Neogi (2016) yang menunjukkan bahawa penggunaan ABM sangat signifikan terhadap kreativiti kanak-kanak. Dapatan ini turut disokong

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh Ariffin dan Baki (2014) yang menjelaskan bahawa bahan-bahan yang digunakan dalam proses PdP di prasekolah menyumbang kepada perkembangan kreativiti kanak-kanak., Kajian yang dijalankan oleh Hill, Rowan dan Ball (2015) dari aspek kemahiran dan pengetahuan menunjukkan, faktor guru adalah faktor yang lebih penting daripada faktor persiapan guru untuk mengajar. Kekurangan kemahiran dan pengetahuan guru berkenaan pengurusan kelas menyebabkan guru gagal mengenal pasti masalah murid (Schonertreichl 2017). Ada juga guru prasekolah yang masih menghadapi masalah dalam melaksanakan aktiviti pengajaran yang bersesuaian dengan murid walaupun guru berpengetahuan dari segi menyediakan keperluan mengajar (Abdul Halim 2014).

Kepentingan membina dan menjaga hubungan yang baik dengan ibu bapa telah dinyatakan oleh Putri Zabariah et.al (2006) iaitu guru perlu menjalinkan hubungan yang baik dan mesra dengan ibu bapa dan ini juga selaras dengan dapatan kajian Siti Saleha (2004). Guru dan ibu bapa perlu bekerjasama bagi membincangkan masalah dan keperluan yang berkaitan dengan perkembangan dan pertumbuhan anak mereka. Dengan itu adalah penting guru mengambil peluang untuk berbual dengan ibu bapa sambil menyambut kedatangan murid.

Terdapat kajian luar yang memberi fokus terhadap fizikal bilik darjah yang secara tidak langsung memberi kesan terhadap tingkahlaku dan interaksi kanak-kanak. Contohnya kajian yang telah dijalankan oleh Blatchford, Moriarty, Edmonds dan Martin (2002) iaitu kajian yang bertujuan untuk mengkaji hubungan antara saiz bilik darjah dan interaksi dalam pengajaran. Hasil kajian menunjukkan, kanak-kanak akan mempunyai lebih banyak masa untuk belajar dalam bilik darjah yang lebih kecil dan guru pula akan mempunyai lebih banyak masa untuk pengajaran, individualisasi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi bantuan antara satu sama lain. Beberapa kajian lain menunjukkan saiz bilik darjah kecil boleh meningkatkan interaksi antara guru dan kanak-kanak, dan dalam kalangan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, dalam kumpulan yang lebih besar kanak-kanak terpaksa duduk di tempat duduk mereka kerana terdapat arahan langsung interaksi guru kepada kanak-kanak (Blatchford, Moriarty, Edmonds & Martin, 2002; Finn & Achilles, 1990; Finn & Achilles, 1999; Finn, Suriani & Achilles, 2007). Selain itu, Finn dan Achilles (1990) melaporkan kepentingan saiz bilik darjah yang kecil membolehkan penilaian yang berterusan terhadap kanak-kanak dan mempunyai fleksibiliti yang lebih besar dalam strategi pengajaran guru.

Penyelidikan juga telah dijalankan berhubung dengan dimensi persekitaran fizikal contohnya kertas yang memberi tumpuan kepada; meramal dan mencegah salah laku (Landrum, Lingo & Scott, 2011), mengubah persekitaran bilik darjah untuk mencegah salah laku (Guardino & Fullerton, 2010), menyediakan bilik darjah untuk pembelajaran (Sterling, 2009) arahan kumpulan kecil (Wasik, 2008) dan tips yang senang untuk menjaga bilik darjah. (Miller, 2001). Terdapat juga kajian yang memberi tumpuan kepada peraturan bilik darjah. Sebagai contoh, Brown (1975) melaporkan bahawa peraturan bilik darjah adalah penting bagi kanak-kanak dan guru kerana mereka sedar dan mengharapkan mereka merasakan selamat. Kajian lain yang dijalankan oleh Hannikainen (2005) termasuk 29 kanak-kanak lima hingga enam tahun, 3 orang guru dan seorang jururawat penjagaan kanak-kanak. Dalam kajian itu, mendapati sejak guru prasekolah tahu peraturan sebelum kanak-kanak mula ke sekolah, mereka mencipta keadaan yang sesuai dan merangka peraturan-peraturan ini dengan kanak-kanak pada awal tahun. Kemudian, mereka bersetuju tentang peraturan dan menandatangani kontrak bersama-sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian Che Nidzam et al. (2016) berkaitan pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap sesi PdPc, menunjukkan bahawa ruang pembelajaran, pengaliran udara, perabot, pencahayaan dalam bilik darjah mempengaruhi suasana pembelajaran, nilai, penjanaan idea, tingkah laku dan sikap murid. Kajian ini dilaksanakan terhadap 916 orang murid sekolah di negeri Melaka. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa persekitaran fizikal bilik darjah sangat mempengaruhi proses pembelajaran murid. Selain itu, hasil dapatan kajian Che Nidzam (2011) menunjukkan aspek fizikal bilik darjah perlulah memenuhi keperluan guru dan memenuhi kesesuaian pelajar untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran.

Persekitaran atau suasana pembelajaran lebih terurus dengan baik mampu membentuk sahsiah kanak-kanak. Dapatan kajian yang dijalankan oleh (Ahmad & Abu Hanifah 2015) menunjukkan bahawa suasana pembelajaran yang kondusif dapat diwujudkan melalui pengurusan tingkah laku. Suasana pembelajaran ini memaksimumkan penglibatan murid dalam proses pembelajaran serta meminimumkan tingkah laku murid yang bermasalah. Tiga aspek utama semasa murid berada dalam bilik darjah yang mempengaruhi masalah disiplin murid iaitu persekitaran bilik darjah, pengaruh luar, dan pengaruh guru (Sahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir, 2007). Kajian yang dijalankan oleh Khadijah dan Azimin Samsul (2013) juga mendapati, bilik darjah yang disediakan belum dapat memenuhi keperluan guru dan murid kerana kebanyakan bilik darjah tidak menyediakan persekitaran yang selesa. Persekitaran dalam bilik darjah yang tidak selesa boleh mendatangkan pelbagai kesan sampingan terhadap murid dan boleh menimbulkan masalah disiplin dalam kalangan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam penyelidikan berkaitan dengan perancangan dan program aktiviti, penyelidik menjelaskan penambahbaikan kurikulum prasekolah dengan sokongan pengalaman sendiri kanak-kanak (Wubie 2011) dan mengurus bilik darjah berasaskan penyelidikan (Wolfgang, 2009), untuk menerapkan pengajaran literasi dalam strategi pengurusan tingkah laku untuk membantu kanak-kanak mengubah tingkah laku mereka (Smith, 2009), membincangkan hasil positif dan beberapa kelemahan pengajaran kolaboratif (Preves & Stephenson, 2009) dan kesesuaian pendekatan berpusatkan kepada misbehaviors dalam bilik darjah (Gatongi, 2007), dan peranan pujian pada motivasi kanak-kanak untuk pencapaian akademik (Maclellan, 2005).

Pengurusan persekitaran fizikal menurut Weinstein dan Novodvorsky (2011), cara guru dan kanak-kanak berfikir, boleh mempengaruhi tingkah laku dan persekitaran fizikal bilik darjah yang di pengaruhi. Sehubungan dengan itu, pengurusan bilik darjah bukan sekadar hanya berhubung kait dengan pengurusan masalah tingkahlaku malah kejayaan pengurusan kelas juga harus mengambil kira cara merancang persekitaran yang memberikan kepada perasaan rasa selamat, keselesaan, merangsang minat belajar melalui aktiviti yang dapat mengurangkan masalah tingkahlaku. Oleh itu, sebahagian daripada keberkesanan pengurusan kelas adalah merancang dan menguruskan pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah (Weinstein & Novodvorsky, 2011). Selain daripada itu, Burden (2003) menyatakan bahawa bagi mewujudkan persekitaran yang positif, guru sepatutnya memberi fokus kepada: (1) penyusunan ruang lantai seperti susun atur kerusi, meja, almari dan sudut pembelajaran, (2) memutuskan bagaimana untuk menyimpan bahan pembelajaran seperti buku, kertas, warna dan kekerapan penggunaan bahan tersebut, (3) menentukan penggunaan papan buletin dan ruang dinding. Selain daripada itu, perkara lain yang patut dipertimbangkan semasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merancang persekitaran bilik darjah adalah ruang pergerakan dan nisbah kanak-kanak dengan guru yang sesuai, keselamatan, peralatan perabut bilik darjah, sudut pembelajaran dan ruang pameran hasil kerja kanak-kanak juga harus dipertimbangkan (Harms, Clifford & Cryer, 2005; Copple & Bredekamp, 2009).

Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) juga menekan kepentingan persekitaran fizikal bilik darjah diuruskan dengan baik (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010). Bagi memastikan hasrat KSPK tercapai, persediaan dan pengurusan terhadap persekitaran fizikal di bilik darjah untuk keperluan melaksanakan aktiviti pengajaran guru dan aktiviti pembelajaran kanak-kanak. Selain itu, pelaksanaan aktiviti dalam persekitaran yang disediakan perlu mengambilkira keselesaan dan keperluan kanak-kanak, aktiviti yang merangsang minat kanak-kanak untuk belajar dan lebih selamat. Berdasarkan kehendak KSPK seperti yang terdapat dalam standard pengajaran dan pembelajaran yang ke empat, menjadi peranan dan tanggungjawab guru prasekolah untuk mewujudkan satu persekitaran pembelajaran yang kondusif dalam bilik darjah prasekolah. Penyediaan tersebut merangkumi : (1) penyediaan persekitaran yang ceria, selesa, mesra, dan selamat kepada kanak-kanak semasa berada di dalam bilik darjah, (2) mewujudkan, melengkapkan dan menguruskan pusat pembelajaran dalam bilik darjah prasekolah dengan bahan yang sesuai, mencukupi dan *updated*, (3) melibatkan murid dalam merekabentuk pusat pembelajaran dan memastikan pusat pembelajaran sentiasa kemas (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010).

Selain itu, pengurusan perancangan program dan aktiviti menurut Burden (2003), dan Martin & Sass (2010) pengurusan berkaitan perancangan program atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aktiviti berpusatkan guru secara individu iaitu matlamat pengajaran termasuk kaedah dan penggunaan pendekatan langsung untuk pengajaran guru-guru, menyediakan aktiviti, dan juga menyusun aktiviti rutin yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Oleh itu, persoalan penting yang perlu diambil perhatian ialah sejauhmanakah guru dapat memainkan peranannya untuk memastikan dan menggalakkan kanak-kanak terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan (Martin & Sass, 2010, p.1126) dan mengambilkira rekabentuk pengajaran dan sejauhmanakah guru mengambilkira minat keperluan dan latarbelakang kanak-kanak secara semula jadi (Martin & Sass, 2010). Selain itu, faktor peruntukan masa yang mencukupi terhadap tugasan kepada kanak-kanak bagi pembelajaran yang bermakna dan produktif juga perlu diambil kira (Weinstein & Novodvorsky, 2011), supaya program atau aktiviti yang dilaksanakan bukan sekadar mudah dan memberi pengetahuan (intruktional) malah penyusunan bilik darjah diuruskan dengan lebih berkesan untuk kanak-kanak (Burden, 2003).

Menurut Harms, Clifford & Cryer (2005) dan Copple & Bredekamp (2009), perancangan program dan aktiviti bilik darjah guru bukan saja perlu memberi fokus kepada satu kriteria tertentu tetapi juga perlu fleksibel dan susun atur jadual harian dan mempelbagaikan kaedah mengajar.

Selain itu, kurikulum prasekolah juga telah memberi penekanan terhadap perkara yang perlu diketahui dan dilakukan semasa melaksanakan aktiviti pengajaran oleh guru prasekolah dan aktiviti pembelajaran kanak-kanak (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010). Kurikulum prasekolah juga ada menekankan bahawa penyediaan perancangan pengajaran oleh guru prasekolah hendaklah berdasarkan keperluan kanak-kanak dan keperluan kurikulum. Guru prasekolah hendaklah menyediakan perancangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam aspek pembentukan sikap positif dan nilai murni, kreativiti dan estetika kreativiti, kemahiran menaakul, pemikiran logikal, perkembangan fizikal dan kesihatan, perkembangan rohani, dan yang dapat menyokong perkembangan murid. Guru perlu ambil perhatian terhadap pemilihan kandungan, kaedah pengajaran yang sesuai dengan minat, pengalaman dan pengetahuan murid-murid, bahan dan tahap kebolehan yang perlu diambil perhatian oleh guru (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010).

Pendekatan yang bersesuaian yang digunakan oleh guru prasekolah mengikut tahap perkembangan kanak-kanak boleh menjadikan pembelajaran lebih bermakna kepada kanak-kanak dan lebih berkesan. Pendekatan tersebut seperti belajar melalui bermain, pembelajaran berasaskan projek, pendekatan bertema, pembelajaran berpusatkan kanak-kanak, inkuiri penemuan, pendekatan bersepadu, pembelajaran kontekstual (menggunakan pengalaman kanak-kanak, alam persekitaran kanak-kanak), pembelajaran masteri (terutamanya dalam penguasaan bahasa dan kemahiran), dan pembelajaran berdasarkan kepelbagaian kecerdasan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010).

Pengurusan perhubungan dan komunikasi menurut Burden dan Byrd (1994), saling berkomunikasi adalah sebahagian daripada langkah dalam mewujudkan iklim bilik darjah yang mesra, penuh dengan sokongan, kegembiraan semasa menguruskan perhubungan dalam kalangan kanak-kanak. Tanpa mengurus hubungan dan komunikasi dengan baik, keadaan di bilik darjah menjadi huru hara, tidak terurus, kaku, tidak mesra, dan hubungan guru dan kanak-kanak dalam keadaan tertekan. Sehubungan itu, bagi mewujudkan suasana bilik darjah yang menyokong proses pembelajaran,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aman, dan mesra, maka dimensi pengurusan perhubungan dan komunikasi ini mesti diambilkira (Burden & Byrd, 1994). Selain itu, menurut Weinstein dan Novodvorsky (2011) terdapat pelbagai cara bagaimana mewujudkan hubungan dan komunikasi yang seperti mewujudkan suasana selamat datang, belajar tentang kehidupan kanak-kanak dan peka dengan kehendak kanak-kanak, menjadi individu dan guru yang sebenar dan mengalakkan autonomi. Bagi memastikan pengurusan perhubungan dan komunikasi yang berkesan, guru perlulah sentiasa mengawasi kanak-kanak dan membina interaksi dengan kanak-kanak dan interaksi sesama kanak-kanak (Copple & Bredekamp, 2009; Harms, Clifford & Cryer, 2005).

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) juga memberi fokus terhadap perhubungan dan komunikasi antara guru dengan kanak-kanak dan antara kanak-kanak dengan kanak-kanak. Guru prasekolah sentiasa berinteraksi dengan kanak-kanak dan menggalakkan interaksi antara kanak-kanak. Selain itu, guru prasekolah sentiasa menggalakkan kanak-kanak terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan sentiasa menggalakkan kanak-kanak untuk mengemukakan idea mereka, bersikap ingin tahu dan bersikap terbuka.

Dalam aspek perancangan dan pelaksanaan aktiviti di bilik darjah prasekolah mampu memberi kesan terhadap aktiviti yang dilaksanakan dan dapat membantu guru merancang pelaksanaan aktiviti mengikut perkembangan kanak-kanak terutamanya perancangan dan pelaksanaan aktiviti prasekolah. Dapatan kajian Zakiah, Yeo dan Azlina (2013) menunjukkan pelaksanaan main secara berkumpulan di prasekolah meningkatkan perkembangan sosial dan juga boleh meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak. Selain itu, dapatan kajian Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2011) sememangnya membantu guru prasekolah dalam memberi kesedaran dan keyakinan tentang kepentingan proses pembelajaran dan pengajaran berasaskan aktiviti bermain untuk mencungkil minat dan motivasi kanak-kanak untuk dalam perkembangan praliterasi.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Ramlah et al. (2016) mendapati, aktiviti pengajaran melalui didik hibur memberi kesan yang positif terhadap perkembangan emosi kanak-kanak prasekolah di mana ia boleh mendatangkan kegembiraan dan menggalakkan murid untuk berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain. Dapatan kajian yang menggunakan 80 orang guru prasekolah sebagai sampel kajian ini menjelaskan majoriti guru prasekolah berpendapat bahawa kanak-kanak mendapati kaedah didik hibur menggembirakan dan guru mudah untuk melaksanakannya. Justeru, pendekatan dalam aktiviti pengajaran di bilik darjah harus sesuai dengan murid dan mampu menarik perhatian murid untuk terus belajar.

Walaupun penyelidikan telah menyimpulkan bahawa kanak-kanak dapat mempelajari pranumerasi melalui penyertaan dalam aktiviti harian dan terlibat dengan aktiviti yang berpusatkan kanak-kanak, namun pakar dari Amerika berpendapat bahawa penggunaan objek manipulatif tidak dititikberatkan oleh guru dalam PdP (Selmi et al. 2015). Selain kemahiran mengurus bilik darjah, pengetahuan guru tentang perkembangan kanak-kanak juga sangat penting agar guru dapat menyediakan persediaan pengajaran dan pembelajaran dalam suasana yang kondusif, serta menepati bagi setiap perkembangan kanak-kanak (Sofiah & Kamarul, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Ariffin dan Baki (2014) mendapati kreativiti kanak-kanak dapat dipupuk dengan memberikan mereka kebebasan memilih ketika aktiviti pembelajaran. Norsita et al. (2015) mendapati wujudnya hubungan antara kebebasan yang diberi oleh guru dan kreativiti kanak-kanak. Hasil kajian ini juga adalah konsisten dengan hasil kajian Van Hook dan Tegano (2002), yang juga menunjukkan kanak-kanak yang bebas untuk menerima atau menolak pilihan berdasarkan pilihan peribadi (kebebasan bersuara) mungkin lebih sesuai untuk menjadi kreatif dan mampu menyelesaikan masalah secara kreatif.

Guru perlu memberi perhatian terhadap pengurusan tingkah laku pelajar dengan menguruskan bilik darjah secara berkesan demi merangsang pembelajaran, (Haliza & Joy Nesamalar, 2009). Guru didapati belum berjaya meningkatnya masalah disiplin di sekolah seperti ponteng yang melibatkan pelajar sekolah. Hal ini kerana, suasana persekitaran pembelajaran yang diwujudkan oleh guru pada akhir-akhir ini dilihat belum berjaya memastikan aktiviti pengajaran yang dilaksanakan oleh guru dan juga aktiviti pembelajaran di sekolah masih belum dapat menarik minat pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh guru dalam bilik darjah. Ini juga disebabkan, iklim bilik darjah yang tidak menyeronokkan serta pengajaran guru yang membosankan (Noriati, Boon, Sharifah Fakhriah & Zuraidah, 2010).

Persekitaran memberi kesan terhadap perlakuan seseorang. Dapatan kajian psikologi yang telah dijalankan menunjukkan, iklim sekolah mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang boleh memotivasikan pelajar. Seterusnya suasana pembelajaran yang memotivasikan akan dapat memberi kepuasan kepada guru untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bekerja dan dapat memotivasikan pelajar untuk berusaha memperolehi pencapaian yang lebih baik (Ahmad Zabidi, 2006). Aspek perancangan, mengelola, mengawal, membuat refleksi dan menjalinkan hubungan guru-murid melalui amalan pengurusan bilik darjah yang sistematik dengan melibatkan aspek-aspek tersebut (Haliza & Joy Nesamalar, 2009). Guru yang mempunyai kemahiran merancang, mengelola dan membuat refleksi disamping bekerja dalam kumpulan akan dapat mengurus bilik darjah dengan lebih efektif (Bosch, 2006).

Menurut dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, untuk membantu guru prasekolah penglibatan komuniti setempat dan ibu bapa amat penting dalam pendidikan awal kanak-kanak. Oleh itu, membina hubungan antara kanak-kanak, ibu bapa dan sekolah merupakan peranan guru dalam memastikan hubungan tersebut terus terjalin (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010). Pelbagai aktiviti boleh dirancang dan diadakan oleh guru untuk menjalinkan perhubungan yang baik dengan ibubapa/penjaga. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan ialah dengan mengaturkan aktiviti sekurang-sekurangnya dua kali setahun seperti mengadakan aktiviti perjumpaan guru dengan ibu bapa/penjaga secara berkala. Penglibatan ibu bapa dalam program dan aktiviti sekolah boleh mengeratkan hubungan antara sekolah, ibubapa dan komuniti setempat seperti penglibatan dalam program gotong royong, hari keluarga, hari sukan sekolah, lawatan dan juga program keibubapaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010).

Seterusnya, dimensi pengurusan tingkah laku untuk mendisplinkan kanak-kanak menurut Burden dan Byrd (1994), adalah pengurusan yang penting dalam usaha mengekalkan peraturan bagi memastikan aktiviti pembelajaran dilaksanakan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkesan. Sehubungan dengan itu, dalam usaha menguruskan tingkahlaku kanak-kanak supaya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, Burden and Byrd (1994) menegaskan tiga langkah yang perlu diambil iaitu merancang aktiviti kelas, mewujudkan undang-undang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran. Selain dari itu, Weinstein and Novodvorsky (2011) juga menyatakan pentingnya mewujudkan undang-undang dan peraturan yang jelas dan munasabah, rutin dan yang diharapkan berlaku. Untuk itu, Weinstein & Novodvorsky (2011) juga menekankan guru perlu memberi fokus terhadap prinsip seperti (1) mewujudkan persekitaran yang selamat secara konsistensi antara matlamat dan disiplin kanak-kanak, (2) guru harus mengenalpasti perbezaan individu dalam berkomunikasi dan (3) meminimakan tingkah laku yang mengganggu semasa aktiviti. Guru perlu menguruskan kanak-kanak dalam bilik darjah prasekolah dengan mewujudkan peraturan. Peraturan yang diwujudkan itu haruslah peraturan yang mudah dan jelas serta menawarkan ruang untuk berbincang tentang peraturan yang diwujudkan (Harms, Clifford & Cryer, 2005; Copple & Bredekamp, 2009).

Seperti yang telah dibincangkan dalam dapatan kajian yang lepas menunjukkan, peranan guru adalah penting dalam memastikan bilik darjah dapat diuruskan dengan baik. Oleh itu, adalah wajar kajian yang dijalankan oleh pengkaji memberi fokus terhadap empat dimensi berkaitan dengan bilik darjah dari aspek pengurusan yang perlu diberi perhatian oleh guru iaitu pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti, pengurusan persekitaran fizikal, pengurusan tingkahlaku kanak-kanak serta pengurusan hubungan dan interaksi. Berdasarkan dapatan kajian, satu model pengurusan bilik darjah prasekolah akan dibangunkan oleh pengkaji sebagai panduan dan indikator kepada guru prasekolah untuk menyedia dan menguruskan bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Abad ke 21 merupakan elemen penting dan sedang menjadi tumpuan guru-guru agar pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran selari dengan perubahan terkini dalam dunia pendidikan di Malaysia. Terdapat beberapa kajian dalam negara yang telah djalankan mengenai pelaksanaan Pendidikan Abad ke 21. Namun, kajian-kajian yang telah dijalankan itu dilihat lebih menjurus kepada kemahiran abad ke 21 yang perlu dikuasai oleh murid seperti kemahiran literasi, kreativiti, kolaboratif, pemikiran inventif, komunikasi, norma dan nilai supaya memenuhi dan selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia. Walaupun terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan Pendidikan Abad ke 21, namun kajian-kajian yang telah dijalankan itu lebih berfokuskan kepada penguasaan kemahiran abad ke 21 dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Selain itu, kajian yang dijalankan juga dilihat lebih memberi fokus kepada penguasaan kemahiran murid di sekolah rendah dan menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masih belum terdapat kajian membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 yang melibatkan kanak-kanak di prasekolah KPM. Kenyataan ini disokong dengan beberapa kajian dalam negara yang telah dijalankan seperti kajian yang dijalankan oleh Nurul Nashrah et.al. (2015) dimana kajian tersebut bertujuan meninjau sejauh mana kemahiran abad ke 21 seperti kemahiran komunikasi, kreativiti, norma dan nilai kerohanian boleh dikuasai oleh murid tingkatan empat semasa mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran matematik. Kajian yang dijalankan oleh Masyuniza (2015) pula mengkaji penguasaan kemahiran abad ke 21 dengan melihat hubungan sikap dan persepsi murid terhadap lima domain kemahiran abad ke 21 semasa proses pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Melayu dan faktor lokasi sekolah yang membezakan penguasaan kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

abad ke 21 dalam kalangan murid. Kedua-dua kajian tersebut mengkaji penguasaan kemahiran di sekolah dan tidak mengkaji mengenai pengurusan bilik darjah prasekolah.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Badrul Hisham dan Mohd Nasruddin (2016) pula ialah mengenai pelaksanaan Pendidikan Abad ke 21 terhadap penguasaan dan amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Perguruan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga kajian yang telah dijalankan oleh Kamisah dan Marimuthu (2010) dan Nitce Isa Medina dan Mai Shihah (2013) dimana kajian mereka adalah untuk mengenalpasti adakah kaedah pembelajaran berasaskan projek dan sukatan mata pelajaran masih relevan untuk dilaksanakan secara kreatif dan sesuai dengan kemahiran abad ke 21. Sementara itu, kajian lain yang telah dijalankan iaitu kajian berkaitan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Siti Faizzatul Aqmal dan Razali, 2011; Mohd Mahzan et al. 2016; Shah Rulbani et al. 2017). Kajian mereka mencakupi pembelajaran murid melalui e-pembelajaran selain mengkaji minat murid terhadap pengaruh penggunaan multimedia dalam mata pelajaran sejarah.

Secara rumusannya, kesemua kajian dalam negara tersebut menggambarkan bahawa bagaimana pelaksanaan Pendidikan Abad ke 21 dari segi kemahiran yang diperkenalkan dan perlu dikuasai dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan abad ke-21. Bermula dengan Kamisah dan Marimuthu (2010) yang mengkaji kesesuaian kurikulum mata pelajaran Sains dengan kemahiran-kemahiran abad ke 21. Diikuti oleh Nitce Isa Medina dan Mai Shihah (2013) meninjau kesesuaian Pembelajaran Berasaskan Projek iaitu kaedah pembelajaran yang telah lama diperkenalkan oleh KPM dengan kemahiran abad ke 21. Manakala Umi Kalthom (2014) pula mengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesesuaian kaedah koperatif dalam Pendidikan Abad ke 21 serta pengkaji-pengkaji yang lain dalam kajian mereka berfokuskan kebolehlaksanakan kemahiran abad ke 21. Kajian yang dijalankan oleh Jaggil Apak dan Muhamad Suhaimi Taat (2018) adalah bertujuan mengenal pasti pengaruh kesediaan guru-guru di sekolah menengah terhadap pengurusan bilik darjah abad ke 21. Walaupun kajian ini memberi fokus terhadap pengurusan bilik darjah abad ke 21 namun, kajian ini untuk mengenal pasti kesediaan guru. Manakala pengurusan bilik darjah yang dimaksudkan adalah pengurusan bilik darjah di sekolah menengah.

Berdasarkan perkara yang telah dibincangkan dalam kajian-kajian lepas tersebut, jelas menunjukkan guru memainkan peranan yang penting dengan memberikan perhatian terhadap persekitaran pembelajaran di bilik darjah prasekolah agar dapat diuruskan dengan baik. Hal ini kerana, penguasaan kemahiran abad ke 21 akan mudah dikuasai dan dilaksanakan oleh murid dalam persekitaran pembelajaran di bilik darjah yang diurus berasaskan Pendidikan Abad ke 21. Walau bagaimanapun, masih belum ada pengkaji yang melaksanakan kajian untuk membangunkan model yang mengandungi empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah iaitu dimensi pengurusan persekitaran fizikal, aktiviti, interaksi dan tingkah laku murid yang berasaskan Pendidikan Abad ke 21.

Justifikasi model pengurusan bilik darjah prasekolah yang ingin dibina perlu berasaskan Pendidikan Abad ke 21 supaya model yang dibangunkan terus relevan dan boleh digunakan oleh guru prasekolah dalam menguruskan bilik darjah prasekolah. Ini adalah kerana, selain memenuhi hasrat PPPM 2013-2025 dan pelaksanaan pendidikan abad ke-21, KSPK yang digunakan oleh semua guru prasekolah KPM adalah kurikulum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang menekankan penguasaan kemahiran abad ke 21 bermatlamat melahirkan murid yang berdaya tahan, mahir berkomunikasi, kerja sepasukan, bersifat ingin tahu, bermaklumat mempunyai sifat penyayang dan rasa hormat kepada negara. Seterusnya, kemahiran abad ke 21 lain yang dinyatakan secara eksplisit supaya dapat diterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah kemahiran berfikir aras tinggi. Oleh itu, menjadi peranan guru prasekolah dalam memastikan kemahiran dapat disampaikan, dididik dan dikuasai oleh murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran pembelajaran yang interaktif dan kondusif, selamat, perabot disusun atur, mempunyai peralatan yang sesuai dan pusat pembelajaran yang diwujudkan di dalam bilik darjah prasekolah dapat membantu pengajaran guru. Sehubungan dengan itu, bagi membantu guru melaksanakan peranannya dengan berkesan adalah perlu model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibina berasaskan Pendidikan Abad ke 21 dibangunkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, adalah wajar kajian yang dijalankan oleh pengkaji memberi fokus kepada empat dimensi berkaitan dengan pengurusan bilik darjah prasekolah yang berasaskan Pendidikan Abad ke 21. Berdasarkan dapatan kajian, satu model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 akan dibangunkan oleh pengkaji sebagai panduan kepada guru prasekolah untuk menyedia dan menguruskan bilik darjah prasekolah dengan lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.12 Rumusan

Rumusan keseluruhan, beberapa aspek penting berkaitan pengurusan bilik darjah telah banyak dibincangkan dalam bab kajian literatur ini. Kajian literatur yang dibuat bermula dengan pernyataan tentang sejarah perkembangan prasekolah di Malaysia yang merupakan sejarah bermulanya prasekolah di Malaysia. Kemudiannya, kajian literatur telah membincangkan hal berkaitan prasekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia, aspek pengurusan dan dimensi-dimensi yang berkaitan bilik darjah prasekolah. Bagi tujuan model pengurusan bilik darjah yang ingin dibangunkan, dalam bab ini pengkaji membincangkan beberapa model pengurusan yang berkaitan bilik darjah prasekolah dan membincangkan juga dua teori yang mendasari kajian ini iaitu teori pembelajaran dan teori perkembangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pendahuluan

Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan yang dilaksanakan berdasarkan matlamat atau objektif penyelidikan pendidikan oleh seseorang pengkaji adalah untuk memperoleh maklumat yang ingin dieprolehi. Tujuan kaedah atau cara penyelidikan yang sesuai digunakan dalam kajian adalah untuk meminimumkan kos dalam mendapatkan maklumat kajian yang dijalankan oleh seseorang pengkaji. Hal ini kerana, proses kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah rumit dari segi proses pengumpulan maklumat yang lazimnya melibatkan kos yang tinggi. Kegagalan pengkaji dalam mengaplikasikan tatacara pengumpulan data dengan baik boleh menyebabkan bebanan maklumat serta penghasilan maklumat yang betul dan efektif menjadi tidak jelas serta kabur (Mohd. Majid Konting, 2000). Selain kaedah atau cara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidikan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian, rekabentuk kajian akan dapat membantu penyelidik (Kerlinger, 1973) menyelesaikan kajian yang dijalankan oleh penyelidik dalam jangka masa yang sesuai dengan cara yang lebih ekonomi (Ahmad Mahzan, 1983).

Dalam kajian yang dijalankan, proses pelaksanaan penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji menjadi fokus perbincangan dalam bahagian ini. Berdasarkan fasa-fasa yang terdapat dalam penyelidikan rekabentuk dan pembangunan, guru-guru prasekolah KPM akan dapat dibantu dalam hal pengurusan bilik darjah dengan lebih berkesan dengan adanya model pengurusan bilik darjah prasekolah yang akan dibangunkan agar dapat membantu guru merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran. Sehubungan dengan itu, bahagian ini akan membincangkan dengan lebih jelas tentang metodologi kajian yang akan digunakan oleh pengkaji untuk mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian. Metodologi kajian yang dimaksudkan merangkumi fasa analisis keperluan, diikuti proses merekabentuk dan proses pembangunan model dan akhir sekali fasa penilaian kebolehgunaan model yang dibangunkan.

3.2 Metodologi Kajian

Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research - DDR*) yang telah diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2007) adalah pendekatan yang akan digunakan dalam kajian ini. Tujuan pendekatan ini digunakan adalah untuk membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah. Asas pembangunan model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut adalah berdasarkan dapatan temu bual, dapatan kesepakatan pakar Fuzzy Delphi dan dapatan penilaian kebolehgunaan model.

Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan melibatkan tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa rekabentuk dan pembangunan model dan akhir sekali fasa penilaian kebolehgunaan model. Fasa analisis keperluan merupakan fasa pertama (I) yang dijalankan menggunakan kaedah temu bual untuk melihat keperluan guru terhadap keperluan dalam pengurusan bilik darjah prasekolah. Fasa analisis keperluan ini bertujuan untuk mengenal pasti isu yang dihadapi oleh guru prasekolah sebelum membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah. Setelah memperolehi dapatan analisis keperluan, pengkaji akan melaksanakan fasa seterusnya iaitu fasa pembangunan model. Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) akan digunakan oleh pengkaji dalam fasa pembangunan model ini bagi mendapatkan kesepakatan daripada kumpulan pakar. Penggunaan kaedah Fuzzy Delphi adalah bertujuan untuk mendapatkan persetujuan pakar berkaitan kandungan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibentuk berdasarkan dapatan fasa analsis keperluan dan fasa rekabentuk dan pembangunan model. Penggunaan proses FDM adalah kaedah yang berasaskan kepada hasil persetujuan dan kesepakatan pakar yang dapat menunjukkan kesepakatan yang tinggi. Manakala Fasa ketiga kajian ini ialah fasa penilaian kebolehgunaan model diperolehi daripada sekumpulan pengguna model yang terdiri daripada guru-guru prasekolah yang berpengalaman. Bagi memperolehi maklumat kebolehgunaan model, pengkaji akan menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah tersebut digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai penilaian kebolehgunaan model yang dibangunkan berasaskan dimensi pengurusan bilik darjah. Penilaian kebolehgunaan dibuat setelah kandungan model yang dibangunkan tersebut mendapat kesepakatan dan disahkan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan pakar FDM. Penilaian kebolehgunaan model ini dilaksanakan oleh sekumpulan guru prasekolah yang berpengalaman dari pelbagai latarbelakang sekolah.

3.3 Penyelidikan Rekebentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research* - DDR)

Menurut Richey, Klein dan Nelson, (2004), penyelidikan rekabentuk dan pembangunan ini yang juga dikenali sebagai penyelidikan pembangunan. Penyelidikan menggunakan pendekatan ini adalah untuk mengesahkan kebolehgunaan serta menguji teori (Richey & Klein, 2007). Selain menguji teori dan mengesahkan kebolehgunaan, Richey dan Klein (2007) juga menyatakan dengan berasaskan analisis keperluan kaedah ini bukan sahaja untuk menguji dan mengesahkan malah boleh digunakan untuk membangunkan teknik, instrumen, dan prosedur. Terdapat juga penyelidikan pembangunan tersebut adalah berkaitan dengan impak rekabentuk pengajaran yang spesifik atau suatu usaha proses untuk membangunkannya. Pendekatan ini memerlukan seseorang itu melaksanakan aktiviti merekabentuk pembangunan, pengajaran, dan seterusnya mengkaji proses penilaian (Richey, Klein & Nielson, 2004). Manakala Seels dan Richey (1994) pula menegaskan, kaedah ini merupakan satu kajian yang sistematik mempunyai keberkesanan serta kriteria dalaman yang tetap kerana kaedah ini bermula dengan mengenalpasti keperluan yang bertujuan untuk merekabentuk, membangunkan, dan menilai sesebuah produk atau program. Selain itu, Wang dan Hanafin (2005) menerangkan pendekatan DDR merupakan satu proses yang bermula dengan aktiviti menganalisis keperluan, pelaksanaan merekabentuk, membangunkan dan diakhiri dengan membuat penilaian kebolehgunaan. Oleh yang demikian, berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penerangan tersebut, untuk membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan pengkaji perlu melaksanakan proses kajian yang melalui tiga fasa iaitu fasa pertama mengenalpasti dan menganalisis keperluan, dikuti fasa merekabentuk serta membangunkan model dan pada fasa akhir kajian ini penilaian kebolehgunaan terhadap model yang dibangunkan sepertimana kajian yang dijalankan oleh Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah (2014) menggunakan kaedah ini.

3.4 Fasa I : Fasa Analisis Keperluan

Fasa analisis keperluan ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian analisis keperluan berikut :

1. Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah ?.
2. Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program ?.
3. Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan hubungan dan interaksi ?.
4. Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan tingkahlaku kanak-kanak ?.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Kaedah Pengumpulan Data Analisis Keperluan

Kaedah temu bual digunakan oleh pengkaji untuk mengenalpasti keperluan guru prasekolah mengenai pengurusan bilik darjah prasekolah. Cadangan daripada Mohd Ridhuan Mohd Jamil et.al (2017) menegaskan kaedah temu bual boleh digunakan untuk mengenalpasti keperluan guru sebelum kajian seterusnya dijalankan. Sehubungan itu, fasa analisis keperluan dalam kajian ini akan menggunakan kaedah temu bual untuk melihat keperluan guru prasekolah bagi memenuhi kehendak objektif kajian iaitu mengenal pasti keperluan guru berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah dengan menjawab empat persoalan kajian yang telah tetapkan iaitu:

1. Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah ?.
2. Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program ?.
3. Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan hubungan dan interaksi ?.
4. Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan tingkahlaku kanak-kanak ?.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2 Temu Bual

Selepas sesi temu bual, pengkaji melaksanakan kaedah pengumpulan data adalah untuk mendapatkan jawapan yang dihajati daripada responden yang melibatkan aktiviti menyoal oleh penyelidik (Robson, 2002). Menurut Punch (2001) pula, bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membolehkan penyelidik mengakses persepsi responden, mendapatkan taksiran responden tentang sesuatu situasi, mengakses makna atau pemahaman yang dibina oleh responden, dan konstruk realiti dunia sebagaimana dilihat dan dialami oleh responsen kaedah temu bual sebagai satu kaedah yang sesuai untuk mendapatkan maklumat guru. Menurut Robson (2002), untuk mengetahui kedalaman maklumat yang ingin diperolehi ianya bergantung kepada jenis temu bual seperti temu bual tidak berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual berstruktur serta jumlah temu bual yang ingin dilaksanakan.

Temu bual berstruktur merupakan sesi yang melibatkan penyediaan soalan temu bual terlebih dahulu di mana penyelidik akan bertanya responden soalan yang sama dengan gaya atau cara yang sama kepada setiap responden (Robson, 2002). Robson (2002) juga menyifatkan, kaedah temu bual memerlukan penyusunan ayat soalan yang telah ditetapkan terlebih dahulu sebelum sesi temu bual dijalankan. Penyelidik tidak akan mencungkil atau bertanya dengan lebih mendalam atau dengan lebih lanjut tentang soalan yang ditanya semasa temu bual.

Dalam fasa analisis keperluan ini, pengkaji akan menggunakan temu bual berstruktur di mana pengkaji akan menyediakan soalan temu bual terlebih dahulu dan pengkaji akan bertanya responden dengan soalan yang sama gaya atau cara yang sama kepada setiap responden. Pengkaji akan mengambil masa selama satu jam hingga ke satu setengah jam untuk menjalankan sesi temu bual berstruktur bersama seorang responden dan sesi temu bual tersebut dijalankan dalam Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.3 Sampel Temu Bual

Menurut Azizi Yahaya et.al (2007), aspek penting dalam penyelidikan adalah membuat pemilihan sampel. Pemilihan sampel penting kerana sampel yang dipilih akan mewakili populasi agar dapatan kajian dapat digeneralisasikan. Oleh yang demikian, dalam kajian ini kaedah persampelan bertujuan atau *purposive sampling* akan digunakan kerana sesuai dengan kajian kualitatif. Pengkaji akan menggunakan pengetahuan sedia ada untuk mengenalpasti sama ada sesuatu sampel yang dipilih itu benar-benar mewakili populasi. Menurut Creswell (2005), sampel untuk satu kajian yang dijalankan oleh pengkaji yang menggunakan pendekatan kualitatif boleh mengkaji seorang hingga dua individu sebagai sampel atau pengkaji boleh mengkaji lebih dari jumlah tersebut iaitu 30 hingga ke 40 orang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, seramai enam guru prasekolah akan dikenalpasti sebagai sampel kajian bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan keperluan. Enam guru prasekolah yang dikenalpasti sebagai sampel kajian adalah guru prasekolah yang mengajar di prasekolah KPM di negeri Perak. Kajian ini akan dijalankan di enam prasekolah iaitu tiga prasekolah di dalam daerah Kinta Utara dan tiga prasekolah dalam daerah Larut Matang dan Selama. Pemilihan enam prasekolah tersebut mengambilkira batasan-batasan yang dihadapi oleh pengkaji seperti batasan masa, kewangan, sampel dan batasan geografi. Nama sekolah yang akan dijadikan lokasi kajian ini tidak dapat dinyatakan bagi tujuan menjaga nama guru dan pentadbir sekolah berkenaan. Bagi tujuan kajian ini juga, pengkaji akan mengambilkira sampel kajian dari segi faktor umur, jantina, latar belakang pendidikan, dan pengalaman mengajar guru prasekolah. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan khidmat Nazir Sekolah yang berpengalaman dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melaksanakan pemeriksaan prasekolah KPM, khidmat Penolong Pegawai PPD Prasekolah daerah Kinta Utara serta khidmat Penolong Pegawai PPD Prasekolah Larut Matang dan selama, dan Guru Besar untuk membantu pengkaji mengenalpasti dan memilih guru prasekolah KPM yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Bagi memudahkan pelaksanaan kajian, pengkaji mendapatkan kebenaran daripada pihak yang berkenaan terlebih dahulu sebelum kajian dijalankan seperti Institut Pengajian Siswazah (IPS), pentadbir sekolah dan guru prasekolah di sekolah tempat kajian ini dijalankan. Menurut Creswell (2008), individu dikenali sebagai individu yang mempunyai peranan rasmi atau tidak rasmi di lokasi kajian, memberi kebenaran, membantu pengkaji memilih sampel dan menentukan lokasi kajian dijalankan. Setelah mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan, pengkaji akan memaklumkan kepada pihak pentadbir dan kepada guru prasekolah bagi sekolah yang terlibat mengenai proses kajian seperti objektif, tempoh, dan kaedah kajian.

Tindakan seterusnya, pengkaji membina hubungan dan mengenali guru prasekolah dan kanak-kanak terlebih dahulu bagi menyesuaikan diri dengan mereka sebelum kajian dimulakan. Sebelum pengkaji melaksanakan temu bual, guru prasekolah yang terlibat akan dimaklumkan terlebih dahulu. Ini bagi memudahkan guru prasekolah yang terlibat membuat persiapan untuk membantu pengkaji melaksanakan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.4 Proses Temu Bual

Bagi memastikan proses temu bual dapat dijalankan dengan lancar, pengkaji akan membuat temu janji dengan responden terlebih dahulu supaya dapat memberi ruang kepada responden yang ingin ditemu bual membuat persediaan dan menyediakan dokumen yang diperlukan seperti hasil kerja murid, latihan dan tugasan yang dikumpulkan bagi membolehkan pengkaji menganalisis maklumat yang diperoleh sekiranya diperlukan.

Pengkaji akan melaksanakan temu bual bersama responden selepas tamat waktu pengajaran responden iaitu selepas pukul 12.30 tengah hari. Masa temu bual itu dipilih setelah mengambil kira waktu pengajaran guru prasekolah dan setelah semua murid pulang dijemput oleh ibu bapa mereka. Proses temu bual akan dijalankan di bilik darjah prasekolah atau tempat yang dirasakan sesuai mengikut keselesaan responden pada ketika itu. Bagi mengumpul maklumat dengan mudah, pengkaji menggunakan alat perakam suara yang sesuai semasa sesi temu bual dijalankan untuk merakam perbualan dan seterusnya perbualan yang dirakam tersebut membantu pengkaji mendengar semula perbualan yang dijalankan untuk mengelakkan kecicirian maklumat oleh pengkaji.

3.4.5 Persediaan Temu Bual

Sebelum melaksanakan temu bual, pengkaji akan menyediakan protokol temu bual untuk mendapatkan data maklumat. Pengkaji mencari maklumat asas tentang tajuk dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

elemen-elemen dalam kajiannya seperti teori, serta faktor-faktor yang mempengaruhi. Pengetahuan ini membantu pengkaji membina instrumen kajian yang disebut sebagai protokol soalan (Hill, Knox, Thompson, Williams, Hess, Ladany, 2005). Bagi tujuan kajian ini, protokol soalan adalah senarai soalan berdasarkan empat komponen utama pengurusan bilik darjah prasekolah yang disediakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan jawapan kepada soalan kajian. Senarai soalan temu bual boleh dilihat seperti yang dilampirkan.

3.4.6 Limitasi Temu Bual

Patton (1990) percaya bahawa emosi responden ketika ditemu bual akan mempengaruhi data yang diperolehi. Ketika temu bual untuk mendapatkan data yang berkualiti biasanya dipengaruhi oleh responden yang kadangkala bersikap tidak bekerjasama, sensitif, pemalu, agresif, dan bermusuhan. Memberi gambaran yang salah dan memutarbelitkan maklumat disebabkan oleh bias, perasaan marah, risau, bersifat politik dan keciciran maklumat (Patton, 1990).

Bagi mengurangkan permasalahan tersebut, dalam kajian ini pengkaji terlebih dahulu cuba mengenali responden yang ingin ditemu bual dan menjelaskan kepada mereka dengan jelas bahawa temu bual yang akan dijalankan hanya untuk memenuhi keperluan kajian pengkaji sahaja. Ini bagi mengelakkan responden yang ditemu bual berasa takut dan kurang selesa untuk memberikan jawapan yang jujur semasa sesi temu bual dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.7 Kebolehpercayaan Dan Keesahan Data Temu bual

Menurut Merriam (1998), untuk meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan kualitatif kaedah triangulasi data merupakan salah satu kaedah yang sesuai digunakan. Triangulasi data digunakan bagi mendapatkan keesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif daripada punca yang berbeza. Kebolehpercayaan dicapai apabila maklumat yang sama diulang beberapa kali dalam satu barisan daripada seorang sampel (Chirstopher Scoot, 1961). Dalam penyelidikan kualitatif, bukti daripada sumber yang berlainan adalah sangat penting untuk memastikan maklumat yang diperolehi lebih tepat dan sah dari segi konstruk serta boleh dipercayai (Merriam, 1998). Terdapat tiga jenis triangulasi yang boleh digunakan iaitu pertamanya untuk membandingkan maklumat daripada pelbagai punca data yang merujuk kepada tempat kajian, masa, dan responden kajian. Keduanya ialah dengan membandingkan pelbagai keputusan responden yang merujuk kepada keputusan daripada temu bual, pemerhatian, analisis dokumen dan yang ketiga ialah membandingkan pelbagai cara menganalisis data.

Menurut Patton (1987), antara langkah-langkah yang perlu diikuti dalam triangulasi ialah membandingkan data hasil temu bual dengan data hasil pemerhatian, membandingkan hasil temu bual dengan isi suatu dokumen yang berkaitan, membandingkan apa yang diperkatakan orang di khalayak umum dengan apa yang diperkatakan secara peribadi, membandingkan berbagai pendapat dan pandangan masyarakat dengan keadaan dan perspektif seseorang dari berbagai peringkat dan membandingkan apa yang diperkatakan orang tentang situasi kajian dengan apa yang diperkatakannya sepanjang waktu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Triangulasi data untuk tujuan kajian ini oleh pengkaji ialah dengan memperolehi maklumat kemudian disahkan maklumat tersebut dengan merujuk kepada perkara yang sama daripada satu sumber lain yang boleh dipercayai. Bagi kajian ini, pengkaji akan membandingkan data hasil temu bual daripada enam responden yang berbeza. Oleh itu, untuk meningkatkan keesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif pengkaji akan menemu bual untuk mendapatkan data daripada enam responden dalam kalangan guru prasekolah yang berbeza latar belakang iaitu dari segi tempat, pengalaman, dan pendidikan responden.

Pengkaji menggunakan teknik *cross checking* melalui transkripsi temu bual selepas proses pengkodan data dibuat. Pengkaji mendapatkan maklumat pengurusan bilik darjah prasekolah yang akan dibangunkan dengan cara membuat perbandingan pandangan daripada enam guru prasekolah yang ditemu bual. Jawapan yang diberikan oleh guru akan diteliti oleh pengkaji terhadap temu bual yang dijalankan untuk mengenalpasti serta mengetahui tahap kebolehpercayaannya. Bagi tujuan kajian ini juga, pengkaji menemu bual enam guru prasekolah KPM di lokasi yang berbeza iaitu di enam prasekolah. Oleh itu, dapatan bagi enam temu bual yang dilakukan akan dikategorikan mengikut soalan yang diajukan.

3.4.8 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk memastikan alat-alat kajian mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi serta dapat menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin berlaku semasa kajian sebenar dijalankan (Azizi, et. al, (2007). Bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tujuan kajian ini, sebelum kajian sebenar dijalankan pengkaji akan melaksanakan kajian rintis terlebih dahulu terhadap soalan temu bual yang akan digunakan. Kajian rintis yang akan dibuat mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A (maklumat guru) dan bahagian B (instrumen). Soalan temu bual mengandungi soalan yang berkaitan dengan pengurusan persekitaran balik darjah prasekolah iaitu guru menguruskan ruang dan persekitaran bilik darjah untuk perkembangan kanak-kanak, menguruskan perabot di bilik darjah prasekolah supaya sesuai dan memudahkan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, menguruskan pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah supaya memenuhi hasrat aspirasi murid, guru menguruskan kemudahan peralatan dan bahan yang ada di bilik darjah prasekolah. Soalan temu bual berkaitan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program pula ialah guru menyediakan perancangan aktiviti/program yang menggalakkan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam bilik darjah, melaksanakan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah prasekolah, menggunakan pusat pembelajaran untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Manakala soalan temu bual yang berkaitan hubungan dan interaksi serta pengurusan tingkah laku ialah hubungan guru dengan kanak-kanak, guru menguruskan peraturan untuk mengurus tingkah laku kanak-kanak dan mengurus disiplin kanak-kanak.

Kajian rintis akan dijalankan dengan bantuan seorang responden dalam kalangan guru prasekolah dan tidak terlibat dalam kajian sebenar. Kajian rintis tersebut dijalankan di bilik darjah prasekolah KPM. Data-data yang diperolehi melalui kajian rintis diberi perhatian sebelum data dianalisis untuk mengesan perkara-perkara yang perlu. Semasa kajian rintis dijalankan, pengkaji akan menyemak dari segi kejelasan dan kefahaman guru prasekolah yang ditemu bual terhadap item-item, arahan dan susun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atur temu bual. Pengkaji juga akan mendapatkan maklum balas daripada guru prasekolah tentang sesi temu bual yang dijalankan.

Selain itu, pengesahan penyelia juga merupakan salah satu bentuk daripada kebolehpercayaan data kerana menurut Bogdan dan Biklen (2003) bahawa salah satu daripada keesahan data kualitatif adalah melalui pengesahan penyelia dan rakan penyelidik terhadap keteraturan kajian yang dilakukan. Oleh yang demikian, semua hasil kajian rintis akan diserahkan kepada penyelia untuk disemak bagi melihat keselarasan hasil temu bual. Selain itu, dapatan kajian rintis juga akan dinilai oleh penyelia untuk melihat bagaimana pengkaji menyediakan laporan nota lapangan. Kemudian, pengkaji akan mendapatkan persetujuan penyelia untuk melaksanakan kajian sebenar di lapangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.9 Mendokumentasikan Maklumat Temu Bual

Data temu bual merupakan perbualan antara pengkaji dan responden yang dirakam melalui alat rakaman suara dan juga nota. Bagi menjaga keselesaan responden semasa temu bual dijalankan, pengkaji akan menggunakan alat perakam suara untuk membolehkan rakaman suara sesi temu bual dilakukan. Pengkaji juga akan memastikan segala rakaman suara yang akan dibuat telah mendapat kebenaran daripada responden terlebih dahulu.

Data temu bual yang dirakam diperdengarkan semula dan ditaip dalam bentuk transkrip untuk melalui proses seterusnya iaitu analisis data. Analisis ini membolehkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji memetik ungkapan sebenar responden dan dijadikan bukti kepada jawapan yang dicari oleh persoalan kajian. Dalam kajian ini, data yang dirakam hanya untuk makluman pengkaji dan boleh dinyatakan secara bertulis sahaja dan pengkaji tidak menyatakan nama responden dan sekolah yang terlibat. Pengkaji juga tidak meletakkan rakaman aktiviti dan keseluruhan data temu bual dalam laporan kajian, sebaliknya hanya petikan-petikan yang boleh menyokong dapatan kajian sahaja.

3.4.10 Analisis Temu Bual

Tujuan temu bual adalah pada asasnya heuristik iaitu untuk mengembangkan idea dan membangunkan hipotesis penyelidikan daripada hanya untuk mengumpul fakta dan statistik. Temu bual boleh dianalisisi dengan menggunakan teknik analisis kandungan dengan pendekatan berasaskan perkataan dan berasaskan kod (Siti Uzairiah, 2017). Menurut Siti Uzairiah (2017) lagi, transkrip temu bual adalah transkrip yang menyediakan data mentah yang perlu dianalisis secara sistematik. Soalan temu bual disediakan mengikut perbezaan tematik bertujuan untuk membantu penyelidik mengenalpasti isi penting atau pendapat bagi memudahkan penyelidik analisis kandungan kemudian nanti. Memahami prosedur adalah sangat penting untuk membuat analsis kandungan bagi transkrip temu bual kerana ia dapat membantu dengan berbagai cara untuk mengenalpasti maklumat berguna yang ada dalam transkrip (Siti Uzairiah, 2017).

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji menggunakan teknik analisis kandungan dengan berasaskan perkataan dan berasaskan kod. Data temu bual dikumpulkan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seterusnya pengkaji akan menyediakan transkrip temu bual untuk mengenal pasti maklumat yang bermakna berdasarkan keperluan mengikut tema dan kod yang dikenalpasti.

3.5 Fasa II : Fasa Rekabentuk dan Pembangunan Model

Dalam fasa pembangunan model, pengkaji menggunakan kaedah Fuzzy Delphi bagi mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian. Dalam fasa ini, kajian dijalankan adalah untuk membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah seterusnya dengan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi ini adalah untuk mendapatkan konsensus pakar. Konsensus pakar terhadap model pengurusan bilik darjah prasekolah adalah untuk memperolehi jawapan daripada tiga persoalan kajian iaitu :

1. Apakah komponen utama model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 berdasarkan konsensus pakar ?.
2. Apakah elemen bagi komponen utama model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 berdasarkan konsensus pakar ?.
3. Apakah keutamaan elemen model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 berdasarkan konsensus pakar ?.

Kajian ini akan merekabentuk sebuah model hasil analisis kandungan temu bual yang telah dilaksanakan dalam analisis keperluan. Seterusnya, pengkaji akan merekabentuk model pengurusan bilik darjah prasekolah yang lebih berkesan berasaskan kepada empat dimensi pengurusan bilik darjah. Sebagai gambaran kepada pembentukan model, pengkaji merujuk kepada teori pembelajaran, teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkembangan, model pengurusan bilik darjah, dan model pengurusan bilik darjah abad 21. Melalui merekabentuk model pengurusan bilik darjah prasekolah, pengkaji akan mengenalpasti komponen utama dan elemen bagi komponen utama model pengurusan bilik darjah prasekolah. Komponen dan elemen dalam komponen utama akan disenaraikan dalam instrumen kesesuaian item bagi membantu barisan kumpulan pakar mendapatkan kesepakatan. Peringkat pembentukan model dapat dilihat pada rajah 3.1 merujuk kepada teori perkembangan, rajah 3.2 merujuk kepada teori pembelajaran, rajah 3.3 merujuk kepada model pengurusan bilik darjah dan rajah 3.4 merujuk kepada pengurusan bilik darjah abad ke 21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah

Teori Perkembangan Piaget	Teori Perkembangan Sosial Erik Erikson	Teori Perkembangan Lev Vygotsky	Teori Ekologi Bronfenbrenner
• perkembangan kognitif kanak-kanak berubah mengikut perkembangan usia • fokus kajian adalah kanak-kanak prasekolah yang berada pada tahap Pra Operasi (4 hingga 6) • kanak-kanak mampu menggunakan bahasa atau simbol untuk menggambarkan sesuatu konsep • 4 tahun, kanak-kanak boleh bertutur dengan fasih dan perkembangan kognitifnya • Kanak-kanak berupaya memberi sebab untuk menyokong kepercayaan mereka, mengelaskan objek mengikut ciri tertentu dan memahami konsep pengabadian bilangan. • Oleh itu, pengurusan bilik hendaklah mengambilkira tahap umur kanak-kanak supaya bilik darjah yang disediakan akan lebih bermakna untuk kanak-kanak.	• perkembangan kanak-kanak bergantung kepada tindak balas terhadap keperluan • tiga faktor yang mempengaruhi perkembangan individu, iaitu faktor kendiri, emosi dan social • menekankan kepentingan hubungan sosial dengan individu. • yang penting dalam perkembangan kanak-kanak ialah proses pelaksanaan suatu aktiviti • kanak-kanak meneroka dan mencuba sesuatu yang baru dan mencabar (inisiatif) • belajar dan bergerak dengan cepat, lebih peka kepada perkara betul dan salah, berasa malu apabila diketawakan dan seterusnya membina sikap positif. • Galakan akan menyedarkan kanak-kanak tentang potensi diri • kanak-kanak berinteraksi dengan persekitaran. • Guru perlu bersikap penyayang, bertolak ansur, bersabar dan memahami emosi kanak-kanak • pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan untuk menarik minat murid-murid	• interaksi sosial dalam kalangan kanak-kanak yang mempengaruhi perkembangan mereka • berkembang melalui interaksi sosial secara langsung • Vygotsky lebih banyak menekankan bahasa dalam perkembangan kognitif daripada Piaget. • bagi Vygotsky, bahasa berkembang dari interaksi sosial dengan orang lain • Vygotsky percaya bahawa kanak-kanak akan jauh lebih berkembang jika berinteraksi dengan orang lain (dalam kajian ini, kanak-kanak berinteraksi sesama rakan sebaya dan guru). • kanak-kanak seharusnya bekerja dengan rakan yang lebih terampil yang dapat memimpin secara sistematik dalam menyelesaikan masalah yang lebih kompleks.	• persekitaran perkembangan individu terdiri daripada lima sistem, iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem • sistem perkembangan kanak-kanak pada usia awal, iaitu mikrosistem, mesosistem dan ekosistem. • persekitaran kanak-kanak mempunyai interaksi secara langsung dan menghabiskan paling banyak masa bersama. • memerlukan antara satu sama lain. interaksi kanak-kanak antara rakan serta guru • Individu yang mempunyai masalah di rumah akan membawa masalah tersebut ke sekolah • pengalaman individu tersebut akan turut mempengaruhi orang lain • Keadaan pengurusan, kemudahan dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan mempengaruhi perkembangan sosial kanak-kanak

Rajah 3.1. Pembentukan model pengurusan bilik darjah prasekolah di peringkat pertama pengkaji merujuk kepada teori perkembangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah

Teori Konstruktivisme	Teori Pembelajaran Dewey	Teori Howard Gardner	Teori Bandura
• penekanan diberikan kepada murid lebih daripada guru. • murid berinteraksi dengan bahan dan peristiwa • murid membina konsep sendiri dan membuat penyelesaian kepada masalah • murid menghubungkaitkan perkara yang dipelajari dengan pengetahuan yang sedia ada • ilmu pengetahuan dibina secara aktif oleh setiap individu berasaskan pengalaman yang dilaluinya • amalan guru prasekolah menyedia dan menguruskan ruang pembelajaran dalam bilik darjah prasekolah berdasarkan empat dimensi. Pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah dapat menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk berinteraksi dengan bahan dan memperoleh kefahaman tentang bahan yang disediakan dalam bilik darjah.	• pembelajaran adalah berdasarkan pada pengalaman dan minat seseorang itu sendiri • Pembelajaran adalah bersifat aktif, terlibat secara terus, berpusatkan murid dalam konteks pengalaman sosial • Guru bertindak sebagai fasilitator dalam perbincangan dan *review*	• Howard Gardner mendefinisikan kecerdasan adalah keupayaan untuk menyelesaikan masalah, atau mencipta produk yang dinilai dalam tempoh satu atau lebih persekitaran budaya • kecerdasan boleh dipengaruhi oleh budaya, persekitaran, peluang pendidikan, makanan, suasana pembelajaran dan lain-lain • Howard Gardner menunjukkan bahawa kecerdasan seseorang dapat ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan • guru memainkan peranan penting untuk merancang aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat memenuhi keperluan kecerdasan iaitu yang terdiri daripada lapan kecerdasan yang diperkenalkan oleh Gardner.	• perkembangan emosi kanak-kanak diperoleh dengan cara peniruan • Cara kanak-kanak menyatakan emosinya bergantung kepada apa yang telah dilihat olehnya • *'Direct modeling'* ialah meniru secara langsung tingkah laku yang dipamerkan oleh model, contohnya, guru atau rakan sebaya. • Pembelajaran berlaku melalui memerhati tindakan orang lain, terutama semasa kanak-kanak memerhati akibat sesuatu tindakan

Rajah 3.2. Pembentukan model pengurusan bilik darjah prasekolah di peringkat kedua pengkaji merujuk kepada teori pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah

Assertive Discipline Model	*Logical Consequences Model*	*Teacher Effectiveness Training Model*	*Engagement Classroom Model*
• kawalan yang dilakukan oleh guru terhadap tingkah laku • mendisiplinkan individu dengan cara yang tegas • ganjaran dan hukuman menjurus kepada mendidik • guru bertanggungjawab memastikan pelajar berkelakuan baik dan terpuji. • guru mempunyai kuasa untuk mendisiplinkan • model ini berpandukan empat komponen atau elemen : 5. menetapkan peraturan di dalam yang konsisten, tegas dan adil. 6. memberitahu terlebih dahulu tentang kesan positif yang akan berlaku sekiranya pelajar-pelajar berkelakuan baik dan mematuhi peraturan. 7. memberitahu terlebih dahulu tentang kesan negatif yang akan berlaku sekiranya pelajar-pelajar tidak mematuhi peraturan. 8. bersama-sama dengan pelajar melaksanakan	• salah laku pelajar merupakan hasil daripada keperluan mereka yang tidak dipenuhi • semua pelajar inginkan dan perlukan pengiktirafan social • apabila keperluan tidak dipenuhi, pelajar mempamerkan kelakuan buruk yang mencari perhatian • model ini menekankan kepentingan membantu pelajar dalam memenuhi keperluan internal mereka untuk mendapatkan pengiktirafan dan penerimaan. • guru berusaha untuk mewujudkan sebuah bilik darjah di mana semua pelajar merasakan diri mereka diiktiraf dan diterima • elemen penting dan kekuatan sebenar model terletak pada penekanan terhadap : 1. mencegah salah laku 2. pencegahan	• menekankan kepentingan mengajar pelajar untuk mengawal dan mengurus tingkah laku mereka sendiri • nilai motivasi intrinsik dan menggalakkan guru-guru untuk menggunakan "I-mesej" ketika bercakap kepada pelajar-pelajar tentang tingkah laku bilik darjah yang bermasalah • tidak menekanankan peranan guru dalam pengurusan tingkah laku bilik darjah • pelajar mengambil tanggungjawab dalam mengawal tingkah laku diri mereka melalui kaedah pemodelan • sesuai untuk digunakan dengan pelajar usia menengah • komunikasi yang berkesan perlu diwujudkan	• berpusatkan kanak-kanak dan keluarga • Perkembangan kanak-kanak amat penting terutamanya pada usia 0 - 6 tahun • menghasilkan tiga ciri utama yang diperlukan oleh kanak-kanak iaitu penglibatan, berdikari dan hubungan sosial. • Strategi yg digunakan untuk menggalakkan kemahiran pembelajaran ialah 7. *incidental teaching,* 8. *zone defense scheduling,* 9. *integrated therapy services,* 10. *functional family-centered need assessment,* 11. *functional goals,* 12. *data collection.*

Rajah 3.3. Pembentukan model pengurusan bilik darjah prasekolah di peringkat ketiga pengkaji merujuk kepada model pengurusan bilik darjah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah

Bilik Darjah Pak 21

Persekitaran Fizikal	Aktiviti	Komunikasi	Nilai Murni Dan Etika
• Proses pembelajaran berpusatkan murid • Mewujudkan persekitaran PdP yang menarik minat murid • Merangsang perasaan ingin tahu • Mewujudkan suasana yang "inviting" untuk murid datang ke sekolah dengan gambar dan grafik yang menarik. • Suasana dan prasarana kondusif • Kesediaan emosi murid • Meraikan pembelajaran • Penyediaan Pusat pembelajaran dengan menyediakan persekitaran yang memberi Pengetahuan, menggalakkan Kemahiran Memimpin, menggalakan Kemahiran Berfikir, menggalakkan Kemahiran Dwibahasa, Identiti Nasional, Etika dan Kerohanian	• Murid bekerja secara kolaboratif, berkomunikasi dan menjana pemikiran kritis dan kreatif dalam situasi yang sebenar. • Galakkan murid kerjasama	• Berlaku interaksi bagi menyampaikan ilmu yang mereka faham dan berkongsi pengetahuan dengan rakan-rakan secara lisan dan bukan lisan antara guru murid, murid-murid dan murid bahan • Murid memerhati, mendengar dan memberi maklum balas • Murid dari pelbagai kebolehan bekerjasama untuk mencapai matlamat yang sama dan saling bergantungan untuk Berjaya. • Murid bertanggungjawab terhadap tugasan yang diberikan dalam kumpulan dan menghargai sumbangan dan idea rakan-rakan lain. • Murid dilibatkan secara seimbang dalam kumpulan melalui pembahagian tugasan berdasarkan keupayaan murid. • Murid dapat menerima dan menghormati pandangan orang lain. Bersikap fleksibel dan dapat bertolak ansur untuk mencapai matlamat yang sama	• Murid dijelaskan dan diterapkan nilai yang bersesuaian semasa sesi PdP. • Guru memberi penghargaan kepada murid dan memberi penghargaan sesama rakan • Peraturan bilik darjah dipapar dengan jelas dan menarik • Peraturan dalam bentuk simbol/gambar yang mudah murid faham di pamerkan dengan jelas dan menarik • Nama dan gambar murid diletakkan dihadapan kelas untuk menunjukkan kehadiran.

Rajah 3.4. Pembentukan model pengurusan bilik darjah prasekolah di peringkat keempat pengkaji merujuk kepada pengurusan bilik darjah abad ke 21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Kaedah Fuzzy Delphi

Sebelum kaedah Fuzzy Delphi dijalankan, perkara utama yang perlu difahami terlebih dahulu adalah konsep kaedah Delphi klasik. Para sarjana telah menyatakan bahawa fungsi kaedah Delphi adalah merujuk kepada satu set prosedur untuk mendapatkan dan memurnikan pandangan sesuatu kumpulan panel pakar mengenai sesuatu isu bagi tujuan kesahan kandungan (Dalkey 1967; Brown, 1968; Anderson, 1975; Mohd Ridhuan et al., 2014). Selain itu, Adler dan Zaglio (1996) turut menyatakan bahawa kaedah Delphi yang berasaskan penghakiman pakar juga dikenali sebagai kaedah ramalan atau jangkaan untuk memilih dan mengumpul pendapat daripada sekumpulan pakar dan kaedah ini juga merupakan satu proses yang berstruktur yang dilakukan melalui beberapa kali pusingan kaji selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pengertian lain kaedah Delphi menurut Hill dan Fowles (1975), merupakan satu jangkaan kemungkinan untuk masa depan. Secara umumnya, dapat didefinisikan bahawa kaedah Delphi juga adalah satu kaedah berdasarkan kumpulan pakar yang digunakan untuk mengumpul kesepakatan dan membentuk kesepakatan terhadap sesuatu maklumat, ia juga boleh dianggap sebagai satu kaedah untuk mendapatkan data secara berstruktur berdasarkan kepada kesepakatan pakar (Muhammad Imran, 2007). Terdapat beberapa kekuatan dan kelemahan bagi penggunaan kaedah Delphi (Mohd Ridhuan et al., 2014):

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebaikan :

1. Mendapat konsensus dari pakar
2. Tiada pengaruh atau bias pendekatan anonimiti iaitu pakar lebih bebas memberikan pendapat tanpa tekanan.
3. Berupaya menyatakan pendapat dengan bebas berdasarkan kepakaran masing-masing.
4. Sesuai untuk meramal masa hadapan
5. Kesilapan yang berlaku adalah terhad kerana menggunakan pakar.
6. Fleksibel
7. Sesuai dalam mengemukakan soal selidik yang sulit
8. Lebih berstruktur daripada soal selidik yang biasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelemahan :

1. Tempoh kajian akan menjadi panjang.
2. Tiada peraturan tertentu dalam menghasilkan keputusan
3. Pengkaji yang melakukan ringkasan harus mempunyai pengetahuan yang mencukupi bagi mengurangkan kadar maklumat yang di atur.
4. Mewujudkan kebosanan dan hilang minat terhadap pengkaji dan pakar kerana kajian terlalu lama dan banyak pusingan.
5. Data lebih mudah hilang sekiranya kajian terlalu lama.
6. Data tidak boleh diharapkan sekiranya pakar yang dipilih bukan pakar sebenar.
7. Pendapat antara pakar hanya boleh diperolehi pada peringkat tertentu sahaja. Keadaan ini akan membawa kepada salah tafsir diantara pakar kerana sebarang kekaburan tidak akan dipertimbangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah Fuzzy Delphi merupakan jalan bagi mengatasi kelemahan dan juga penyelesaian kepada kekaburan pendapat pakar dalam kaedah Delphi. Oleh yang demikian, pendapat pakar dalam kaedah Delphi merupakan jalan penyelesaian untuk mengatasi kekaburan (*fuzziness*) bagi mengatasi dan menyelesaikan masalah. Sehubungan itu, cadangan Murray, Pipino dan Gigch (1985) ialah menggunakan teori kabur (*fuzzy theory*). Manakala Hsu dan Chen (1996) pula mencadangkan bagi mengatasi masalah ini kaedah pengumpulan persamaan kabur (*fuzziness*) diperkenalkan bagi membolehkan pengenalpastian terhadap tahap konsensus di antara pakar.

Kaedah Fuzzy Delphi menurut Mohd Ridhuan et al (2014), merupakan kaedah dan instrumen pengukuran yang dijenamakan semula berdasarkan daripada teknik Delphi. Kaedah Fuzzy Delphi merupakan satu alat pengukuran yang lebih efektif kerana kaedah ini mampu untuk menyelesaikan masalah yang mempunyai ketidakpastian bagi sesuatu kajian (Mohd Ridhuan et al., 2014). Selain itu, kaedah ini juga telah diperkenalkan oleh Murray, Pipino dan Gigch (1985). Kaedah Fuzzy Delphi merupakan kaedah yang berdasarkan analisis dengan menggabungkan Fuzzy teori dengan kaedah Delphi sesuai dalam membuat keputusan.

Terdapat beberapa kebaikan penggunaan Kaedah Fuzzy Delphi seperti yang dinyatakan oleh Mohd Ridhuan et al (2014) iaitu:

1. Soal selidik yang digunakan menjimatkan masa.
2. Menjimatkan kos.
3. Bilangan pusingan kaji selidik dapat dikurangkan,
4. Memastikan kesempurnaan dan pendapat yang konsisten dan pakar boleh meluahkan pendapat mereka sepenuhnya,.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Kekaburan yang tidak boleh dielakkan semasa proses kajian yang dijalankan diambil kira. Kaedah ini tafsir pendapat asal pakar tidak disalahkan.
6. Mengelakkan kebocoran data serta kebosanan pada pakar.

Selain itu, kesepakatan pakar mampu diperolehi dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan dengan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi. Penggunaan kaedah Fuzzy Delphi untuk mendapatkan kesepakatan pakar tersebut dapat dibuktikan dalam penyelidikan lepas. Kajian lepas iaitu yang menggunakan kaedah Fuzzy Delphi dalam kajian Penilaian Keupayaan Perisai Tempur Dalam Bidang Ketenteraan telah mendapatkan kesepakatan pakar melalui penggunaan kaedah ini (Cheng & Lin, 2002); Pemilihan Strategi Penyelesaian Masalah Dalam Bidang Komunikasi (Jafari, Jafarian, Zareei & Zaerpour, 2008); Kompetensi Guru Terhadap Pengurusan Pengajaran Dan Pembelajaran (Mohd Ridhuan, Shariza & Mohd Ibrahim (2014); Bagi Kurikulum Masa Depan terhadap Penilaian Facebook (FB) (Nurulrabihah et. al., 2013); Penentuan Elemen Aktiviti Bagi M-Pembelajaran (Asra, Muhammad Ridhuan Tony Lim, Saedah & Siti Aisyah, 2014); Keperluan Aspek "Riadhah Ruhiyyah" Untuk Profesionalisme Perguruan Dalam Bidang Pendidikan Islam (Habibah @ Artini et al., 2014); dan Pemilihan Pekerja Oleh Bahagian Sumber (Abduljabbar, 2015).

3.5.2 Sampel Kajian Pakar Fuzzy Delphi

Mengenai sampel kajian, menurut Adler dan Zinglio (1996) bilangan pakar yang dicadangkan adalah seramai 10 hingga 15 orang jika wujudnya keseragaman yang tinggi di kalangan para pakar. Bagi tujuan kajian ini, bilangan pakar yang akan dipilih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah seramai 12 orang pakar berasaskan bidang kepakaran masing-masing dan dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan atau *purposive sampling*. Panel pakar terdiri daripada staf akademik IPTA/IPGM, Nazir Sekolah KPM, Pegawai Bahagian KPM, Guru Cemerlang Prasekolah, dan Jurulatih Utama Prasekolah. Semua pakar yang dilantik dengan mempunyai pengkhususan dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. Para pakar akan dihubungi oleh pengkaji terlebih dahulu untuk mendapatkan persetujuan daripada mereka untuk menjadi pakar menilai kesuaian item yang akan dikemukakan nanti. Apabila kesemua pakar telah bersetuju, surat lantikan rasmi sebagai pakar terhadap kajian disediakan melalui Institut Pengajian Siswazah (IPS) kemudiannya dihantar sama ada melalui e-mel, pos atau serahan tangan. Jadual 3.1 menunjukkan bilangan pakar Fuzzy Delphi yang akan membantu pengkaji mendapatkan kesepakatan terhadap kesesuaian item.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Pakar Fuzzy Delphi

Gelaran Jawatan	**Jumlah**
Staf Akademik IPTA/IPGM	3
Nazir Sekolah KPM	2
Pegawai Bahagian KPM	3
Guru Cemerlang Prasekolah	2
Jurulatih Utama Prasekolah	2
Jumlah (orang)	**12**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.3 Instrumen Kajian Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)

Instrumen kesesuaian item merupakan soal selidik yang digunakan dalam fasa pembangunan model ini. Instrumen kesesuaian item dalam fasa pembangunan model ini adalah instrumen yang dibentuk berdasarkan kajian literatur berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah dan juga instrumen temu bual yang telah dimurnikan hasil analisis keperluan dalam fasa I. Set soal selidik yang dibangunkan tersebut mengandungi empat dimensi/komponen dan mengandungi 53 item iaitu item dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah mengandungi 13 item, dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program mengandungi 14 item, dimensi pengurusan hubungan dan interaksi mengandungi 11 item, dan dimensi pengurusan tingkah laku mengandungi 15 item. Tujuh pilihan skala likert yang digunakan dalam soal selidik kajian ini iaitu skala 1 = Teramat Sesuai , skala 2 = Sangat Sesuai, skala 3 = Sesuai, skala 4 = Sederhana Sesuai, skala 5 = Tidak Sesuai, skala 6 = Sangat Tidak Sesuai dan skala 7 = Teramat Tidak Sesuai. Bagi tujuan memudahkan pakar, skala ini akan digunakan oleh pakar untuk membuat penilaian terhadap kesesuaian item dan untuk mendapatkan kesepakatan yang di kemukakan melalui set soal selidik sebelum data diperolehi dan dianalisis bagi tujuan membangunkan model.

3.5.4 Prosedur Kajian Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)

Kaedah Fuzzy Delphi atau *Fuzzy Delphi Method* (FDM) yang digunakan dalam fasa pembangunan model ini merupakan kombinasi antara teori set Fuzzy dan teknik Delphi yang diperkenalkan oleh Murray, Pipino dan Gigch (1985). Hal ini menunjukan, kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fuzzy Delphi bukan suatu kaedah yang baharu. FDM lebih merupakan nilai tambah dan penambahbaikan daripada kaedah Delphi yang sedia ada. Teknik komunikasi berstruktur yang terdapat dalam kaedah Fuzzy Delphi bergantung pada panel pakar. Menurut Nurfaradilla Mohamad Nasri, (2011), dengan menggunakan kaedah ini kesepakatan pakar boleh diperolehi tanpa perlu membawa mereka berjumpa secara bersemuka. Kaedah yang digunakan untuk menilai dan mendapatkan pandangan pakar ini adalah suatu pendekatan yang sistematik kerana tidak melibatkan sebarang proses perbincangan yang rasmi antara panel dan juga merupakan satu tatacara pengundian pandangan panel responden (Hill & Fowles, 1975). Kaedah ini juga satu proses yang menggabungkan pendapat antara beberapa individu secara sistematik bagi mencapai satu konsensus atau kesimpulan secara bersama (Helmer, 1968), suatu pendekatan untuk memperolehi dan merumus pandangan para pakar (Dalkey, 1972) dan responden juga diberikan peluang untuk memberikan pendapat dan pandangan mereka melalui surat dan e-mel. Kaedah Delphi meletakkan prinsip utama kaedah itu dengan berasaskan andaian iaitu pandangan sekumpulan pakar adalah lebih tepat berbanding pendapat individu. Teknik Delphi melibatkan beberapa pusingan kerana ia adalah satu pendekatan untuk mendapatkan konsensus pakar berhubung sesuatu isu atau beberapa isu. Konsensus yang didapati menerusi teknik Delphi tidaklah bermaksud bahawa jawapan yang tepat berhubung sesuatu isu telah ada namun ia menunjukkan persetujuan pakar berhubung perkara tersebut telah diperolehi (Keeney, Hasson & McKenna, 2011). Dengan kata lain, responden yang disoal dalam beberapa pusingan menerusi surat atau e-mel akan bebas memberi idea dan pandangan mereka. Kaedah ini menggantikan rekabentuk penyelidikan yang lazimnya dilaksanakan dengan menggunakan soal selidik. Ia amat praktikal dalam usaha membuat andaian berhubung kajian pada masa hadapan kerana ia tidak mempunyai teori yang bersifat formal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi teknik ini juga, pandangan sekumpulan pakar boleh didapati dan diambilkira tanpa mereka perlu bersemuka di antara satu sama lain. Tidak ada ketetapan khusus berhubung bilangan pakar panel Delphi sama ada kurang dari 15 orang, antara 8 hingga 12 orang, 10 hingga 50 orang atau sehingga 100 orang. Namun bilangan pakar yang besar boleh mengurangkan ralat dan meningkatkan kebolehpercayaan (Keeney, Hasson & McKenna, 2011). Ciri-ciri prosedur penggunaan teknik Delphi (Linstone & Turoff, 2002; Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016) adalah :

1. Anonimiti :

   Anominiti adalah satu keadaan bagi menyediakan informasi yang betul terhadap sesuatu fakta. Panel pakar yang dipilih tidak berbentuk kolektif dan pakar adalah mewakili dirinya sendiri. Panel pakar juga tidak berpeluang mengenali antara satu sama lain agar mereka boleh mengeluarkan pandangan secara sukarela tanpa dipengaruhi oleh pihak lain untuk mengurangkan kesan bias oleh individu yang lebih dominan atau tekanan dalam kumpulan atau komunikasi yang tidak relevan.

2. Interaksi :

   Sekalipun tidak pernah bertemu, para pakar berpeluang berinteraksi sesama mereka walaupun saling tidak mengenali. Ia berlaku menerusi pandangan dan jawapan yang dinyatakan dalam instrumen. Hal ini kerana teknik Delphi membolehkan semua komen dan pandangan dimasukkan pada pusingan pusingan seterusnya. Semua pakar diminta menyatakan respon dan persetujuan terhadap pandangan pakar lain dan mengesahkan pandangan mereka. Proses ini berulang-ulang sehingga persetujuan pakar diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Ulasan dan Maklum balas Terkawal :

   Ciri ini menekankan kepada sifat ulasan pakar yang neutral. Setiap ulasan berulang dikawal agar tidak wujud pengaruh individu atau pakar lain yang lebih dominan.

4. Ulasan Statistik :

   Setiap respon panel pakar dianalisis menggunakan analisis statistik yang lebih menekankan kepada ciri-ciri umum berbanding skor min. Oleh itu, statistik yang digunakan adalah dalam bentuk median, interkuartil dan frekuensi.

Langkah-langkah yang dicadangkan oleh Saedah Siraj (2008) mengenai pelaksanaan dalam kajian mengggunakan teknik Delphi sebagaimana yang dijelaskan ialah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

1. Penetapan dan pemilihan sampel yang bersesuaian dengan kajian.
2. Dalam pusingan pertama kajian Delphi ini soal selidik yang direka oleh penyelidik perlu dijawab oleh panel pakar secara berasingan tanpa tekanan dari pihak lain. Pengkaji memungut semula soal selidik dan merumuskan jawapan panel pakar.
3. Delphi pusingan kedua berlangsung apabila keputusan soal selidik dihantar kembali kepada panel pakar untuk menilai jawapan asal mereka berpandukan jawapan anggota lain dalam kumpulan pakar.
4. Delphi pusingan ketiga dan keempat kadang-kadang dijalankan oleh pengkaji sebelum data diproses buat kali terakhir. Ia dijalankan untuk memberi peluang kepada panel pakar mempertahankan pandangan atau mengubah pandangan mereka berdasarkan pandangan majoriti ahli kumpulan pakar. Dalam hal ini, Saedah Siraj (2008) menegaskan bahawa pada setiap pusingan, pengkaji perlu mengupas dan mengambilkira semua cadangan termasuk bantahan dari para pakar untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memperolehi pendapat majoriti atau konsensus pakar serta memastikan jawapan yang tepat.

Kelebihan kaedah ini adalah penyelidik boleh mendapatkan persetujuan atau konsensus tulen dari para pakar kerana mereka tidak pernah bertemu dan saling tidak mengenali antara satu dengan yang lain. Oleh itu, konsensus pakar dapat dicapai tanpa adanya tekanan dan pengaruh dari mana-mana pihak serta sikap pilih kasih yang membolehkan mereka memberi pendapat yang konsisten dengan bidang kepakaran masing-masing. Pada masa yang sama, ujikaji turut diulang di mana data dari setiap pusingan Delphi akan disaring melalui analisis data. Teknik Delphi juga berkesan untuk memperolehi sebanyak mungkin pandangan dan pendapat terhadap isu-isu yang rumit serta sesuai digunakan untuk melakukan jangkaan masa depan (Saedah Siraj, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam teknik Delphi. Kelemahan teknik ini menurut Saedah Siraj (2008), adalah dari segi kebolehpercayaan data di mana data yang diperolehi lemah dan boleh dipersoalkan. Hal ini kerana, sekiranya bilangan pakar yang terlalu kecil untuk mengukur sesuatu yang besar, maka data yang diperolehi boleh diragui sekiranya penyelidik gagal mendapatkan khidmat pakar yang sepatutnya. Selain itu, ujikaji yang dijalankan secara berulang-ulang boleh menyebabkan panel pakar merasa bosan dan ini akan menghasilkan data yang tidak lengkap dan kurang tepat (Bojadziev dan Bojadziev, 2007). Konsensus pakar merupakan sesuatu dapatan yang sangat subjektif dan bersandarkan juga kepada kompetensi individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, penggunaan kaedah FDM dilihat boleh membantu mengatasi masalah yang timbul. Hal ini kerana, antara kebaikan penggunaan FDM ialah kaedah dapat mengurangkan jumlah bilangan pusingan kaji selidik, menjimatkan masa dan kos pengendalian soal selidik, menaikkan kadar pemulihan soal selidik, membolehkan pakar memberikan pandangan mereka sepenuhnya secara konsisten di samping mengambil kira kekaburan yang tidak boleh dielakkan semasa proses kajian dijalankan. Ini kerana, kaedah ini tidak menyalahtafsirkan pendapat asal pakar sebaliknya memberikan gambaran tindak balas sebenar pakar (Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurul Rabihah Mat Noh & Ahmad Arifin Sapar, 2014).

FDM satu kaedah atau teknik yang digunakan untuk mendapatkan kesepakatan atau konsensus sejumlah pakar selaku responden yang dilantik secara berasingan bagi membentuk satu instrumen atau set item soal selidik 5 skala likert yang tepat dan lebih bercirikan kuantitatif (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Jika teknik Delphi menunjukkan kesepakatan pakar adalah terhadap sesuatu instrumen kajian yang dibina secara kualitatif dan dikira melalui pengukuran tahap kesepakatan pakar ke atas item, FDM menunjukkan kesepakatan pakar adalah menerusi nilai *Threshold* (d) dalam bentuk kuantitatif. FDM telah banyak digunakan oleh para pengkaji dalam bidang kejuruteraan dan sains. FDM serta turut sesuai digunakan dalam bidang penyelidikan pendidikan kurikulum, pendidikan Islam, bahasa, serta sains sosial (Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil, Zaharah Hussin, Nurul Rabihah Mat Noh, Ahmad Arifin Sapar dan Norlidah Alias, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain dari faktor kos dan masa, teknik ini juga bergantung pada pandangan pakar dalam membuat keputusan (Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, 2014). Konsensus pakar diperolehi menerusi bengkel pakar FDM yang diadakan dengan menghimpunkan semua pakar dalam satu masa tanpa perlu melakukan proses mendapatkan data secara pusingan sebagaimana yang biasa dilakukan dalam teknik Delphi sedia ada. Namun ia masih mempunyai persamaan dengan kaedah Delphi kerana para pakar merupakan sekumpulan pakar dalam bidang masing-masing yang diberikan set soal selidik mengandungi skala Likert tujuh poin sebagaimana yang dilakukan dalam kajian oleh Soon, Davies, Chadd dan Baines (2012). Manakala, keesahan dan kebolehpercayaan data menerusi teknik FDM diperolehi menerusi konsensus pakar terhadap item-item yang dikemukakan kepada pakar ketika bengkel pakar diadakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat prosedur yang perlu dipatuhi bagi mendapatkan hasil kajian yang menggunakan pendekatan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) ini. Rajah 3.5 menunjukkan carta alir proses kajian yang menggunakan kaedah Fuzzy Delphi (FDM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.5. Carta alir prosedur pendekatan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) (adaptasi dari Mohd Ridhuan, 2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Rajah 3.5 menunjukkan carta alir prosedur menggunakan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) untuk mendapatkan kesepakatan kumpulan pakar. Penerangan proses kajian yang menggunakan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) diterangkan melalui langkah-langkah seperti yang terdapat dalam carta alir seperti berikut:

Langkah pertama, pemilihan dan penentuan pakar yang terlibat dalam proses kajian. Aspek memilih dan menentu pakar amat penting bagi memastikan pakar yang dipilih mampu memberikan pandangan yang tepat dengan konteks kajian yang dijalankan. Oleh itu, pengkaji memilih pakar berlatarbelakang Pendidikan Awal Kanak-kanak yang terlibat secara terus dengan guru prasekolah KPM iaitu 12 pakar yang terdiri daripada staf akademik IPTA/IPGM, Nazir Sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KPM, Pegawai Bahagian KPM, Guru Cemerlang Prasekolah, dan Jurulatih Utama Prasekolah.

Langkah kedua, pembinaan soal selidik pakar dijalankan. Soal selidik pakar boleh dibina menggunakan maklumat yang diperolehi daripada beberapa kaedah antaranya (1) perbincangan *focus group;* (2) temu bual; (3) kajian literatur dan analisis dokumen; dan(4) soalan format terbuka. Mengenai kaedah Delphi, Powell (2003) telah menegaskan bahawa untuk mendapatkan kesepakatan pakar adalah suatu kaedah Delphi yang sangat fleksibel untuk digunakan. Selain itu menurut Powell (2003) lagi, kaedah Delphi yang dijalankan dalam pusingan pertama kebiasaannya adalah untuk mengenal pasti sesuatu isu melalui temu bual pakar. Walau bagaimanapun, melalui *open ended question* sesuatu isu itu boleh dikenal pasti. Selain itu, penggunaaan soal selidik yang dibina hasil daripada kajian literatur merupakan alternatif lain yang boleh digunakan berkaitan dengan sesuatu isu yang dikaji (Dullfield's, 1993; Chang Hsu & Chang, 2011). Bagi tujuan kajian ini, dalam fasa I iaitu fasa analisis keperluan pengkaji membina soal selidik pakar melalui kajian literatur yang memberi fokus terhadap pengurusan bilik darjah prasekolah.

Langkah ketiga, proses penyebaran dan pengutipan data. Terdapat beberapa pendekatan yang boleh digunakan iaitu sama melalui (1) Pertemuan dengan pakar secara individu; (2) Seminar perbengkelan dengan menjemput pakar yang terlibat; (3) Mengedarkan soal selidik kepada pakar yang dipilih melalui e-mel dan sebagainya. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji menyebar dan mengutip data melalui pertemuan bersemuka dengan pakar dan soal selidik akan disebarkan kepada pakar melalui e-mail (sekiranya pakar tidak dapat hadir secara bersemuka).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah keempat, menukarkan ke semua pemboleh ubah linguistik ke dalam penomboran segi tiga fuzzy (*triangular fuzzy number*). Jadual 3.2 menunjukkan pemboleh ubah linguistik bagi 7 skala di mana ia memaparkan pernyataan pengukuran bagi sesuatu item dan nilai skala fuzzy yang diwakilinya.

Jadual 3.2

Skala pemboleh ubah linguistik 7 mata (adaptasi dari Mohd Ridhuan, 2016)

Pemboleh Ubah Linguistik	**Skala *Fuzzy***
Teramat tidak setuju	(0.0, 0.0, 0.1)
Sangat tidak setuju	(0.0, 0.1, 0.3)
Tidak setuju	(0.1, 0.3, 0.5)
Sederhana setuju	(0.3, 0.5, 0.7)
Setuju	(0.5, 0.7, 0.9)
Sangat setuju	(0.7, 0.9, 1.0)
Teramat setuju	(0.9, 1.0, 1.0)

05-45068 aTBainun ptbupsi

Contoh bagi pemboleh ubah linguistik dimana pemboleh ubahnya ditukar mengikut keperluan objektif kajian iaitu bermula dari ‘sangat rendah’ hingga ke ‘sangat tinggi’ berdasarkan keperluan. Selalunya pemboleh ubah linguistik digunakan di dalam sesuatu kajian untuk melihat perbandingan sesuatu item. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji menggunakan pemboleh ubah linguistik dari ‘teramat sesuai’ hingga ke ‘teramat tidak sesuai’ seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Skala pemboleh ubah linguistik untuk melihat kesuaian item

Pemboleh Ubah Linguistik	**Skala *Fuzzy***
Teramat tidak sesuai	(0.0, 0.0, 0.1)
Sangat tidak sesuai	(0.0, 0.1, 0.3)
Tidak sesuai	(0.1, 0.3, 0.5)
Sederhana sesuai	(0.3, 0.5, 0.7)
Sesuai	(0.5, 0.7, 0.9)
Sangat sesuai	(0.7, 0.9, 1.0)
Teramat sesuai	(0.9, 1.0, 1.0)

Langkah kelima, penganalisisan data berdasarkan *triangular fuzzy number*. Analisis data dalam langkah ini bertujuan untuk mendapatkan nilai *threshold* (d). Di dalam langkah ini, nilai *threshold* (d) merupakan syarat pertama yang perlu dipatuhi. Menurut Cheng dan Lin, (2002), Nilai *threshold* (d) hendaklah kurang atau sama dengan 0.2. Penggunaan kaedah *vertex* dijalankan untuk mengira jarak di antara purata r_{ij}. Nilai *threshold* (d) bagi dua nombor fuzzy m = (m_1, m_2, m_3) dan n = (m_1,m_2, m_3) di kira menggunakan rumus:

$$d(\tilde{m}, \tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3}\left[(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2\right]}.$$

Nilai *threshold* (d) yang terhasil bagi 3 item yang dikaji berdasarkan pandangan 12 orang pakar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4. Jadual 3.4 juga menunjukkan nilai-nilai *threshold* bagi setiap item dan pakar seta nilai *threshold* (d) keseluruhan bagi setiap item. Nilai *threshold* (d) yang dihitamkan adalah nilai *threshold* (d) yang melebihi 0.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Contoh nilai threshold (d) bagi 3 item dan 12 pakar (adaptasi dari Mohd Ridhuan, 2016)

Pakar	Item		
	1	2	3
1	0.059	0.110	0.072
2	0.059	0.045	0.072
3	0.059	0.045	0.072
4	**0.300**	0.045	0.072
5	0.095	0.045	0.082
6	0.059	0.045	0.082
7	0.095	0.045	0.082
8	0.095	0.045	0.082
9	0.095	0.045	0.082
10	0.095	0.045	0.082
11	0.095	0.045	0.082
12	0.059	**0.347**	**0.311**
Nilai *Threshold* (d) setiap item	0.101	0.027	0.073

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah keenam, penentuan syarat kedua dilakukan di mana penentuan nilai peratusan kesepakatan pakar dijalankan. Seterusnya, syarat kedua yang perlu dipatuhi dalam langkah ini adalah nilai peratus kesepakatan pakar hendaklah sama atau lebih daripada 75 peratus (Murry & Hammons, 1995; Chu & Hwang, 2008). Contoh peratusan kesepakatan 12 orang pakar bagi tiga item yang dikaji dengan menggunakan kesepakatan pakar seperti yang terdapat dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.5

Contoh peratusan kesepakatan pakar

Perkara	Item		
	1	2	3
Bilangan Item $d \leq 0.2$	11	11	11
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	90.0%	90.0%	90.0%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah ketujuh, penganalisaan data menggunakan *average of fuzzy numbers @ average response (Defuzzification Process*). Penggunaan *average of fuzzy numbers @ average response* bertujuan untuk mendapatkan nilai skor *fuzzy* (A). Di dalam langkah ini, nilai skor *fuzzy* (A) hendaklah melebihi atau sama dengan nilai median (nilai α – *cut*) iaitu 0.5. Ini merupakan syarat ketiga yang perlu dipatuhi, (Bodjanova, 2006; Tang & Wu, 2010). Nilai tersebut menunjukkan, bahawa elemen tersebut diterima oleh kesepakatan pakar. Antara fungsi lain nilai skor *fuzzy* (A) adalah boleh digunakan sebagai penentu kedudukan dan keutamaan sesuatu elemen mengikut pandangan kesepakatan pakar. Rumus yang terlibat di dalam mendapat nilai skor *fuzzy* (A) adalah seperti berikut:

$$A = (1/3)*(m_1 + m_2 + m_3)$$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6 memaparkan contoh nilai skor *fuzzy* (A) yang dijalankan menggunakan penganalisisan *defuzzification process* berdasarkan pendekatan kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM).

Jadual 3.6

Contoh nilai skor fuzzy (A)

Item	1			2			3		
Purata Setiap Unsur	m_1	m_2	m_3	m_1	m_2	m_3	m_1	m_2	m_3
	0.780	0.930	0.990	0.880	0.990	1.000	0.820	0.960	1.000
Nilai Skor *Fuzzy* (A)		0.900			0.957			0.927	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, proses untuk mendapat konsensus pakar dijalankan melalui set soal selidik yang mengandungi item-item yang dibina dan diubahsuai hasil temu bual dalam Fasa I kajian. Kumpulan pakar diminta membuat penilaian setiap item berdasarkan aras skala dalam soal selidik. Seterusnya mendapatkan persetujuan daripada kumpulan pakar mengikut kesesuaian setiap item. Selain itu, dalam set soal selidik tersebut, selain disediakan dengan tujuh skala likert ruang kosong juga disediakan disetiap item untuk membolehkan pakar membuat penilaian dan menulis sebab atau komen serta cadangan mereka terhadap setiap item hasil penilaian mereka. Seterusnya, berdasarkan item-item yang dikemukakan kumpulan pakar akan diberi peluang memberikan pandangan dan idea mereka terhadap item-item tersebut dan kemudian diminta menyatakan cadangan item lain yang dikira sesuai (sekiranya ada).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Hasil penilaian pakar yang diperolehi seterusnya ditukar ke dalam bentuk data nombor *fuzzy* bagi memudahkan analisis dibuat menggunakan *Microsoft Excel* supaya penjadualan lebih kemas. Proses mendapatkan konsensus pakar dalam teknik FDM sebenarnya adalah proses untuk menentukan konsensus pakar samada ia bersamaan atau melebihi 75 peratus bagi setiap item atau keseluruhan konstruk. Kemudiannya, tindakan susulan yang dibuat ialah dengan mengambil kira semua sebab atau komen serta cadangan daripada kumpulan pakar. Pengkaji seterusnya melaksanakan pemurnian terhadap kandungan untuk tujuan semakan sebelum membangunkan model untuk dibentangkan dan dinilai dalam fasa penilaian kebolehgunaan yang melibatkan penggunaan NGT.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.5 Analisis Data Kaedah Fuzzy Delphi

Dalam menganalisis data berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi, terdapat dua perkara utama yang perlu diketahui iaitu *Triangular Fuzzy Number* dan *Defuzzification Process*. Bagi mendapatkan data konsensus pakar yang diperolehi melalui kaedah Fuzzy Delphi tersebut, hasil konsensus terhadap item-item dalam instrumen kajian yang telah dikemukakan kepada pakar untuk dinilai akan dianalisis. Perkara pertama yang perlu diketahui ialah *Triangular Fuzzy Number. Triangular Fuzzy Number* terdiri daripada nilai m_1, m_2 dan m_3. Nilai m_1 adalah mewakili nilai minimum *(smallest value),* nilai m_2 mewakili nilai paling munasabah *(most plausible value)* manakala nilai m_3 pula adalah mewakili nilai maksimum *(maximum value).* Ketiga-tiga nilai di dalam *Triangular Fuzzy Number* tersebut dapat dilihat melalui Rajah 3.6 yang menunjukkan graf segi tiga min melawan nilai *triangular*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.6. Graf segi tiga min melawan nilai *triangular*

Terdapat dua syarat yang perlu dipatuhi bagi menentukan penerimaan sesuatu elemen daripada kesepakatan kumpulan pakar dalam peringkat *Triangular Fuzzy Number*. Syarat pertama adalah melibatkan nilai *threshold* (d) manakala syarat kedua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah peratusan kumpulan pakar bagi sesuatu elemen. Penentuan nilai *threshold* (d) dalam syarat pertama ini adalah berdasarkan kepada formula yang telah ditetapkan.

Peringkat kedua, adalah peringkat proses menentukan *ranking* bagi setiap elemen, komponen, konstruk, pemboleh ubah, sub pemboleh ubah dan isu yang terdapat di dalam kajian. Peringkat ini juga dengan kata lain peringkat *Defuzzification process*. Proses menentukan kedudukan *(ranking)* ini akan membantu penghasilan data mengikut keperluan berdasarkan konsensus pakar yang bertindak sebagai responden kajian. Tujuan proses ini adalah untuk membantu pengkaji mengenalpasti aras keperluan sesuatu pemboleh ubah dan sub pemboleh ubah yang diperlukan selain berupaya menentukan kedudukan *(ranking)* dan keutamaan bagi setiap elemen yang dikaji. Terdapat tiga formula yang boleh digunakan dalam *defuzzification process*. Pengkaji boleh memilih mana-mana di antara tiga formula ini bagi menentukan *ranking* di dalam kajian mereka. Tiga formula di dalam proses ini adalah seperti berikut:

1. $A_{max} = 1/3 * (a_1 + a_m + a_2)$
2. $A_{max} = 1/4 * (a_1 + 2a_m + a_2)$
3. $A_{max} = 1/6 * (a_1 + 4a_m + a_2)$

Terdapat satu syarat yang perlu dipatuhi dalam peringkat *defuzzification process* bagi menunjukkan penerimaan kumpulan pakar bagi sesuatu elemen yang dikaji di mana penggunaan nilai median yang dijuga dikenali sebagai nilai *alpha*-cut (α-cut) digunakan. Penerangan dengan lebih lanjut dan secara terperinci di dalam sub topik yang berikutnya untuk memberi kefahaman tentang *triangular fuzzy number* dan *defuzzification process*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Fasa III : Penilaian Kebolehgunaan Model

Kebolehgunaan membawa maksud keupayaan terhadap produk yang dihasilkan atau sesebuah produk yang dibangunkan. Produk yang dibangunkan dan yang dihasilkan tersebut merupakan produk yang diguna pakai oleh pengguna produk itu sendiri (Mack & Sharples, 2009). Penilaian terhadap kebolehgunaan setiap aspek adalah bergantung kepada produk yang dihasilkan. Penilaian kebolehgunaan boleh dinilai dari aspek kecekapan, kepuasan dan keberkesanan pengguna (Millano & Ullius, 1998). Bagi melaksanakan penilaian kebolehgunaan model yang dibangunkan oleh pengkaji dalam kajian yang dijalankan ini, kaedah tinjauan akan digunakan. Tujuan pengkaji menggunakan kaedah tinjauan ini adalah untuk melihat kesesuaian dan pandangan dalam kalangan guru prasekolah sebagai pengguna menilai kebolehgunaan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibangunkan. Bagi menjawab persoalan kajian dan juga untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan, guru prasekolah adalah individu yang sesuai dilantik untuk menilai kebolehgunaan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibangunkan oleh pengkaji. Persoalan kajian yang perlu dijawab dalam penilaian kebolehgunaan model adalah seperti berikut:

1. Sejauh manakah pandangan guru prasekolah terhadap kesesuaian komponen utama dalam model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 yang dibangunkan ?.
2. Sejauh manakah pandangan guru prasekolah terhadap kesesuaian elemen bagi setiap komponen utama dalam model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21yang dibangunkan ?.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Sejauh manakah pandangan guru prasekolah terhadap keseluruhan kebolehgunaan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 yang dibangunkan ?.

Tujuan penilaian kebolehgunaan yang dilaksanakan dalam fasa III adalah untuk melaksanakan penilaian setelah model prototaip dibina secara ringkas (Saedah Siraj et.al, 2020). Penilaian dijalankan dalam fasa III ini juga adalah bertujuan menentukan kebolehgunaan inovasi (model, modul dsn) prototaip yang telah dibangunkan dalam fasa II iaitu fasa rekabentuk dan pembangunan. Selain itu, tujuan lain adalah untuk mengesan impak inovasi yang berkaitan (Saedah Siraj et.al, 2020).

Bagi tujuan kajian ini, fasa penilaian kebolehgunaan adalah untuk mengenal pasti kebolehgunaan model prototaip empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah yang telah dibangunkan dalam fasa II dan menjawab tiga persoalan kajian yang telah ditetapkan. Tiga persoalan kajian Kebolehgunaan yang perlu dijawab dalam fasa ini ialah pertama, mengenalpasti pandangan guru prasekolah terhadap kesesuaian komponen utama dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan. Kedua, mengenalpasti pandangan guru prasekolah terhadap kesesuaian elemen bagi setiap komponen utama dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah, dan ketiga ialah mengenalpasti pandangan guru prasekolah terhadap keseluruhan kebolehgunaan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin melihat aspek kepuasan pakar dalam kalangan guru prasekolah yang mengajar di prasekolah KPM bagi menilai kebolehgunaan model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah yang berasaskan Pendidikan Abad ke 21 merupakan model prototaip yang dihasilkan dalam fasa II iaitu fasa rekebentuk dan pembangunan. Model prototaip tersebut dibangunkan hasil daripada kesepakatan 12 pakar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak menggunakan kaedah Fuzzy Delphi. Bagi tujuan menentukan kebolehgunaan model prototaip yang dihasilkan daripada fasa II, proses validasi model prototaip tersebut akan dilaksanakan dalam fasa III iaitu fasa penilaian kebolehgunaan untuk mengesan kesesuaian komponen dan elemen supaya boleh diguna pakai seterusnya oleh guru prasekolah.

3.6.1 Sampel Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji telah memilih seramai 30 responden yang berpengalaman dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan berpengalaman mengajar sebagai guru prasekolah KPM selama sepuluh tahun yang boleh dianggap sebagai pakar. Menurut Azizi Yahaya et.al (2007), membuat pemilihan sampel merupakan aspek yang penting dalam penyelidikan. Pemilihan sampel kajian adalah penting kerana sampel yang dipilih akan mewakili populasi agar dapatan kajian dapat digeneralisasikan. Oleh yang demikian, dalam kajian ini persampelan bertujuan atau *purposive sampling* akan digunakan. Setelah 30 responden dikenal pasti secara persampelan bertujuan, 30 responden tersebut dipecahkan kepada tiga kumpulan kecil bagi memudahkan pengkaji untuk mengendalikan kaedah tinjauan tersebut. Responden yang dipilih dalam penilaian kebolehgunaan model pengurusan bilik darjah prasekolah adalah dalam kalangan pengguna model yang dibangunkan. Bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memastikan dapatan penilaian kebolehgunaan model lebih menyeluruh pengkaji mengambilkira jenis sekolah dan lokasi tempat responden mengajar. Oleh itu, sampel kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar di bilik darjah prasekolah yang berlainan jenis sekolah iaitu prasekolah di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan sekolah kebangsaan yang dikategori sebagai sekolah orang asli kerana keseluruhan kanak-kanak orang asli. Selain itu, pengkaji juga memilih pengguna model dalam kalangan guru-guru prasekolah dari dua kategori lokasi sekolah iaitu kategori sekolah bandar dan sekolah luar bandar.

Dari aspek pengalaman, responden yang dipilih adalah responden yang mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya sepuluh tahun dan berpengalaman dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Seseorang individu yang dianggap pakar juga merupakan individu yang mahir dalam sesuatu bidang tertentu dan mempunyai pengalaman dalam sesuatu bidang tersebut antara lima hingga tujuh tahun atau lebih dari tempoh lima tahun serta seorang yang berpengetahuan (Berliner, 2004). Kewajaran pemilihan peserta dalam kajian ini juga adalah bersesuaian dengan hujah Dobbie, Rhodes, Tysinger dan Freeman (2004) yang menetapkan untuk menilai kebolehgunaan sesuatu kurikulum peserta kajian adalah sesuai dalam kalangan pengguna kurikulum. Nielsen (2000) menyatakan bilangan peserta kajian yang sesuai untuk ujian kepenggunaan adalah seramai lima orang namun Norlidah Alias (2010) dalam ujian kepenggunaan yang diadakan telah menggunakan responden seramai 14 orang pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik yang digunakan adalah instrumen soal selidik hasil konsensus pakar Fuzzy Delphi dan dibuat penambahbaikan setelah komponen dan item dinilai oleh kumpulan pakar dalam fasa II. Soal selidik yang akan dijawab oleh peserta kajian mengandungi lima bahagian iaitu demografik responden (Bahagian A), kesesuaian komponen utama model (Bahagian B), kebolehgunaan item bagi setiap komponen utama (Bahagian C), pandangan terhadap keseluruhan kebolehgunaan model (Bahagian D) dan keseluruhan kebolehgunaan model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berkesan (Bahagian E). Kesahan instrumen soal selidik ini melibatkan seorang pakar bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3 Prosedur Kajian

Menurut Noraini Idris (2010), terdapat lima kaedah utama dalam pengumpulan data bagi kajian tinjauan iaitu pentadbiran secara langsung pada kumpulan, secara pos, telefon, dalam talian dan temu bual secara peribadi. Bagi tujuan kajian dalam fasa penilaian kebolehgunaan model pengurusan bilik darjah prasekolah ini, pengkaji menggunakan cara pentadbiran secara langsung dengan kumpulan guru prasekolah. Ini bertujuan bagi mengurangkan salah faham terhadap item dan juga akan dapat melibatkan kesemua 30 responden yang telah dikenal pasti secara persampelan bertujuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum soal selidik diedarkan kepada responden, pengkaji akan membuat penerangan berkaitan tujuan kajian dan model yang dibangunkan. Seterusnya, pengkaji terlebih dahulu memberikan penerangan kepada responden mengenai kandungan komponen dan elemen model sebelum set soal selidik diedarkan. Penjelasan mengenai item akan diperjelaskan dalam tempoh selama lebih kurang lima hingga sepuluh minit. Pengkaji akan membaca semua item dan menerangkannya secara ringkas bagi setiap item bagi tujuan kefahaman responden.

Kemudian pengkaji mengadakan pembentangan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang telah dibangunkan. Responden kajian diminta memberikan pandangan mereka dengan mencatatkannya dalam ruang catatan yang disediakan pada borang soal selidik sekiranya ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.4 Analisis Data

Nilai persetujuan dan kesesuaian item adalah berdasarkan skala Likert yang ditanda oleh responden kajian iaitu dengan memberikan nilai skor untuk setiap elemen yang dinilai. Nilai skor yang diperolehi kemudiannya ditukar dalam bentuk peratus supaya memudahkan pengkaji untuk menginterpretasikan setiap komponen dan elemen samada yang dinilai sesuai dan boleh digunakan ataupun sebaliknya. Menurut Dobbie et al. (2004) dan Deslandes, Mendes, Pires dan Campos (2010) telah menegaskan bahawa, sesuatu elemen itu boleh diterima sekiranya jumlah peratus skor yang diperolehi daripada peserta kajian adalah menyamai 70 peratus atau melebihi 70

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peratus. Oleh itu, syarat skor yang boleh diterima mestilah jumlah peratus yang diperolehi hasil penilaian responden menyamai atau melebihi 70 peratus.

3.7 Rumusan

Sebagai rumusannya, dalam bab ini secara keseluruhannya pengkaji telah membincangkan mengenai rekabentuk kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah rekabentuk dan pembangunan untuk membangunkan model yang meliputi tiga fasa. Fasa pertama adalah kajian keperluan dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran awal dan untuk mengetahui keperluan guru-guru prasekolah yang mengajar di prasekolah KPM secara khusus. Seramai enam guru prasekolah dikanalpasti sebagai responden yang akan di temu bual untuk mengenalpasti keperluan guru. Setelah memperolehi hasil dapatan keperluan responden, kajian diteruskan dengan merekabentuk dan membangunkan model. Dapatan fasa ini dikembangkan untuk menghasilkan cadangan pembangunan model pengurusan bilik darjah prasekolah. Seramai 12 orang pakar Fuzzy Delphi yang dilantik akan membuat pengesahan dalam Fasa II kajian. Dalam Fasa III iaitu fasa penilaian kebolehgunaan, model yang telah dibina kemudian diuji dan dinilai kebolehgunaannya oleh sekumpulan responden iaitu dalam kalangan pengguna model yang dianggap bertaraf pakar dan berpengalaman. Selain itu, bab ini juga turut membincangkan secara terperinci mengenai penganalisaan data dan prosedur kajian. Proses kajian ini akan dibincangkan seterusnya dalam Bab 4 dapatan kajian. Ringkasan keseluruhan mengikut fasa dalam DDR, objektif kajian, persoalan kajian, kaedah kajian, responden kajian dan hasil boleh merujuk pada Jadual 3.7.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Ringkasan fasa, objektif, persoalan kajian, kaedah, responden kajian dan hasil

Fasa	Objektif Kajian	Persoalan Kajian	Kaedah Pengukuran	Responden/Pakar terlibat	Hasil
Analisis Keperluan	Mengenal pasti keperluan guru prasekolah dalam menguruskan bilik darjah prasekolah.	1. Apakah keperluan guru prasekolah dalam menguruskan persekitaran fizikal bilik darjah ?. 2. Apakah keperluan guru prasekolah dalam menguruskan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program ?. 3. Apakah keperluan guru prasekolah dalam menguruskan hubungan dan interaksi ?. 4. Apakah keperluan guru prasekolah dalam menguruskan pengurusan tingkah laku kanak-kanak ?.	Temu bual	Pakar (6 orang)	Memperolehi maklumat keperluan guru prasekolah dalam menguruskan bilik darjah prasekolah. Mengetahui pandangan guru prasekolah perlunya model pengurusan bilik darjah prasekolah dibangunkan sebagai dokumen rujukan. Menyediakan draf kandungan model dari segi komponen utama dan elemen bagi setiap komponen utama untuk mendapatkan pandangan pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7 (sambungan)

Fasa	Objektif Kajian	Persoalan Kajian	Kaedah Pengukuran	Responden/Pakar terlibat	Hasil
Rekabentuk dan Pembangunan Model	Membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan empat dimensi pengurusan bilik darjah.	1. Apakah komponen utama bagi pengurusan bilik darjah prasekolah berdasarkan konsensus pakar ?. 2. Apakah elemen bagi komponen utama bagi pengurusan bilik darjah prasekolah berdasarkan konsensus pakar ?. 3. Apakah keutamaan elemen bagi setiap komponen bagi pengurusan bilik darjah prasekolah berdasarkan konsensus pakar ?.	Kaedah Fuzzy Delphi	Pakar (12 orang)	Kesepakatan pakar terhadap komponen dan elemen bagi setiap komponen Kesepakatan pakar terhadap Persekitaran fizikal, perancangan dan pelaksanaan aktiviti, hubungan dan interaksi serta pengurusan tingkah laku kank-kanak membentuk model pengurusan bilik darjah prasekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7 (sambungan)

Fasa	Objektif Kajian	Persoalan Kajian	Kaedah Pengukuran	Responden/Pakar terlibat	Hasil
Penilaian Kebolehgunaan Model	Menilai kebolehgunaan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibina.	1 Sejauh manakah pandangan guru prasekolah terhadap kesesuaian komponen utama dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan ?. 2 Sejauh manakah pandangan guru prasekolah terhadap kesesuaian elemen bagi setiap komponen utama dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan ?. 3 Sejauh manakah pandangan guru prasekolah terhadap keseluruhan kebolehgunaan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan ?.	Kumpulan Norminal yang diubahsuai (*modified Nominal Group Technique*).	Pengguna (30 orang)	Mendapat pandangan daripada pengguna yang juga dikategorikan sebagai pakar Memperolehi pandangan pengguna (guru prasekolah) model yang dibangunkan boleh digunakan dan sesuai sebagai dokumen/indikator bagi menguruskan bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan tiga fasa dapatan yang diperolehi sepanjang kajian dilaksanakan. Perbincangan dapatan dijelaskan mengikut peringkat fasa dimana bermula dengan dapatan analisis keperluan, dapatan pembangunan model dan dapatan analisis kebolehgunaan model. Bagi memudahkan perkaitan analisis dengan persoalan kajian, pengkaji merumuskan dapatan kajian dan kemudiannya rumusan dapatan kajian tersebut dibahagikan kepada beberapa bahagian tertentu berdasarkan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Ini secara tidak lansung akan dapat membantu pengkaji menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Demografi Subjek Kajian

Temu bual telah dijalankan untuk mengenal pasti keperluan sebelum membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah. Hasil temu bual dianalisis untuk mengetahui keperluan guru terhadap keperluan untuk membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah. Berdasarkan jadual 4.1, seramai enam responden telah ditemu bual. Oleh kerana pembangunan model pengurusan bilik darjah berfokus kepada bilik darjah prasekolah KPM maka kesemua enam responden yang ditemu bual adalah guru prasekolah KPM yang terlatih dan mengajar di prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pemilihan guru prasekolah KPM yang ditemu bual mengambilkira aspek pengalaman, opsyen, kelulusan akademik dan kriteria guru prasekolah. Aspek tersebut dipilih adalah untuk melihat keperluan menguruskan bilik darjah prasekolah dalam kalangan responden yang berpengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun, beropsyen prasekolah dan mempunyai kelulusan akademik tertinggi dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Dari aspek pengalaman mengajar, semua responden merupakan responden yang berpengalaman dalam pendidikan prasekolah KPM. Lima responden yang ditemu bual berpengalaman mengajar di prasekolah KPM melebihi sepuluh tahun dan seorang responden berpengalaman mengajar di prasekolah melebihi enam tahun. Seorang responden kurang daripada sepuluh tahun dipilih kerana ingin melihat perbezaan atau persamaan yang terdapat berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah.

Selain itu, responden yang ditemu bual juga adalah responden yang terdiri daripada guru prasekolah KPM yang berpengalaman sebagai jurulatih utama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

prasekolah, guru prasekolah cemerlang, guru yang menerima anugerah prasekolah Cemerlang di negeri Perak dan Prasekolah Lima Bintang. Lima responden adalah guru prasekolah siswazah yang beropsyen prasekolah dan berpengalaman mengajar di prasekolah melebihi sepuluh tahun. Walaupun seorang responden terdiri daripada guru prasekolah yang bukan siswazah tetapi responden tersebut beropsyen prasekolah dan merupakan seorang Guru Cemerlang Prasekolah. Dua guru prasekolah adalah guru yang telah menerima anugerah kategori Prasekolah Cemerlang di negeri Perak dan seorang guru prasekolah merupakan penerima anugerah kategori Prasekolah Lima Bintang. Dengan kriteria tersebut, akan dapat membantu penyelidik menjawap persoalan kajian seterusnya mengenal pasti keperluan untuk membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah berkesan. Bagi memastikan perjalanan temu bual berjalan dengan lancar, kesemua responden telah ditemu bual selepas sesi pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Profil Guru Prasekolah

Subjek	Jantina	Pengalaman	Opsyen	Kelulusan Akademik	Kriteria Pemilihan sampel
1	P	Lebih 10 Tahun	Prasekolah	Siswazah	Prasekolah Cemerlang Perak
2	P	8 Tahun	Prasekolah	Siswazah	Jurulatih Utama
3	P	Lebih 10 Tahun	Prasekolah	Siswazah	Jurulatih Utama
4	P	Lebih 10 Tahun	Prasekolah	Bukan Siswazah	Guru Cemerlang
5	P	Lebih 10 Tahun	Prasekolah	Siswazah	Jurulatih Utama
6	P	Lebih 10 Tahun	Prasekolah	Siswazah	Prasekolah Lima Bintang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Dapatan Kajian Analisis Keperluan

Di bawah tajuk ini, pengkaji akan membincangkan dapatan temu bual yang diperolehi daripada enam responden dalam kalangan guru prasekolah mengenai pengurusan bilik darjah prasekolah. Setelah pengkaji mengumpulkan dapatan temu bual dan langkah seterusnya pengkaji menyediakan transkrip hasil temu bual. Berdasarkan transkrip temu bual yang disediakan, penyelidik menginterpretasikan maklumat yang diperolehi hasil daripada temu bual untuk mendapatkan maklumat mengikut dimensi yang telah ditetapkan. Dalam fasa analisis keperluan ini, dapatan yang diperolehi hasil daripada temu bual akan digunakan untuk menjawab empat persoalan kajian yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah ?.
2. Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program ?.
3. Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan hubungan dan interaksi ?.
4. Adakah terdapat keperluan model yang berkaitan pengurusan tingkahlaku kanak-kanak ?.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Keperluan Guru Prasekolah Dalam Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Prasekolah

Berdasarkan maklumat yang diperolehi hasil daripada temu bual, keperluan menguruskan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah KPM ditinjau dari aspek model yang digunakan sebagai panduan oleh responden. Hasil temu bual menunjukkan, responden telah memberi pandangan yang berbeza dalam menguruskan ruang dan persekitaran yang selamat di bilik darjah prasekolah. Majoriti responden yang berpengalaman mengajar prasekolah melebihi sepuluh tahun mengurus bilik darjah prasekolah tidak menggunakan sebarang model sebagai panduan untuk membantu mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah supaya lebih berkesan terhadap pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam menguruskan ruang dan persekitaran yang selamat di bilik darjah prasekolah

Tema	Soalan Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Persekitaran Fizikal	Apakah panduan yang digunakan oleh guru dalam menguruskan ruang dan persekitaran yang selamat di bilik darjah prasekolah ?	Pengalaman belajar	R.1. Saya menguruskan ruang dan persekitaran bilik darjah ini berdasarkan pengalaman semasa saya belajar di institut perguruan dulu.
		Pengetahuan melalui kursus	R.2. Panduan mungkin melalui kursus, yang mangatakan bagaimana nak menyediakan ruang bilik darjah. Tak ada dokumen panduan tapi dalam kursus dinyatakan. Sekadar *knowlege*
		menghadiri kursus	R.3 Ada...panduan ada...panduan susun atur kelas lah. Panduan yang dapat masa kita pergi kursus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 (sambungan)

Tema	Soalan Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Persekitaran Fizikal	Apakah panduan yang digunakan oleh guru dalam menguruskan ruang dan persekitaran yang selamat di bilik darjah prasekolah ?	perbincangan	R.4 Sebenarnya saya lebih banyak berbincang dengan Pembantu Pengurusan Murid untuk pengurusan kelas.
		Cara sendiri	R.5 Kami guna cara kami sendiri untuk menguruskan ruang di prasekolah ni. Tidak ada panduan digunakan.
		KSPK sebagai panduan	R.6 Saya gunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Maksudnya saya gunakan panduan buku yang diberi.

Berdasarkan jadual 4.2, hasil temu bual dua responden iaitu responden 2 (R.2) dan responden 3 (R.3) yang merupakan jurulatih utama prasekolah daerah mendapati mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah hanya berdasarkan pengetahuan yang mereka perolehi semasa menghadiri kursus yang diadakan. Manakala dapatan hasil temu bual daripada responden 5 (R.5) yang juga merupakan seorang jurulatih utama prasekolah daerah mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolahnya tidak berdasarkan pengetahuan yang diperolehi semasa menghadiri kursus tetapi mengikut cara sendiri tanpa panduan yang khusus untuk mengurus persekitaran fizikal prasekolah. Walaupun tiga responden (R.2, R.3 & R.5) yang di temu bual masing-masing merupakan Jurulatih Utama Prasekolah daerah, maklumat yang diperolehi daripada temu bual menunjukkan masih terdapat perbezaan antara mereka dalam menguruskan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, dapatan hasil temu bual responden 4 (R.4) yang merupakan seorang Guru Cemerlang Prasekolah bukan siswazah berpendapat bahawa responden mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah berdasarkan keputusan yang dibuat dalam perbincangan responden bersama dengan Pembantu Pengurusan Murid (PPM). Berbeza pula dapatan hasil temu bual terhadap responden 6 (R.6) yang merupakan guru prasekolah berpengalaman mengajar di prasekolah selama sepuluh tahun. Hasil temu bual mendapati, R.6 mengurus persekitaran bilik darjah prasekolah menggunakan dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Ini menunjukkan, R.6 telah menggunakan dokumen panduan yang kurang tepat sebagai panduan untuk mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah. Bagi responden R.1 pula iaitu pernah menerima gelaran Prasekolah Cemerlang negeri Perak, mendapati responden mengurus ruang dan persekitaran bilik darjah prasekolah hanya berdasarkan pengalaman responden semasa menuntut di Institut Perguruan lebih sepuluh tahun yang lepas.

Analisis kandungan temu bual secara keseluruhannya menunjukkan, kesemua responden yang ditemu bual walaupun berpengalaman melebihi sepuluh tahun sebagai guru prasekolah dan juga sebagai seorang Jurulatih Utama dan Guru Cemerlang pengurusan ruang dan persekitaran bilik darjah prasekolah dibuat tanpa merujuk sebarang model atau panduan lain yang memudahkan guru. Kesemua responden, masing-masing menggunakan pengetahuan semasa menghadiri kursus, perbincangan untuk membuat keputusan, berdasarkan cara sendiri dan terdapat juga responden yang menggunakan dokumen KSPK untuk mengurus persekitaran bilik darjah prasekolah. Tanpa menggunakan model atau panduan yang khusus berkaitan pengurusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekitaran bilik darjah prasekolah boleh menyebabkan kesemua respondan menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah dengan cara yang berbeza.

Jadual 4.3

Analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam menguruskan perabot di bilik darjah Prasekolah

Tema	Soalan Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Persekitaran Fizikal	Adakah guru menggunakan dokumen panduan untuk menguruskan perabot di bilik darjah Prasekolah ?	Pembelajaran sendiri	R.1. Dokumen panduan tidak ada. Susun atur perabut berdasarkan pembelajaran sendiri.
		Merancang sendiri	R.2. Dokumen paduan selalunya menggunakan panduan yang saya buat sendiri. Nak dapat panduan daripada orang lain tu tak ada la. Jadi saya rancang sendiri lah.
		Keputusan sendiri	R.3 Panduan mengurus perabot tidak ada. Kalau kursus dulu tu mungkin ada. Faktor pertama saya tengok perabot dan banyak mana perabut. Kemudian buat keputusan nak susun macam mana.
		Keputusan Perbincangan	R.4 Setakat ini memang tidak ada guna dokumen panduan. Saya berbincang dengan PPM dan kami susun.
		Melihat contoh kelas rakan	R.5 Panduan menguruskan perabot tidak ada. Sebab saya dah tengok dah dan pergi kebanyakkan kelas kadang-kadang ada susun buat macam petak-petak.
		Pengetahuan semasa belajar	R.6 Kursus ikhtisas prasekolah telah saya tinggalkan lebih kurang 11 tahun. Saya gunakan pengalaman semasa belajar. Perlu buku panduan sebab saya sudah tinggalkan lama.

Berdasarkan Jadual 4.3, penyelidik menemu bual dan menginterpretasikan data temu bual enam responden hasil jawapan soalan temu bual berkaitan keperluan guru prasekolah dalam menguruskan perabot di bilik darjah prasekolah. Dapatan temu bual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berdasarkan soalan temu bual yang terdapat dalam Jadual 4.3 majoriti responden yang terdiri daripada guru prasekolah yang berpengalaman mengajar selama lebih sepuluh tahun mengurus perabot di bilik darjah prasekolah mereka berdasarkan keputusan sendiri dan tidak berdasarkan panduan bagi memudahkan responden mengurus susun atur perabot supaya dapat memenuhi kehendak pengajaran dan pembelajaran serta keperluan kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Selain itu, R.1, R.2 dan R.3 mengurus susun atur perabot di bilik darjah prasekolah dengan mempelajari dan merancang sendiri tanpa berdasarkan panduan yang berkaitan pengurusan perabot di bilik darjah prasekolah. Selain itu, R.3 mengurus perabot di bilik darjah prasekolahnya ialah dengan mengambilkira perabot yang terdapat di bilik darjah terlebih dahulu sebelum membuat keputusan menyusun atur perabot.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Hasil temu bual daripada R.4 iaitu seorang Guru Cemerlang Prasekolah bukan siswazah yang berpengalaman mengajar lebih sepuluh tahun mendapati, responden menguruskan perabot di bilik darjah prasekolah dengan membuat keputusan sendiri melalui perbincangan bersama PPM sebelum membuat keputusan untuk menyusun atur perabot di bilik darjah prasekolah. Berdasarkan Jadual 4.3, hasil temu bual responden R.5 iaitu responden yang merupakan seorang Jurulatih Utama prasekolah dan berpengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun tidak menggunakan model atau mana-mana panduan untuk menyusun atur dan mengurus perabot di bilik darjah prasekolah. Responden menjadikan contoh cara penyusunan perabot di beberapa prasekolah rakan-rakan yang dilawatinya untuk dijadikan panduan bagi menguruskan perabot di bilik darjah prasekolah. Selain itu hasil temu bual bersama responden R.6 mendapati, responden berpendapat maklumat panduan menguruskan perabot menjadi keperluan kepada guru prasekolah sebagai bahan panduan yang dapat memberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat kepada guru. Ini kerana, ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh responden semasa menghadiri kursus ikhtisas prasekolah merupakan maklumat yang telah melebihi sepuluh tahun dan perlu ditambah baik.

Secara keseluruhannya, analisis kandungan temu bual menunjukkan panduan mengurus persekitaran fizikal dari aspek pengurusan susun atur perabot di bilik darjah prasekolah oleh semua responden masih belum ada sebagai panduan mengurus kepada responden. Responden R.6 juga berpendapat, dokumen panduan mengurus perabot adalah diperlukan bagi memudahkan responden mengurus perabot di bilik darjah prasekolah supaya dapat memenuhi keperluan pengajaran guru dan juga keperluan aktiviti pembelajaran murid semasa melaksanakan aktviti di bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam penyediaan dan pengurusan pusat pembelajaran

Tema	Soalan Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Persekitaran Fizikal	Adakah guru menggunakan dokumen panduan untuk penyediaan dan pengurusan pusat pembelajaran ?.	Inisiatif sendiri	R.1. Berdasarkan tunjang yang ada di prasekolah. Semasa mengurus dan menyedia tidak ada panduan. Biasanya saya tengok dalam internet. Tidak ada dokumen panduan.
		keperluan murid	R.2. Panduan tidak ada lah. Kalau kita fokuskan kepada satu pusat pembelajaran dan semua 25 murid ke satu pusat sahaja mungkin bahan tidak mencukupi.
		Keputusan sendiri	R.3 Semasa pergi kursus dulu ada. Tapi saya tidak ingat la. Ikut kepala saya dan tengok kelas kawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4 (sambungan)

Tema	Soalan Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Persekitaran Fizikal	Adakah guru menggunakan dokumen panduan untuk penyediaan dan pengurusan pusat pembelajaran ?.	Keputusan sendiri	R.4. setakat ini rasanya tidak ada. Tidak gunakan panduan. Saya berdasarkan sendiri.
		Keputusan perbincangan	R.5 Kami nak kata panduan tu tidak ada. Awal tahun buat mesyuarat dengan Guru Besar kami akan duduk kita nak kekal macam ini atau nak ubah. Berdasarkan perbincangan saja la berdasarkan panduan tak ada.
		Keputusan perbincangan	R.6 Panduan tidak ada. Pandangan saya perlu ada panduan. Sekarang ini saya susun dengan bincang dengan rakan sekerja dalam *whatsapp group*.

Berdasarkan Jadual 4.4, pengkaji menemu bual dan menginterpretasikan data temu bual enam responden hasil jawapan soalan temu bual berkaitan keperluan guru prasekolah dalam penyediaan dan pengurusan pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah. Dapatan temu bual berdasarkan soalan temu bual yang terdapat dalam Jadual 4.4 menunjukkan, masih belum terdapat model atau dokumen panduan yang digunakan oleh guru prasekolah untuk menyedia dan mengurus pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah.

Hasil temu bual terhadap R.1, R.3 dan R.4 mendapati responden mengurus pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah berdasarkan inisiatif dengan mendapatkan maklumat dari pelbagai sumber dan membuat keputusan sendiri dan tiada panduan yang khusus terhadap penyediaan pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah. Dapatan tersebut juga menunjukkan, responden siswazah (R.1, R.3) berbanding responden bukan siswazah (R.4) mengurus dan menyediakan pusat pembelajaran di bilik darjah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

prasekolah berdasarkan keputusan yang dibuat sendiri tanpa merujuk mana-mana dokumen panduan yang khusus berkaitan penyediaan dan pegurusan pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah. Hasil temu bual terhadap R.2, responden berpendapat penglibatan semua murid seramai 25 orang berdasarkan keperluan murid kerana jika penggunaan secara serentak pusat pembelajaran akan memberi masalah dari segi bahan dan peralatan yang tidak mencukupi. Hal ini menunjukkan, R.2 kurang jelas terhadap penyediaan dan pengurusan pusat pembelajaran dari segi bahan dan peralatan kerana tiada panduan untuk membantu responden merancang dan melaksanakan aktiviti di pusat pembelajaran dalam bilik darjah prasekolah.

Selain itu berdasarkan Jadual 4.4, hasil temu bual daripada dua responden iaitu R.5 dan R.6 mendapati responden menyedia dan menguruskan pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah melalui keputusan yang dibuat hasil daripada perbincangan dalam kalangan jawatankuasa dan juga melalui keputusan perbincangan dalam kalangan rakan sekerja melalui *whatsapp group*. Dapatan ini menunjukkan, walaupun kedua-dua responden merupakan guru lepasan siswazah dalam bidang prasekolah dan masing-masing merupakan jurulatih utama prasekolah dan pernah menerima anugerah Prasekolah Lima Bintang, namun keputusan dalam menyedia dan mengurus pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah dibuat berdasarkan perbincangan dan tidak berdasarkan panduan menyedia dan mengurus pusat pembelajaran kerana tidak ada panduan yang boleh digunakan untuk memudahkan responden mengurus dan menyediakan pusat pembelajaran. Pendapat responden R.6, walaupun pernah menerima anugerah Prasekolah Lima Bintang beliau bersetuju bahawa perlu ada panduan bagi memudahkan susun atur, menyedia dan menguruskan pusat pembelejaran di bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, analisis kandungan temu bual menunjukkan kesemua responden menyatakan bahawa belum ada panduan yang boleh digunakan untuk mengurus persekitaran fizikal dari aspek penyediaan pusat pembelajaran dan aspek pengurusan di bilik darjah prasekolah. Hal ini diperolehi daripada hasil temu bual dan juga daripada usaha yang dilakukan oleh semua responden yang di temu bual iaitu untuk menyedia dan menguruskan pusat pembelajaran responden melalui inisiatif dan membuat keputusan sendiri, mengikut keperluan dari segi bahan dan bilangan murid, dan mengadakan perbincangan untuk mendapatkan idea dan maklumat sebelum menyedia dan menguruskan pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.

4.3.2 Keperluan Guru Prasekolah Dalam Pengurusan Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti/Program

Berdasarkan maklumat yang diperolehi hasil daripada temu bual, keperluan menguruskan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah KPM ditinjau dari aspek model yang digunakan sebagai panduan oleh responden. Hasil temu bual dapat dilihat pada jadual 4.5 dan jadual 4.6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam menguruskan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program

Tema	Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti / Program	aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam bilik darjah ?	Berkumpulan dan Bertema	R.1. Saya menggunakan aktiviti kumpulan dan juga bertema dalam masa yang sama pilih tema yang sesuai dan aktiviti dijalankan bersama-sama.
		Eksperimen	R.2. Selalunya yang membuatkan mereka sangat aktif ni kalau kita tengok dari segi kalau kita buat macam eksperimen-eksperimen sains. Dalam eksperimen sains ni contohnya macam bahan-bahan yang timbul atau tenggelam/jadi mereka nak tahu kenapa tenggelam dan kenapa timbul. Jadi mereka berfikir.
		Menyeronokan	R.3 Aktiviti yang menyeronokkan, aktiviti yang merangsang pemikiran macam aktiviti menyanyi kita bagi la dia menyanyi.
		Individu dan kumpulan	R.4 Maknanya banyak kepada aktiviti individu, kelas dan juga kumpulan. Dan juga tengok juga aktiviti diluar bilik darjah.
		Kumpulan dan projek	R.5 Aktiviti kumpulan, buat projek tanam bawang. Budak-budak tu tanam hari ni kemudian mereka pergi melihat.
		Penggunaan ICT	R.6 Aktiviti itu kena libatkan dengan penggunaan ICT. Diorang memang fokus ke arah yang tu.

Berdasarkan Jadual 4.5, penyelidik menemubual dan menginterpretasikan data temu bual enam responden berkaitan keperluan guru prasekolah dalam menguruskan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program. Dapatan temu bual berdasarkan soalan temu bual seperti dalam Jadual 4.5 menunjukkan responden R.1, R.4 dan R.5 mempunyai pendapat yang sama iaitu aktiviti yang bersesuaian dengan tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkembangan dan untuk kanak-kanak terlibat secara aktif dalam bilik darjah ialah melalui kaedah kumpulan, individu dan juga kaedah projek. Hasil temu bual tersebut menunjukkan, respondan tidak menyatakan kesesuaian aktiviti mengikut tahap perkembangan kanak-kanak tetapi menyatakan kaedah yang boleh dilaksanakan oleh responden. Selain itu, hasil temu bual yang diperolehi daripada responden R.1 menyatakan aktiviti yang dilaksanakan mengikut tema adalah lebih sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak jika dilaksanakan bersama aktiviti dalam kumpulan.

Dapatan temu bual tersebut berbeza dengan pandangan responden R.2, R.3 dan R.6 berkaitan kesesuaian aktiviti yang mengikut tahap perkembangan kanak-kanak. Responden R.2 yang berpengalaman mengajar prasekolah selama lebih enam tahun berpendapat kanak-kanak akan aktif sekiranya dilibatkan dengan aktiviti yang berbentuk eksperimen sains. Responden R.2 juga menyatakan, aktiviti yang berbentuk eksperimen sains boleh menimbulkan perasaan ingin tahu dan juga dapat membuatkan kanak-kanak berfikir semasa melaksanakan aktiviti sains yang dilakukan.

Dapatan temu bual daripada responden R.3 yang merupakan jurulatih utama prasekolah pula mendapati, aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak ialah aktiviti yang dapat menyeronokkan kanak-kanak. Responden R.3 juga menyatakan, aktiviti yang menyeronokkan seperti aktiviti menyanyi akan dapat merangsang pemikiran kanak-kanak. Selain itu, hasil temu bual responen R.6 yang pernah menerima Anugerah Prasekolah Lima Bintang berpendapat aktiviti hendaklah mengambilkira tahap perkembangan kanak-kanak contohnya aktiviti yang melibatkan kanak-kanak dengan penggunaan ICT. Responden juga berpendapat, kanak-kanak yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan generasi ke arah penggunaan ICT akan lebih berfokus dengan penggunaan ICT semasa melaksanakan aktiviti di dalam bilik darjah.

Secara keseluruhannya, analisis kandungan temu bual terhadap soalan temu bual seperti dalam Jadual 4.5 menunjukkan kesemua responden yang ditemu bual telah menyatakan pandangan yang berbeza. Pandangan responden lebih bersifat umum mengenai aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti. Responden hanya dapat menyatakan kaedah yang sesuai yang boleh dilaksanakan dengan tahap perkembangan kanak-kanak.

Jadual 4.6

Analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam menyediakan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program yang menggalakkan kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tema	Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Aktiviti / Program	Menyediakan perancangan aktiviti/program yang menggalakkan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam bilik darjah	Pelbagai aktiviti	R.1. Guru menerapkan nilai-nilai murni. mengadakan aktiviti berbentuk kumpulan, projek dan eksperimen. melibatkan aktiviti luar dan menggalakkan murid bercakap. Tiada panduan khusus sebagai rujukan guru menyediakan perancangan.
		Perbanyakkan aktiviti	R.2. Perbanyakan aktiviti yang mudah diakses oleh kanak-kanak yang berkaitan dengan PdP.
		Amalan bersesuaian	R.3 Perancangan yang melibatkan ibu bapa untuk menyumbang idea. Perancangan kurang menitik berat amalan bersesuaian. Perancangan ambilkira persekitaran,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6 (sambungan)

Tema	Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Aktiviti/ Program	Menyediakan perancangan aktiviti/program yang menggalakkan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam bilik darjah	Keibubapaan	R.4 Aktiviti motivasi dan ceramah keibubapaan dan menjemput orang luar seperti panggil doktor pakar,
		Persekitaran	R.5 Amalan bersesuaian ?..macam mana ya, aktiviti kumpulan, tidak ambil kira persekitaran bilik darjah, aktiviti berbentuk keberanian dan keyakinan untuk galak murid aktif.
		Aktiviti Hand on	R.6 Buat bahan yang bersesuaian, aktiviti hand on, ambil kira keselamatan, ikut minat murid (lego sahaja), main doh dorong murid berfikir, aktiviti luar.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.6, penyelidik menemu bual dan menginterpretasikan data temu bual enam responden berkaitan keperluan guru prasekolah dalam menyediakan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program yang menggalakkan kanak-kanak. Dapatan temu bual berdasarkan temu bual seperti dalam Jadual 4.6 menunjukkan, semua responden mempunyai pendapat yang berbeza dalam menyediakan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program yang menggalakkan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam bilik darjah. Hasil temu bual tersebut menunjukkan, responden R.1 menyediakan perancangan mengambil kira pelbagai aktiviti, manakala responden R.2 pula untuk menggalakkan kanak-kanak terlibat secara aktif dalam bilik darjah ialah dengan perbanyakkan aktiviti. Hal ini dilihat berbeza dengan pandangan responden R.3 dimana dalam menyediakan perancangan, responden kurang menitik beratkan amalan bersesuaian malah responden lebih mengambilkira persekitaran pembelajaran di bilik darjah. Pandangan responden R.3 ini juga dilihat tidak sependapat dengan responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R.5 dalam menyediakan perancangan dan pelaksanaan aktiviti untuk menggalakkan kanak-kanak terlibat secara aktif di dalam bilik darjah. Responden R.5 lebih memberi fokus terhadap aktiviti untuk membentuk keberanian dan keyakinan daripada persekitaran bilik darjah.

Selain itu, dapatan temu bual menunjukkan responden R.4 merancang aktiviti dengan melibatkan ibubapa dan menjemput orang luar untuk menggalakkan kanak-kanak terlibat secara aktif dalam bilik darjah. Bagi responden R.6 pula, responden lebih menekankan aktiviti berbentuk *hand on* bagi menggalakkan kanak-kanak terlibat secara aktif semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah.

Secara keseluruhannya, analisis kandungan temu bual terhadap temu bual seperti yang terdapat dalam Jadual 4.6 menunjukkan kesemua responden yang ditemu bual mempunyai pandangan yang berbeza terhadap aktiviti dalam bilik darjah bagi memastikan kanak-kanak terlibat secara aktif. Pandangan responden dilihat lebih bersifat umum mengenai aktiviti yang sesuai dalam menyediakan perancangan aktiviti/program pembelajaran yang menggalakkan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam bilik darjah prasekolah. Enam responden yang di temu bual juga kurang menunjukkan bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang luas dalam aspek menyediakan perancangan aktiviti yang dapat melibatkan murid secara aktif semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran di bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Keperluan Guru Prasekolah Dalam Pengurusan Hubungan Dan Interaksi

Berdasarkan maklumat yang diperolehi hasil daripada temu bual, keperluan menguruskan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah KPM ditinjau dari aspek model yang digunakan sebagai panduan oleh responden. Hasil temu bual dapat dilihat pada jadual 4.7 dan jadual 4.8.

Jadual 4.7

Analisis temu bual keperluan pengurusan hubungan dan interaksi kanak-kanak dengan kanak-kanak.

Tema	Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Hubungan Dan Interaksi	Guru manggalakkan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak.	Kelompok murid aktif dan tidak aktif	R.1. Biasanya saya akan susun atur, murid yang agak aktif dan yang banyak cakap akan letak dengan murid yang kurang bercakap. Lama kelamaan murid yang kurang bercakap akan bercakap. macam tu la sebelum ni.
		hubungan yang baik	R.2. Selalunya saya suka satu keadaan kanak-kanak suka bergaduh. Jadi akan betulkan keadaan tu. Saya akan minta mereka salam dan minta maaf.
		Guru bersama murid	R.3 cikgu kena macam kanak-kanak juga. Contohnya kita kena menyelami dunia kanak-kanak, cari kesukaan dia, Kita pun kena sama-sama dengan diorang juga.
		Wujudkan komunikasi	R.4 contoh bab membaca saya panggil murid yang ok dengan yang tak berapa ok salah satu interaksi la. Atau pun kita berbual dulu secara rawak, kita tanya dulu sorang-sorang akan bagi jawapan walaupun jawapan salah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7 (sambungan)

Tema	Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Hubungan Dan Interaksi	Guru manggalakkan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak.	Kelompok murid pandai dengan tidak pandai	R.5 dalam satu kumpulan saya tak letak pandai semua saya letak campur. Dalam kelas saya ada tujuh orang lima tahun. Diorang tahu dalam kelas ni yang lima tahun tu macam adik-adik.
		Memotivasi murid yang pasif	R.6 Biasanya ada tiga orang cakap pelat jadi dan dua tiga orang jenis pasif. saya akan pangggil bila buat salah. Ada dua diorang rasa rendah diri tapi sekarang bila saya nak diorang baca kat depan dengan betul kawan-kawan tepuk tu dia dah seronok. Saya nasihatkan supaya jangan gelak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.7, penyelidik menemu bual dan menginterpretasikan data temu bual enam responden berkaitan soalan temu bual bagi mendapatkan jawapan persoalan kajian iaitu apakah yang diperlukan oleh guru prasekolah dalam menguruskan hubungan dan interaksi. Dapatan temu bual berdasarkan soalan temu bual seperti dalam Jadual 4.7 mendapati responden R.1 dan R.5 menyatakan pendangan yang sama mengenai hubungan dan interaksi dalam kalangan kanak-kanak. Responden R.1 dan R.5 berpendapat untuk menggalakkan interaksi antara kanak-kanak dan mewujudkan hubungan yang baik dalam kalangan kanak-kanak ialah dengan menempatkan mereka dalam kumpulan yang pelbagai tahap. Responden R.1 menyatakan kanak-kanak yang kurang aktif bercakap lama kelamaan boleh menjadi aktif bercakap dengan cara menempatkan kanak-kanak yang kurang aktif bercakap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersama dengan kanak-kanak yang aktif bercakap dalam satu kumpulan di bilik darjah prasekolah. Selain itu, responden R.5 menyatakan jika menempatkan kanak-kanak yang pandai dan kanak-kanak yang kurang pandai bersama dalam satu kumpulan di bilik darjah prasekolah akan dapat membantu kanak-kanak berinteraksi dengan lebih aktif.

Hasil temu bual responden R.2, R.3, R.4 dan R.6 pula memberikan pandangan yang berbeza bagi soalan temu bual iaitu bagaimana guru menggalakkan interaksi dan hubungan antara kanak-kanak semasa melaksanakan aktiviti di bilik darjah. Responden R.2 pula berpendapat cara guru untuk menggalakkan hubungan dan interaksi ialah dengan membetulkan keadaan jika kanak-kanak bergaduh antara mereka. Responden R.2 berpendapat, guru perlu membetulkan keadaan yang berlaku sekiranya mereka bergaduh sesama sendiri dengan memastikan tindakan bermaaf-maafan sesama mereka. Responden R.2 berpendapat guru perlu bertindak membetulkan keadaan sekiranya terdapat kanak-kanak bergaduh sesama mereka kerana tindakan guru seperti itu akan dapat mengeratkan hubungan dan menggalakkan interaksi sesama kanak-kanak.

Pandangan yang berbeza pula diperolehi daripada responden R.3 mengenai hubungan dan interaksi antara kanak-kanak. Responden R.3 berpendapat, guru perlu menyelami dunia kanak-kanak dan hendaklah turut serta bersama mereka semasa mereka melaksanakan aktiviti pembelajaran. Selain itu, responden R.3 juga berpendapat untuk menggalakkan interaksi dalam kalangan kanak-kanak guru perlu mengetahui aktiviti yang menjadi kesukaan kanak-kanak. Hasil temu bual, responden R.4 yang merupakan guru kategori bukan siswazah serta berpengalaman mengajar lebih sepuluh tahun juga memberikan pandangan yang berbeza untuk menggalakkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

interaksi dan mewujudkan hubungan antara kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Pandangan responden R.4 mendapati, untuk mengeratkan hubungan dan menggalakkan interaksi ialah melalui membaca. Menurut R.4, sebelum menjalankan aktivit membaca, guru perlu mengajak kanak-kanak berbual dan bersoal jawab terlebih terlebih dahulu dan tidak menghukum walaupun kanak-kanak memberi jawapan yang salah.

Hasil temu bual responden R.6 menyatakan, galakan dan motivasi daripada kawan-kawan kepada kanak-kanak yang bercakap pelat dan kepada kanak-kanak yang pasif boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut merasa seronok apabila diberi peluang bercakap di hadapan. Responden R.6 juga berpendapat, bagi menggalakkan hubungan dan interaksi sesama mereka peranan guru adalah memberi motivasi dan sokongan kepada kanak-kanak seperti memberi tepukan dan mewujudkan suasana yang menyeronokkan dalam kalangan kanak-kanak yang pasif dan kepada mereka yang bercakap pelat tidak diketawakan semasa melaksanakan aktiviti membaca di hadapan kawan-kawan.

Secara keseluruhannya, berdasarkan data analisis kandungan temu bual yang diperolehi terhadap soalan temu bual seperti dalam Jadual 4.7 menunjukkan kesemua responden telah memberikan pandangan berbeza dan pandangan yang diberikan pula lebih bersifat umum. Responden menyatakan pandangan mereka sendiri tanpa menyatakan panduan atau mana-mana model yang telah dijadikan panduan kepada responden bagi menyokong pendapat responden dalam menguruskan hubungan dan interaksi semasa menjalankan aktiviti di bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Analisis temu bual keperluan pengurusaan hubungan dan interaksi kanak-kanak dengan guru

Tema	Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Hubungan Dan Interaksi	Guru manggalakkan hubungan dan interaksi kanak-kanak dengan guru.	bersoaljawab	R.1. Susun atur kedudukan murid untuk memudahkan interaksi dan guru banyak bersoaljawab dengan murid
		Menggalakkan interaksi	R.2. Aktiviti yang menggalakkan murid berinteraksi, aktiviti pembelajaran mengambilkira minat kanak-kanak, pelbagai aktiviti, betulkan keadaan bila murid bergaduh.
		Aktiviti Bersama	R.3 Selalunya bercerita, bersoaljawab, minta pandangan murid, Kita bersama-sama murid semasa aktiviti.
		Kaedah Pengajaran	R.4 Guru berinteraksi dengan murid, gunakan kaedah pengajaran terbeza, guru tidak membeza-bezakan murid.
		Banyak bercakap	R.5 Guru banyak bercakap, saya bagi panduan, ucapan lisan, saya tidak ada gap dengan murid
		Pujian dan galakkan	R.6 Tegur murid guna panggilan kurang sopan, pujuk murid ikuti PdP, beri pujian untuk galakkan interaksi,

Berdasarkan Jadual 4.8, penyelidik menemu bual dan menginterpretasikan data temu bual enam responden berkaitan temu bual bagi mendapatkan jawapan persoalan kajian iaitu apakah yang diperlukan oleh guru prasekolah dalam menguruskan hubungan dan interaksi. Dapatan temu bual berdasarkan interaksi guru dengan kanak-kanak seperti dalam Jadual 4.8 menunjukkan, enam responden yang di temu bual menyatakan pandangan yang berbeza bagi menggalakkan murid berinteraksi dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru. Dapatan temu bual responden R.1 menyatakan, untuk memudahkan interaksi murid dengan guru ialah dengan membuat susun atur kedudukan murid di dalam bilik darjah bagi memudahkan guru melaksanakan soal jawab semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Dapatan temu bual responden R.2 pula menyatakan, interaksi antara guru dan murid boleh berlaku dengan menggalakkan interaksi dalam kalangan murid semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran. Hasil temu bual bersama responden R.3, berlaku interaksi murid dengan guru ialah dengan melaksanakan aktiviti dimana guru bersama-sama murid melaksanakan aktiviti di bilik darjah. Hasil temu bual responden R.4 pula menyatakan, kaedah pengajaran yang tidak membezakan bezakan murid akan dapat mewujudkan interaksi antara murid dan guru. Selain itu, dapatan temu bual responden R.5 pula berpendapat guru perlu banyakkan bercakap dengan murid bagi mewujudkan interaksi murid dengan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan temu bual juga menunjukkan, responden R.6 melaksanakan aktiviti bersama dengan murid dan untuk menggalakkan interaksi berlaku antara guru murid ialah dengan memberi kata-kata pujian dan galakan kepada murid.

Secara keseluruhannya, berdasarkan data analisis kandungan temu bual yang diperolehi melalui enam temu bual seperti dalam Jadual 4.8 menunjukkan kesemua responden telah memberikan pandangan berbeza dan pandangan yang diberikan pula lebih bersifat umum. Responden menyatakan pandangan mereka sendiri tanpa menyatakan panduan atau mana-mana model yang telah dijadikan panduan kepada responden bagi menyokong pendapat responden dalam menguruskan hubungan dan interaksi semasa menjalankan aktiviti di bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.4 Keperluan Guru Prasekolah Dalam Pengurusan Tingkah laku Kanak-Kanak

Berdasarkan maklumat yang diperolehi hasil daripada temu bual, keperluan menguruskan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah KPM ditinjau dari aspek model yang digunakan sebagai panduan oleh responden. Hasil temu bual dapat dilihat pada jadual 4.9 dan jadual 4.10.

Jadual 4.9

Analisis temu bual keperluan pengurusan tingkah laku kanak-kanak dengan mewujudkan peraturan

Tema	Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Pengurusan Tingkah Laku	Guru mewujudkan peraturan untuk mengurus tingkah laku kanak-kanak di bilik darjah prasekolah	berdasar tingkahlaku murid	R.1. Peraturan biasanya berdasarkan tingkahlaku murid contohnya murid yang suka berlari, bertolak-tolak di dalam tandas. Memberi arahan sila beratur jangan bertolak.
		Murid Tidak Boleh baca	R.2. Tak ada kerana murid belum boleh membaca lagi. Kalau ikutnya mesti lah peraturan itu dipamerkan. Di dalam kelas saya tak ada.
		Amalan tatacara	R.3 Saya bagi contoh boleh ?. contoh dalam penggunaan tandas, peraturannya budak mesti bila dah gunakan tandas mesti pam, lepas tu kena cuci tangan dulu, lepas tu boleh keluar sambung buat aktiviti. Peraturan untuk buat aktiviti bacaaan. bila dah guna simpan balik. Macam tu la peraturannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9 (sambungan)

Tema	Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Pengurusan Tingkah Laku	Guru mewujudkan peraturan untuk mengurus tingkah laku kanak-kanak di bilik darjah prasekolah	Amalan tatacara	R.4 Selalunya murid awal-awal masuk disiplin memang out. Tetapi plan-plan kita bentuk. Kita kena cerita dengan budak-budak ni. Kena cerita betul-betul masuk tandas jangan berlari. Beri contoh dan masuk duduk dalam kumpulan.
		Murid tidak boleh baca	R.5 Bagi taklimat dulu kat budak-budak. Peraturan tu bukan depa boleh baca pun. Kita kena bagi terang kat depa. Kemudian kena pantau la peraturan tu dia buat tak.
		Tiada keperluan	R.6 Jika peraturan perlu dipamerkan dengan syarat budak tahu baca. Saya boleh buat peraturan tapi kalau saya buat peraturan siapa yang akan baca saya ke ?. Peraturan untuk budak supaya mudah baca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.9, pengkaji menemu bual dan menginterpretasikan data temu bual enam responden untuk memperolehi jawapan daripada soalan temu bual berkaitan peranan guru dalam membentuk peraturan untuk mengurus tingkah laku kanak-kanak prasekolah. Soalan temu bual tersebut bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berkaitan keperluan guru prasekolah dalam menguruskan tingkahlaku kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Berdasarkan Jadual 4.9, hasil temu bual yang diperolehi daripada pandangan responden R.1 bahawa guru membentuk peraturan untuk menguruskan tingkah laku kanak-kanak prasekolah adalah berdasarkan tindakan yang dilakukan oleh kanak-kanak semasa mereka melaksanakan aktiviti dan semasa guru memberi arahan kepada kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil temu bual responden R.2 dan R.5 yang merupakan guru siswazah dan jurulatih utama prasekolah berpendapat tiada keperluan guru prasekolah membentuk peraturan untuk kanak-kanak prasekolah. Selain itu, pendapat responden R.2 dan R.5, tiada keperluan membentuk peraturan dan mempamerkan peraturan tersebut kerana murid prasekolah tidak boleh membaca. Hasil temu bual terhadap responden R.6 iaitu seorang guru prasekolah siswazah yang berpengalaman mengajar di prasekolah selama lebih sepuluh tahun juga memberi pandangan yang sama. Tiga responden tersebut (R.2, R.5 dan R.6) berpendapat tidak ada makna peraturan disedia dan dipamerkan sekiranya kanak-kanak tidak boleh membaca kerana peraturan yang disediakan adalah untuk kanak-kanak.

Selain itu, hasil temu bual responden R.3 dan R.4 mendapati, walaupun kedua-dua responden mempunyai latar belakang yang berbeza iaitu guru prasekolah siswazah dan guru prasekolah bukan siswazah namun responden mempunyai pandangan yang sama berkaitan keperluan guru prasekolah membentuk peraturan untuk kanak-kanak prasekolah. Hasil temu bual responden R.3 dan R.4, iaitu dengan memberi contoh masuk dan menggunakan tandas di prasekolah guru prasekolah memberi penegasan terhadap amalan tatacara kanak-kanak masuk dan menggunakan tandas. Responden R.3 beranggapan, amalan tatacara penggunaan tandas dan peraturan merupakan perkara yang kanak-kanak telah ketahui. Pandangan responden R.3 dan R.4 menunjukkan terdapat perbezaan pendapat dengan responden R.2, R.5 dan R.6.

Secara keseluruhannya, analisis kandungan temu bual terhadap soalan temu bual seperti dalam Jadual 4.9 menunjukkan terdapat responden yang ditemu bual memberikan pandangan yang sama dan terdapat responden yang memberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pandangan yang berbeza. Responden yang ditemu bual tidak menyatakan bagaimana membentuk peraturan untuk menguruskan tingkah laku kanak-kanak prasekolah supaya memudahkan guru mengurus bilik darjah yang berfokuskan tingkah laku kanak-kanak. Responden yang ditemu bual juga tidak menyatakan terdapat dokumen atau model yang boleh digunakan sebagai panduan untuk membentuk peraturan bagi memudahkan guru menguruskan tingkah laku kanak-kanak.

Jadual 4.10

Analisis temu bual keperluan pengurusan tingkah laku dalam menguruskan disiplin kanak-kanak

Tema	Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Tingkah Laku	Guru Mengurus Disiplin Kanak-Kanak	Penjelasan peraturan	R.1. Menyediakan,membacakan, mengingatkan, dan memberikan penjelasan peraturan. Mendisiplinkan berdasarkan tingkah laku yang ditunjukkan. Memaafkan dan kadang-kadang marah dan menggunakan rotan untuk mendisiplinkan
		Tegas	R.2. Menguruskan tingkah laku ikut peraturan. Peraturan bertulis tidak ada dan menguruskan disiplin dengan memerhatikan tingkah laku murid dan tegas dengan murid,
		Peraturan bergambar	R.3 Peraturan tak perlu dipamerkan dan sentiasa mengingatkan murid. Mencadangkan peraturan bergambar, bagi pujian, penerapan nilai, Rotan sebagai tindakan
		Penjelasan peraturan	R.4 Peraturan tidak di pamerkan kerana murid belum tahu membaca. Guru menceritakan dengan budak-budak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10 (sambungan)

Tema	Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Tingkah Laku	Guru Mengurus Disiplin Kanak-Kanak	Peraturan panduan guru	R.5 Peraturan tidak ada kerana peraturan untuk panduan kami sahaja. Hanya menerangkan secara lisan dan membuat pemantauan. menasihati elok-elok., tegur berulang-ulang dan jumpa ibubapa
		Bimbingan	R.6 Peraturan tidak ada. Urus disiplin menggunakan kaedah bimbingan, kelas kemas, selesa dan selamat. Denda duduk dalam tong sampah jika tidak ikut peraturan,

Berdasarkan Jadual 4.10, pengkaji menemu bual dan menginterpretasikan data temu bual enam responden untuk memperolehi jawapan daripada sesi temu bual berkaitan peranan guru mengurus disiplin kanak-kanak prasekolah. Temu bual tersebut bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berkaitan keperluan guru prasekolah dalam menguruskan tingkah laku kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Berdasarkan Jadual 4.10, hasil temu bual yang diperolehi daripada pandangan responden R.1 menunjukkan guru mengurus disiplin kanak-kanak prasekolah adalah dengan menyediakan, membacakan, mengingatkan, dan memberikan penjelasan peraturan kepada murid. Selain itu, dapatan temu bual menunjukkan responden R.1 juga mendisiplinkan murid adalah berdasarkan tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid semasa melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan temu bual menunjukkan, pandangan responden R.3, R.4 dan R.5 dilihat sependapat dengan responden R.1 iaitu responden menguruskan disiplin kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

prasekolah dengan cara mengingatkan dan menerangkan peraturan bilik darjah kepada kanak-kanak supaya dapat mengubah tingkah laku kanak-kanak. Manakala dapatan temu bual responden R.2, menguruskan disiplin kanak-kanak adalah dengan memerhatikan tingkah laku dan guru perlu bertegas dengan kanak-kanak. Ini kerana, responden R.2 yang merupakan guru siswazah dan jurulatih utama prasekolah tidak mempunyai peraturan bilik darjah secara bertulis sebagai panduan kepada guru dan kanak-kanak. Begitu juga dengan responden R.6, iaitu seorang guru prasekolah siswazah yang berpengalaman mengajar di prasekolah selama lebih sepuluh tahun juga tidak mempunyai peraturan bilik darjah secara bertulis. Selain itu, responden R.6 menggunakan kaedah bimbingan kepada kanak-kanak dan akan mengenakan denda sekiranya kanak-kanak tidak mengikut peraturan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, analisis kandungan temu bual terhadap soalan temu bual seperti dalam Jadual 4.10 menunjukkan terdapat responden yang ditemu bual memberikan pandangan yang sama dan terdapat juga responden yang memberikan pandangan yang berbeza. Responden yang ditemu bual lebih memberikan pendapat responden sendiri dan tidak menyatakan bagaimana menguruskan disiplin kanak-kanak prasekolah secara khusus dengan berpandukan peraturan ataupun model yang berkaitan. Responden yang ditemu bual juga tidak menyatakan terdapat dokumen atau model yang boleh digunakan sebagai panduan untuk mengurus disiplin kanak-kanak bagi memudahkan guru menguruskan tingkah laku kanak-kanak semasa melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.5 Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian Analisis Keperluan

Rumusan keseluruhannya, dapatan keperluan yang diperolehi melalui temu bual dalam kajian analisis keperluan ini adalah untuk mendapatkan jawapan terhadap persoalan kajian berkaitan bilik darjah prasekolah berkaitan aspek persekitaran fizikal, perancangan dan pelaksanaan aktivti, interaksi dan hubungan, dan tingkahlaku kanak-kanak. Berdasarkan analisis kandungan temu bual menunjukkan, terdapat ciri-ciri yang memerlukan model dibangunkan sebagai indikator atau sebagai bahan panduan kepada guru prasekolah.

Analisis kandungan temu bual ruang dan persekitaran yang selamat di bilik darjah prasekolah menunjukkan kesemua responden yang ditemu bual walaupun mempunyai pengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun dan juga merupakan seorang Jurulatih Utama dan Guru Cemerlang mendapati telah menguruskan ruang dan persekitaran bilik darjah prasekolah tanpa menggunakan model atau bahan sebagai panduan. Kesemua responden masing-masing menggunakan pengetahuan semasa menghadiri kursus, perbincangan untuk membuat keputusan, berdasarkan cara sendiri dan terdapat juga responden yang menggunakan dokumen KSPK untuk mengurus persekitaran bilik darjah prasekolah. Tanpa model atau bahan sebagai panduan yang khusus berkaitan pengurusan persekitaran bilik darjah prasekolah boleh menyebabkan kesemua respondan menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah dengan cara yang berbeza dan mengikut cara sendiri.

Dapatan analisis kandungan temu bual perabot di bilik darjah Prasekolah menunjukkan panduan mengurus persekitaran fizikal dari aspek pengurusan susun atur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perabot di bilik darjah prasekolah oleh semua responden masih belum ada sebagai panduan mengurus kepada responden. Responden berpendapat, dokumen panduan mengurus perabot adalah diperlukan bagi memudahkan responden mengurus perabot di bilik darjah prasekolah supaya dapat memenuhi keperluan aktiviti serta memenuhi keperluan kanak-kanak semasa melaksanakan aktviti di bilik darjah prasekolah.

Analisis kandungan temu bual penyediaan dan pengurusan pusat pembelajaran pula menunjukkan kesemua responden menyatakan bahawa belum ada panduan yang boleh digunakan untuk mengurus persekitaran fizikal dari aspek penyediaan pusat pembelajaran dan pengurusan dalam bilik darjah prasekolah. Hasil temu bual dapat dilihat usaha yang dilakukan oleh semua responden yang ditemu bual iaitu untuk menyedia dan mengurus pusat pembelajaran responden melalui inisiatif dan membuat keputusan sendiri, mengikut keperluan dari segi bahan dan bilangan murid, dan mengadakan perbincangan untuk mendapatkan idea dan maklumat sebelum menyedia dan mengurus pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.

Selain itu, analisis kandungan temu bual pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktivti/program menunjukkan kesemua responden yang ditemu bual telah menyatakan pandangan yang berbeza. Pandangan responden lebih bersifat umum mengenai aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam bilik darjah. Responden yang ditemu bual hanya dapat menyatakan kaedah yang sesuai yang boleh dilaksanakan dengan tahap perkembangan kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan analisis kandungan temu bual responden telah memberikan pandangan yang berbeza berkaitan pengurusan hubungan interaksi dalam kalangan kanak-kanak. Pandangan yang dinyatakan juga lebih bersifat umum dan kurang menggambarkan pengurusan hubungan dan interaksi dengan lebih berkesan. Responden memberi pendapat sendiri tanpa menyatakan panduan atau mana-mana dokumen yang boleh dijadikan panduan kepada responden bagi menyokong pendapat responden dalam menguruskan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak di bilik darjah prasekolah.

Analisis kandungan temu bual bagi pengurusan tingkah laku kanak-kanak pula menunjukkan terdapat responden yang ditemu bual memberikan pandangan yang sama dan terdapat responden yang memberikan pandangan yang berbeza. Responden yang ditemu bual tidak menyatakan bagaimana membentuk peraturan untuk mengurus tingkah laku kanak-kanak di prasekolah supaya memudahkan guru mengurus bilik darjah yang berfokuskan tingkah laku kanak-kanak. Responden yang ditemu bual juga tidak menyatakan terdapat dokumen atau panduan yang boleh digunakan untuk membentuk peraturan bagi memudahkan guru menguruskan tingkah laku kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Rumusan kod (pentafsiran) analisis keperluan pengurusan bilik darjah prasekolah

Tema	Kod (pentafsiran)					
	R.1	R.2	R.3	R.4	R.5	R.6
Persekitaran Fizikal (ruang)	Pengalaman belajar	Pengetahuan melalui kursus	menghadiri kursus	perbincangan	Cara sendiri	KSPK sebagai panduan
Persekitaran Fizikal (perabot)	Pembelajaran sendiri	Merancang sendiri	Keputusan sendiri	Keputusan Perbincangan	Melihat contoh kelas rakan	Pengetahuan semasa belajar
Persekitaran Fizikal (pusat Pembelajaran)	Inisiatif sendiri	Ikut keperluan	Keputusan sendiri	Keputusan sendiri	Keputusan perbincangan	Keputusan perbincangan
Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti / Program	Berkumpulan dan Bertema	Eksperimen	Menyeronokan	Individu dan kumpulan	Kumpulan dan projek	Penggunaan ICT
Hubungan Dan Interaksi	Kelompok murid aktif dan tidak aktif	Suasana berbaik-baik	Guru bersama murid	Wujud komunikasi	Kelompok murid pandai dengan tidak pandai	Memotivasi murid yang pasif
Pengurusan Tingkah Laku	Berdasar tingkahlaku murid	Tiada keperluan	Amalan tatacara	Amalan tatacara	Tiada keperluan	Tiada keperluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kod pentafsiran seperti dalam Jadual 4.11, rumusan keseluruhannya menunjukkan, kesemua responen tidak menggunakan sebarang model atau pun panduan pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah dari segi susun atur perabot, ruang dan juga pusat pembelajaran supaya bilik darjah prasekolah dapat diurus dengan lebih berkesan dan dapat membantu pembelajaran kanak-kanak mengikut tahap perkembangan mereka. Responden lebih memilih untuk mengurus persekitaran mengikut keputusan sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi sama ada melalui kursus atau semasa belajar. Selain itu, terdapat juga responden mengurus bilik darjah prasekolah berdasarkan contoh bilik darjah prasekolah rakan-rakan.

Berdasarkan Jadual 4.11, rumusan keseluruhannya menunjukkan pelbagai cara responden menguruskan bilik darjah prasekolah. Kaedah perbincangan menjadi pilihan responden dalam membuat keputusan sebelum mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah tanpa merujuk panduan dalam mengurus persekitaran bilik darjah prasekolah. Selian itu, rumusan keseluruhan kod (pentafsiran) analisis keperluan pengurusan bilik darjah prasekolah seperti dalam Jadual 4.11 juga menunjukkan terdapat juga persamaan dalam kalangan responden dalam mengurus bilik darjah prasekolah iaitu responden menguruskan bilik darjah prasekolah berdasarkan perbincangan, pandangan dan menggunakan cara tersendiri untuk mengurus persekitaran bilik darjah prasekolah. Oleh itu, berdasarkan rumusan yang dibuat menunjukkan satu model pengurusan bilik darjah prasekolah perlu diwujudkan supaya dapat membantu guru prasekolah mengurus bilik darjah prasekolah dengan lebih berfokus dan dapat menjadikannya sebagai satu panduan mengurus bilik darjah prasekolah yang lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Dapatan Kajian Rekabentuk Dan Pembangunan Model

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji akan membincangkan dapatan yang diperolehi daripada kesepakatan pakar ke arah pembangunan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang ingin dihasilkan melalui fasa rekabentuk dan pembangunan. Fasa reka bentuk dan pembangunan model ini dijalankan bagi menjawab tiga persoalan kajian pembangunan model iaitu:

1. Apakah komponen utama model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 berdasarkan konsensus pakar ?.
2. Apakah elemen bagi komponen utama model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 berdasarkan konsensus pakar ?.
3. Apakah keutamaan elemen model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 berdasarkan konsensus pakar ?.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika dilihat semula dapatan daripada fasa I iaitu fasa analisis keperluan jelas menunjukkan terdapat ciri-ciri yang memerlukan satu model pengurusan bilik darjah prasekolah dibangunkan sebagai dokumen panduan kepada guru prasekolah. Oleh itu, berdasarkan rumusan yang dibuat dalam fasa analisis keperluan yang mengandungi aspek pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah, pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktivti, pengurusan hubungan dan interaksi, dan pengurusan tingkah laku kanak-kanak menunjukkan satu model pengurusan bilik darjah prasekolah perlu dibangunkan supaya dapat membantu guru prasekolah mengurus bilik darjah prasekolah dengan lebih berfokus dan dapat menjadikan model tersebut sebagai satu panduan mengurus bilik darjah prasekolah yang lebih berkesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam fasa ini, pengkaji mendapatkan kesepakatan pakar mengunakan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) untuk membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan dan seterusnya kesepakatan diperolehi daripada kumpulan pakar. Instrumen kesesuaian item dalam fasa pembangunan model ini adalah instrumen yang dibentuk berdasarkan kajian literatur berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah dan juga instrumen temu bual yang telah dimurnikan hasil analisis keperluan dalam fasa I. Instrumen kesesuaian item yang dikemukakan untuk penilaian para pakar mengandungi empat dimensi utama dan mengandungi 53 item.

Berdasarkan dapatan kajian literatur, berikut merupakan hasil pemetaan empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 yang disenarai sebagai keperluan model. Item Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Prasekolah seperti dalam jadual 4.12 dikemukakan kepada kumpulan pakar untuk mendapatkan kesepakatan pakar.

Jadual 4.12

Item Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Prasekolah

Bil.	Item Dimensi Persekitaran Fizikal	Rujukan
1	Susun atur perabot memudahkan pergerakan untuk melaksanakan aktiviti individu/kumpulan.	Che Nidzam et al. (2016), Chong et al,(2017), Doman (2002),
2	Susun atur perabot menggalakan kanak-kanak berkomunikasi.	Howard Gardner (1983), Blatchford et.al, (2002)
3	Persekitaran PdP yang merangsang minat dan perasaan ingin tahu kanak-kanak.	Howard Gardner,(1983), Ariffin dan Baki, (2014), Weinstein dan Novodvorsky (2011),
4	Persekitaran mengutamakan minat dan merangsang perasaan ingin tahu	Howard Gardner (1983), Weinstein dan Novodvorsky (2011),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12 (sambungan)

Bil.	Item Dimensi Persekitaran Fizikal	Rujukan
5	Menyediakan pusat pembelajaran yang memberi pengetahuan, menggalakkan kemahiran memimpin dan menggalakan kanak-kanak berfikir.	Institut Aminuddin Baki, (2017), Ariffin dan Baki, (2014)
6	Menyediakan ruangan pameran hasil kerja kanak-kanak.	Harms, et.al. (2005), Copple dan Bredekamp, (2009)
7	Ruang yang menggalakkan Kemahiran Dwibahasa	Institut Aminuddin Baki, (2017),
8	Suasana dengan gambar dan grafik untuk menarik minat kanak-kanak datang ke prasekolah.	Haliza dan Joy Nesamalar, (2009) Institut Aminuddin Baki, (2017),
9	Melibatkan kanak-kanak memastikan persekitaran bilik darjah, ruangan dapur, tandas dan ruangan makan sentiasa bersih dan selamat digunakan.	Marling dan Paugh, (2004), Harms, et.al. (2005), Copple & Bredekamp, (2009) Weinstein dan Novodvorsky (2011),
10	Prasarana dan suasana yang kondusif	Darch dan Kamer'eriul,(2004), Doman (2002), Sofiah & Kamarul, (2016)
11	Kesediaan emosi kanak-kanak	Siti Hawa Munji (1989), Abu Samah (1995), Weinstein dan Novodvorsky (2011),
12	Meraikan pembelajaran	Garger, (1984). Institut Aminuddin Baki, (2017),
13	Pusat pembelajaran menyediakan peralatan dan bahan yang mencukupi dan mudah diakses oleh kanak-kanak.	Doman (2002), Bahagian Pembangunan Kurikulum, (2016), Darch dan Kamer'eriul (2004),

Seterusnya, berdasarkan dapatan kajian literatur, berikut merupakan hasil pemetaan empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 yang disenarai sebagai keperluan model. Item Dimensi Pengurusan Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti/Program seperti dalam jadual 4.13 dikemukakan kepada kumpulan pakar untuk mendapatkan kesepakatan pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13

Item Dimensi Pengurusan Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti/Program

Bil.	Item Dimensi Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti/Program	Rujukan
1	Pembelajaran berpusatkan kanak-kanak	Palmer (2015), Hamidah,(2004), Seman, (2004), Khairuddin, (2008), Institut Aminuddin Baki, (2017),
2	Mengambilkira amalan yang sesuai untuk kanak-kanak.	Gestwicki (2011), Lihanna (2005), Copple dan Bredekamp (2009), Abdul Halim (2014).
3	Aktiviti mengikut tahap kebolehan kanak-kanak.	Garger, (1984). Ramlah et al. (2016),
4	Aktiviti pembelajaran menggunakan peralatan/ bahan di pusat pembelajaran.	Wong & Wong, (2005), Pandit dan Neogi (2016),
5	Pembelajaran mengambilkira minat kanak-kanak	Gestwicki (2011), Martin dan Sass (2010), Weinstein dan Novodvorsky (2011),
6	Aktiviti pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan.	Zakiah, Yeo dan Azlina (2013), Bahagian Pembangunan Kurikulum, (2016) Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali (2011),
7	Menggalakan dan memberi peluang kepada kanak-kanak menggunakan peralatan/bahan di pusat pembelajaran.	Howard Gardner (1983), Pandit dan Neogi (2016), Ariffin dan Baki (2014)
8	Merangsang kanak-kanak berinteraksi.	Howard Gardner (1983), Ramlah et al. (2016),
9	Merancang penggunaan ruang pembelajaran	Howard Gardner (1983)
10	Aktiviti pembelajaran individu atau kumpulan.	Palmer (2015), Zakiah, Yeo dan Azlina (2013),
11	Sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif.	Gestwicki (2011), Martin dan Sass (2010), Sofiah dan Kamarul (2016).
12	Kanak-kanak bekerja secara kolaboratif, berkomunikasi dalam situasi yang sebenar.	Palmer (2015), Dunn dan Dunn, (1978) Institut Aminuddin Baki, (2017),
13	Mengambilkira persekitaran bilik darjah prasekolah.	James Ang (2014), Marling dan Paugh, (2004),
14	Menggalakkan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif.	Erin Justyna, (2016), Ramlah et al. (2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut merupakan hasil pemetaan berdasarkan dapatan kajian literatur empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 yang disenarai sebagai keperluan model. Item Dimensi Pengurusan Hubungan Dan Interaksi seperti dalam jadual 4.14 dikemukakan kepada kumpulan pakar untuk mendapatkan kesepakatan pakar.

Jadual 4.14

Item Dimensi Pengurusan Hubungan Dan Interaksi

Bil.	Item Dimensi Hubungan Dan Interaksi	Rujukan
1	Kanak-kanak dengan guru berinteraksi menyampaikan ilmu yang mereka faham.	Nair dan Fielding (2009), Blatchford, el.al (2002), Copple & Bredekamp (2009), Harms, Clifford & Cryer, (2005) Finn, Suriani & Achilles (2007).
2	kanak-kanak dengan kanak-kanak berinteraksi bagi menyampaikan ilmu yang mereka faham dan berkongsi pengetahuan.	Nair dan Fielding (2009), Blatchford, el.al (2002), Copple & Bredekamp (2009), Harms, Clifford & Cryer, (2005) Finn, Suriani & Achilles (2007).
3	Kanak-kanak berinteraksi dengan bahan bagi menyampaikan ilmu yang mereka faham.	Nair dan Fielding (2009), Institut Aminuddin Baki (2017),
4	Kanak-kanak berinteraksi secara aktif di dalam dan di luar bilik darjah	Burden dan Byrd (1994), Blatchford et.al.(2002),
5	Kanak-kanak dari pelbagai kebolehan bekerjasama melaksanakan aktiviti kumpulan	Weinstein dan Novodvorsky (2011), Institut Aminuddin Baki (2017),
6	Memberi maklum balas konstruktif, pujian / galakan terhadap input kanak-kanak	Gordon (2003), Bandura (1986)
7	Kanak-kanak dilibatkan dalam kumpulan melalui pembahagian tugasan yang seimbang berdasarkan keupayaan kanak-kanak.	McWilliam et.al. (2008), Zakiah, Yeo dan Azlina (2013),
8	Guru menggalakkan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak	Nair dan Fielding (2009), Blatchford, el.al (2002), Copple & Bredekamp (2009), Harms, Clifford & Cryer, (2005) Finn, Suriani & Achilles (2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14 (sambungan)

Bil.	Item Dimensi Hubungan Dan Interaksi	Rujukan
9	Prihatin terhadap minat, keperluan dan perkembangan kanak-kanak	Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali (2011), Howard Gardner (1983),
10	Menerima dan menghormati pandangan orang lain	Institut Aminuddin Baki (2017),
11	Kanak-kanak memanggil nama rakan semasa berinteraksi.	Institut Aminuddin Baki (2017),

Berdasarkan dapatan kajian literatur, jadual 4.15 merupakan hasil pemetaan empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan Pendidikan Abad ke 21 yang disenarai sebagai keperluan model. Item Dimensi Pengurusan Tingkah Laku Kanak-Kanak seperti dalam jadual 4.15 dikemukakan kepada kumpulan pakar untuk mendapatkan kesepakatan pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Item Dimensi Pengurusan Tingkah Laku Kanak-Kanak

Bil.	Item Dimensi Tingkah Laku	Rujukan
1	Peraturan di bilik darjah sentiasa diperjelaskan kepada kanak-kanak	Burden and Byrd (1994), K.W Malmgren, et.al (2005),
2	Mengingatkan kanak-kanak tingkahlaku berdisiplin	K.W Malmgren et al. (2005), Institut Aminuddin Baki (2017),
3	Menjelaskan kepada kanak-kanak kesan tingkah laku yang positif dan tingkah laku negatif.	Institut Aminuddin Baki (2017),
4	Memberi peluang kepada kanak-kanak berdikari untuk membentuk ciri kepimpinan (seperti mengambil, menyimpan dan membersihkan).	Malmgren et al. (2005).
5	Memberi penghargaan kepada kanak-kanak dan sesama rakan.	Maclellan (2005), Gordon (2003),
6	Menegaskan kepada kanak-kanak supaya patuh pada peraturan	Burden dan Byrd (1994),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15 (sambungan)

Bil.	Item Dimensi Tingkah Laku	Rujukan
7	Memotivasikan kanak-kanak supaya bertingkahlaku positif.	Maclellan (2005), Ahmad Zabidi (2006),
8	Kanak-kanak diberi peluang membetulkan kesalahan tingkah laku	M.E Gootman (2008), Martha Casas (2011), K.W Malmgren et al. (2005),
9	Membimbing kanak-kanak untuk membetulkan tingkah laku negatif	M.E Gootman (2008), Dreikurs (1998).
10	Guru menjadi role model membentuk tingkahlaku kanak-kanak	Bandura (1986), Edwards (2004), Malmgren et al. (2005)
11	Menyediakan peraturan untuk mengurus tingkah laku kanak-kanak	Burden and Byrd (1994), Weinstein dan Novodvorsky (2011),
12	Memastikan kanak-kanak mematuhi peraturan	Burden dan Byrd (1994),
13	Peraturan bilik darjah dalam bentuk simbol/ gambar yang mudah difahami dipamerkan dengan jelas dan menarik	Weinstein dan Novodvorsky (2011), Harms, Clifford & Cryer (2005), Copple & Bredekamp (2009)
14	Memberi teguran terhadap perlakuan negatif kanak-kanak	M.E Gootman (2008), K.W Malmgren et al. (2005), Zainuddin Abu Bakar (2014)
15	Nama dan gambar kanak-kanak diletakkan dihadapan kelas untuk menunjukkan kehadiran.	Institut Aminuddin Baki (2017),

4.4.1 Kesepakatan Pakar Terhadap Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Prasekolah

Sebanyak 13 item yang terkandung dalam dimensi pengurusan yang merangkumi item berkaitan persekitaran fizikal untuk mengurus bilik darjah prasekolah yang dikemukakan kepada kumpulan pakar. Item yang dikemukakan tersebut merupakan item yang boleh dijadikan panduan kepada guru prasekolah mengenai pengurusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekitaran yang melibatkan aspek fizikal yang perlu diberikan perhatian dalam mengurus bilik darjah prasekolah. Item yang dikemukakan untuk penilaian para pakar boleh dilihat dalam jadual 4.16.

Jadual 4.16

Item-item untuk dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah

	Item
A1	Persekitaran pembelajaran berpusatkan kanak-kanak
A2	Prasarana dan suasana yang kondusif
A3	Kesediaan emosi kanak-kanak
A4	Meraikan pembelajaran
A5	Ruang dan persekitaran yang menggalakkan Kemahiran Dwibahasa
A6	Persekitaran merangsang perasaan ingin tahu kanak-kanak
A7	Suasana yang menarik minat kanak-kanak untuk datang ke prasekolah dengan gambar dan grafik yang menarik.
A8	Melibatkan kanak-kanak memastikan persekitaran bilik darjah, ruangan dapur, tandas dan ruangan makan sentiasa bersih dan selamat digunakan.
A9	Susunan perabot memudahkan pergerakan kanak-kanak melaksanakan aktiviti pembelajaran.
A10	Susunan perabot menggalakan kanak-kanak berkomunikasi semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran.
A11	Pusat Pembelajaran memberi Pengetahuan, menggalakkan Kemahiran Memimpin dan menggalakan Kemahiran Berfikir kepada kanak-kanak
A12	Pusat pembelajaran menyediakan peralatan dan bahan yang mencukupi dan mudah diakses oleh kanak-kanak.
A13	Menyediakan ruangan pameran hasil kerja kanak-kanak.

Tiga syarat yang digunakan dalam pertimbangan penerimaan setiap item oleh pakar iaitu sama ada item yang dikemukakan diterima atau ditolak adalah berdasarkan kesepakatan 12 pakar. Tiga syarat tersebut iaitu syarat pertama penggunaan nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Threshold (d), syarat kedua peratus kesepakatan kumpulan pakar dan syarat ketiga berdasarkan nilai *Defuzzification.*

Jadual 4.17 menunjukkan nilai *threshold (d),* peratusan kesepakatan pakar, *defuzzification* dan *ranking* item-item yang terkandung dalam komponen pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah hasil daripada kesepakatan 12 pakar.

Jadual 4.17

Nilai Threshold (d), Peratusan Konsensus Pakar, Defuzzification dan Ranking Item untuk dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah

Item	*Triangular Fuzzy Numbers*		*Defuzzification Process*				Kesepakatan Pakar	Item Diterima	*Ranking*
	Nilai *Threshold,* d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*			
A1	0.087	91.7%	0.833	0.958	0.992	0.928	TERIMA	0.928	4
A2	0.252	91.7%	0.742	0.867	0.925	0.844	TERIMA	0.844	10
A3	0.341	83.3%	0.642	0.783	0.867	0.764	TOLAK		#N/A
A4	0.336	83.33%	0.658	0.800	0.875	0.778	TOLAK		#N/A
A5	0.219	91.67%	0.708	0.858	0.933	0.833	TERIMA	0.833	11
A6	0.042	100.00%	0.867	0.983	1.000	0.950	TERIMA	0.950	2
A7	0.202	91.67%	0.775	0.900	0.942	0.872	TERIMA	0.872	7
A8	0.230	83.33%	0.750	0.883	0.933	0.856	TERIMA	0.856	8
A9	0.023	100.00%	0.883	0.992	1.000	0.958	TERIMA	0.958	1
A10	0.095	91.67%	0.817	0.950	0.992	0.919	TERIMA	0.919	5
A11	0.255	91.67%	0.758	0.875	0.925	0.853	TERIMA	0.853	9
A12	0.201	91.67%	0.792	0.908	0.942	0.881	TERIMA	0.881	6
A13	0.042	100.00%	0.867	0.983	1.000	0.950	TERIMA	0.950	2

Syarat 1 : Item A3 dan A4 melebihi nilai *Threshold* (d) = 0.2
Syarat 2 : Peratus kesepakatan kumpulan pakar menunjukkan kesemua item melebihi 75%
Syarat 3 : Kesemua nilai *Defuzzification* bagi setiap item melebihi α-cut = 0.5

Berdasarkan jadual 4.17, hasil penilaian pakar menunjukkan hanya item A3 dan A4 memperolehi nilai *threshold (d)* melebihi 0.2. Dalam hal ini, Cheng dan Lin (2002) menegaskan jika nilai *threshold (d)* melebihi 0.2, maka item tersebut tidak mendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesepakatan pakar dan item tersebut ditolak oleh pakar. Walaupun dapatan menunjukkan item A3 dan A4 melebihi nilai *threshold (d)* = 0.2, namun peratus kesepakatan pakar bagi kesemua item melebihi 75 peratus.

Dapatan ini juga menunjukkan, nilai *Defuzzification* bagi setiap item melebihi nilai α-cut=0.5. Dapatan ini menjelaskan bahawa, item dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah yang dikemukakan untuk penilaian hampir keseluruhannya mendapat kesepakatan 12 pakar. Berdasarkan dapatan kesepakatan pakar, item-item yang telah dinilai oleh pakar kemudiannya disusun mengikut keutamaan. Senarai item-item yang telah disusun mengikut keutamaan dapat dilihat dalam Jadual 4.18 yang ditunjukkan di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18

Ranking Item untuk dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah mengikut keutamaan

Ranking mengikut keutamaan	Item	No. Item
1	Susunan perabot memudahkan pergerakan kanak-kanak melaksanakan aktiviti pembelajaran.	A9
2	Persekitaran merangsang perasaan ingin tahu kanak-kanak	A6
2	Menyediakan ruangan pameran hasil kerja kanak-kanak.	A13
4	Persekitaran pembelajaran berpusatkan kanak-kanak	A1
5	Susunan perabot menggalakan kanak-kanak berkomunikasi semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran.	A10
6	Pusat pembelajaran menyediakan peralatan dan bahan yang mencukupi dan mudah diakses oleh kanak-kanak.	A12
7	Suasana yang menarik minat kanak-kanak untuk datang ke prasekolah dengan gambar dan grafik yang menarik.	A7
8	Melibatkan kanak-kanak memastikan persekitaran bilik darjah, ruangan dapur, tandas dan ruangan makan sentiasa bersih dan selamat digunakan.	A8
9	Pusat Pembelajaran memberi Pengetahuan, menggalakkan Kemahiran Memimpin dan menggalakan Kemahiran Berfikir kepada kanak-kanak	A11
10	Prasarana dan suasana yang kondusif	A2
11	Ruang dan persekitaran yang menggalakkan Kemahiran Dwibahasa	A5
#N/A	Kesediaan emosi kanak-kanak	A3
#N/A	Meraikan pembelajaran	A4

4.4.2 Kesepakatan Pakar Terhadap Pengurusan Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti/Program

Item pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program yang dikemukakan untuk penilaian pakar mengandungi 14 item. Item yang dikemukakan tersebut merupakan item yang boleh menjadi panduan kepada guru prasekolah dalam menguruskan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program. Item-item yang dikemukakan bagi tujuan penilaian para pakar dalam dimensi pengurusan perancangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pelaksanaan aktiviti/program dapat dilihat dalam Jadual 4.19 seperti yang ditunjukkan.

Jadual 4.19

Item-item untuk dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program

	Item
B1	Aktiviti pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan.
B2	Aktiviti pembelajaran individu atau kumpulan.
B3	Aktiviti mengikut tahap kebolehan kanak-kanak.
B4	Aktiviti pembelajaran menggunakan peralatan/ bahan di pusat pembelajaran.
B5	Menggalakkan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif.
B6	Mengambilkira amalan yang sesuai untuk kanak-kanak.
B7	Sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif.
B8	Mengambilkira persekitaran bilik darjah prasekolah.
B9	Merangsang kanak-kanak berinteraksi.
B10	Pembelajaran mengambilkira minat kanak-kanak
B11	Pembelajaran berpusatkan kanak-kanak
B12	Merancang penggunaan ruang pembelajaran
B13	Menggalakan dan memberi peluang kepada kanak-kanak menggunakan peralatan/bahan di pusat pembelajaran.
B14	Kanak-kanak bekerja secara kolaboratif, berkomunikasi dalam situasi yang sebenar.

Seterusnya, Jadual 4.20 menunjukkan nilai *threshold (d)*, peratusan kesepakatan pakar, *defuzzification* dan *ranking* item-item untuk dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program hasil daripada kesepakatan 12 pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.20

Nilai Threshold (d), Peratusan Konsensus Pakar, Defuzzification dan Ranking Item untuk dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program

Item	*Triangular Fuzzy Numbers*		*Defuzzification Process*				Kesepakatan Pakar	Item Diterima	*Ranking*
	Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*			
B1	0.201	91.7%	0.792	0.908	0.942	0.881	TERIMA	0.881	11
B2	0.308	83.3%	0.725	0.850	0.900	0.825	TOLAK		#N/A
B3	0.095	91.7%	0.817	0.950	0.992	0.919	TERIMA	0.919	8
B4	0.057	100.00%	0.850	0.975	1.000	0.942	TERIMA	0.942	5
B5	0.087	91.67%	0.833	0.958	0.992	0.928	TERIMA	0.928	6
B6	0.087	91.67%	0.833	0.958	0.992	0.928	TERIMA	0.928	6
B7	0.227	91.67%	0.742	0.875	0.933	0.850	TERIMA	0.850	13
B8	0.202	91.67%	0.775	0.900	0.942	0.872	TERIMA	0.872	12
B9	0.023	100.00%	0.883	0.992	1.000	0.958	TERIMA	0.958	1
B10	0.148	100.00%	0.783	0.917	0.975	0.892	TERIMA	0.892	10
B11	0.042	100.00%	0.867	0.983	1.000	0.950	TERIMA	0.950	2
B12	0.042	100.00%	0.867	0.983	1.000	0.950	TERIMA	0.950	2
B13	0.158	91.67%	0.817	0.933	0.958	0.903	TERIMA	0.903	9
B14	0.042	100.00%	0.867	0.983	1.000	0.950	TERIMA	0.950	2

Syarat 1 : Hanya Item A2 melebihi nilai *Threshold* (d) = 0.2
Syarat 2 : Peratus kesepakatan kumpulan pakar menunjukkan kesemua item melebihi 75%
Syarat 3 : Kesemua nilai *Defuzzification* bagi setiap item melebihi α-cut = 0.5

Berdasarkan Jadual 4.20, hasil penilaian pakar terhadap item dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program menunjukkan hanya item B2 memperolehi nilai *threshold (d)* melebihi 0.2. Hal ini menunjukkan, nilai *threshold (d)* bagi item B2 tidak mendapat kesepakatan 12 pakar dan item tersebut ditolak oleh pakar. Walaupun dapatan menunjukkan item B2 melebihi nilai *threshold (d)* = 0.2, namun peratus kesepakatan pakar bagi kesemua item melebihi 75 peratus. Dapatan ini juga menunjukkan, setiap item bagi nilai *Defuzzification* melebihi nilai α-cut = 0.5. Ini bermakna, keseluruhan item dalam dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aktiviti/program mendapat kesepakatan 12 pakar. Seterusnya, berdasarkan dapatan kesepakatan kumpulan 12 pakar tersebut, kesemua item kemudiannya disusun semula mengikut keutamaan. Senarai kedudukan semua item yang telah disusun mengikut keutamaan dapat dilihat dalam Jadual 4.21 di bawah.

Jadual 4.21

Ranking Item untuk dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/ program mengikut keutamaan

Ranking mengikut keutamaan	Item	No. Item
1	Merangsang kanak-kanak berinteraksi.	B9
2	Pembelajaran berpusatkan kanak-kanak	B11
2	Merancang penggunaan ruang pembelajaran	B12
2	Kanak-kanak bekerja secara kolaboratif, berkomunikasi dalam situasi yang sebenar.	B14
5	Aktiviti pembelajaran menggunakan peralatan/ bahan di pusat pembelajaran.	B4
6	Menggalakkan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif.	B5
6	Mengambilkira amalan yang sesuai untuk kanak-kanak.	B6
8	Aktiviti mengikut tahap kebolehan kanak-kanak.	B3
9	Menggalakan dan memberi peluang kepada kanak-kanak menggunakan peralatan/bahan di pusat pembelajaran.	B13
10	Pembelajaran mengambilkira minat kanak-kanak	B10
11	Aktiviti pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan.	B1
12	Mengambilkira persekitaran bilik darjah prasekolah.	B8
13	Sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif.	B7
#N/A	Aktiviti pembelajaran individu atau kumpulan.	B2

4.4.3 Kesepakatan Pakar Terhadap Pengurusan Hubungan Dan Interaksi

Bilangan item yang dikemukakan kepada pakar untuk dinilai bagi item yang terdapat dalam dimensi pengurusan hubungan dan interaksi mengandungi 11 item. Item yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikemukakan tersebut merupakan item yang boleh menjadi panduan kepada guru prasekolah dalam mengurus serta mewujudkan interaksi dan hubungan antara kanak-kanak dan guru. Item-item yang dikemukakan bagi tujuan penilaian para pakar dalam dimensi pengurusan hubungan dan interaksi adalah seperti dalam Jadual 4.15.

Jadual 4.22

Item-item untuk dimensi pengurusan hubungan dan interaksi

	Item
C1	Berlaku interaksi guru dengan kanak-kanak bagi menyampaikan ilmu yang mereka faham dan berkongsi pengetahuan.
Penilaian kebolehgunaan terhadap keseluruhan model pengurusan bilik darjah prasekolah berkesan adalah berdasarkan penilaian peserta kajian yang diperolehi melalui jawapan soal selidik daripada responden. Berdasarkan jawapan daripada respoden terhadap soal selidik, pandangan terhadap keseluruhan model adalah berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Syarat peratusan skor sesuatu elemen diterima mestilah menyamai atau melebihi 70 peratus. Dobbie et al. (2004) dan Deslandes et. al (2010) menegaskan bahawa, sesuatu elemen yang dinilai akan diterima sekiranya bilangan peratus skor yang diberikan daripada peserta kajian memperolehi peratus menyamai atau melebihi 70 peratus. Dapatan data seperti dalam Jadual 4.38 menunjukkan, maklumat penilaian pandangan peserta kajian terhadap keseluruhan model.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.38

Dapatan Data Penilaian Pandangan terhadap keseluruhan model

Bil	Pandangan terhadap keseluruhan kebolehgunaan model	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=10)	2 (n=10)	3 (n=10)			
1	Model ini amat membantu dalam membangunkan tahap profesionalisme guru prasekolah terhadap Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah.	58	61	63	182	86.67	Sesuai
2	Model ini amat praktikal kepada guru prasekolah untuk melaksanakannya di bilik darjah prasekolah	57	58	63	178	84.76	Sesuai
3	Model ini berupaya menjadi panduan kepada guru prasekolah dalam Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah	58	60	63	181	86.19	Sesuai
4	Model ini menerangkan secara jelas kepada guru prasekolah aspek yang perlu diberi perhatian untuk mengurus bilik darjah prasekolah dengan lebih berkesan.	59	59	63	181	86.19	Sesuai
5	Model ini menunjukkan secara jelas kepada guru prasekolah tentang keperluan membangunkan Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berkesan	58	59	64	181	86.19	Sesuai

*Peratus kebolehgunaan ≥ 70 %

Berdasarkan jadual 4.38, pandangan terhadap keseluruhan model pengurusan bilik darjah prasekolah berkesan yang dinilai mendapati peratus kesemua elemen pandangan terhadap model melebihi 70 peratus. Ini menunjukkan, kesemua elemen terhadap pandangan keseluruhan model yang dinilai berada pada status sesuai digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.5 Rumusan Dapatan Kajian Penilaian Kebolehgunaan Model

Dalam konteks kajian ini, secara rumusannya pengkaji telah dapat merekabentuk dan membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang mengandungi dimensi pengurusan bilik darjah. Tujuannya adalah untuk menyediakan satu model panduan kepada guru prasekolah KPM untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru prasekolah.

Merujuk kepada hasil kajian lepas yang dijalankan oleh Dobbie et al, (2004) dan Deslandes et. al, (2010) sesuatu komponen atau elemen itu boleh diterima sekiranya peratus skor yang diperolehi daripada penilaian peserta kajian menyamai atau melebihi 70 peratus. Sehubungan dengan itu, pernyataan tersebut menunjukkan, peratus bagi semua elemen yang dinilai berada pada tahap sesuai untuk digunakan oleh guru prasekolah KPM kerana peratus penilaian kebolehgunaan melebihi daripada 70 peratus. Penilaian oleh guru prasekolah KPM yang mengajar di bilik darjah prasekolah terhadap setiap komponen utama serta setiap elemen dalam komponen utama dan juga terlibat sebagai responden. Oleh itu, secara keseluruhannya berdasarkan dapatan kajian dalam fasa ini model pengurusan bilik darjah prasekolah yang telah dibangunkan dan kemudian dinilai kebolehgunaannya telah mencapai status sesuai serta boleh digunakan untuk guru prasekolah KPM sebagai model panduan untuk mereka menguruskan bilik darjah prasekolah KPM dengan lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Rumusan

Secara keseluruhannya, pengkaji telah membincangkan secara jelas dan terperinci dalam bab dapatan kajian ini mengenai demografi responden, dapatan analisis keperluan yang diperolehi daripada hasil temu bual, dapatan kesepakatan pakar dalam merekabentuk dan membangunkan model, dan dapatan kajian penilaian kebolehgunaan model. Selain itu, pengkaji juga telah membincangkan secara terperinci dapatan kajian analisis keperluan guru prasekolah berkaitan pengurusan iaitu guru menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah, berkaitan guru menguruskan dan melaksanakan aktiviti atau program, pengurusan interaksi kanak-kanak dan hubungan antara kanak-kanak, dan juga membincangkan berkaitan tingkah laku kanak-kanak. Dapatan kajian pembangunan model pula membincangkan secara terperinci berkaitan kesepakatan pakar terhadap kandungan model pengurusan bilik yang dibangunkan iaitu berkaitan persekitaran, aktiviti atau program prasekolah, hubungan dan interaksi, dan berkaitan tingkah laku kanak-kanak. Manakala dapatan penilaian kebolehgunaan model pula membincang secara terperinci penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian komponen utama dalam model yang dibangunkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan dapatan kajian, implikasi kajian dan cadangan kajian lanjutan yang relevan terhadap model pengurusan bilik darjah prasekolah berkesan yang telah dibangunkan. Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah ini akan menjadi panduan kepada guru-guru prasekolah KPM melaksanakan aktiviti pengajaran yang dirancang oleh guru dengan lebih berkesan, mengawal tingkah laku serta disiplin kanak-kanak dan seterunya dapat membantu guru untuk menghadapi cabaran dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran yang lebih menarik dan sesuai dengan tahap perkembangan.

Kekuatan model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan empat dimensi pengurusan bilik darjah yang dibangunkan oleh pengkaji ini dilihat berupaya menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

panduan serta dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada guru-guru prasekolah KPM. Hal ini kerana, kajian pembangunan model ini dilihat mempunyai perkaitan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Manning dan Bucher (2013), iaitu guru akan menghadapi masalah kesukaran untuk mengawal murid di dalam bilik darjah sekiranya guru tiada kemahiran pengurusan bilik darjah. Kajian yang lepas juga turut menyokong bahawa guru akan berhadapan dengan masalah kesukaran mengarahkan murid jika guru tiada pengetahuan dan kemahiran pengurusan bilik darjah (Hicks, 2012; Manning & Bucher, 2013). Menurut Bahagian Pendidikan Guru (2016), guru Malaysia berhadapan masalah kawalan murid dan ini telah dibuktikan dalam dapatan kajian Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran iaitu sebanyak 25 peratus guru berhadapan masalah tersebut. Selain itu, dapatan kajian yang diperolehi juga menunjukkan, aspek yang penting dalam pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran ialah kebolehan dan kemahiran guru menyusun perabot dan peralatan yang terdapat di bilik darjah. Sebagai seorang guru yang mengajar di prasekolah, aspek kemahiran menguruskan bilik darjah perlu diketahui oleh semua guru prasekolah. Guru perlu bijak menyusun dan mengatur kedudukan tempat duduk serta peralatan yang terdapat dalam bilik darjah. Ini akan dapat membantu guru mengurus kanak-kanak dari segi pergerakan mereka semasa menjalankan aktiviti dan bagi memastikan disiplin kanak-kanak dapat dikawal dengan baik dalam bilk darjah.

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Erin Justyna (2016) mendapati, dalam amalan pedagogi kreativiti berpotensi merangsang perubahan yang positif, seterusnya mengubah bilik darjah menjadi komuniti pembelajaran yang menyegarkan dan aktif. Justeru, guru dituntut supaya lebih kreativiti dan tidak hanya terbatas kepada penyampaian kandungan kurikulum semata-mata. Sebaliknya, guru perlu juga memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fokus dan tumpuan kepada soal bagaimana kandungan disampaikan kepada murid (Soh, 2015). Dapatan kajian tersebut memberi gambaran bahawa pelbagai cabaran yang guru sentiasa hadapi dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Dalam masa yang sama hasrat falsafah pendidikan negara juga menjadi tanggungjawab guru untuk menyahut cabaran dengan merealisasikannya melalui pengajaran di bilik darjah. Mewujudkan suasana persekitaran pembelajaran di bilik darjah yang kondusif boleh memberi kesan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran yang menjadi fokus utama. Persekitaran fizikal bilik darjah yang kondusif dan memberangsangkan merupakan elemen penting dalam membentuk pembelajaran kepada kanak-kanak. Persekitaran yang kondusif dapat membantu mewujudkan keselesaan sesi pengajaran dan pemudahcaraan di samping dapat mempengaruhi minat dan tumpuan kanak-kanak untuk belajar dalam bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membangunkan Model Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Pendidikan Abad Ke-21 yang menjadi keperluan kepada guru prasekolah KPM. Model yang dibangunkan tersebut mengambilkira empat dimensi atau komponen yang diperlukan dalam menguruskan bilik darjah prasekolah yang berkesan dengan bersandarkan teori pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak. Kajian dijalankan dalam tiga fasa iaitu merangkumi fasa analisis keperluan, fasa rekebentuk dan pembangunan dan fasa penilaian kebolehgunaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa Analisis Keperluan (fasa I) dijalankan secara temu bual untuk mengenal pasti keperluan model yang ingin dibangunkan berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah berdasarkan empat dimensi sebelum membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah berkesan. Seramai enam responden telah ditemu bual yang terdiri daripada guru prasekolah KPM terlatih yang mengajar di prasekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil temu bual yang diperolehi dianalisis untuk mengenal pasti keperluan model untuk membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah.

Kajian yang dijalankan ini telah dapat membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah untuk membantu guru prasekolah menguruskan bilik darjah prasekolah dalam aspek persekitaran, perancangan, tingkah laku dan komunikasi dengan lebih berkesan. Dalam fasa rekabentuk dan pembangunan (fasa II), pengkaji telah menetapkan kaedah Fuzzy Delphi adalah kaedah yang sesuai digunakan oleh pengkaji dalam usaha untuk mendapatkan kesepakatan kumpulan 12 orang pakar terhadap model yang dibangunkan. Berdasarkan kesepakatan 12 pakar tersebut, satu model prototaip empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan pendidikan abad ke-21 telah dibangunkan untuk membantu guru prasekolah mengurus bilik darjah prasekolah dengan lebih berfokus dan dengan lebih berkesan. Seterusnya, fasa penilaian kebolehgunaan (fasa III) merupakan fasa akhir kajian bertujuan model prototaip yang telah dibangunkan dinilai dari aspek kebolehgunaannya. Dalam fasa ini, teknik kumpulan nominal (NGT) ubahsuai digunakan untuk melihat persepsi dan kepuasan pengguna dalam kalangan guru prasekolah KPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan mengenai keperluan guru prasekolah KPM terhadap perlunya panduan atau model mengenai pengurusan bilik darjah prasekolah yang mengandungi empat komponen utama yang berasaskan pendidikan abad ke-21 dan juga aspek-aspek yang terdapat dalam setiap komponen utama bagi membantu dan memudahkan guru prasekolah mengurus bilik darjah prasekolah. Perbincangan yang mendalam terhadap keperluan guru prasekolah mengenai pengurusan bilik darjah prasekolah telah menghasilkan satu model yang menjadi keperluan kepada guru prasekolah iaitu Model Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Pendidikan Abad Ke-21.

Kekuatan model yang dibangunkan ini adalah model ini dibangunkan dengan mendapatkan kesepakatan 12 pakar yang berlatar belakangkan Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Manakala dari segi kebolehgunaan model pula diuji dalam kalangan guru-guru prasekolah KPM sendiri sebagai pengguna model dari pelbagai latar belakang jenis sekolah untuk mengetahui tahap kesesuaian dan kebolehgunaan model prototaip yang dibangunkan tersebut. Model Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Pendidikan Abad Ke-21 yang merangkumi pengurusan persekitaran, aktiviti, interaksi dan tingkah laku dapat dilihat seperti pada rajah 5.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.1. Model Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Pendidikan Abad Ke 21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji membincangkan hal berkaitan pembangunan model pengurusan berkaitan bilik darjah prasekolah yang menjurus kepada tiga fasa utama dalam kajian iaitu (1) mengenal pasti keperluan guru prasekolah (2) merekabentuk dan membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah dan (3) menilai kebolehgunaan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibina. Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan dapatan mengikut fasa bermula dengan analisis keperluan, kemudian membincangkan rekabentuk dan pembangunan model serta perbincangan dapatan penilaian kebolehgunaan model.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1 Perbincangan Dapatan Analisis Keperluan

Fasa analisis keperluan ini membincangkan dapatan temu bual dan juga merupakan fasa pertama yang dijalankan dalam kajian ini. Fasa ini iaitu fasa kajian analisis keperluan dijalankan bertujuan memenuhi keperluan objektif pertama kajian. Dalam fasa analisis keperluan ini juga pengkaji menganal pasti dan melibatkan enam responden yang terdiri daripada guru prasekolah KPM yang terlatih dalam bidang prasekolah dalam daerah Kinta Utara dan daerah Larut Matang dan Selama. Lima daripada enam responden adalah guru prasekolah siswazah yang beropsyen prasekolah dan berpengalaman mengajar prasekolah melebihi sepuluh tahun. Seorang responden adalah guru beropsyen prasekolah bukan siswazah dan merupakan seorang Guru Cemerlang Prasekolah. Rasional pemilihan resonden berpengalaman melebihi sepuluh tahun kerana ingin mendapatkan maklumat keperluan daripada responden dalam kalangan pakar seperti metod pengukuran dan sampel yang dicadangkan dalam analisis keperluan berasaskan pendekatan (Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al., 2017). Selain itu, responden juga terdiri daripada Jurulatih Utama Prasekolah, Guru Cemerlang Prasekolah, guru dari Prasekolah Cemerlang di negeri Perak dan guru dari Prasekolah Lima Bintang.

Kaedah temu bual dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat dan juga mengenalpasti keperluan guru prasekolah sebelum membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah. Data temu bual yang dirakam telah ditaip dalam bentuk transkrip bagi memudahkan pengkaji menganalisis kandungan temu bual. Analisis kandungan temu bual menunjukkan kesemua responden menyatakan bahawa belum ada model pengurusan bilik darjah yang memberi penekanan terhadap aspek yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkaitan empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah KPM. Berdasarkan analisis kandungan, dapatan temu bual menunjukkan belum terdapat model sebagai panduan mengurus bilik darjah prasekolah. Ini juga telah memberi gambaran bahawa, buku Panduan Pengurusan Prasekolah yang dibekalkan kepada semua guru prasekolah KPM di Malaysia yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian belum dapat membantu sepenuhnya guru-guru prasekolah KPM untuk menjadikannya sebagai dokumen panduan pengurusan bilik darjah prasekolah KPM. Hal ini kerana, Buku Panduan Pengurusan Pendidikan Prasekolah yang wajib dimiliki oleh guru-guru prasekolah KPM hanya memberi penekanan terhadap pengurusan pentadbiran, pengurusan Hal Ehwal murid, pengurusan Kokurikulum, Pentaksiran dan Rekod Penilaian (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2012). Begitu juga dengan buku Garis Panduan Pengurusan Prasekolah yang diedar kepada guru-guru prasekolah KPM dan digunakan oleh guru-guru prasekolah KPM sebagai dokumen panduan juga masih belum dapat membantu guru-guru prasekolah KPM untuk menguruskan bilik darjah prasekolah KPM. Guru prasekolah dikehendaki menggunakan dokumen garis panduan tersebut untuk pengurusan dan pentadbiran, pengurusan fail dan rekod, pengurusan kewangan, pengurusan aset alih, pengurusan kurikulum, Hal Ehwal murid, keselamatan, kebersihan dan keceriaan (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2018).

Secara keseluruhannya dapatan kajian ini menunjukkan, model yang berasaskan kepada empat dimensi dalam menguruskan bilik darjah prasekolah yang berkesan menjadi keperluan kepada guru. Kesemua responden yang ditemu bual menguruskan bilik darjah prasekolah tanpa berpandukan dokumen panduan yang jelas supaya dapat membantu guru prasekolah penguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah yang berkesan seterusnya dapat membantu pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesemua responden yang ditemu bual tidak selaras dalam menguruskan bilik darjah prasekolah walaupun semua responden yang di temu bual mengajar di prasekolah KPM yang menerima arahan yang sama menerusi surat siaran, dokumen kurikulum dan sistem standard prasekolah kebangsaan dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Responden adalah terdiri daripada guru-guru prasekolah yang berpengalaman selama sepuluh tahun menguruskan bilik darjah prasekolah mereka berasaskan pengetahuan sedia ada dan pengetahuan yang mereka perolehi semasa menghadiri kursus, mengadakan perbincangan sesama rakan dan pembantu pengurusan murid untuk membuat keputusan dalam menguruskan bilik darjah prasekolah. Selain itu, tindakan responden menguruskan bilik darjah prasekolah berdasarkan cara mereka tersendiri dan terdapat juga responden yang menggunakan dokumen KSPK di mana dokumen tersebut lebih merupakan dokumen kurikulum prasekolah yang mengandungi kemahiran yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak dan bukannya dokumen pengurusan untuk guru prasekolah mengurus bilik darjah.

Jika diteiliti, KSPK merupakan dokumen kurikulum yang menjadi panduan kepada guru prasekolah berkaitan kemahiran berdasarkan enam tunjang. Penggunaan KSPK yang dijadikan dokumen panduan oleh responden untuk menguruskan bilik darjah prasekolah menunjukkan responden masih belum terdapat dokumen atau model yang bersesuaian untuk digunakan oleh responden sebagai dokumen atau model rujukan dalam menguruskan bilik darjah prasekolah. Hal ini dilihat besesuaian dengan dapatan kajian Hill, Rowan dan Ball (2015) yang menyatakan, dalam usaha guru melaksanakan tanggungjawab mengajar aspek kemahiran dan pengetahuan guru merupakan aspek yang lebih penting berbanding guru membuat persiapan mengajar. Kurangnya ilmu pengetahuan tentang pengurusan kelas dan kurangnya kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkenaan pengurusan kelas menyebabkan guru gagal mengenal pasti masalah murid (Schonertreichl, 2017).

Kesan tanpa model yang khusus berkaitan pengurusan persekitaran bilik darjah prasekolah selaras dengan perkembangan terkini dalam pendidikan di Malaysia yang memberi penekanan terhadap pengajaran abad ke 21 telah menyebabkan kesemua respondan yang di temu bual telah mengurus persekitaran bilik darjah prasekolah mengikut idea sendiri dan mengurus dengan cara yang berbeza mengikut cara masing-masing. Hal ini telah memberi gambaran bahawa pengurusan bilik darjah tanpa panduan yang selaras itu boleh menyebabkan pengurusan bilik darjah kurang diurus dengan baik seperti yang dikehendaki serta kurang memenuhi kehendak perkembangan kanak dan tingkah laku kanak-kanak yang diperlukan. Dapatan kajian ini dilihat selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Chong et al. (2017) yang menunjukkan, guru perlu mengurus persekitaran bilik darjah dengan baik ketika pengajaran dan pembelajaran kerana dapat menjaga suasana ceria dan terkawal, membentuk tempat duduk pelajar dan pembentukan kumpulan kecil dalam kalangan pelajar. Guru juga perlu melakukan pengurusan bilik darjah yang teratur kerana dapat memberi suasana ceria yang terkawal, bentuk susunan tempat duduk yang bersesuaian dan pembentukan kumpulan kecil dalam kalangan pelajar di dalam bilik darjah.

Perbezaan pandangan hasil dapatan analisis keperluan dalam menguruskan bilik darjah prasekolah telah memberi gambaran bahawa guru prasekolah memerlukan satu model pengurusan yang terkandung di dalamnya dimensi atau komponen berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah yang dapat membantu guru prasekolah untuk dijadikan sebagai panduan kepada mereka selaras dengan hasrat KPM seperti yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terkandung dalam dokumen penilaian kendiri Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang telah menetapkan satu standard yang perlu menjadi amalan semua guru-guru prasekolah KPM. Standard kualiti yang perlu menjadi amalan dalam kalangan guru-guru prasekolah ialah pengurusan kelas yang cekap mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif, susun atur kedudukan perabot dan kelas mempunyai sekurang-kurangnya dua pusat pembelajaran (Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti, 2012).

Empat dimensi yang menjadi komponen utama dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah dilihat berlakunya penambahbaikan dalam model pengurusan bilik darjah berbanding dapatan kajian yang dijalankan oleh Martin & Sass (2010) iaitu penambaikan kandungan model pengurusan bilik darjah prasekolah berbanding kandungan model yang dibangunkan oleh gagasan Martin & Sass (2010). Hasil kajian pembangunan model pengurusan bilik darjah prasekolah ini dilihat akan memberi kelebihan kepada model pengurusan bilik darjah prasekolah sebagai model panduan kepada guru-guru prasekolah KPM berbanding gagasan Martin & Sass (2010) dimana model asal *Behavior and Instructional Management Scale* (BIMS) yang mengandungi hanya dua konstruk iaitu pengurusan tingkah laku dan pengurusan pengajaran digabungkan dalam model asal BIMS dengan konstruk pengurusan pengintegrasian.

Seterusnya, perbincangan dalam fasa analisis keperluan berkaitan soalan temu bual adalah bertujuan untuk mengetahui keperluan guru prasekolah berkenaan perancangan dan pengurusan berkaitan bilik darjah prasekolah. Bagi mengenal pasti keperluan tersebut, soalan temu bual berasaskan empat dimensi pengurusan bilik darjah disediakan. Soalan temu bual tersebut merangkumi item-item berkaitan persekitaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fizikal, perancangan dan pelaksanaan aktivti/program, hubungan dan interaksi serta item soalan mengenai tingkah laku kanak-kanak.

Melalui sesi temu bual dalam fasa analisis keperluan ini, semua persoalan kajian telah terjawab menerusi sesi temu bual yang telah dijalankan. Persoalan kajian yang perlu dijawab dalam fasa ini adalah mengenai keperluan guru prasekolah dalam menguruskan persekitaran fizikal, aktivti atau program prasekolah dari segi perancangan dan juga pelaksanaan, keperluan guru dalam menguruskan interaksi serta perhubungan antara kanak-kanak, dan keperluan dalam menguruskan tingkah laku kanak-kanak semasa meraka melaksanakan aktiviti di bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1.1 Pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah Prasekolah

Terdapat lima item temu bual mengenai keperluan guru yang melibatkan persekitaran fizikal bilik darjah iaitu pengurusan yang merangkumi persekitaran dan ruang bilik darjah untuk perkembangan kanak-kanak, menguruskan dan menyusun atur perabot bagi memudahkan pengajaran guru dan pembelajaran, menguruskan pusat pembelajaran, menguruskan hasil kerja kanak-kanak dengan menyediakan ruang pameran hasil kerja, dan menguruskan kemudahan bahan keperluan aktiviti dan peralatan yang terdapat dalam bilik darjah. Berdasarkan analisis temu bual, persoalan kajian analisis keperluan pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah telah dapat dijawab melalui soalan temu bual berikut :

1) Apakah panduan yang digunakan oleh guru dalam menguruskan ruang dan persekitaran yang selamat di bilik darjah prasekolah ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2) Adakah guru menggunakan dokumen panduan untuk menguruskan perabot di bilik darjah Prasekolah ?
3) Adakah guru menggunakan dokumen panduan untuk penyediaan dan pengurusan pusat pembelajaran ?

Berdasarkan jawapan responden terhadap tiga soalan temu bual tersebut analisis temu bual keperluan menunjukkan kesemua responden yang ditemu bual telah menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah tanpa menggunakan sebarang dokumen atau model sebagai panduan atau indikator untuk mereka menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah. Penggunaan dokumen panduan yang mengandungi komponen dan elemen mengurus bilik darjah prasekolah sebagai panduan mengurus oleh guru prasekolah boleh memberi pengetahuan dan kefahaman kepada guru prasekolah mengenai elemen yang diperlukan mengikut perkembangan kanak-kanak dan juga kehendak KPM mengenai bilik darjah prasekolah. Pengetahuan guru serta kefahaman dalam menguruskan bilik darjah ini selari dengan dapatan kajian Hill, Rowan dan Ball (2015). Pengetahuan dan kemahiran adalah lebih penting kepada guru berbanding dengan persediaan guru untuk mengajar (Hill, Rowan & Ball, 2015). Kurangnya kemahiran dan pengetahuan dalam hal berkaitan pengurusan kelas boleh menyebabkan guru gagal mengenal pasti masalah murid (Schonertreichl, 2017).

Dapatan kajian keperluan ini juga telah memberi gambaran kepada pengkaji, pengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun dan juga sebagai Jurulatih Utama dan Guru Cemerlang belum dapat menunjukkan atau menjelaskan bahawa responden seorang yang berkemahiran dan berpengatahuan dalam menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah. Kurangnya kemahiran dan pengetahuan telah menyebabkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

responden menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah mengikut idea sendiri dan mengurus dengan cara yang berbeza mengikut cara masing-masing tanpa berpandukan dokumen atau model sebagai panduan mengurus persekitaran bilik darjah prasekolah. Kenyataan ini bertentangan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Manning dan Bucher, (2013) bahawa faktor kemahiran guru merupakan faktor utama (berbanding pengalaman guru) dalam menguruskan bilik darjah prasekolah yang berkesan. Kajian yang dijalankan oleh Manning dan Bucher, (2013) membuktikan guru akan menghadapi masalah kesukaran mengawal murid di dalam bilik darjah sekiranya guru tiada kemahiran pengurusan bilik darjah. Kajian juga turut menyatakan bahawa, guru akan berhadapan dengan masalah untuk mengarahkan murid tanpa kemahiran pengurusan bilik darjah (Hicks, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1.2 Pengurusan Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti/Program

Pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program yang cekap dan berkesan merupakan aspek penting selain pengurusan fizikal bilik darjah prasekolah. Item yang dibincangkan dalam soalan temu bual merangkumi pengurusan aktiviti dari aspek penyediaan perancangan aktiviti atau program yang menggalakkan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti yang dilaksanakan secara aktif. Aktiviti tersebut mengambilkira amalan bersesuaian untuk kanak-kanak, aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak, mengambilkira persekitaran untuk tujuan pelaksanaan aktiviti, dan meransang kanak-kanak untuk berinteraksi. Selain itu, soalan temu bual pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program yang dibincangkan merujuk kepada penggunaan pusat pembelajaran untuk tujuan pengajaran serta pelaksanaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Item-item dalam soalan temu bual ini juga dilihat mempunyai persamaan dengan instrumen penilaian kendiri Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan yang merupakan satu dokumen standard dari aspek pengurusan kelas yang cekap mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif, susun atur kedudukan perabot dan kelas mempunyai sekurang-kurangnya dua pusat pembelajaran (Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti, 2012).

Analisis kandungan temu bual terhadap soalan temu bual menunjukkan kesemua responden yang di temu bual telah memberikan pandangan yang berbeza. Pandangan responden lebih bersifat umum mengenai kesesuaian aktiviti dengan tahap perkembangan kanak-kanak untuk terlibat aktif dalam di bilik darjah prasekolah. Responden yang di temu bual hanya dapat menyatakan kaedah yang sesuai yang boleh dilaksanakan dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Hal ini menunjukkan guru-guru prasekolah yang di temu bual masih belum mempunyai pengetahuan yang baik dalam aspek perancangan aktiviti dan perancangan guru berkaitan pelaksanaan pengajaran dan aktiviti pembelajaran kanak-kanak prasekolah. Hasil dapatan yang diperolehi ini bertentangan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Sofiah dan Kamarul, (2016). Pengetahuan guru tentang perkembangan kanak-kanak sangat penting agar guru dapat menyediakan persediaan pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, sesuai dan menepati bagi setiap kanak-kanak (Sofiah & Kamarul, 2016). Terdapat juga guru prasekolah masih menghadapi masalah dalam melaksanakan aktiviti pengajaran yang bersesuaian dengan murid walaupun guru tersebut mempunyai pengetahuan dari segi penyediaan keperluan mengajar (Abdul Halim 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1.3 Pengurusan Hubungan Dan Interaksi

Item yang dibincangkan dalam soalan temu bual mengenai hubungan dan interaksi kanak-kanak melibatkan item berkaitan amalan interaksi antara kanak-kanak dan juga guru. Item-item berkaitan interaksi yang dibincangkan dalam sesi temu bual mempunyai kaitan dengan keperihatinan guru dalam mewujudkan hubungan dan interaksi terhadap minat, keperluan dan perihatin guru terhadap perkembangan kanak-kanak. Aspek keperihatinan terhadap minat, keperluan dan perkembangan kanak-kanak adalah bergantung kepada kebolehan guru mengurus interaksi sesama kanak-kanak dan guru dalam aspek pengurusan hubungan dan interaksi dalam bilik darjah prasekolah. Perkara ini dilihat mempunyai persamaan dengan kajian oleh Copple dan Bredekamp (2009) iaitu, bagi memastikan pengurusan perhubungan dan interaksi yang berkesan sentiasa diwujudkan guru perlulah berperanan mengawasi kanak-kanak dalam membina interaksi dalam kalangan kanak-kanak (Harms, Clifford & Cryer, 2005).

Selain itu, item yang dibincangkan adalah berkaitan dengan maklum balas konstruktif, pujian/galakan terhadap input kanak-kanak yang berlaku bagi mendorong mereka untuk berinteraksi dan melaksanakan aktiviti pembelajaran secara aktif. Selain daripada itu, item yang dibincangkan juga menyentuh amalan interaksi kanak-kanak secara aktif semasa mengikuti aktiviti di luar dan dalam bilik darjah, sikap semasa melaksanakan aktiviti sama ada secara individu atau pun secara kumpulan, dan bagaimana kanak-kanak dapat mewujudkan hubungan sesama kanak-kanak semasa interaksi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis temu bual melalui soalan temu bual mengenai galakan guru terhadap hubungan antara kanak-kanak dan interaksi menunjukkan, kesemua responden telah memberikan pandangan yang berbeza dan lebih bersifat umum dan juga tiada panduan yang digunakan oleh responden. Responden memberi pendapat sendiri tanpa menyatakan panduan atau mana-mana dokumen atau model yang boleh dijadikan panduan oleh responden bagi menyokong pendapat responden sendiri dalam mewujudkan hubungan dalam kalangan kanak-kanak serta menggalakkan mereka berinteraksi antara satu sama lain ketika melaksanakan aktiviti. Perbezaan pandangan tersebut diperolehi ketika menguruskan hubungan dan interaksi kanak-kanak memberikan gambaran bahawa guru prasekolah memerlukan satu model yang boleh memberi panduan kepada mereka dalam aspek menguruskan hubungan dan interaksi. Pelaksanaan aktiviti secara individu atau berkumpulan memudahkan guru mewujudkan hubungan dan interaksi dalam kalangan kanak-kanak. Dapatan kajian Zakiah, Yeo dan Azlina (2013) menyokong hubungan dan interaksi boleh diwujudkan melalui aktiviti individu kumpulan di mana dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan main secara berkumpulan di prasekolah meningkatkan perkembangan sosial dan juga boleh meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak.

5.3.1.4 Pengurusan Tingkah Laku.

Aspek yang terdapat dalam soalan temu bual pengurusan tingkah laku adalah untuk mengetahui keperluan guru dalam menguruskan peraturan, tingkah laku, dan disiplin kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam menguruskan tingkah laku kanak-kanak menunjukkan, responden tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyediakan peraturan yang jelas mengenai tingkah laku kanak-kanak sebagai panduan dan rujukan untuk memudahkan guru mengawal perlaksanaan aktiviti di prasekolah. Responden berpendapat tiada makna peraturan disediakan dan dipamerkan sekiranya kanak-kanak tidak boleh membaca. Dapatan kajian yang dijalankan Chong et. al, (2017) menunjukkan kepentingan murid mematuhi peraturan supaya mereka dapat menjadi murid yang berdisiplin di dalam bilik darjah. Walaupun tidak boleh membaca, peraturan boleh juga disediakan dalam bentuk simbol bahasa atau gambar yang memudahkan kanak-kanak untuk memahaminya. Perkara ini selaras dengan perkembangan kanak-kanak seperti yang dimaksudkan dalam teori perkembangan Pieget iaitu kanak-kanak prasekolah yang berumur empat hingga enam tahun merupakan tahap umur yang berada pada tahap Pra Operasi. Kanak-kanak pada lingkungan umur tersebut berupaya menggambarkan sesuatu konsep menggunakan bahasa atau simbol. Teori Perkembangan Piaget ini dilihat bertentangan dengan pendapat responden bahawa kanak-kanak tidak boleh membaca sekiranya peraturan disediakan dan dipamerkan.

Hasil temu bual responden juga, walaupun kedua-dua responden mempunyai latarbelakang yang berbeza iaitu seorang guru prasekolah siswazah dan seorang lagi guru prasekolah bukan siswazah namun kedua-dua responden memberikan pandangan yang sama berkaitan keperluan guru prasekolah dalam membentuk peraturan untuk menguruskan kanak-kanak dari aspek tingkah laku semasa menjalankan aktiviti di bilik darjah prasekolah. Responden yang ditemu bual tidak menyatakan dokumen atau model yang mudah sebagai panduan atau indikator untuk membantu responden membentuk peraturan tingkah laku bagi memudahkan kanak-kanak diurus dengan baik semasa mereka melaksanakan aktiviti di bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rumusan kod (pentafsiran) analisis keperluan pengurusan bilik darjah prasekolah jika dilihat kembali rumusan keseluruhan kod pentafsiran seperti yang terdapat dalam Bab 4 jadual 4.8, dapatan menunjukkan tiada responden menjadikan dokumen panduan atau model untuk merancang dan melaksanakan aktiviti/program, menguruskan persekitaran bilik darjah, interaksi dan hubungan, serta mengurus tingkah laku. Berdasarkan rumusan kod pentafsiran analisis keperluan pengurusan bilik darjah prasekolah, terdapat pelbagai cara responden menguruskan bilik darjah prasekolah seperti berdasarkan pengalaman, kursus yang dihadiri, pengetahuan sedia ada, perbincangan dan mengikut cara sendiri, bilik darjah rakan yang dijadikan contoh untuk mengurus bilik darjah, dan terdapat responden mengurus bilik darjah berdasarkan keperluan. Kesemua responen tidak memberi fokus dari segi ruang, susun atur perabot dan juga pusat pembelajaran supaya bilik darjah prasekolah dapat diurus dengan lebih berkesan dan dapat membantu pembelajaran mengikut tahap perkembangan kanak-kanak. Dapatan ini telah memberi gambaran bahawa guru prasekolah masih belum jelas dalam menguruskan tingkah laku kanak-kanak iaitu guru perlu memberi fokus terhadap pengurusan bilik darjah dalam usaha membantu menguruskan tingkah laku kanak-kanak semasa di bilik darjah prasekolah. Hal ini disokong dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Ahmad dan Abu Hanifah, (2015) menunjukkan bahawa, melalui pengurusan tingkah laku suasana pembelajaran yang kondusif dapat diwujudkan dengan memaksimumkan penglibatan murid dalam proses pembelajaran dan meminimumkan tingkah laku murid yang bermasalah. Hal tersebut juga dilihat mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang telah jalankan oleh Khadijah dan Azimin Samsul (2013), di mana dapatan kajiannya mendapati penyediaan persekitaran yang selesa bagi memenuhi keperluan guru dan murid kurang diberi perhatian. Hasil kajian juga menunjukkan, ketidak selesaan dalam bilik darjah boleh menimbulkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelbagai masalah disiplin dalam kalangan murid dan boleh mendatangkan pelbagai kesan sampingan terhadap murid.

Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan fasa analisis keperluan menunjukkan model pengurusan bilik darjah prasekolah perlu dibangunkan yang merangkumi teori perkembangan, teori pembelajaran dan model pengurusan bilik darjah yang lain serta abad ke-21 supaya dapat dijadikan panduan serta dapat membantu guru prasekolah mengurus bilik darjah prasekolah dengan lebih berkesan dan seterusnya memudahkan pengajaran dan pembelajaran.

5.3.2 Perbincangan Dapatan Rekabentuk Dan Pembangunan Model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa rekabentuk dan pembangunan model merupakan fasa untuk membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan empat dimensi dan seterusnya mendapatkan konsensus 12 pakar selaku responden untuk menilai item-item dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibangunkan oleh pengkaji. Dalam fasa II ini pengkaji merekabentuk model berasaskan empat dimensi pengurusan bilik darjah iaitu dimensi pengurusan persekitaran fizikal, perancangan dan pelaksanaan aktiviti, tingkah laku serta hubungan dan interaksi. Empat dimensi tersebut merupakan komponen yang dibincangkan melalui sesi temu bual untuk mengetahui keperluan guru berdasarkan analisis kandungan temu bual yang telah dijalankan terhadap enam responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam fasa rekabentuk dan pembangunan model ini hasil daripada penggunaan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) telah dapat menghasilkan satu model yang dapat membantu guru dalam pengurusan bilik darjah prasekolah dari segi aktiviti, persekitaran, tingkah laku, dan interaksi dengan lebih berkesan yang berasaskan empat dimensi yang berkaitan dengan pengurusan bilik darjah tersebut. Terhasilnya model dalam kajian ini setelah pengkaji mengaplikasikan kaedah FDM dengan menggunakan khidmat 12 pakar. Dalam kaedah tersebut, pandangan dari segi penilaian dan keputusan pakar diperlukan dalam mendapatkan konsensus 12 pakar (Muhammad Ridhuan & Tony Lim Abdullah, 2014). Penggunaan pakar dalam kaedah Fuzzy Delphi adalah selari dengan cadangan Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al.(2017) iaitu responden/pakar terlibat dalam metod pengukuran dan sampel yang dicadangkan dalam fasa rekabentuk dan pembangunan berasaskan pendekatan DDR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item-item yang terdapat dalam dimensi model pengurusan bilik darjah prasekolah mengandungi 53 item. Item-item yang disenaraikan tersebut adalah berdasarkan kajian literatur berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah dan juga item daripada protokol temu bual yang telah dimurnikan hasil analisis keperluan dalam fasa I. Empat dimensi yang terdapat dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah terhasil daripada dimensi-dimensi yang dicadangkan oleh Burden dan Byrd (1994), Burden (2003), Gahin (2011) serta Weinstein dan Novodvorsky (2011). Hasil daripada analisis kandungan setiap dimensi yang dicadangkan, telah dapat membentuk empat dimensi utama sebagai komponen model yang dibangunkan. Bagi memastikan model pengurusan bilik darjah prasekolah kekal relevan kepada guru prasekolah sebagai panduan untuk menguruskan bilik darjah prasekolah ciri-ciri bilik darjah abad ke-21 telah dijadikan item dalam setiap dimensi model. Item ciri-ciri abad ke-21 berkaitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bilik darjah yang turut disenaraikan dalam dimensi model pengurusan bilik darjah prasekolah antaranya berpusatkan murid, pembelajaran aktif, persekitaran yang kondusif, peraturan dan prosedur bilik darjah (Institut Aminuddin Baki, 2017) .

Keesahan dan kebolehpercayaan terhadap item-item yang terdapat dalam instrumen kesesuaian item telah diperolehi menerusi konsensus pakar semasa sesi perjumpaan dengan pakar. Keputusan kesepakatan pakar telah dibuat berdasarkan tiga syarat pertimbangan penerimaan bagi setiap item yang dikemukakan. Tiga syarat yang menjadi sebab sesuatu item itu diterima atau pun item ditolak hasil kesepakatan pakar ialah syarat pertama dari segi penggunaan nilai *Threshold* (d), peratus yang diperolehi hasil kesepakatan semua pakar yang terlibat dan syarat ketiga berdasarkan nilai *Defuzzification* seperti yang terdapat dalam bab 4 iaitu dapatan kajian adalah berdasarkan analisis kesepakatan pakar. Dapatan kajian tersebut membincangkan keseluruhan item yang diperuntukkan dalam instrumen kesesuaian item menggunakan kaedah Fuzzy Delphi telah mendapat kesepakatan daripada 12 panel pakar. Hal ini menunjukkan, keperluan responden terhadap item yang dikemukakan semasa sesi temu bual telah mendapat kesepakatan 12 pakar dan diterima serta sesuai untuk guru prasekolah jadikannya sebagai panduan dalam aspek pengurusan bilik darjah prasekolah agar lebih berkesan dalam membentuk perkembangan kanak-kanak secara secara holistik.

Perbincangan fasa pembangunan model adalah untuk menunjukkan terdapatnya kesepakatan pakar Fuzzy Delphi terhadap model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibangunkan. Dapatan kesepakatan pakar tersebut menunjukkan, hampir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keseluruhan item yang senaraikan untuk penilaian pakar dalam instrumen kesesuaian item telah mendapat kesepakatan oleh 12 panel pakar Fuzzy Delphi.

5.3.2.1 Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Prasekolah

Berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar Fuzzy Delphi, dapatan menunjukkan dimensi yang terkandung dalam model yang dibangunkan menjadi keperluan pengurusan bilik darjah prasekolah kepada guru dimana bilik darjah merupakan tempat melaksanakan aktiviti pembelajaran. Sebanyak 12 item pengurusan bilik darjah prasekolah yang terkandung dalam dimensi persekitaran fizikal dikemukakan kepada kumpulan pakar dan telah mendapat kesepakatan 12 pakar yang terlibat. Item-item yang telah mendapat kesepakatan pakar tersebut boleh dijadikan sebagai panduan atau indikator kepada guru prasekolah untuk menguruskan persekitaran fizikal di bilik darjah prasekolah.

Susunan perabot supaya memudahkan pergerakan kanak-kanak untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran adalah merupakan item keperluan yang paling utama kepada guru prasekolah hasil kesepakatan pakar Fuzzy Delphi terhadap pengurusan persekitaran bilik darjah prasekolah. Kemudiannya diikuti dengan item-item yang telah mendapat kesepakatan pakar iaitu berkaitan persekitaran merangsang perasaan ingin tahu kanak-kanak, penyediaan ruangan pameran hasil kerja kanak-kanak, persekitaran pembelajaran berpusatkan kanak-kanak, susunan perabot menggalakan kanak-kanak berkomunikasi semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran, pusat pembelajaran menyediakan peralatan dan bahan yang mencukupi dan mudah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diakses oleh kanak-kanak. Selain itu, kesepakatan kumpulan pakar juga bersetuju rekabentuk model mengambil kira suasana yang menarik minat kanak-kanak untuk datang ke prasekolah dengan gambar dan grafik yang menarik, melibatkan kanak-kanak dalam memastikan persekitaran bilik darjah, ruangan dapur, tandas dan ruangan makan sentiasa bersih dan selamat digunakan, pusat pembelajaran memberi pengetahuan, menggalakkan kemahiran memimpin dan menggalakan kemahiran berfikir kepada kanak-kanak, prasarana dan suasana yang kondusif, ruang dan persekitaran yang menggalakkan Kemahiran Dwibahasa.

Merujuk kepada dapatan kesepakatan pakar yang telah disusun semula mengikut susunan keutamaan, kumpulan pakar Fuzzy Delphi dilihat bersepakat menyenaraikan lima item teratas yang lebih mengutamakan susunan perabot daripada 12 item lain yang menjadi pilihan pakar. Lima item yang disenaraikan dalam susunan lima teratas tersebut ialah 1) susunan perabot memudahkan pergerakan kanak-kanak melaksanakan aktiviti pembelajaran, 2) persekitaran merangsang perasaan ingin tahu kanak-kanak, 3) menyediakan ruangan pameran hasil kerja kanak-kanak, 4) persekitaran pembelajaran berpusatkan kanak-kanak dan 5) susunan perabot menggalakan kanak-kanak berkomunikasi semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran. Dalam menguruskan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah, kumpulan pakar telah mencadangkan susunan perabot perlu dijadikan perkara utama dan ianya perlu diberi perhatian oleh guru prasekolah bagi memudahkan dan menggalakkan komunikasi dalam kalangan kanak-kanak supaya aktiviti pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Dapatan ini dilihat mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Che Nidzam et al. (2016) berkaitan pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap sesi PdPc iaitu susunan perabot, ruang pembelajaran, pengaliran udara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pencahayaan dalam bilik darjah mempengaruhi suasana pembelajaran, penjanaan idea, nilai, sikap dan tingkah laku murid.

Dapatan kesepakatan pakar Fuzzy Delphi jelas menunjukkan bahawa, guru prasekolah perlu mengutamakan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah. Ini kerana, persekitaran berupaya mempengaruhi proses pembelajaran kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Dapatan kesepakatan pakar tersebut juga dilihat mempunyai persamaan hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Chong et al., (2017). Bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran, guru perlu melaksanakan pengurusan bilik darjah dengan baik dengan memberi fokus terhadap penjagaan suasana yang ceria dan terkawal, membentuk tempat duduk pelajar dan pembentukan kumpulan kecil dalam kalangan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2.2 Pengurusan Perancangan Dan Pelaksanaan Aktivti/Program

Menguruskan perancangan dan melaksanakan aktiviti atau program merupakan dimensi yang diperlukan dalam pengurusan bilik darjah prasekolah berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar Fuzzy Delphi. Dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program yang telah dikemukakan kepada pakar Fuzzy Delphi mengandungi 14 item dan ianya sesuai untuk dijadikan panduan dan juga sebagai satu indikator kepada guru prasekolah untuk tujuan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program di bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kesepakatan pakar fasa rekabentuk dan pembangunan model terhadap 14 item yang terdapat dalam dimensi perancangan dan pelaksanaan aktivti/program telah dibuat susunan semula item mengikut keutamaan berdasarkan hasil perbincangan dan kesepakatan barisan pakar. Hasil kesepakatan pakar, item telah disusun semula mengikut keutamaan yang menunjukkan lima item telah menjadi perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh guru prasekolah dalam aspek perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Lima item tersebut iaitu 1) merangsang kanak-kanak berinteraksi, 2) pembelajaran berpusatkan kanak-kanak, 3) merancang penggunaan ruang pembelajaran, 4) kanak-kanak bekerja secara kolaboratif, berkomunikasi dalam situasi yang sebenar dan 5) aktiviti pembelajaran menggunakan peralatan/bahan di pusat pembelajaran. Dapatan kesepakatan pakar ini menunjukkan, kumpulan pakar Fuzzy Delphi mengutamakan aktiviti berpusatkan kanak-kanak dan penggunaan pusat pembelajaran dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kesepakatan pakar yang mengutamakan aktiviti berpusatkan kanak-kanak dan penggunaan pusat pembelajaran dilihat akan dapat membantu guru prasekolah untuk mengatasi kelemahan seperti yang dilaporkan dalam dapatan pemeriksaan Jemaah Nazir Sekolah (2010) di mana, pusat pembelajaran yang diwujudkan oleh guru prasekolah sekadar menghiasi persekitaran bilik darjah prasekolah dan kurang membantu pengajaran dan pembelajaran (Jemaah Nazir Sekolah, 2010). Dapatan kesepekatan pakar ini juga dilihat menyokong ke arah ciri-ciri bilik darjah abad ke-21 yang dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21 iaitu pembelajaran berpusatkan murid (Institut Aminuddin Baki, 2017).

Seterusnya, dapatan kesepakatan kumpulan pakar Fuzzy Delphi mengikut keperluan guru prasekolah ialah merancang penggunaan pusat pembelajaran, kanak-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak bekerja secara kolaboratif, menggalakkan penglibatan kanak-kanak secara aktif, berkomunikasi dalam situasi yang sebenar, dan penggunaan peralatan/bahan di pusat pembelajaran dalam aktiviti pembelajaran.

Selain itu, dapatan kesepakatan pakar juga menunjukkan amalan yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak perlu diambil kira dalam pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program iaitu menggalakkan penglibatan secara aktif, pembelajaran mengambil kira minat kanak-kanak, aktiviti mengikut tahap kebolehan kanak-kanak, aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna, menggalakan dan memberi peluang kepada kanak-kanak menggunakan peralatan/bahan di pusat pembelajaran, mengambil kira kesesuaian persekitaran bilik darjah prasekolah, dan mengambil kira tahap perkembangan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif. Kesepakatan pakar terhadap item pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program tersebut mempunyai persamaan dapatan kajian yang lepas. Kajian Zakiah, Yeo dan Azlina (2013) menunjukkan, pelaksanaan main secara berkumpulan di prasekolah meningkatkan perkembangan sosial dan juga boleh meningkatkan perkembangan kognitif. Kajian Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali (2011), sememangnya membantu guru prasekolah dalam memberi kesedaran dan keyakinan tentang kepentingan proses pembelajaran dan pengajaran berasaskan aktiviti bermain untuk mencungkil minat dan motivasi kanak-kanak dalam perkembangan praliterasi. Menurut kajian yang dijalankan oleh Ramlah et al. (2016) mendapati, didik hibur melalui aktiviti pengajaran memberi kesan yang positif terhadap perkembangan emosi kanak-kanak prasekolah. Aktiviti didik hibur boleh menggalakkan dan mendatangkan kegembiraan kepada murid untuk terus berinteraksi antara satu sama lain. Pendapat 80

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

orang guru prasekolah sebagai sampel dalam kajian ini menunjukkan, kaedah didik hibur menggembirakan kanak-kanak dan memudahkan guru untuk melaksanakannya.

Bagi memantapkan lagi kandungan model, kesepakatan kumpulan pakar telah mencadangkan supaya membuat penambahan item iaitu kanak-kanak diberi peluang bebas memilih aktiviti mengikut minat dan kecenderungan masing-masing. Cadangan kumpulan pakar tersebut telah diterima oleh pengkaji untuk disenaraikan dalam model. Cadangan tersebut dilihat mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Ariffin dan Baki (2014) menunjukkan kreativiti kanak-kanak dapat dipupuk dengan memberikan mereka kebebasan memilih ketika aktiviti pembelajaran. Kajian Norsita et al. (2015) juga mendapati wujudnya hubungan antara kebebasan yang diberi oleh guru dan kreativiti kanak-kanak. Penambahan item tersebut juga konsisten dengan hasil kajian Van Hook dan Tegano (2002), yang juga menunjukkan kanak-kanak bebas untuk menerima atau menolak pilihan berdasarkan pilihan peribadi (kebebasan bersuara) mungkin lebih sesuai untuk menjadi kreatif dan mampu menyelesaikan masalah secara kreatif.

5.3.2.3 Pengurusan Hubungan Dan Interaksi

Guru menggalakkan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan bahan dan interaksi secara aktif dalam kalangan kanak-kanak merupakan item yang menjadi keperluan dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar Fuzzy Delphi. Pengurusan hubungan dan interaksi dalam model yang dibangunkan mengandungi 11 item meliputi interaksi antara kanak-kanak dengan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan bahan, prihatin terhadap minat, keperluan dan perkembangan kanak-kanak, pujian atau galakan terhadap kanak-kanak, dan meransang kanak-kanak bekerjasama melaksanakan aktiviti kumpulan. Hasil perbincangan dapatan kesepakatan pakar mengikut keutamaan menunjukkan, item-item yang boleh menggalakkan hubungan dan interaksi yang terkandung dalam model yang dibangunkan telah dipersetujui oleh kumpulan pakar Fuzzy Delphi. Kesepakatan kumpulan pakar yang menilai item tersebut dilihat lebih mengutamakan nilai-nilai murni iaitu nilai bekerjasama dan nilai menghormati semasa berinteraksi terhadap model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibangunkan dalam hubungan dan interaksi antara kanak-kanak. Item-item tersebut telah disenaraikan mengikut susunan keutamaan iaitu kanak-kanak dari pelbagai kebolehan bekerjasama melaksanakan aktiviti kumpulan, Kanak-kanak memanggil nama rakan semasa berinteraksi, serta menerima dan menghormati pandangan orang lain. Kesepakatan pakar yang meletakkan nilai-nilai murni paling utama itu dilihat mempunyai kaitan dengan dapatan kajian yang dijalankan Anon (2011) dimana guru memainkan peranan yang besar dalam proses pembentukan jati diri kanak-kanak sejak awal usia. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Anon (2011) juga menyatakan dalam membentuk peribadi kanak-kanak yang bernilai murni, penerapan nilai-nilai murni perlu diterapkan bermula daripada pendidikan prasekolah lagi yang merupakan asas kepada proses pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak.

Dapatan kesepakatan pakar terhadap kandungan dimensi pengurusan hubungan dan interaksi dilihat lebih mengutamakan hubungan dan komunikasi dalam kalangan kanak-kanak berbanding hubungan kanak-kanak dengan guru. Susunan item mengikut keutamaan tersebut mengutamakan hubungan dan interaksi kanak-kanak dengan kanak-kanak iaitu kanak-kanak dilibatkan dalam kumpulan melalui pembahagian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tugasan yang seimbang berdasarkan keupayaan kanak-kanak, Kanak-kanak berinteraksi secara aktif sama ada di luar atau di dalam bilik darjah. Selepas nilai murni menjadi keutamaan hasil kesepakatan pakar Fuzzy Delphi, keutamaan seterusnya yang telah mendapat kesepakatan pakar ialah memberi maklum balas konstruktif, interaksi antara guru dan kanak-kanak, pujian atau galakan terhadap input kanak-kanak, interaksi antara sesama kanak-kanak bagi berkongsi pengetahuan dan menyampaikan ilmu yang mereka faham, interaksi kanak-kanak dengan bahan bagi berkongsi pengetahuan dan menyampaikan ilmu yang mereka faham, seterusnya sebagai guru perlu menunjukkan prihatin terhadap minat, keperluan dan perkembangan kanak-kanak. Kesepakatan pakar terhadap item-item dalam kajian ini mempunyai kaitan dengan kajian yang dijalankan oleh Ramlah et al. (2016) iaitu, didik hibur yang laksanakan melalui aktiviti pengajaran telah memberi kesan yang positif terhadap perkembangan emosi kanak-kanak prasekolah. Didik hibur juga boleh menggalakkan dan mendatangkan kegembiraan kepada murid untuk berinteraksi antara satu sama lain. Kajian Pandit dan Neogi (2016) menunjukkan bahawa, alat bantu mengajar sangat signifikan dengan kreativiti kanak-kanak. Dapatan ini turut disokong oleh Ariffin dan Baki (2014) yang menjelaskan bahawa, bahan-bahan yang digunakan dalam proses PdP di prasekolah menyumbang kepada perkembangan kreativiti kanak-kanak.

Dapatan kesepakatan pakar Fuzzy Delphi terhadap pengurusan hubungan dan interaksi yang terkandung dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibangunkan jelas menunjukkan bahawa hubungan dan interaksi mempengaruhi pengurusan bilik darjah prasekolah dan juga proses pengajaran guru dan pembelajaran kanak-kanak di bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2.4 Pengurusan Tingkah Laku

Sebanyak 15 item yang menjadi keperluan guru prasekolah dikemukakan kepada kumpulan pakar untuk dinilai dalam menguruskan tingkah laku yang merangkumi peraturan, arahan dan disiplin kanak-kanak di bilik darjah prasekolah dan kesemua item tersebut telah mendapat kesepakatan pakar Fuzzy Delphi. Dapatan kesepakatan pakar Fuzzy Delphi menunjukkan dimensi pengurusan tingkah laku merupakan keperluan guru prasekolah dimana ke semua item dalam dimensi tersebut mendapat kesepakatan 12 pakar Fuzzy Delphi. Berdasarkan kesepakatan pakar, senarai item keperluan guru prasekolah dalam dimensi pengurusan tingkah laku telah disusun mengikut keutamaan iaitu bermula mengurus disiplin kanak-kanak dengan memastikan peraturan disediakan, memastikan kanak-kanak mematuhi peraturan, guru sebagai *role model* untuk membentuk sahsiah kanak-kanak, peraturan yang telah sedia ada sentiasa diperjelaskan kepada kanak-kanak, memotivasikan kanak-kanak supaya bertingkah laku positif, kanak-kanak diberi peluang membetulkan kesalahan tingkah laku, dan peraturan bilik darjah dalam bentuk simbol/gambar yang mudah difahami dipamerkan dengan jelas dan menarik. Kesepakatan pakar tersebut menunjukkan aspek menyediakan peraturan dan mematuhi peraturan telah menjadi keutamaan dalam kesepakatan pakar Fuzzy Delphi. Hal ini disokong oleh dapatan kajian yang dijalankan oleh Chong et al. (2017) di mana dapatan kajian menunjukkan, kepentingan murid mematuhi peraturan supaya mereka dapat menjadi murid yang berdisiplin di dalam bilik darjah. Antara pengurusan bilik darjah ketika pengajaran dan pembelajaran merupakan satu aspek penting yang dapat menimbulkan: (i) suasana bilik darjah yang ceria dan terkawal, (ii) membentuk susunan tempat duduk murid dan (iii) membentuk kumpulan kecil perbincangan (Chong et al., 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kesepakatan pakar Fuzzy Delphi, keperluan guru prasekolah terhadap pengurusan disiplin dan sahsiah kanak-kanak dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah juga adalah dengan memberi peluang kepada kanak-kanak berdikari untuk membentuk ciri kepimpinan (seperti mengambil, menyimpan dan membersihkan) disamping memotivasikan kanak-kanak dengan memberi penghargaan kepada kanak-kanak dan sesama rakan. Selain itu, keperluan guru prasekolah terhadap pengurusan tingkah laku dan disiplin kanak-kanak dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah adalah dengan mengingatkan kanak-kanak tingkahlaku berdisiplin, membimbing kanak-kanak untuk membetulkan tingkah laku negatif, memberi teguran terhadap perlakuan negatif kanak-kanak, menjelaskan kepada kanak-kanak kesan tingkah laku yang positif dan tingkah laku negatif, nama dan gambar kanak-kanak diletakkan dihadapan kelas untuk menunjukkan kehadiran. Kesepakatan pakar terhadap pengurusan tingkah laku kanak-kanak dilihat selaras dengan Model Mendisiplinkan Individu (Model *Assertive Discipline*) yang diperkenalkan dan dipelopori oleh Lee Canter pada sekitar tahun 1970. Elemen kedua dalam Model Mendisiplinkan Individu (Model *Assertive Discipline*) guru memberitahu terlebih dahulu tentang kesan positif yang akan berlaku sekiranya pelajar berkelakuan baik dan mematuhi peraturan. Dapatan kesepakatan pakar mengenai pengurusan tingkah laku ini juga mempunyai kaitan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Ahmad dan Abu Hanifah (2015) bahawa suasana pembelajaran yang kondusif dapat diwujudkan melalui pengurusan tingkah laku dengan memaksimumkan penglibatan murid dalam proses pembelajaran dan meminimumkan tingkah laku murid yang bermasalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Perbincangan Dapatan Penilaian Kebolehgunaan Model

Pengkaji telah mengunakan kaedah tinjauan dalam fasa kebolehgunaan ini untuk mendapatkan persetujuan pakar yang juga merupakan pengguna dalam kalangan guru prasekolah KPM. Mejoriti guru prasekolah yang dipilih untuk menilai kebolehgunaan model merupakan guru yang berpengalaman selama sepuluh tahun sebagai guru prasekolah KPM. Selain itu, antara faktor lain teknik ini digunakan oleh pengkaji adalah untuk mengenalpasti peratus kebolehgunaan hasil penilaian pakar terhadap keutamaan elemen, setiap komponen utama, dan elemen yang terkandung dalam model yang dibangunkan.

Dapatan kajian analisis keperluan seterusnya membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang diperolehi menerusi soal selidik hasil dapatan daripada konsensus pakar Fuzzy Delphi dalam fasa II tersebut dibentangkan dalam tinjauan penilaian kebolehgunaan model. Penilaian kebolehgunaan model dalam fasa III ini telah melibatkan seramai 30 responden. Responden merupakan guru-guru prasekolah dari sekolah bandar dan luar bandar yang merupakan pengguna model yang dibangunkan. Guru-guru prasekolah tersebut masih mengajar di prasekolah KPM di empat jenis prasekolah iaitu prasekolah di SK, prasekolah di SJKC, prasekolah di SJKT dan prasekolah di Sekolah Kebangsaan yang dikategori sebagai sekolah Orang Asli kerana keseluruhan kanak-kanak di prasekolah tersebut terdiri daripada kanak-kanak suku kaum orang asli.

Dapatan hasil penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian elemen yang terdapat dalam semua dimensi model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dinilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan pandangan 30 responden memperolehi nilai peratusan skor antara 80 hingga 90 peratus. Menurut Dobbie et al. (2004) dan Deslandes et. al (2010), dapatan penilaian kebolehgunaan ini dianggap menepati peratus skor sesuatu elemen yang dinilai sekiranya jumlah peratus skor yang diperolehi hasil penilaian responden kajian menyamai atau melebihi daripada 70 peratus. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan, peratus elemen yang dinilai dalam model tersebut kesemuanya sesuai untuk digunakan kerana melebihi daripada 70 peratus. Hal ini menggambarkan, model pengurusan bilik darjah prasekolah yang telah dibangunkan oleh pengkaji berada pada status sesuai dan boleh digunakan sebagai panduan kepada guru yang mengajar di prasekolah untuk mereka mengurus dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah prasekolah dengan lebih berkesan.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Elemen yang terdapat dalam setiap kandungan komponen utama iaitu seperti yang terdapat dalam model yang dibangunkan telah difahami, dinilai dan telah mencapai status boleh digunakan oleh guru sebagai panduan pengurusan untuk bilik darjah prasekolah. Berdasarkan respon daripada peserta kajian, semua peserta telah bersetuju dengan komponen dan elemen yang terkandung dalam model yang dibina dan ianya ternyata boleh digunapakai. Oleh itu, secara rumusan yang dapat dibuat oleh pengkaji terhadap status semua komponen utama dan elemen yang terkandung dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan empat dimensi menunjukkan bahawa status kebolehgunaan yang tinggi dan bersesuaian.

Kajian kebolehgunaan ini dibincangkan dan dibahagikan kepada empat bahagian utama berasaskan objektif kajian iaitu mengenal pasti kebolehgunaan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibina dan tiga persoalan kajian yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditetapkan iaitu pertama, mengenalpasti pandangan guru prasekolah terhadap kesesuaian komponen utama dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan, seterusnya mengenalpasti pandangan guru prasekolah terhadap kesesuaian elemen bagi setiap komponen utama dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan, dan persoalan kajian ketiga ialah mengenalpasti pandangan guru prasekolah terhadap keseluruhan kebolehgunaan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan.

5.3.3.1 Kesesuaian Komponen Utama Model

Hasil penilaian kebolehgunaan berdasarkan pandangan guru prasekolah terhadap kesesuaian komponen utama dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan yang dinilai mendapati peratus kesemua komponen utama adalah melebihi 70 peratus. Ini menunjukkan status kesemua empat komponen utama yang dinilai berada pada status sesuai untuk digunakan.

5.3.3.2 Kesesuaian Elemen Bagi Setiap Komponen Utama Model

Guru prasekolah juga diberi peluang memberikan pandangan mereka terhadap elemen dan komponen utama yang terdapat dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibangunkan dari segi kesesuaian elemen dan komponen utama tersebut. Pandangan 30 responden berdasarkan peratus skor penilaian kebolehgunaan bagi dimensi persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah ialah 89.05 peratus persekitaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bilik darjah merangsang perasaan ingin tahu kanak-kanak. Manakala 89.52 peratus prasarana dan suasana bilik darjah yang kondusif dengan pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi menunjukkan peratusan tertinggi dalam penilaian kebolehgunaan tersebut. Pandangan tersebut dilihat konsisten dengan dapatan kajian berkaitan pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap sesi PdPc yang telah dijalankan oleh Che Nidzam et al. (2016). Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa, perabot, ruang pembelajaran, pencahayaan dan pengaliran udara dalam bilik darjah amat mempengaruhi suasana pembelajaran, nilai, penjanaan idea, sikap dan tingkah laku murid. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan, aspek pengurusan terhadap persekitaran pembelajaran perlu diberi perhatian oleh guru terutamanya persekitaran fizikal bilik darjah kerana ianya berupaya mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan aktiviti pembelajaran kanak-kanak di bilik darjah prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan kajian ini juga, pandangan hasil penilaian kebolehgunaan mengenai perancangan guru terhadap aktiviti yang akan dilaksanakan menunjukkan dua item memperolehi peratus skor tertinggi iaitu Aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna (90.00%) dan menggalakkan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif (89.52%). Peratusan skor tertinggi terhadap item tersebut menunjukkan pandangan responden bersetuju bahawa aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna mampu menggalakkan kanak-kanak terlibat secara aktif untuk disenaraikan dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah berkesan. Hasil penilaian kebolehgunaan tersebut dilihat selari dengan kajian Zakiah, Yeo dan Azlina (2013) pelaksanaan main secara berkumpulan di prasekolah meningkatkan perkembangan sosial dan juga boleh meningkatkan perkembangan kognitif. Kajian Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali (2011) sememangnya membantu guru prasekolah dalam memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesedaran dan keyakinan tentang kepentingan proses pembelajaran dan pengajaran berasaskan aktiviti bermain untuk mencungkil minat dan motivasi kanak-kanak.

Selain itu, berdasarkan dapatan kebolehgunaan dimensi hubungan dan interaksi pula menunjukkan, status kesesuaian dua item dalam dimensi ini telah memperolehi peratus skor tertinggi iaitu item mengenai guru memberi maklum balas konstruktif, pujian/galakan terhadap input kanak-kanak (88.57%) dan interaksi kanak-kanak dengan guru yang memberi fokus dari segi pengetahuan dan kefahaman kanak-kanak menyampaikan ilmu (88.10%). Dapatan ini menunjukkan, maklum balas dan pujian/galakan terhadap input kanak-kanak semasa pengajaran guru dan pelaksanaan aktiviti pembelajaran adalah dianggap bersesuaian dalam melaksanakan pengurusan bilik darjah prasekolah secara lebih berkesan. Dapatan kebolehgunaan juga menunjukkan, item dalam dimensi pengurusan tingkah laku model pengurusan bilik darjah prasekolah berkesan adalah sesuai digunakan dimana peratus kesemua item yang diperolehi melebihi daripada 70 peratus.

5.3.3.3 Kebolehgunaan Model

Setelah guru prasekolah sebagai responden menilai kesesuaian elemen dan komponen utama, seterusnya dalam fasa kebolehgunaan ini responden sebagai pengguna diberi peluang untuk memberikan pandangan mereka terhadap keseluruhan kebolehgunaan model yang dibangunkan. Penilaian dan pandangan responden terhadap kebolehgunaan model keseluruhannya mendapati melebihi 70 peratus. Dapatan semua responden kajian terhadap keseluruhan kebolehgunaan model semasa tinjauan penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebolehgunaan model menunjukkan, model ini amat membantu dalam membangunkan tahap profesionalisme guru prasekolah terhadap Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah. Hasil penilaian kebolehgunaan, responden juga bersetuju model ini sesuai dan berupaya menjadi panduan kepada guru prasekolah dalam Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah. Penilaian kebolehgunaan model ini juga menunjukkan kumpulan responden yang terlibat membuat keputusan bahawa model yang dibangunkan ini adalah sesuai kerana model ini menerangkan secara jelas kepada guru prasekolah aspek yang perlu diberi perhatian untuk mengurus bilik darjah prasekolah dan model ini amat praktikal kepada guru prasekolah untuk melaksanakannya di bilik darjah prasekolah.

Rumusan keseluruhannya, model yang dibangunkan dalam fasa pembangunan model ini dan kemudiannya telah diperakui keesahan kandungan model tersebut oleh sekumpulan pakar dalam fasa kajian kebolehgunaan. Bagi memastikan kebolehgunaan model tersebut, model yang dibangunkan kemudiannya diuji kebolehgunaannya ke atas sekumpulan guru prasekolah yang menjadi respondan kajian fasa ini. Secara keseluruhannya juga dapatan kajian menunjukkan model yang dibangunkan adalah sesuai untuk guru prasekolah menguruskan bilik darjah. Model yang dibangunkan berasaskan empat dimensi tersebut boleh memantapkan lagi aspek profesionalisme guru terhadap pengurusan bilik darjah prasekolah apabila semua elemen di dalam komponen utama model yang dibangunkan itu terbukti boleh dan sesuai untuk digunakan dan boleh dijadikan panduan kepada guru prasekolah. Kajian ini jelas menunjukkan ketiga-tiga persoalan kajian yang diutarakan telah dijawab dan jawapan bagi persoalan kajian telah diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Implikasi Kajian

Bahagian ini membincangkan mengenai implikasi serta cadangan bagi tujuan penambahbaikan. Terdapat empat perkara utama yang dibincangkan dalam bahagian implikasi iaitu implikasi kajian terhadap model, implikasi kajian terhadap teori, implikasi kajian terhadap metodologi, implikasi kajian terhadap praktikal, implikasi kajian terhadap cadangan selanjutnya dan seterusnya perbincangan mengenai cadangan bagi kajian lanjutan.

5.4.1 Implikasi kajian terhadap model

Sebagai asas dalam memperkukuhkan kajian yang dijalankan, terdapat empat model menjadi rujukan pengkaji. Masih belum terdapat model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibangunkan di negara ini yang merangkumi empat dimensi yang memberi fokus berkaitan pengurusan bilik darjah prasekolah. Fokus dimensi pertama ialah yang merangkumi pengurusan berkaitan persekitaran fizikal yang diperlukan dalam sesebuah bilik darjah prasekolah. Fokus dimensi kedua adalah aspek yang melibatkan perancangan aktiviti yang bersesuaian dengan kanak-kanak dan aktiviti/program yang dilaksanakan diprasekolah. Manakala fokus dimensi ketiga model adalah pengurusan perhubungan dan interaksi prasekolah dan fokus dimensi keempat adalah pengurusan mengenai tingkah laku kanak-kanak prasekolah.

Bagi memastikan model yang dibangunkan ini menepati dan relevan kepada guru-guru prasekolah, kandungan model yang mengandungi empat dimensi tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga memberi fokus terhadap perkembangan dan amalan bersesuaian dengan kanak-kanak. Selain itu, aspek pengurusan ciri-ciri bilik darjah abad ke 21 juga menjadi fokus supaya model yang dibangunkan tetap relevan dalam kalangan guru seperti aktiviti pembelajaran yang berpusatkan kanak-kanak, menggalakkan kanak-kanak bekerjasama secara kolaboratif, mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif dan meransang perasaan ingin tahu kanak-kanak. Dapatan kajian pembangunan model berasaskan empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah ini jelas menunjukkan model ini menepati keperluan guru-guru prasekolah KPM dan sesuai dijadikan panduan kepada guru-guru prasekolah untuk mereka menguruskan bilik darjah dengan lebih berkesan.

5.4.2 Implikasi kajian terhadap teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Implikasi kajian bersandarkan dua teori serta empat model utama yang juga menjadi sandaran di dalam kajian ini sehingga terbinanya Model Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Pendidikan Abad ke-21. Dua teori yang mendasari kajian iaitu teori pembelajaran dan teori perkembangan kanak-kanak telah dapat dikaitkan dengan pengurusan bilik darjah prasekolah yang menjadi fokus pembinaan model ini.

Dapatan kajian menunjukkan, Model Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Pendidikan Abad ke-21 yang dibangunkan dilihat selaras dan bertepatan dengan pandangan teori yang menjadi sandaran di dalam kajian ini. Contohnya, berdasarkan teori konstruktivisme yang telah dibincangkan dalam bab 2 sebelum ini, teori ini memberikan penekanan lebih kepada kanak-kanak berbanding

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru dimana dalam model yang dibangunkan ini penekanannya adalah terhadap pembelajaran berpusatkan kanak-kanak berbanding berpusatkan guru. Teori konstruktivisme juga dilihat memenuhi kehendak objektif kajian ini iaitu mengenai amalan guru prasekolah menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah. Menurut teori ini, persekitaran fizikal bilik darjah yang diurus dengan baik dan berkesan, akan dapat menyediakan peluang dan memudahkan kanak-kanak untuk berinteraksi dengan bahan dan dapat membina kefahaman kanak-kanak tehadap bahan yang disediakan melalui aktiviti berpusatkan kanak-kanak. Penglibatan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sekiranya guru menggunakan pendekatan teori konstruktivisme akan dapat mengaktifkan penglibatan murid (Vighnarajah, Wong Su Luan & Kamariah, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, dua teori yang mendasari kajian ini dapat memberi kesan terhadap pembelajaran kanak-kanak kerana ianya berkait rapat dengan peranan guru prasekolah dalam menguruskan bilik darjah prasekolah dan juga dapat membantu pengajaran guru. Ianya memberi maklumat kepada guru prasekolah aspek yang harus menjadi fokus terhadap pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak semasa kanak-kanak melakukan aktiviti di bilik darjah prasekolah. Contohnya, dimensi pengurusan tingkah laku kanak-kanak prasekolah yang berumur empat hingga enam tahun dalam model ini memerlukan guru prasekolah menyediakan peraturan dan kemudiannya mempamerkan peraturan tersebut untuk makluman dan tindakan kanak-kanak semasa berada di dalam bilik darjah prasekolah. Berdasarkan Teori Perkembangan Piaget, kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan empat hingga enam tahun berkebolehan untuk menggambarkan sesuatu konsep menggunakan simbol atau bahasa. Apabila kanak-kanak mencapai usia empat tahun, perkembangan kognitif kanak-kanak semakin pesat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan boleh bertutur dengan fasih. Implikasi kajian terhadap teori ini ialah, teori ini telah dapat membuktikan bahawa guru prasekolah boleh menyediakan peraturan dan mempamerkan peraturan bagi menguruskan tingkah laku kanak-kanak walaupun kanak-kanak prasekolah dikatakan belum boleh membaca. Kanak-kanak berkebolehan dan memahami kehendak peraturan apabila guru menterjemahkan maksud peraturan dalam bentuk simbol yang sesuai dan mudah difahami oleh kanak-kanak.

Implikasi kajian ini terhadap Teori Pembelajaran Dewey yang mendasari kajian juga dilihat menyamai dan menyokong kandungan model yang dibangunkan iaitu pembelajaran adalah bersifat aktif, terlibat secara terus, berpusatkan murid dalam konteks pengalaman sosial. Begitu juga beberapa perkara yang menjadi fokus model merangkumi persekitaran pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah, perancangan dan pelaksanaan aktiviti PdP yang menekankan aspek perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak, perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak berlaku melalui interaksi kanak-kanak dengan guru, kanak-kanak dengan persekitaran dan kanak-kanak dengan bahan, serta kesan tingkah laku kanak-kanak terhadap pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak prasekolah. Implikasi kajian ini dilihat selaras dengan teori Howard Gardner seperti yang dibincangkan dalam bab 2 sebelum ini, menyatakan kecerdasan tidak boleh diwarisi semata-mata dan kecerdasan boleh dipengaruhi oleh budaya, persekitaran, peluang pendidikan, makanan, suasana pembelajaran dan lain-lain.

Teori-teori yang mendasari kajian pembangunan model ini dilihat telah memberikan implikasi dalam kajian ini. Fokus teori pembelajaran dan teori perkembangan seperti yang telah dibincangkan dalam bab 2 dilihat bertepatan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kandungan model yang dibangunkan. Bagi memenuhi keperluan guru prasekolah supaya model ini terus relevan dan dapat dijadikan panduan mengurus bilik darjah prasekolah, ciri-ciri pengurusan bilik darjah prasekolah pendidikan abad ke-21 telah dikaitkan dengan teori-teori yang mendasari kajian pembangunan model ini. Kajian pembangunan model ini telah dapat menggabungkan teori, model dan pendidikan abad ke 21 sehingga Model Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Pendidikan Abad Ke-21 dapat dibangunkan dan telah mendapat kesepakatan pakar serta hasil penilaian kebolehgunaan menunjukkan model yang dibangunkan ini sesuai dan boleh digunakan oleh guru prasekolah KPM.

5.4.3 Implikasi kajian terhadap Metodologi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa kaedah dalam metodologi kajian telah digunakan seperti kaedah temu bual, kaedah Fuzzy Delphi dan kaedah tinjauan. Implikasi terhadap penggunaan kaedah dalam metodologi kajian tersebut telah berupaya memberi impak terhadap pembangunan pengetahuan dalam bidang penyelidikan. Kajian ini telah melalui tiga fasa kajian iaitu sepanjang proses kajian ini dijalankan sehingga terbentuknya model pengurusan bilik darjah prasekolah yang merupakan sasaran dalam kajian ini. Pengkaji telah mengukuhkan pernyataan masalah yang dikenalpasti dengan mendapatkan keperluan guru menggunakan kaedah temu bual. Dalam fasa analisis keperluan, tujuan adalah untuk mendapatkan pandangan dan mentafsir pandangan responden kajian terhadap keperluan membangunkan model. Pengkaji menganalisis keperluan tersebut dalam fasa analisis keperluan untuk melihat keperluan kepada model pengurusan bilik darjah prasekolah yang dibangunkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kaedah kajian telah menyumbang kepada pertambahan pengetahuan kepada pengkaji melalui fasa berikutnya iaitu fasa rekabentuk dan membangunkan model. Suatu implikasi kaedah metodologi yang memberikan pengalaman dan telah menyumbang kepada pengetahuan dalam bidang kajian iaitu kajian yang melibatkan kumpulan panel pakar bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam membuat keputusan. Elemen dan dimensi utama yang terkandung dalam model yang telah dibangunkan dinilai untuk mendapatkan pengesahan oleh kumpulan panel pakar melalui kaedah Fuzzy Delphi.

Seterusnya, diikuti dengan fasa penilaian untuk mengenalpasti sejauhmana model yang dibangunkan sesuai dan boleh digunakan. Dalam hal ini, sekali lagi penilaian dan pandangan yang melibatkan kumpulan pakar diperlukan. Perkhidmatan pakar adalah terdiri daripada guru prasekolah yang juga sebagai jurulatih Utama dan Guru Cemerlang, tenaga pengajar dalam kalangan pensyarah dan pegawai pendidikan awal kanak-kanak dan juga dalam kalangan guru prasekolah sebagai pengguna model. Bagi memudahkan lagi penilaian, satu teknik yang sesuai dengan penilaian model diaplikasikan untuk mengembangkan serta menyumbangkan idea untuk memperolehi jawapan bagi persoalan tentang kebolehgunaan model yang dibangunkan. Teknik NGT yang telah diubahsuai merupakan satu lagi kaedah dalam metodologi kajian ini untuk menilai kebolehgunaan model berdasarkan persepsi dan pandangan responden dalam kalangan guru-guru prasekolah selaku pakar kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.4 Implikasi kajian terhadap Praktikal

Pengurusan bilik darjah mempunyai pengaruh langsung ke atas perkembangan kanak-kanak dan juga mempengaruhi pembelajaran kanak-kanak kerana keberkesanan pengurusan bilik darjah boleh merangsang kanak-kanak untuk belajar, mengurangkan masalah tingkah laku dan membolehkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa banyak gangguan dan seterusnya dapat mencapai objektif pelajaran yang telah ditetapkan oleh guru.

Sebagai seorang guru prasekolah, implikasi kajian terhadap guru tetap ada. Guru perlu bersedia dan memastikan diri mereka dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran mengurus bilik darjah. Hal ini kerana, kemahiran dan pengetahuan pengurusan bilik darjah akan dapat membantu guru melaksanakan aktiviti pengajaran dengan lebih mudah. Bilik darjah prasekolah yang diuruskan dengan baik oleh guru yang berpengetahuan dan berkemahiran akan dapat membantu proses perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak secara berkesan sepertimana yang diharapkan. Masa kanak-kanak sebahagiannya banyak dihabiskan ketika berada di bilik darjah prasekolah bersama-sama dengan guru melaksanakan aktiviti pembelajaran. Oleh itu, guru perlu memainkan peranannya sebagai seorang pembimbing dan bukan hanya berperanan untuk mengajar sahaja. Sebagai guru prasekolah, hendaklah memastikan peningkatan tahap perkembangan dan pembelajaan seperti yang diharapkan terhadap kemenjadian kanak-kanak semasa di bilik darjah prasekolah. Pengetahuan terhadap tahap perkembangan setiap anak murid seperti yang dibincangkan dalam teori perkembangan menjadi satu keperluan guru. Oleh itu, guru perlulah membuat pemilihan dan merancang aktiviti supaya selaras dengan pengetahuan dan pengalaman sedia ada dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga minat kanak-kanak. Dengan ini, akan dapat meningkatkan tahap kemahiran yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak dan juga membantu meningkatkan tahap perkembangan kanak-kanak.

Implikasi kajian terhadap guru sebagai perancang juga berlaku. Sebagai perancang, sebelum memulakan pengajarannya guru seharusnya mempunyai pengetahuan terhadap aspek yang perlu diketahui seperti kesediaan dari segi peralatan, bahan, susun atur perabot bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti dan tempat pengajaran iaitu bilik darjah. Guru perlu juga mengambilkira kesediaan kanak-kanak dalam menyediakan perancangan sebelum sesuatu aktiviti/program itu dilaksanakan. Sekiranya kesediaan kanak-kanak, peralatan dan bahan keperluan tidak diberi perhatian ianya mungkin akan menjejaskan pencapaian objektif yang ingin dicapai dalam proses pengajaran dan juga pembelajaran.

